




Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Malaysia Deposit Insurance Corporation

Laporan Tahunan 2009

Melindungi Deposit Anda



Muka depan menampilkan sebuah dusun dengan kanak-kanak mengumpul buah-buahan sambil bermain sesama sendiri di sekeliling pokok. Banyak masa dan keringat telah dicurahkan di dusun ini bagi memastikan kanak-kanak dapat menikmati hasil buah-buahan yang diusahakan oleh penjaga dusun. Dari tahun ke tahun, penjaga dusun bertungkus lumus untuk memastikan dusunnya tumbuh dengan subur agar kanak-kanak boleh terus menikmati hasil daripada usaha dan ketekunannya untuk generasi akan datang.

Sebagai penginsurans deposit nasional, PIDM berusaha dengan gigih bagaikan penjaga dusun ke arah menggalakkan kekukuhan dan kestabilan sistem kewangan Malaysia serta memberi jaminan kepada pendeposit bahawa simpanan mereka selamat. Diterajui budaya kecemerlangan dan profesionalisme, integriti, kebolehpercayaan dan pengelolaan kewangan yang berhemat, serta mengamalkan budaya hormat dan adil sepanjang masa, kami terus berusaha untuk memenuhi mandat kami dan mencapai visi kami untuk menjadi "Penginsurans deposit amalan terbaik".



Mandat Kami

Mandat berkanun kami adalah untuk:

- mentadbir sistem insurans deposit;
- menyediakan insurans terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit;
- menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang mantap dalam sistem kewangan; dan
- menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan di Malaysia; dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

Visi Kami

- Penginsurans deposit amalan terbaik

Misi Kami

- Kami akan melindungi deposit Islam dan konvensional, menyediakan insentif bagi memantapkan pengurusan risiko, serta menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan di Malaysia. Kami akan memenuhi mandat kami dengan cara yang efisien dan efektif bagi manfaat pendeposit, dengan mengambil kira kepentingan kakitangan dan pemegang kepentingan yang lain

Teras Strategik Kami

- Kecemerlangan operasi
- Keyakinan awam terhadap sistem kewangan

Objektif Korporat Kami

- Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat
- Perkongsian efektif
- Tadbir urus yang mantap
- Penilaian risiko, pemantauan dan keupayaan resolusi yang kukuh
- Amalan urusan dan kewangan yang mantap
- Tenaga kerja yang berpengetahuan dan cekap
- Persekitaran korporat yang kondusif

Nilai Korporat Kami

- Kecemerlangan dan Profesionalisme
- Hormat dan Adil
- Integriti dan Kebolehpercayaan
- Komunikasi dan Kerja Berpasukan
- Pengelolaan Kewangan yang Berhemat

KANDUNGAN

4 BAHAGIAN 1: PENGENALAN

- 6 Profil Korporat
- 8 Sekilas Pandang Tahun 2009
- 11 Lima Tahun dalam Imbasan
- 12 Ringkasan Kewangan
- 13 Masa Hadapan
- 15 Perutusan Pengerusi, Tan Sri Dato' Abdul Aziz Haji Taha
- 20 Lembaga Pengarah: Ahli dan Profil
- 22 Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif, Jean Pierre Sabourin
- 28 Carta Organisasi
- 32 Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif: Ahli dan Profil
- 35 Jawatankuasa Pengurusan yang Lain

36 BAHAGIAN 2: TADBIR URUS KORPORAT

- 38 Mengurus Risiko Kami
- 45 Penyataan Tadbir Urus
- 60 Penyataan Kawalan Dalaman

68 BAHAGIAN 3: PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

- 70 Persekitaran Operasi Kami
- 71 Kajian Semula Operasi dan Pencapaian Tahun 2009
- 80 Tinjauan Kewangan dan Analisis bagi Tahun 2009
- 89 Ringkasan Rancangan Korporat 2010 - 2012

92 BAHAGIAN 4: PENYATA KEWANGAN

- 94 Laporan Pengarah
- 97 Penyataan Pengarah
- 98 Akuan Berkanun
- 99 Laporan Ketua Audit Negara
- 100 Lembaran Imbangan
- 101 Penyata Pendapatan
- 102 Penyata Perubahan dalam Kumpulan Dana dan Rizab
- 103 Penyata Aliran Tunai
- 104 Dana Insurans Deposit Konvensional - Lembaran Imbangan
- 105 Dana Insurans Deposit Konvensional - Penyata Pendapatan
- 106 Dana Insurans Deposit Konvensional - Penyata Aliran Tunai
- 107 Dana Insurans Deposit Islam - Lembaran Imbangan
- 108 Dana Insurans Deposit Islam - Penyata Pendapatan
- 109 Dana Insurans Deposit Islam - Penyata Aliran Tunai
- 110 Nota kepada Penyata Kewangan

130 BAHAGIAN 5: TINJAUAN KEANGGOTAAN TAHUN 2009

136 BAHAGIAN 6: ARTIKEL

- 138 Pematuhan kepada Prinsip Teras bagi Sistem Insurans Deposit yang Efektif: Satu Penilaian Kendiri
- 156 Pengurusan Modal Insan di PIDM

160 BAHAGIAN 7: INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

172 BAHAGIAN 8: KALENDAR PERISTIWA

182 LAMPIRAN

- 184 Piagam Jawatankuasa Tadbir Urus
- 187 Piagam Jawatankuasa Ganjaran
- 189 Piagam Jawatankuasa Audit
- 195 Kad Skor Korporat 2010 - 2012
- 197 Ringkasan Polisi Utama yang Dilaksanakan pada Tahun 2009
- 198 Fakta mengenai Jaminan Deposit Kerajaan Sementara
- 199 Soalan Lazim mengenai Jaminan Deposit Kerajaan Sementara
- 201 Senarai Institusi Kewangan yang Dijamin Di Bawah Jaminan Deposit Kerajaan Sementara
- 202 Glosari Istilah
- 204 Butir-Butir Hubungan

Bahagian 1: Pengenalan



PENGENALAN

PROFIL KORPORAT



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) ialah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM). Sebagai sebahagian daripada sistem jaringan keselamatan kewangan nasional, kami mentadbir sistem insurans deposit dan melindungi pendeposit terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit mereka sekiranya berlaku kegagalan bank, menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang mantap dalam sistem kewangan, serta menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Institusi anggota kami terdiri daripada semua bank perdagangan (termasuk subsidiari bank asing yang diperbadankan dan beroperasi di Malaysia) yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 dan semua bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983, dengan keanggotaan sebanyak 39 bank pada akhir Disember 2009.

Sistem insurans deposit di Malaysia melindungi deposit Islam dan konvensional secara berasingan. Sistem ini dibiayai oleh premium tahunan yang dibayar oleh institusi anggota bagi deposit Islam dan konvensional, dengan dana diurus secara berasingan. Dana Insurans Deposit Islam diurus mengikut prinsip-prinsip Syariah.

PIDM melapor kepada Parlimen menerusi Menteri Kewangan dan ditadbir oleh tujuh ahli Lembaga Pengarah. Di peringkat antarabangsa, kami juga dikenali sebagai *Malaysia Deposit Insurance Corporation*.

PERLINDUNGAN DEPOSIT DAN JAMINAN DEPOSIT KERAJAAN SEMENTARA

Dalam situasi biasa, undang-undang menyediakan perlindungan insurans deposit yang jelas dan terhad berkaitan dengan kegagalan bank.

Pada tahun 2008, Jaminan Deposit Kerajaan diumumkan sebagai langkah berjaga-jaga bagi memelihara keyakinan awam dan mengekalkan kestabilan kewangan di Malaysia, sejajar dengan perkembangan dalam bidang kuasa lain. Jaminan Deposit Kerajaan berkuat kuasa sehingga akhir Disember 2010.

Sepanjang pelaksanaan Jaminan Deposit Kerajaan, perlindungan deposit adalah tidak terhad dan merangkumi jenis deposit yang biasanya tidak dilindungi, termasuk deposit mata wang asing. Selain deposit yang disimpan dengan bank perdagangan dan bank Islam, Jaminan Deposit Kerajaan juga dilanjutkan kepada deposit dalam Ringgit dan mata wang asing yang dipegang oleh 15 bank pelaburan, tiga bank Islam antarabangsa dan lima institusi kewangan pembangunan yang menerima deposit dan di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia (BNM).

Oleh sebab kami telah diamanahkan dengan tanggungjawab untuk mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan, skop tanggungjawab PIDM telah diperluaskan

semasa tempoh Jaminan Deposit Kerajaan. Selain bank perdagangan dan bank Islam, PIDM telah mengembangkan kuasa pengawalseliaan dan intervensi ke atas institusi kewangan yang dijamin dengan penguatkuasaan enakmen Insurans Penstabilan, dan akan terus memantau keadaan kukuh semua institusi ini bagi tujuan tersebut.

Sekiranya berlaku kegagalan institusi kewangan di bawah skop fungsi PIDM, PIDM akan bertindak dengan segera untuk membayar balik deposit kepada pendeposit dan mengambil langkah-langkah lain yang sewajarnya untuk menggalak dan mengekalkan keyakinan awam terhadap kestabilan sistem kewangan di Malaysia.

KESTABILAN SISTEM KEWANGAN

Dalam pelaksanaan tugas kami, kami bekerjasama rapat dengan BNM, yang merupakan pengawal atur dan pengawal selia utama. Hubungan kerja kami digariskan dalam Akta PIDM dan diperincikan dalam Perjanjian Perikatan Strategik. Perkongsian kami dengan BNM adalah amat penting dan memastikan pertukaran maklumat yang tepat pada masa mengenai institusi kewangan yang dijamin dan kerjasama dalam semua aspek penting aktiviti penilaian risiko dan pemantauan kami.

PIDM juga melengkapkan rangka kerja pengawalseliaan yang sedia ada dengan menyediakan insentif bagi bank untuk melaksanakan amalan pengurusan risiko yang mantap. Kami juga diberi kuasa untuk campur tangan dengan lebih awal bagi mengurangkan atau mengelakkan kerugian kepada sistem kewangan, dan kami dilengkapi dengan pelbagai instrumen perundangan untuk menangani bank yang bermasalah. Kuasa intervensi dan resolusi kegagalan bank membolehkan kami, antara lainnya, untuk memperoleh aset daripada bank atau menyediakan bantuan kewangan, mengikut kesesuaian. Sebaik sahaja sesebuah institusi anggota dikenal pasti oleh pengawal selia sebagai tidak lagi berdaya maju, kami boleh mengambil alih kawalan institusi tersebut atau mengambil tindakan seumpama yang lain bagi melaksanakan resolusi kos paling rendah, mengikut kesesuaian.

Komunikasi yang jelas bagi meningkatkan keyakinan awam terhadap sistem insurans deposit ialah kunci kepada kejayaan kami dalam menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. Justeru, kami melaksanakan inisiatif kesedaran dan pendidikan awam secara berterusan bagi meningkatkan tahap kesedaran dan pemahaman mengenai manfaat insurans deposit.

PENGENALAN

SEKILAS PANDANG TAHUN 2009



Pada tahun 2009, kami terus melaksanakan strategi modal insan kami, memantapkan aktiviti penilaian risiko dan pemantauan dan terus melaksanakan Projek Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank serta inisiatif lain bagi memastikan kesediaan operasi untuk memenuhi mandat kami. Kami terus menanda aras amalan kami kepada piawaian tadbir urus dan pengurusan paling tinggi bagi mengekalkan keyakinan awam terhadap PIDM dan mendemonstrasikan keupayaan kami untuk menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

SOROTAN PENCAPAIAN PADA TAHUN 2009

PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2009	
Perspektif Pemegang Kepentingan	<p>Amalan terbaik dalam tadbir urus korporat</p> <ul style="list-style-type: none"> Menetapkan hubungan pelaporan Ketua Pegawai Risiko terus kepada Lembaga Pengarah menerusi Jawatankuasa Audit Melaksanakan rancangan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah, bagi mengurus penggantian kepimpinan dengan perspektif jangka panjang Melaksanakan perancangan pengurusan penggantian bagi pengurusan kanan yang utama Mendokumenkan Program Orientasi Pengarah termasuk Panduan untuk Pengarah, dan memantapkan program pematuhan korporat Laporan Tahunan 2008 kami memenangi anugerah "Laporan Tahunan Terbaik" dalam kategori Organisasi Bukan Senaraian Awam di bawah Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan
	<p>Komunikasi dengan pemegang kepentingan</p> <ul style="list-style-type: none"> Meneruskan pelaksanaan Rancangan Komunikasi Bersepadu, termasuk pengiklanan semasa tahun ini menerusi pelbagai media seperti televisyen, radio dan media cetak, serta mendidik pemegang kepentingan kami menerusi aktiviti awam Mengadakan Dialog Tahunan dengan institusi anggota dan pemegang kepentingan yang lain, bersempena dengan penerbitan Laporan Tahunan 2008 kami Mengadakan Program Capaian Korporat tahunan di Kuching, Sarawak
	<p>Hubungan pemegang kepentingan</p> <ul style="list-style-type: none"> Meneruskan hubungan kerja yang baik dengan BNM, termasuk kerjasama dalam bidang-bidang utama, termasuk strategi peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan dan metodologi intervensi dan resolusi kegagalan bank Meneruskan hubungan kerja yang efektif dengan institusi anggota kami dan institusi kewangan lain yang dijamin, menerusi komunikasi dan perundingan secara tetap Meneruskan aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat
Perspektif Kewangan	<p>Hubungan antarabangsa</p> <ul style="list-style-type: none"> Memainkan peranan aktif dalam forum antarabangsa sebagai peserta, penganjur dan tuan rumah bagi sejumlah 14 acara. Juga menyertai dan menganjurkan enam acara domestik termasuk seminar, latihan, mesyuarat perkongsian pengetahuan dan taklimat Dicalonkan pada tahun 2009 buat kali kedua berturut-turut bagi anugerah "Penginsurans Deposit Terbaik" oleh Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (<i>International Association of Deposit Insurers - IADI</i>)
	<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan semua inisiatif utama bagi tahun ini di bawah bajet yang diluluskan mengikut Rancangan Korporat kami

PENGENALAN

SEKILAS PANDANG TAHUN 2009

PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2009	
Perspektif Proses Dalam	<p>Kecekapan dalaman</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan proses pengesahan luaran bagi Penyata Jumlah Deposit yang Diinsuranskan yang disediakan oleh institusi anggota • Meneruskan penilaian dan pemantauan institusi anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin • Memulakan pembangunan proses, polisi dan prosedur yang terperinci bagi menyokong aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan bank • Membangunkan Rancangan Kesenambungan Urusan dan Rancangan Pengurusan Penyakit Berjangkit dan Jerebu bagi memastikan kesinambungan urusan kami <p>Peningkatan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menjalankan kajian semula dan penilaian sendiri terhadap amalan kami, termasuk keberkesanan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi, serta mengendalikan penilaian keselamatan Teknologi Maklumat dan ujian penetrasi • Melaksanakan Polisi Pendedahan Maklumat dan Polisi Klasifikasi Maklumat <p>Memanfaatkan Teknologi Maklumat (IT)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyempurnakan kedua-dua aktiviti strategik dan operasi serta aktiviti-aktiviti yang digariskan dalam Rancangan Strategik Teknologi Maklumat 2009, termasuk penaiktarafan korporat infrastruktur IT operasi kami serta peningkatan rangkaian dan infrastruktur keselamatan kami • Meneruskan pembangunan sistem operasi teras kami, termasuk pelaksanaan Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit dan Sistem Pengurusan Sokongan Pendeposit • Menyempurnakan fasa pertama Sistem Maklumat Sumber Manusia yang melibatkan automasi proses-proses berkaitan pengurusan sumber manusia di seluruh organisasi
Perspektif Pembelajaran dan Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> • Terus melaksanakan program latihan kami, secara dalaman dan latihan di luar • Meneruskan usaha kami untuk mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif, dan mengatasi sasaran indeks kepuasan kakitangan kami pada 79% (sasaran 75%)

PENGENALAN


LIMA TAHUN DALAM IMBASAN

	Sept - Dis 2005	2006	2007	2008	Jaminan Deposit Kerajaan	2009					
TADBIR URUS	Akta PIDM	Visi, Misi dan Nilai-Nilai Korporat PIDM	Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah	Sesi Pendidikan dan Program Orientasi Lembaga Pengarah							
	Tadbir Urus Lembaga Pengarah	Lembaga Pengarah Jawatankuasa Lembaga Pengarah - Tadbir Urus, Audit dan Ganjaran	Undang-Undang Kecil Korporat Kod Tata Laku dan Etika Urusan Kod Konflik Kepentingan	Rancangan Pengurusan Penggantian Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif							
	Penerbitan dan pencapaian	Penerbitan Laporan Tahunan dan Rancangan Korporat tiga tahun		Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan oleh Jabatan Audit Negara	Pematuhan penuh kesemua 15 pawaian dalam Polisi Tadbir Urus Lembaga						
	Pengurusan Risiko Organisasi		Seminar Pengurusan Risiko Organisasi	Proses pembentukan asas dan tadbir urus Pengurusan Risiko Organisasi	Polisi dan amalan Pengurusan Risiko Organisasi	Plagam Pengurusan Risiko Organisasi	Rangka Kerja Penilaian Keberkesanan Pengurusan Risiko Organisasi				
	Audit dan Kawalan Dalaman		Piagam Audit dan Khidmat Perundingan	Penilaian dan kajian semula risiko secara berterusan							
	Jawatankuasa Pengurusan	Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif	Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti Jawatankuasa Pengemudi IT	Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi	Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan						
	Tanggungjawab Sosial Korporat		Polisi dan Rangka Kerja Tanggungjawab Sosial Korporat	Rangka Kerja Pematuhan Korporat		Jawatankuasa Pematuhan Korporat					
				Aktiviti Pengumpulan Derma Tanggungjawab Sosial Korporat, Program Pendidikan		Rangka kerja program biasiswa					
KESEDIAAN OPERASI	Penilaian Risiko dan Pemantauan		Rangka Kerja Sistem Premium Berbeza		Peralihan pada tahun pertama pelaksanaan Sistem Premium Berbeza	Sistem Premium Berbeza berkuat kuasa sepenuhnya	Proses pengesahan luaran bagi Penyata Jumlah Deposit yang Diinsuranskan				
	Polisi dan Peraturan		Kepertluan Pendedahan bagi Akaun Amanah dan Akaun Bersama, Garis Panduan Jumlah Deposit yang Diinsuranskan	Polisi Gangguan di Tempat Kerja	Peraturan bagi Sistem Premium Berbeza, Peraturan bagi Terma dan Syarat Keanggotaan, Pengecualian di bawah Seksyen 80(h) Peraturan PIDM, Garis Panduan Penyata Jumlah Deposit yang Diinsuranskan	Polisi Klasifikasi Maklumat, Polisi Pendedahan Awam Maklumat	Peruntukan Insurans Penstabilan				
	Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank			Rangka Kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank		Proses, polisi dan prosedur Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank					
	Infrastruktur dan Sistem Teknologi Maklumat (IT)		Sistem perakaunan yang komprehensif	Pusat Data IT	Peningkatan Infrastruktur IT	Peningkatan sistem pemantauan dan pelaporan bajet	Sistem Penilaian Risiko	Fasa 1 Sistem Maklumat Sumber Manusia	Peningkatan Infrastruktur Rangkaian IT	Perisian anti-virus dan anti-spam	Penaiktarafan korporat operasi infrastruktur IT
	Operasi dan Pentadbiran		Rangka Kerja Tadbir Urus IT	Perpindahan pejabat ke Kuala Lumpur Sentral	Garis Panduan Pengurusan Kontrak		Rancangan Kesenambungan Urusan, Rancangan Pemulihan Bencana		Rangka Kerja Dana Sasaran dan Peruntukan Kerugian		
	Modal Insan		Pengecualian Cukai	Polisi Pemerolehan, Kontrak dan Penyumberan Luar	Rangka Kerja Pengurusan Strategik dan Pelaporan Korporat	Polisi pentadbiran operasi, kewangan dan pejabat	Rancangan Pengurusan Penyakit Berjangkit dan Jerebu		Rangka Kerja Pengurusan Rekod dan Klasifikasi Maklumat		
	Perkongsian dan Hubungan Antarabangsa		Polisi Modal Insan	Ganjaran dan Manfaat	Polisi Pengurusan Prestasi	Pengurusan Modal Insan	Model Kecekapan	Perancangan dan Pengurusan Penggantian	Pembelajaran dan Pembangunan	Ganjaran dan Pengiktirafan	
					Mekanisme maklum balas 360-darjah, kaji selidik kepuasan kerja kakitangan dan Program Sokongan Kakitangan			Program Kesihatan dan Keselamatan Organisasi			
		Perjanjian Perikatan Strategik dengan BNM		Pangkalan rakan kongsi strategik yang kukuh	Pencalonan Anugerah "Penginsurans Deposit Terbaik"	Dilantik sebagai ahli EXCO IADI	Menerajui dan memperkerusikan penubuhan Kumpulan Insurans Deposit Islam IADI	Pencalonan Anugerah "Penginsurans Deposit Terbaik"	Seminar: PIDM – SEACEN, Bengkel Kerja IMF, Perbankan Islam, Pengurusan Tuntutan	Mesyuarat Tiga Pihak dengan penginsurans deposit serantau	
		Menjadi tuan rumah Mesyuarat EXCO Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (IADI)		Menjadi tuan rumah bagi Persidangan Tahunan IADI Ke-6							
KESEDARAN AWAM	Komunikasi dan Hal Ehwal Awam	Pusat Panggilan	Latihan mengenal insurans deposit dan PIDM kepada institusi anggota		MyFEX	Peraduan "PIDM dan Anda"					
		Laman Web	Perkongsian dengan Bank Negara Malaysia, institusi anggota serta pelbagai agensi dan persatuan untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai insurans deposit				Maklumat Jaminan Deposit Kerajaan terkini dalam brosur, pengiklanan, latihan (dilanjutkan kepada Institusi Kewangan Lain yang Dijamin) dan taklimat				
		Tanda keanggotaan (Decal), brosur dan buku panduan	Taklimat, jerayawara, pameran	Minggu Kesedaran Insurans Deposit dan Program Capaian Korporat		Memulakan perancangan bagi peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan					
		Polisi Komunikasi	Rancangan Komunikasi Bersepadu 2007 - 2011: Kempen pengiklanan, program perhubungan awam dan program interaksi dengan pemegang kepentingan								


PENGENALAN

RINGKASAN KEWANGAN: PRESTASI LIMA TAHUN PIDM


PENDAPATAN PREMIUM




PENDAPATAN PELABURAN




KOS OPERASI




LEBIHAN BERSIH




ASET




DANA INSURANS DEPOSIT



JUMLAH DEPOSIT DIINSURANSKAN



JUMLAH DEPOSIT



BAGI TAHUN YANG BERAKHIR 31 DISEMBER	2009	2008	2007	2006	2005*
BUTIRAN PENYATA PENDAPATAN TERPILIH (RM Juta)					
Pendapatan Premium	131.8	90.0	110.1	102.1	35.6
Konvensional	109.2	76.0	98.5	92.7	32.3
Islam	22.6	14.0	11.6	9.4	3.3
Pendapatan Pelaburan	7.6	8.5	5.8	2.8	0.2
Konvensional	6.7	7.5	5.2	2.6	0.2
Islam	0.9	1.0	0.6	0.2	0.0
Perbelanjaan Operasi	44.9	34.5	27.1	15.0	3.3
Lebihan Bersih	94.5	64.0	88.8	89.9	32.5
BUTIRAN LEMBARAN IMBANGAN TERPILIH (RM Juta)					
Jumlah Aset	375.9	276.8	215.1	127.0	33.1
Jumlah Liabiliti	6.0	1.5	3.8	4.5	0.6
Kumpulan Dana Insurans Deposit	369.9	275.3	211.3	122.5	32.5
Konvensional	320.9	243.0	190.4	111.2	29.5
Islam	49.0	32.3	20.9	11.3	3.0
Jumlah Kumpulan Dana Insurans Deposit dan Liabiliti	375.9	276.8	215.1	127.0	33.1
BAGI TAHUN TAKSIRAN	2009	2008	2007	2006	2005
Jumlah Deposit Diinsuranskan (RM Bilion)**	201.5	191.0	178.8	165.2	165.3
Kadar Peningkatan Deposit Diinsuranskan (%)	5.5%	6.8%	8.2%	-	
Jumlah Deposit (RM Bilion)**	900.9	822.0	769.6	662.0	640.8
Kadar Peningkatan Deposit (%)	9.6%	6.8%	16.3%	3.3%	

Nota:

* Tempoh kewangan 2005 meliputi tempoh empat bulan beroperasi yang berakhir pada 31 Disember 2005.

** Jumlah Deposit Diinsuranskan dan Jumlah Deposit bagi tahun taksiran 2009 merujuk kepada kedudukan deposit pada 31 Disember 2008 kerana penilaian premium tahunan adalah berasaskan jumlah deposit yang dipegang oleh institusi-institusi anggota pada 31 Disember tahun sebelumnya.

PENGENALAN

MASA HADAPAN

- Rancangan Korporat 2010 - 2012 menggariskan hala tuju strategik, fokus dan keutamaan kami untuk memenuhi mandat kami secara efektif dan berusaha ke arah mencapai visi kami.
- Fokus kami bagi tempoh perancangan termasuk meneruskan peningkatan kesediaan operasi dari segi polisi, proses, sistem dan infrastruktur, khususnya, dalam pembangunan modal insan teras kami agar kami lebih cekap dan berkesan dalam semua aspek kerja. Bagi memastikan kami ditadbir dan diurus dengan baik, kami akan terus mengguna pakai dan menggalakkan amalan tadbir urus dan pengurusan yang terbaik, dan meneruskan usaha untuk memastikan pemegang kepentingan kami terdidik dan bermaklumat mengenai sistem insurans deposit.





PERUTUSAN PENGERUSI

TAN SRI DATO' ABDUL AZIZ HAJI TAHA

Kenyataan bahawa banyak peristiwa yang telah berlaku dalam ekonomi dunia sejak dua tahun yang berlalu tidak mencerminkan keadaan sebenar sepenuhnya. Perubahan yang berlaku lebih mendadak dengan kesan yang lebih meluas daripada yang dijangkakan oleh pelbagai pihak. Mengimbas semula tahun 2009, perhatian kami terus tertumpu kepada perubahan besar dalam ekonomi global. Tahun ini bermula dengan jangkaan situasi yang paling mudarat, dan berhala tuju ke arah pemulihan awal, namun kadangkala tergendala disebabkan kebimbangan terhadap situasi negara-negara yang menanggung hutang yang besar. Sepanjang tempoh ini, kita menyaksikan perbincangan yang hangat mengenai peraturan kewangan global dan pelbagai cadangan mengenai tadbir urus korporat dan pengurusan risiko.

Di Malaysia, seperti negara-negara serantau yang lain, penggubal polisi dan pengawal selia memantau dengan rapi kesan limpahan daripada persekitaran global ke atas ekonomi sebenar kita dan kemungkinan kesannya ke atas institusi anggota. Jaminan perlindungan sementara Kerajaan dikekalkan tanpa sebarang peristiwa luar jangka. Kami sukacita melaporkan keteguhan institusi anggota kami dan memerhatikan beberapa petanda positif dalam ekonomi pada masa hadapan.

Pada masa yang sama, kami mengambil lebih perhatian terhadap keperluan menilai risiko kami secara luas sistem dan bukan sahaja memerhatikan kegagalan institusi anggota yang terpencil semata-mata, tetapi juga kesan perubahan persekitaran kepada kekuatan sistem kewangan kita, dan mengenal pasti penyelesaian bagi meminimumkan risiko ini. Pengalaman global mengingatkan kita akan keperluan bagi hala tuju yang lebih meluas buat jangka lebih panjang dan keperluan sistem kewangan kita.

Peristiwa yang berlaku dalam dunia kewangan global telah menarik perhatian penggubal polisi dan komuniti perbankan di Malaysia. Kenyataan bahawa sistem kewangan global telah mengalami kegagalan tidak lagi menjadi persoalan, tetapi sistem ini memerlukan pemulihan. Tetapi apa maknanya ini kepada kita di Malaysia? Dan apakah pengajaran yang boleh kami peroleh sebagai penginsurans deposit?

PERATURAN KEWANGAN

Secara global, tidak sukar untuk menjangkakan kemungkinan perubahan dalam peraturan modal yang akan berlaku. Kita akan melihat lebih banyak ujian berasaskan senario ke atas risiko kredit, pasaran dan kecairan, bagi mencapai penilaian yang berpandangan jauh terhadap keupayaan peserta untuk berdaya tahan di tengah-tengah kejutan makro kewangan yang negatif dan ketara. Kita juga akan memerhatikan pengawalseliaan kedudukan kecairan bank yang lebih ketat menerusi keperluan ujian tekanan. Kita boleh menjangkakan lebih banyak lagi peraturan kewangan global yang akan bercanggahan dengan pemikiran sebelum ini bahawa pengawasan pasaran lebih baik dibiarkan berlaku dengan sendirinya.

Di Malaysia, pendekatan pengawalseliaan berjaya menunjukkan daya tahan buat masa yang lama, dan berjaya menangani perubahan yang berlaku secara mendadak. Bank Negara Malaysia telah lama mewajibkan ujian tekanan dan "Rangka Kerja Kecairan Baharu" - yang dibentuk sejak tahun 1998 - telah membantu memastikan penimbal kecairan bank. Perundangan perbankan pusat baru-baru ini juga telah memantapkan keupayaan Bank Negara Malaysia untuk menangani institusi yang penting secara sistemik dan pindaan perundangan kami baru-baru ini mengukuhkan reka bentuk jaringan

PENGENALAN

PERUTUSAN PENERUSI

keselamatan kewangan Malaysia, bagi membolehkan pemeliharaan keyakinan awam dalam keadaan yang luar biasa.

Pada masa yang sama, dalam dunia yang saling berkait kami juga perlu berwaspada dengan pendedahan sektor-sektor utama yang mendapat pinjaman daripada institusi kewangan kami dan memperluaskan pemahaman risiko kami. Pada tahun 2009, kami mempertingkatkan usaha penilaian dan pemantauan bagi semua institusi kewangan yang dijamin; kami mengumpul maklumat mengenai sektor industri utama; dan kami memulakan pembangunan sistem amaran awal kami, yang akan dilanjutkan ke tempoh perancangan yang seterusnya.

TADBIR URUS KORPORAT

Mengikuti suatu pemerhatian yang luar biasa, dalam tempoh yang singkat sejak Februari 2009, tidak kurang daripada lima kertas perundangan utama dan laporan mengenai tadbir urus korporat telah diterbitkan di United Kingdom (UK)¹. Pada November 2009, Kerajaan UK juga memperkenalkan satu Rang Undang-Undang baharu kepada Parlimen, yang mengandungi pelbagai langkah untuk menyokong tadbir urus korporat yang lebih mantap. Jika diluluskan, undang-undang ini akan menyediakan lebih banyak hak kepada pengguna, termasuk keupayaan untuk mengambil tindakan kolektif terhadap institusi kewangan yang gagal dalam amalan urus tadbir korporatnya.

Di Amerika Syarikat yang mana tuntutan mahkamah derivatif dan tindakan kumpulan sekuriti dibenarkan, limpahan litigasi bermula pada awal ketika krisis mula terdedah. Banyak dakwaan telah dibuat terhadap pengarah dan pegawai institusi kewangan kerana melanggar tanggungjawab fidusiar dan kecuai dalam penyeliaan amalan pemberian pinjaman. Perdebatan mengenai cadangan Agensi Perlindungan Kewangan Pengguna bebas yang baharu bagi produk dan perkhidmatan kewangan pengguna menjadi semakin rancak. Kami menunggu keputusannya dan cadangan lain yang lebih baik lagi.

Ingatan kesedaran kepada pengarah dan pegawai-pegawai institusi kewangan kini lebih jelas. Hari ini, terdapat harapan lebih tinggi daripada pengarah institusi kewangan, dan masyarakat menghendaki mereka menunjukkan komitmen yang lebih tinggi kepada peranan dan tanggungjawab serta memahami dengan lebih mendalam kerumitan perniagaan mereka dan risiko berkaitan.

Di Malaysia, pasaran kita mula diliberalisasikan, dan bank-bank telah mula mengembang operasi ke luar negara. Struktur bank akan menjadi lebih kompleks, lebih global dan

persaingan pasti akan menjadi lebih sengit. Meskipun kita berharap dapat mempelajari daripada pengalaman yang lain, kita perlu ingat bahawa tempoh lonjakan ekonomi dan keuntungan merupakan masa "pemikiran kumpulan" yang kolektif, boleh membawa kepada kesan yang lebih besar ke atas lebih ramai orang dalam masyarakat berbanding dengan pemegang saham sahaja.

Dalam konteks ini, apakah peranan kami sebagai pengawalselia? Di Malaysia, seperti banyak negara Asia lain yang mempunyai struktur pemegang saham bertumpu, mekanisme disiplin pasaran masih baharu. Pengalaman yang lain baru-baru ini menunjukkan batasan ke atas aktiviti pemegang saham, termasuk di negara-negara dengan pemegang saham korporat dan tindakan kumpulan yang tidak tertumpu.

Tanpa persekitaran disiplin pasaran yang efektif, penggubal dasar dan pengawal selia di Malaysia harus memainkan peranan utama dalam aspek ini. Dalam konteks ini, peranan kami adalah seperti berikut:

- (a) Pertamanya, seperti yang dimandatkan oleh undang-undang, kami perlu menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang mantap dalam sistem kewangan. Justeru, kami telah melaksanakan Sistem Premium Berbeza, yang menggalakkan institusi anggota beroperasi secara mantap dan berhemat serta menangani risiko dengan berkesan.
- (b) Keduanya, pengarah dan pegawai institusi kewangan perlu memahami peranan dan tanggungjawab serta perniagaan mereka. Bermula pada tahun 2008 dan sepanjang tahun 2009, kami terlibat dalam pendidikan pengarah institusi kewangan. PIDM dan Bank Negara Malaysia bekerjasama melaksanakan Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (*Financial Institutions Directors' Education Programme - FIDE*) yang menumpu kepada tadbir urus korporat dalam institusi kewangan.

Objektif inisiatif ini disasarkan untuk mengukuhkan kepentingan pengurusan risiko yang mantap, dan akhirnya, membangunkan satu golongan pengarah yang berdaya tahan terhadap jenis "pemikiran kumpulan" dalam institusi kewangan yang, dalam sesetengah ekonomi, telah mencetuskan masalah yang amat besar.

TUGAS KAMI DAN PROSPEK MASA HADAPAN

Urusan kami juga melibatkan risiko. Sudah tentunya, kami merancang mengikut keutamaan yang diperlukan untuk mengurangkan risiko paling besar kami. Ini bermakna, selain

penilaian risiko dan pemantauan institusi kewangan yang dijamin, kami harus terus memantau perubahan dalam persekitaran kita, serta memberi respon kepada pemegang kepentingan kami sekiranya diperlukan.

Mengikuti ciri-ciri kebiasaan pasaran kewangan yang menjalankan fungsi-fungsi penting iaitu menguruskan risiko, memperuntukkan modal dan mengelolakan simpanan, peraturan akan terus menjadi aspek yang kritikal. Sebagai pengawal selia, kami juga akan terus memantau perkembangan global dalam bahagian peraturan modal, kecairan, derivatif dan yang lain-lain, termasuk mekanisma bantuan atau pembubaran institusi kewangan yang besar dan rumit, serta membendung aktiviti paling berisiko dalam bank-bank perdagangan.

Kami juga akan meneruskan usaha kami untuk mempertingkatkan tahap prestasi institusi kewangan, dengan memastikan tanggungjawab pengurusan institusi kewangan kami diamanahkan kepada pengelola yang memahami dan menerima tanggungjawab bagi institusi yang dipimpin, dan meneroka lebih banyak cara untuk menggalakkan pengurusan risiko yang mampan.

Bagaimanapun, keselamatan dalam sistem kewangan tidak akan dapat dijamin sepenuhnya meskipun terdapat segala peraturan dan usaha. Institusi kewangan boleh gagal dan sememangnya ada yang telah gagal. Sebagai sebuah penginsurans deposit, kami perlu mempunyai rangka kerja institusi dan perundangan yang mentadbir amaran awal dan intervensi, serta bersedia untuk mengambil tindakan dengan serta-merta dan tegas sebaik sahaja daya maju sesebuah institusi mula diragui.

Memandangkan keperluan ini, kesediaan telah menjadi tumpuan inisiatif kami bagi tempoh perancangan tahun 2009 hingga tahun 2011. Seperti yang telah kita perhatikan, kegagalan institusi boleh berlaku secara tiba-tiba dan membawa kerugian yang besar, sekiranya tidak ditangani dengan segera. Pada tahun 2009, kami melaksanakan banyak inisiatif membina kesediaan, termasuk pemeriksaan rapi perundangan dan pembangunan dokumentasi dan infrastruktur bagi membolehkan tindakan yang pantas dan berkesan sekiranya berlaku kegagalan institusi. Banyak inisiatif lain turut dilaksanakan bagi memastikan kesediaan kami, seperti yang diperincikan dalam perutusan oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan laporan tahunan kami.

Pada masa hadapan, kami merancang untuk memberi penekanan kepada tindakan segera, termasuk menjalankan simulasi bagi menilai kapasiti dan keberkesanan berterusan untuk memenuhi mandat kami. Pada masa yang sama, kami juga akan meneruskan usaha bagi mengukuhkan asas kami – kakitangan, infrastruktur dan proses kami – dengan sasaran keberkesanan jangka panjang.


KESIMPULAN

Dengan menumpukan usaha terutamanya kepada kakitangan kami bagi mempertingkatkan kemahiran, kecekapan dan kesediaan mereka, serta dengan bekerjasama dengan peserta jaringan keselamatan dan rakan kongsi strategik kami, saya yakin kami boleh mencapai kejayaan yang besar dalam usaha ini, yang akan memanfaatkan sistem kewangan dan masyarakat sejagat bagi tempoh jangka masa panjang.

Sebelum mengakhiri perutusan ini, izinkan saya mengalu-alukan ahli Lembaga Pengarah sektor swasta baharu kami, Encik David Dass, yang menyertai Lembaga Pengarah pada tahun 2009. Saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada rakan setugas saya dalam Lembaga Pengarah atas kebijaksanaan, bimbingan dan kesediaan mereka untuk berkhidmat demi manfaat awam – komitmen dan sumbangan mereka adalah amat berharga. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan sejawat kami daripada *Deposit Protection Agency of Thailand* dan Lembaga Penjamin Simpanan Indonesia, atas kunjungan mereka ke Kuala Lumpur untuk mengadakan sesi perkongsian maklumat antara tiga penginsurans deposit serantau. Saya berharap dapat mengadakan lebih banyak pertemuan dengan rakan sejawat yang sama.

Akhir sekali, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada kumpulan pengurusan dan kakitangan bermotivasi tinggi, yang dipimpin oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Jean Pierre Sabourin, yang berkebolehan tinggi. Semuanya harus diberi pujian atas ketabahan, dedikasi dan kesungguhan mereka.

Saya akan mengakhiri perutusan ini dengan petikan kata daripada Sir Winston Churchill, sebagai kesimpulan falsafah saya ke arah memenuhi matlamat kita dengan jayanya – "semakin jauh kita dapat melihat ke belakang, semakin jauh kita akan dapat melihat ke hadapan". Usaha kita pada hari ini harus berdasarkan pelajaran daripada pengalaman yang lalu, dan tindakan kita perlu diiringi dengan wawasan masa hadapan yang jelas.



TAN SRI DATO' ABDUL AZIZ HAJI TAHA

¹ Ini termasuk perundangan (16 Julai 2009) dan cadangan akhir *Walker Review of Corporate Governance of UK Banking Industry* (26 November 2009), satu kajian selidik *International Institute of Chartered Secretaries and Administrators* mengenai 'Boardroom Behaviours' (Jun 2009), satu laporan oleh *Financial Reporting Council* mengenai hasil kajian semula kesan dan keberkesanan *Combined Code* (Disember 2009), dan yang paling terkini, satu kertas perundangan daripada *Financial Services Authority* (28 Januari 2010) bertajuk 'Effective Corporate Governance'.

PENGENALAN

LEMBAGA PENGARAH

Dari kiri ke kanan:

Encik George Anthony David Dass
Tan Sri Dato' Sri Dr. Sulaiman Mahbob
Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Tan Sri Dato' Abdul Aziz Haji Taha
Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias
Encik Michael Wong Kuan Lee



PENGENALAN

LEMBAGA PENGARAH: AHLI DAN PROFIL

TAN SRI DATO' ABDUL AZIZ HAJI TAHA

Pengerusi

Tan Sri Dato' Abdul Aziz Haji Taha dilantik menyertai Lembaga Pengarah PIDM pada 15 Ogos 2005 sebagai Pengerusi, dan tempoh pelantikannya dilanjutkan sehingga 14 Ogos 2011.

Sebagai seorang Akauntan Bertauliah, beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang perbankan dan kewangan. Beliau pernah memegang pelbagai jawatan dalam sektor awam dan swasta. Beliau berkhidmat selama 16 tahun di Bank Negara Malaysia dan merupakan Gabenor Bank Negara Malaysia dari tahun 1980 hingga 1985. Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Terbitan Modal dan rakan kongsi Tetuan Kassim Chan & Co/Deloitte Haskins & Sells Malaysia. Beliau pernah menjadi ahli Jawatankuasa Pelaburan Asing, Majlis Perancangan Pembangunan Kebangsaan, Panel Pelaburan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Panel Pelaburan Lembaga Tabung Haji. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pengarah Malaysian Industrial Development Finance Berhad dan Perbadanan Nasional Berhad.

TAN SRI DATO' SRI DR. ZETI AKHTAR AZIZ

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz, Gabenor Bank Negara Malaysia, merupakan seorang daripada dua ahli *ex-officio* Lembaga Pengarah.

Beliau berkhidmat dengan Bank Negara Malaysia sejak tahun 1985, dan kerjaya beliau meliputi beberapa jawatan tinggi dalam polisi monetari dan kewangan serta pengurusan rizab. Dr. Zeti menerajui penggubalan Pelan Induk Sektor Kewangan, rancangan selama 10 tahun bagi pembangunan sistem kewangan Malaysia. Sebagai Gabenor, beliau turut menyelia transformasi sistem kewangan, yang melibatkan pembaharuan kewangan yang meluas, penubuhan institusi kewangan baharu, pengukuhan pasaran kewangan dan peralihan kepada apungan terurus kadar pertukaran Ringgit. Beliau juga memainkan peranan yang aktif dalam pembangunan kewangan Islam antarabangsa dan kerjasama kewangan serantau.

Dalam bidang kewangan Islam, Dr. Zeti memainkan peranan aktif dalam pembangunan sistem kewangan Islam di peringkat domestik dan antarabangsa. Beliau mempengerusikan Jawatankuasa Pengemudi bagi penubuhan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (*Islamic Financial Services Board* - IFSB) dan berkhidmat sebagai Pengerusi Majlis IFSB bagi penggal tahun 2007. Pada masa ini, Dr. Zeti ialah Pengerusi pasukan tugas khas antarabangsa bagi Kewangan Islam dan Kestabilan Kewangan Global serta pasukan tugas khas bagi Pengurusan Kecairan untuk membangunkan mekanisme peningkatan kecekapan institusi kewangan Islam dalam pengurusan kecairan di peringkat domestik dan antarabangsa.

Dalam menggalakkan inisiatif integrasi serantau, Dr. Zeti mempengerusi Mesyuarat Eksekutif Pasukan Petugas Khas Bank-Bank Pusat Asia Pasifik Timur (*East Asia-Pacific Central Banks* - EMEAP) berkenaan 'Kerjasama Serantau di kalangan Bank Pusat di Asia' untuk merangka pelan tindakan bagi kerjasama kewangan masa hadapan di rantau ini. Beliau juga merupakan ahli Kumpulan Tadbir Urus Bank Pusat di bawah Bank for International Settlements (BIS) sejak tahun 2001. Dr. Zeti merupakan salah seorang ahli pengasas Majlis Konsultatif Asia BIS dan pada masa ini, merupakan Pengerusi Majlis itu. Dr. Zeti juga pernah berkhidmat sebagai ahli Suruhanjaya Pakar Pembaharuan Sistem Monetari dan Kewangan Antarabangsa di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, iaitu sebuah pasukan tugas khas peringkat tinggi yang ditubuhkan untuk membuat pengesyoran berkenaan pembaharuan sistem kewangan global.

Dr. Zeti menerima Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) daripada Universiti Malaya dan Ijazah Doktor Falsafah daripada University of Pennsylvania.

TAN SRI DATO' SRI DR. WAN ABDUL AZIZ WAN ABDULLAH

Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah dilantik sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan sejak 28 Februari 2007 dan memegang jawatan *ex-officio* dalam Lembaga Pengarah PIDM.

Beliau mempunyai pengalaman lebih 35 tahun dalam sektor awam, terutamanya dalam bidang perancangan ekonomi dan pengurusan kewangan. Beliau memulakan kerjaya di Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1975, menyandang pelbagai jawatan dalam bidang ekonomi makro, sumber manusia dan sektor tenaga. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif Silih Ganti bagi Kumpulan Bank Dunia di Washington DC, yang mana beliau mewakili beberapa negara Asia. Beliau kemudiannya kembali ke Malaysia dan berkhidmat di Kementerian Kewangan, dan pada tahun 2007 dilantik sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

Pada masa ini, beliau merupakan ahli lembaga pengarah di organisasi-organisasi seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Malaysia Airlines System Berhad, Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS), MISC Berhad, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Lembaga Hasil Dalam Negeri, Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd., Cyberview Sdn. Bhd., Pembinaan BLT Sdn. Bhd., Bank Negara Malaysia dan Bintulu Port Holdings Bhd. Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz menerima Ijazah Doktor Falsafah dalam jurusan Ekonomi daripada University of Leeds, United Kingdom.

TAN SRI DATO' SRI DR. SULAIMAN MAHBOB

Tan Sri Dato' Sri Dr. Sulaiman Mahbob dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PIDM sejak 15 Ogos 2005 dan tempoh pelantikannya dilanjutkan sehingga 14 Ogos 2010.

Tan Sri Dato' Sri Dr. Sulaiman bin Mahbob pernah berkhidmat sebagai Ketua Pengarah Unit Perancangan Ekonomi (UPE) di Jabatan Perdana Menteri. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang perancangan ekonomi, kewangan awam, polisi awam dan pengurusan ekonomi nasional. Beliau berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia selama 33 tahun, dari tahun 1971 hingga 2004, dalam pelbagai jawatan termasuk Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Setiausaha Rendah (Ekonomi) di Kementerian Kewangan dan Ketua Sekretariat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) di UPE semasa krisis kewangan dari tahun 1998 hingga 2001. Pelantikannya sebelum ini juga termasuk sebagai presiden Institut Integriti Malaysia, agensi yang ditubuhkan untuk melaksanakan Pelan Integriti Nasional. Beliau juga merupakan Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia dan ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Harta Inteltek Malaysia, Malaysia International Shipping Corporation Berhad, Padiberas Nasional Berhad dan Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS).

Pada masa ini, beliau ialah Pengerusi Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA). Beliau juga merupakan Profesor Adjung (Ekonomi) di Universiti Malaya dan Universiti Utara Malaysia (Pengurusan Sektor Awam dan Undang-Undang) dan baru-baru ini dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia pada 16 November 2009.

DATUK DR. ABDUL SAMAD HAJI ALIAS

Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah pada 15 Ogos 2005 dan penggal pelantikannya dilanjutkan sehingga 14 Ogos 2011.

Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pengauditan, perakaunan dan khidmat nasihat perniagaan serta pernah menjadi pengerusi bukan eksekutif Tetuan Ernst & Young Malaysia dari tahun 2005 hingga 2008. Beliau juga pernah menjadi Timbalan Rakan Kongsi Urusan Negara di Tetuan Arthur Andersen dari tahun 1991 hingga 1999 sebelum bersara sebagai Rakan Kongsi. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Pelantikan lain beliau termasuklah sebagai ahli majlis Persekutuan Akauntan ASEAN dan Persekutuan Akauntan Antarabangsa. Pada tahun 2001, beliau menerima Ijazah Kedoktoran daripada Universiti Utara Malaysia dan pada tahun 2004, beliau dianugerahkan Darjah Panglima Jasa Negara oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Pada masa ini, beliau ialah Pengerusi Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Malaysia Venture Capital Management Berhad dan Malaysia Debt Ventures Berhad. Beliau juga adalah ahli Lembaga Pengarah di Lembaga Tabung Haji, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan, Felda Holdings Berhad dan TH Plantations Berhad. Beliau merupakan ahli dan bekas Presiden Institut Akauntan Malaysia, ahli dan bekas Presiden Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia,

dan Felo Institute of Chartered Accountants di Australia. Pada tahun 2006, Datuk Dr. Abdul Samad menerima pengiktirafan antarabangsa menerusi Anugerah bagi Pencapaian di Asia daripada Association of Chartered Certified Accountants.

ENCIK MICHAEL WONG KUAN LEE

Encik Michael Wong Kuan Lee dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah pada 15 Ogos 2005 dan tempoh pelantikannya dilanjutkan sehingga 14 Ogos 2010.

Beliau pernah menjadi rakan kongsi firma guaman, Tetuan Shook Lin & Bok, selama 23 tahun, dan berkhidmat sebagai Rakan Kongsi Pengurusan selama 19 tahun sebelum bersara daripada praktik aktif pada Disember 1991.

Beliau berpengalaman luas sebagai peguam korporat dan komersial serta pernah berkhidmat sebagai penasihat undang-undang kepada pelbagai organisasi tempatan dan antarabangsa termasuk bank-bank, bank pelaburan, firma pengurusan aset dan sekuriti, Bank Negara Malaysia dan Persatuan Bank-Bank di Malaysia. Beliau juga memegang beberapa jawatan sektor awam dan pernah menjadi ahli kepada Majlis Penasihat Pendidikan Tinggi, Majlis Perbandaran Petaling Jaya dan Majlis Kolej Tunku Abdul Rahman. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengarah di Bank Negara Malaysia dan ahli Dewan Negara atas pelantikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dari tahun 1977 hingga 1981.

Pada masa ini, beliau ialah pakar perunding kepada firma guaman, Tetuan Shook Lin & Bok, dan memegang jawatan sebagai pengarah dalam dua syarikat senaraian awam.

ENCIK GEORGE ANTHONY DAVID DASS

Encik George Anthony David Dass dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah pada 3 Februari 2009 bagi tempoh tiga tahun.

Beliau mempunyai pengalaman luas dalam bidang pemindahan hak, perbankan, pembinaan, usaha sama, penswastaaan, kontrak dan undang-undang korporat. Beliau pernah menjadi rakan kongsi di firma guaman, Tetuan Shahrizat, Rashid & Lee (sebelum ini dikenali sebagai Rashid & Lee) selama lebih 25 tahun, sebelum bersara daripada praktik aktif pada Disember 2004. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai pengarah di beberapa syarikat senaraian awam dan pernah menjadi Pengarah Costain PLC, salah satu syarikat pembinaan tertua di United Kingdom dari tahun 1997 hingga 2000.

Encik Dass memegang ijazah undang-undang daripada University of Singapore dan Ijazah Sarjana Undang-Undang (LL.M) daripada Kings College, University of London. Pada masa ini, beliau ialah ahli Lembaga Pengarah United Bintang Berhad dan Montfort Boys Town serta Bekas Presiden Kelab Rotary Damansara.

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

JEAN PIERRE SABOURIN

Saya mulakan perutusan Laporan Tahunan tahun ini dengan satu petikan daripada pakar ekonomi Austria-Amerika, Joseph Schumpeter: "Seseorang pembaca umum", katanya, "harus membuat keputusan, sama ada beliau mahukan penyelesaian yang mudah atau lebih bermanfaat kepada pertanyaannya – dalam perkara ini sama seperti dalam perkara ekonomi lain, beliau tidak boleh mendapat kedua-duanya".¹ Bagi pengawalselia di seluruh dunia, 2009 merupakan satu tahun yang penuh cabaran dan ujian. Tahun ini bermula di kemuncak krisis ekonomi global; dengan jangkakan kemerosotan sehingga terjadi satu lagi tragedi seumpama Kemelesetan Besar; dan berakhir dengan kelegaan kerana sejarah hitam era 1930-an itu tidak berulang. Namun adakah kita hanya mengingati 2009 sebagai tahun yang mungkin boleh menjadi lebih buruk lagi?

Apa yang bermula sebagai satu krisis subprima kecil di Amerika Syarikat telah membawa kepada pembekuan dalam pasaran kewangan global dan aktiviti pemberian pinjaman, menular secara beransur-ansur kepada kesan yang lebih buruk ke atas perbelanjaan, keluaran dan pekerjaan. Walaupun kos bajet pelan bantuan kerajaan masih belum diketahui, kita boleh menjangkakan pelarasan fiskal bagi mengekalkan keyakinan dalam hutang awam dan mata wang.

Kesan negatifnya tidak hanya terhad kepada peserta pasaran kewangan sahaja, atau kepada pembayar cukai. Sejak kemelesetan bermula pada Disember 2007, jumlah pengangguran di Amerika Syarikat telah meningkat sebanyak 8.2 juta. Kadar pengangguran berada pada 10.2 peratus, naik 5.3 mata peratusan sejak bermulanya kemelesetan pada Disember 2007.² Di seluruh dunia, Pejabat Buruh Sedunia (*International Labour Office*) melaporkan bilangan pekerja yang kehilangan pekerjaan berjumlah hampir 212 juta, peningkatan seramai 34 juta dari tahun 2007 semasa krisis ini bermula.³


Kita telah menyaksikan kekurangan mudah tunai merebak menerusi gabungan kegagalan pasaran dan kelemahan pengawalseliaan di pelbagai negara. Pasaran menemui kegagalan disebabkan tadbir urus yang lemah, insentif eksekutif yang tidak wajar, dan kekaburan instrumen kewangan dan dagangannya. Jurang pengawalseliaan – semuanya *de rigueur* (peraturan tata tertib) dalam perbahasan hari ini mengenai peraturan kewangan – menempatkan konglomerat kewangan yang penting secara bersistematik atau sistem perbankan bayangan dan instrumen pasarannya, dan masalah lain dengan peraturan modal dan peraturan perakaunan yang meruncingkan leveraj dan pemberian pinjaman bank prokitaran.

Saya tidak menawarkan ortodoksi mudah kepada landskap perbankan rumit dalam iklim ekonomi yang sukar. Persekitaran kita di Malaysia tidak begitu terjejas, berikutan peraturan yang berhemat dan struktur kewangan yang kurang kompleks. Bagaimanapun, ketika pasaran menjadi semakin liberal dan global, kesan daripada krisis kewangan boleh menjadi besar dan memudartkan. Ini jelas menunjukkan

¹ Schumpeter dalam pengenalan kepada *Problems of Monopoly and Welfare*, oleh F. Zeuthen, London Routledge, 1930.

² International Institute of Labour Studies, *World of Work 2009, Snapshot of the United States*.

³ *Global Employment Trends Report 2009*, diterbitkan Januari 2010.



PENGENALAN

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

bahawa kita perlu mempunyai jaringan keselamatan kewangan yang teguh – dari segi definisi, satu set "... institusi, undang-undang dan proseduryang mengukuhkan keupayaan sistem kewangan agar kekal berdaya tahan sekiranya berlaku situasi pengeluaran deposit secara besar-besaran dan gangguan sistemik yang lain..."⁴

Pemerhatian kami terhadap dunia di sekeliling telah menyedarkan kami bahawa keadaan ini perlu diberi perhatian dengan segera. Kami yakin bahawa peserta jaringan keselamatan kewangan kita – termasuk PIDM- perlu kukuh dan bersedia untuk melaksanakan peranan pada bila-bila masa sahaja.

Justeru, ketika anda terus membaca Laporan Tahunan ini, anda akan memerhatikan cara kami mempergiatkan usaha kami ke arah mencapai kesediaan, memandangkan pengalaman global ini. Menepati kata-kata Schumpeterian tersebut, kami telah meneruskan usaha kami bagi menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan dengan mengamalkan langkah yang praktikal dan menumpukan usaha kepada aspek yang penting, yang sentiasa diteraju oleh visi kami untuk menjadi penginsurans deposit amalan terbaik.

TUGAS PIDM

Mengikut andaian, tiada satu penyelesaian mudah yang boleh menangani krisis seperti yang telah kita perlihatkan, namun kami mempertimbangkan keperluan bagi:

- Sistem jaringan keselamatan dan disiplin pasaran yang kukuh yang boleh membantu mengelak berlakunya krisis; dan
- Sekiranya berlaku kecemasan, satu pelan bantuan yang menyeluruh bagi sistem kewangan, dengan para peserta jaringan keselamatan kewangan bekerjasama dalam menjalankan fungsi masing-masing.

PENCEGAHAN KRISIS

Menggalakkan tadbir urus dan pengurusan risiko yang mantap

Peranan yang dimainkan oleh PIDM bagi menggalakkan amalan kewangan yang mantap di kalangan institusi kewangan dan tadbir urus yang kukuh dalam keadaan ekonomi yang baik, tidak boleh dinafikan kepentingannya walaupun kurang mendapat perhatian umum.

Disiplin pasaran, beserta dengan pengawalseliaan yang efektif, menyumbang kepada pengurangan risiko kegagalan institusi anggota dalam sektor kewangan.

Kami menggalakkan disiplin pasaran, menerusi inisiatif kami seperti Sistem Premium Berbeza serta menerusi penyertaan kami, bersama dengan Bank Negara Malaysia, dalam pembangunan dan pelaksanaan berterusan Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan mengenai tadbir urus korporat.

Mengikut seorang pegawai bank, suatu pengajaran daripada krisis ini ialah kepentingan pengurusan risiko yang mantap dalam perbankan. Saya yakin tiada cara yang lebih berkesan selain kepimpinan melalui teladan bagi menggalakkan pengurusan risiko yang mantap.

Sejajar dengan amalan tadbir urus korporat yang utama, Ketua Pegawai Risiko kini melapor kepada Lembaga Pengarah menerusi Jawatankuasa Audit. Pada tahun 2009, Lembaga Pengarah kami meluluskan Piagam Pengurusan Risiko Organisasi, dan peranan dan tanggungjawab Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi didokumentasikan dengan jelas. Piagam ini melengkapkan lagi Penyataan Polisi Pengurusan Risiko Organisasi yang sedia ada, yang menggariskan komitmen kami terhadap Pengurusan Risiko Organisasi. Kami juga mempergiatkan aktiviti pengurusan risiko semasa proses Pengurusan Risiko Organisasi dan menerapkan penilaian risiko utama kami ke dalam usaha perancangan strategik, agar inisiatif kami disasar dan diberi keutamaan mengikut risiko utama.

Pemantauan berterusan

Sepanjang tahun ini, institusi anggota kami berjaya mengharungi keadaan ekonomi yang sukar dengan baik, dengan sebahagiannya menambah baik kualiti dan kecairan aset, mengikut laporan dalam bahagian Tinjauan Keanggotaan. Walau bagaimanapun, kami terus memantau institusi kewangan kami secara rapi, termasuk institusi kewangan yang menerima manfaat di bawah Jaminan Deposit Kerajaan, dan sentiasa meneliti perkembangan ekonomi global dan tempatan dan kemungkinan pendedahan dalam pelbagai sektor yang berkait rapat dengan sistem kewangan kita.

MITIGASI KRISIS

Sokongan peraturan yang kukuh buat masa ini meningkatkan keupayaan kita bagi memberi usaha yang terbaik dalam mengurangkan dan menangani kemungkinan berlaku kegagalan bank, namun kita tidak boleh sama sekali mengeneipkan kemungkinannya. Adalah menjadi keutamaan penggubal polisi dan pengawalselia untuk mengelakkan berlakunya kegagalan bank. Pada tahun 2009, kami mempergiatkan

usaha kami bagi memastikan kesediaan untuk menangani bank-bank yang bermasalah, mengikut huraian yang berikut.

Intervensi dan resolusi kegagalan bank

Kami menumpukan usaha kepada inisiatif utama kami bagi memastikan kesediaan untuk melaksanakan mandat kami. Kami bermula dengan memperincikan pendekatan, polisi dan prosedur bagi menangani pelbagai aspek intervensi dan resolusi kegagalan bank. Ini akan membolehkan semua kakitangan PIDM lebih memahami langkah-langkah khusus yang perlu diambil dalam menangani kegagalan bank atau kemungkinan kegagalan bank, atau dalam melaksanakan kuasa luas kami dalam Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM), dan pada masa yang sama, menyediakan prinsip-prinsip panduan bagi membantu memastikan kami mencapai mandat "kos minimum kepada sistem kewangan". Bagi tujuan pengutamaan, kami telah membangunkan manual rancangan kontingensi, yang menggariskan rancangan tindakan kami dalam situasi luar jangka atau kecemasan sementara pembangunan polisi dan prosedur yang lain berkaitan kaedah resolusi yang lebih rumit.

Kami terus memastikan pembangunan projek sistem pembayaran balik deposit berjalan mengikut rancangan, yang bertujuan memastikan pembayaran balik kepada pendeposit secara efisien sekiranya berlaku kegagalan bank. Sistem ini juga menyediakan maklumat kepada pendeposit mengenai status pembayaran, dan menggalakkan keyakinan di kalangan pendeposit berkaitan dengan keselamatan deposit mereka.

Usaha kami tidak sekadar ini sahaja. Pada tahun 2009, kami menjalankan kajian semula Akta PIDM dengan teliti, bagi memastikan undang-undang kami menyokong proses intervensi dan resolusi kegagalan bank yang cekap dan efektif dalam keadaan yang mendesak. Pendirian dan falsafah kami adalah untuk berupaya melaksanakan intervensi seawal mungkin, bagi mencegah satu atau beberapa kejadian kegagalan daripada menjadi satu krisis keyakinan.

Perancangan senario

Kesediaan juga bermakna pemahaman yang jelas mengenai hala tuju strategik dan memanfaatkan kekukuhan dan sumber kami dengan sewajarnya. Pada masa yang sama, kami perlu menjangkakan peristiwa yang akan berlaku, walaupun rendah kemungkinannya namun kemungkinannya tidak boleh diketepikan sama sekali. Tahun 2009 merupakan tahun yang penting kerana, semasa perancangan

strategik dan korporat kami, kami juga mengunjurkan pelaksanaan peranan dan fungsi kami dalam pelbagai situasi yang berbeza. Dengan menjalankan perancangan senario, kami meningkatkan keupayaan untuk memahami dan mendalami langkah yang perlu diambil dalam pelbagai situasi. Ini membolehkan kami mempertimbangkan semula cara mengoptimalkan penggunaan sumber kami dalam sebarang kemungkinan situasi.

Perancangan kesinambungan urusan

Dengan pimpinan Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi, kami juga berusaha untuk mengurangkan risiko kepada urusan kami. Sebagai langkah pertama, kami memulakan pembangunan rancangan pengurusan kesinambungan urusan bagi memastikan fungsi-fungsi urusan kritikal PIDM boleh diteruskan sekiranya berlaku bencana. Satu ujian percubaan rancangan kesinambungan urusan telah berjaya dilaksanakan dan kami akan terus menambah baik rancangan ini. Saya juga sukacita untuk melaporkan bahawa ramai kakitangan kami telah diperakui sebagai perancang kesinambungan urusan pada tahun ini sebagai sebahagian daripada inisiatif kami untuk memupuk pemahaman yang perlu mengenai kesinambungan urusan. Sebagai sebahagian daripada program ini, kami juga membangunkan dan melaksanakan pelan kesinambungan urusan dalam wabak pandemik pada tahun 2009 sebagai langkah tindakan terhadap influenza pandemik H1N1. Seterusnya, kami akan meneruskan pembangunan rancangan pemulihan bencana pada tahun 2010.

Keutamaan modal insan

Kami terus memberi keutamaan kepada pembangunan modal insan, sumber kami yang terpenting. Pengutamaan modal insan yang holistik jelas dicerminkan menerusi pelbagai inisiatif Bahagian Sumber Manusia, termasuk projek penilaian kecekapan yang melibatkan dokumentasi terperinci semua nilai kecekapan yang perlu untuk mencirikan organisasi, serta membangunkan dan melaksanakan rancangan latihan dan pembangunan individu bagi setiap kakitangan. Strategi utama kami adalah untuk melengkapkan kakitangan kami dengan kemahiran dan pengalaman yang perlu berkaitan dengan bidang insurans deposit – satu aspek pengawalseliaan perbankan yang dianggap secara umum sebagai aspek yang khusus tetapi merupakan kunci kepada pemeliharaan keyakinan awam dalam sistem kewangan seperti yang jelas diperhatikan semasa krisis kewangan global ini. Kami juga berusaha memastikan insentif untuk mengekalkan modal insan, termasuk mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif yang boleh menyumbang kepada pengkalan modal insan kami.

⁴ ADB Financial Sector Legal and Regulatory Toolkit: Bahagian Tiga: Peraturan dan Penyediaan Kewangan

PENGENALAN

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Kecekapan dan keberkesanan operasi

Selain pelaburan kami dalam Modal Insan dan mengenal pasti rakan kongsi strategik termasuk penyedia perkhidmatan yang cekap, inisiatif kami juga melibatkan pengenalpastian cara yang terbaik bagi mencapai objektif kami. Ini bermakna memanfaatkan penggunaan sistem teknologi maklumat dalam pelbagai aspek kritikal fungsi kami, termasuk penilaian risiko dan pemantauan, sistem pembayaran balik deposit, serta komunikasi dan modal insan. Pembangunan dan pelaksanaan projek teknologi maklumat utama dengan teliti akan terus menjadi fokus kami pada tahun 2010.

PENGURUSAN KRISIS

PIDM juga memainkan peranan selanjutnya dalam mengekalkan kestabilan sistem kewangan semasa krisis, dan mempunyai kuasa untuk menyokong penstrukturan semula bank dan peminjam yang bermasalah dan pengurusan aset yang bermasalah. Pada tahun 2009, kami memulakan pembangunan polisi dan prosedur pengurusan aset, sebagai sebahagian daripada projek Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank yang dihuraikan sebelum ini.

Uniknya, PIDM sebagai penginsurans deposit juga bertindak sebagai pentadbir jaminan deposit kerajaan, sebaik sahaja jaminan tersebut diumumkan oleh Kerajaan pada tahun 2008. Sejak pengumuman ini, peranan ini kini telah digariskan dengan jelas dalam undang-undang dan akan tersiap sedia sekiranya diperlukan pada masa hadapan.

KESIMPULAN DAN MASA HADAPAN

Pada tahun 2010, fokus kami adalah untuk melengkapkan inisiatif bagi memastikan kesediaan PIDM dalam segenap aspek perannya. Satu lagi cabaran utama, pada tahun 2010, ialah peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan apabila tamat tempohnya, dan kembali semula kepada sistem insurans deposit dengan perlindungan terhad. Bagi memastikan kelancaran peralihan, orang awam perlu dimaklumkan mengenainya dan memahami perubahan yang akan menyusul kemudiannya. Bagi tujuan ini, kami akan merangka strategi inisiatif komunikasi kami dan mengeluarkan peraturan sekiranya diperlukan untuk mendapatkan penglibatan bank-bank dalam usaha ini.

Peningkatan inisiatif kesediaan kami, usaha komunikasi, usaha berterusan bagi melatih dan membangunkan kakitangan kami serta pelantikan kakitangan baharu, dan pada masa yang sama, memastikan keberkesanan

operasi PIDM menerusi teknologi maklumat, akan membawa kepada perbelanjaan yang lebih tinggi oleh Perbadanan pada masa hadapan.


Bagaimanapun, seperti yang diperhatikan dari awal lagi, kemungkinan timbul kesan-kesan daripada kegagalan dalam sektor kewangan boleh dihuraikan sebagai satu bencana. Dalam krisis yang disaksikan baru-baru ini, "Jutaan orang...", yang digambarkan oleh Joseph Stiglitz, "...di seluruh dunia kehilangan pekerjaan dan rumah mereka. Ramai lagi yang berdepan dengan kebimbangan, dan hampir setiap orang yang memperuntukkan wang bagi tujuan persaraan atau pendidikan anak-anak menyaksikan nilai pelaburan mereka menyusut..."⁵

Kepentingan sistem kewangan kepada keadaan ekonomi yang sebenar amat jelas, dengan keseluruhan kos sosial begitu membimbangkan sehingga kerelevanan doktrin pasaran bebas semakin menyusut. Kerugian kepada peserta pasaran kewangan adalah amat kecil jika dibandingkan kepada kemusnahan ekonomi dan sosial yang boleh dicituskan akibat krisis pasaran kewangan.

Oleh itu, tahun 2009 diingati, sekurang-kurangnya oleh kami – bukan sebagai tahun yang mungkin boleh menjadi lebih teruk – tetapi sebagai tahun yang mengukuhkan keazaman kami untuk bersiap sedia apabila diperlukan.

Tahun 2009 terbukti sebagai satu tahun yang mencabar, tetapi kami tetap meneruskan fokus kami. Saya tidak akan mengakhiri perutusan saya dengan nada kebimbangan, tetapi dengan keyakinan bahawa, bersama dengan rakan kongsi strategik utama kami, kami boleh membawa pemulihan dan pembangunan dalam landskap perkhidmatan kewangan di Malaysia.

Keyakinan ini adalah berasaskan usaha dan komitmen Pengerusi, ahli Lembaga Pengarah dan pasukan kakitangan kami. Kami semua komited untuk melaksanakan peranan kami dengan penuh ketekunan, dan menyumbang kepada pengekalan kestabilan sistem kewangan bagi manfaat semua rakyat Malaysia.



JEAN PIERRE SABOURIN



Laporan Tahunan 2008 PIDM



Laporan Tahunan Terbaik NACRA 2009 bagi Organisasi Bukan Senaraian Awam



Sijil Merit NACRA 2008 bagi Laporan Tahunan

Sijil Merit NACRA 2007 bagi Laporan Tahunan

PIDM dianugerahkan Laporan Tahunan Terbaik NACRA bagi Organisasi Bukan Senaraian Awam bagi Laporan Tahunan 2008

Di Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), kami sentiasa berusaha untuk menjadi sebuah organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik, agar anda mempunyai keyakinan dengan keupayaan kami bagi memenuhi mandat kami sebagai penginsurans deposit nasional.


Dalam memegang prinsip tadbir urus yang kukuh, kami mencerminkan pengamalan piawaian ketelusan dan pendedahan maklumat yang tinggi kepada pemegang kepentingan kami dan orang awam.

Kemenangan anugerah Laporan Tahunan Terbaik bagi Organisasi Bukan Senaraian Awam daripada Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (*National Annual Corporate Report Awards – NACRA*) 2009 bagi Laporan Tahunan 2008 kami merupakan pengiktirafan organisasi kami sebagai organisasi teladan yang mendukung piawaian tadbir urus yang tertinggi serta kualiti dan kecemerlangan dalam pelaporan korporat.

Sebagai organisasi yang ditubuhkan hanya empat tahun dahulu, ini bukan pengiktirafan biasa tetapi suatu pengiktirafan bagi usaha berterusan kami ke arah kemajuan. Anugerah Khas ini menyusuli Anugerah Merit NACRA yang diterima bagi Laporan Tahunan kami bagi dua tahun yang berturut-turut.

Berdasarkan prinsip integriti dan kebertanggungjawaban serta diterajui kebudayaan kecemerlangan, PIDM komited ke arah menjadi penginsurans deposit amalan terbaik.

PENGENALAN CARTA ORGANISASI



PENGENALAN JAWATANKUASA PENGURUSAN EKSEKUTIF

- Jean Pierre Sabourin***
Ketua Pegawai Eksekutif
- Lai Wai Keen**
Pengurus Besar, Polisi dan Antarabangsa
- Lee Yee Ming**
Ketua Pegawai Risiko dan Pengurus Besar, Pengurusan Risiko Organisasi
- Lim Yam Poh****
Kaunsel Am dan Setiausaha Korporat
- Md. Khairuddin Haji Arshad****
Pengurus Besar, Insurans, Penilaian Risiko dan Pemantauan
- Noorida Baharuddin**
Ketua Juruaudit Dalaman dan Pengurus Besar, Audit dan Khidmat Perundingan
- S. Loganathan**
Pengurus Besar, Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
- Siti Zubaidah Haron**
Pengurus Besar, Sumber Manusia
- Wan Ahmad Ikram Wan Ahmad Loffi****
Ketua Pegawai Kewangan dan Pengurus Besar, Kewangan dan Pentadbiran

Nota:
* Ketua Pegawai Eksekutif dilantik oleh Menteri Kewangan atas syor Lembaga Pengarah sehingga Ogos 2011.
**Pegawai-pegawai korporat yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.

PENGENALAN

JAWATANKUASA PENGURUSAN EKSEKUTIF

Dari kiri ke kanan:

Lee Yee Ming
Siti Zubaidah Haron
Lai Wai Keen
Md. Khairuddin Haji Arshad
Jean Pierre Sabourin
Lim Yam Poh
Wan Ahmad Ikram Wan Ahmad Lotfi
S. Loganathan
Noorida Baharuddin



PENGENALAN

JAWATANKUASA PENGURUSAN EKSEKUTIF: AHLI DAN PROFIL

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif merupakan satu forum perbincangan mengenai isu-isu berkaitan dengan pengurusan dan operasi harian PIDM. Fungsi Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif adalah untuk memupuk komunikasi, kerjasama sepasukan, kebolehan menyesuaikan diri dengan perubahan dan kerjasama dalam semua bidang kerja di PIDM, serta berfungsi sebagai saluran maklumat kepada semua kakitangan.

JEAN PIERRE SABOURIN

Ketua Pegawai Eksekutif

Jean Pierre Sabourin ialah Ketua Pegawai Eksekutif PIDM sejak penubuhannya pada tahun 2005. Beliau mempunyai kepakaran tinggi dalam segenap aspek insurans deposit dan kepakaran beliau sering diperlukan di peringkat antarabangsa. Pelbagai negara telah meminta bantuan beliau untuk menubuhkan atau meningkatkan keberkesanan sistem insurans deposit mereka. Pencapaian beliau termasuk mepengerusikan kajian antarabangsa dan kumpulan kerja mengenai insurans deposit anjuran Forum Kestabilan Kewangan dan Dialog Polisi APEC mengenai Insurans Deposit yang pertama. Pada Mei 2002, beliau menerajui pembentukan Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa dan dilantik sebagai Pengerusi Majlis Eksekutif dan Presidennya yang pertama, jawatan yang dipegangnya sehingga akhir tahun 2007. Beliau bertugas di Canada Deposit Insurance Corporation (CDIC) sejak tahun 1976, dan memegang pelbagai jawatan di CDIC sebelum dilantik sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif pada tahun 1990, sehingga persaraan beliau pada tahun 2005. Di bawah pimpinan beliau, PIDM mengutamakan usaha bagi menjadi penginsurans deposit amalan terbaik. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat bagi Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (*International Centre for Leadership in Finance - ICLIF*). Beliau memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada University of Toronto.

LAI WAI KEEN

Pengurus Besar, Polisi dan Antarabangsa

Lai Wai Keen ialah Pengurus Besar Bahagian Polisi dan Antarabangsa. Beliau bertanggungjawab ke atas bidang polisi-polisi penting dan perhubungan antarabangsa PIDM. Beliau merupakan salah seorang ahli Pasukan Petugas Khas Insurans Deposit di Bank Negara Malaysia (BNM), yang ditubuhkan untuk membentuk sistem insurans deposit. Pasukan Petugas Khas ini bertanggungjawab membangunkan polisi yang mengambil kira keperluan khusus sistem kewangan dan pendeposit di Malaysia. Beliau mempunyai pengalaman pengawalseliaan lebih 20 tahun di BNM, termasuk bidang pengawalan bank, komunikasi, hubungan antarabangsa dan perundangan. Beliau memegang ijazah sarjana muda dalam bidang pentadbiran perniagaan daripada Universiti Malaya dan ijazah undang-undang daripada University of London.

LEE YEE MING

Ketua Pegawai Risiko dan Pengurus Besar, Pengurusan Risiko Organisasi

Lee Yee Ming ialah Ketua Pegawai Risiko dan mengetuai Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi. Beliau bertanggungjawab bagi pelaksanaan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi PIDM secara korporat dan menyokong Lembaga Pengarah dengan memastikan risiko utama PIDM sentiasa dikenal pasti, dinilai, diuruskan, dipantau dan dilaporkan secara konsisten dan berterusan.

Beliau mempunyai pengalaman lebih 10 tahun dalam bidang perundangan dan perbankan mengenai pengurusan risiko organisasi, Basel II, tadbir urus korporat dan audit dalaman. Beliau memulakan kerjaya di Amerika Syarikat di sebuah institusi kewangan di Illinois dan kemudiannya menyertai Ernst & Young di Kuala Lumpur, Malaysia dan Taipei, Taiwan. Berhubung dengan Pengurusan Risiko Organisasi, beliau pernah memberi khidmat nasihat kepada syarikat senarai awam Malaysia dan sebuah organisasi Korea berkenaan dengan pelaksanaan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi masing-masing. Beliau juga membantu bank-bank di Taiwan sebagai pengurus projek keseluruhan dalam pelaksanaan sistem Basel II dan projek-projek berkenaan dengan pelaksanaan Basel II. Beliau memegang ijazah sarjana muda pengurusan perniagaan (*summa cum laude*) dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan jurusan kewangan daripada Western Michigan University. Beliau juga ialah Juruaudit Dalaman Bertauliah dan Perancang Bertauliah Kesinambungan Perniagaan.

LIM YAM POH

Kaunsel Am dan Setiausaha Korporat

Lim Yam Poh ialah Kaunsel Am dan Setiausaha Korporat, yang bertanggungjawab bagi semua nasihat guaman di PIDM dan perkhidmatan seperti kontrak, rundingan penyelesaian dan litigasi. Beliau juga memastikan bahawa PIDM mematuhi semua undang-undang yang berkaitan, termasuk perundangan khusus kepada urusan dan hal ehwal PIDM seperti Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005, undang-undang berkaitan yang lain, serta perundangan berkaitan dengan agensi berkanun dan majikan dikawalselia. Beliau juga berkhidmat sebagai Setiausaha Korporat dan memberi perkhidmatan guaman yang berkaitan dengan Lembaga Pengarah. Secara khususnya, beliau memberi pandangan dan nasihat kepada Jawatankuasa Tadbir Urus yang dipertanggungjawabkan oleh Lembaga Pengarah PIDM bagi memantau dan menangani hal ehwal berkaitan tadbir urus. Beliau mempunyai pengalaman lebih tujuh tahun dengan sebuah firma undang-undang terkemuka di Kuala Lumpur. Beliau berkhidmat dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dari tahun 1997 hingga 2000 dan dengan Hong Kong Securities and Futures Commission dari tahun 2000 hingga 2005. Beliau memegang ijazah Sarjana Muda Undang-Undang daripada University of Birmingham, England dan menjadi ahli Bar di England dan Wales serta di Malaysia.

MD. KHAIRUDDIN HAJI ARSHAD

Pengurus Besar, Insurans, Penilaian Risiko dan Pemantauan

Md. Khairuddin Haji Arshad ialah Pengurus Besar Bahagian Insurans, Penilaian Risiko dan Pemantauan. Beliau bertanggungjawab bagi analisis dan pemantauan tahap risiko bank-bank serta intervensi dan resolusi kegagalan bagi bank yang bermasalah. Sebelum menyertai PIDM, beliau berkhidmat di Bank Negara Malaysia lebih 15 tahun dalam Jabatan Pengawalan Bank dan Jabatan Perbankan Islam dan Takaful. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam perbankan dan kewangan Islam dan kini merupakan ahli kumpulan kerja Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia bagi urus niaga kewangan Islam. Beliau juga menyumbangkan kepakaran teknikal kepada beberapa negara dalam pembangunan industri perbankan Islam mereka serta menyampaikan kertas kerja di pelbagai persidangan peringkat domestik dan antarabangsa. Beliau memegang ijazah sarjana muda jurusan perakaunan daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

NOORIDA BAHARUDDIN

Ketua Juruaudit Dalaman dan Pengurus Besar, Audit dan Khidmat Perundangan

Noorida Baharuddin ialah Ketua Juruaudit Dalaman dan mengetuai Bahagian Audit dan Khidmat Perundangan. Tanggungjawab utama beliau adalah untuk menyediakan pengesahan dan perkhidmatan perundangan yang bebas dan objektif secara berterusan, bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan operasi, kebolehpercayaan dan integriti pelaporan kewangan PIDM serta memastikan pematuhan PIDM kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengannya. Beliau mempunyai pengalaman lebih 18 tahun dalam bidang audit, pengurusan risiko dan pembangunan polisi menerusi kerjaya beliau di firma audit luaran, badan-badan pengawalseliaan dan syarikat senarai awam. Pengalaman audit beliau termasuk audit dalaman dan luaran serta pemeriksaan pengawalseliaan. Dalam pemeriksaan pengawalseliaan, beliau pernah mengetuai pemeriksaan terhadap institusi-institusi dan pengantara pasaran modal yang dilesenkan dan dikawalselia oleh Suruhanjaya Sekuriti, serta institusi-institusi kewangan dan insurans luar pesisir yang dilesenkan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (*Labuan Offshore Financial Services Authority - LOFSA*). Dalam pengurusan risiko, beliau pernah terlibat dalam pembangunan dan pelaksanaan pengurusan risiko organisasi bagi LOFSA. Beliau juga pernah berkhidmat dengan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (*Islamic Financial Services Board - IFSB*) dan di IFSB, beliau terlibat dalam pembangunan Prinsip-Prinsip Panduan Pengurusan Risiko bagi Bank-Bank yang Menyediakan Perkhidmatan Kewangan Islam. Beliau memegang ijazah Sarjana Muda Perniagaan dalam jurusan perakaunan daripada University of Tasmania, Australia dan ijazah Sarjana Muda Undang-Undang daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia. Beliau ialah ahli Certified Practising Accountant (Australia)

dan Perancang Kewangan Bertauliah (*Certified Financial Planner - CFP*) dengan Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia (*Financial Planning Association of Malaysia - FPAM*).

S. LOGANATHAN

Pengurus Besar, Komunikasi dan Hal Ehwal Awam

S. Loganathan ialah Pengurus Besar Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam. Beliau bertanggungjawab bagi komunikasi dan hal ehwal awam serta menguruskan pelaksanaan program kesedaran awam PIDM. Beliau menyertai PIDM pada tahun 2006 dengan pengalaman lebih 25 tahun dalam bidang media kewangan dan industri sekuriti. Beliau memulakan kerjaya sebagai seorang wartawan di BERNAMA dan kemudiannya di *Business Times*, dengan pengkhususan dalam berita korporat, industri sekuriti dan pasaran saham. Beliau menyertai kumpulan Bursa Malaysia (sebelum ini dikenali sebagai Bursa Saham Kuala Lumpur) pada tahun 1990 dan pernah memegang pelbagai jawatan termasuk Pengurus Institut Penyelidikan Analisis Pelaburan Malaysia, Naib Presiden Kanan Pembangunan Pasaran dan Pengurus Besar Bursa Opsyen dan Niaga Hadapan Kewangan (*Kuala Lumpur Options and Financial Futures Exchange - KLOFFE*). Jawatan terakhir beliau adalah sebagai Pengurus Besar Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan yang dipegang dari tahun 2001. Beliau kemudiannya meninggalkan kumpulan Bursa Malaysia pada tahun 2004 untuk menubuhkan WeR-1 Consultants Sdn. Bhd., sebuah firma perundangan dengan kepakaran khusus dalam perhubungan pelabur dan strategi media yang beribu pejabat di Singapura. Beliau memegang ijazah sarjana muda dalam pentadbiran perniagaan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

SITI ZUBAIDAH HARON

Pengurus Besar, Sumber Manusia

Siti Zubaidah Haron bertanggungjawab bagi hal ehwal sumber manusia di PIDM, khususnya strategi, polisi, prosedur dan fungsi berkaitan dengan sumber manusia, serta memastikan perkembangan modal insan yang mampan. Beliau memulakan kerjaya dalam pengurusan sumber manusia pada lewat 1990-an dan mempunyai pendedahan dan pengalaman dalam pengurusan fungsi-fungsi sumber manusia dalam industri perkilangan, runcit, hiperpasar dan pusat perkhidmatan kumpulan dalam perkhidmatan kewangan yang meliputi 15 negara di serata Eropah, Amerika Syarikat dan Asia Pasifik.

Beliau mempunyai pengalaman yang luas dan menguruskan sumber manusia di peringkat tinggi merentasi pelbagai budaya sejak tahun 1996. Beliau pernah menjadi Ketua Sumber Manusia di Carrefour (Malaysia)/Magnificent Diagraph Sdn. Bhd. dan juga Naib Presiden - Sumber Manusia, Pembelajaran & Pembangunan dan Komunikasi di HSBC Electronic Data Processing (M) Sdn. Bhd. (Pusat Perkhidmatan Kumpulan, Malaysia) sehingga menyertai PIDM pada Ogos 2007.

PENGENALAN

JAWATANKUASA PENGURUSAN EKSEKUTIF: AHLI DAN PROFIL

Siti memegang ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dalam jurusan Pengurusan Sumber Manusia dan Diploma Kajian Perniagaan. Beliau juga merupakan pentadbir dengan kelayakan penuh dan berakreditasi bagi instrumen MBTI (Myers-Briggs Type Indicator) dan diterima sebagai Ahli Majlis Sumber Manusia, Conference Board, Asia Pasifik.

WAN AHMAD IKRAM WAN AHMAD LOTFI

Ketua Pegawai Kewangan dan Pengurus Besar, Kewangan dan Pentadbiran

Wan Ahmad Ikram Wan Ahmad Lotfi ialah Ketua Pegawai Kewangan yang bertanggungjawab bagi hal ehwal kewangan dan pentadbiran PIDM. Khususnya, beliau bertanggungjawab bagi hala tuju, pengurusan dan kawalan fungsi perakaunan dan perbendaharaan serta fungsi-fungsi yang berkaitan dengan pengurusan maklumat dan sistem teknologi, pentadbiran pejabat, polisi dan kawalan dalaman. Sebagai seorang Akauntan Bertauliah, beliau ialah ahli Institute of Chartered Accountants di Australia dan Institut Akauntan Malaysia. Beliau memulakan kerjaya dengan Telekom Malaysia Berhad sebelum meneruskan kerjaya perakaunan profesional dengan firma KPMG di Melbourne, Australia. Selepas kembali ke Malaysia, beliau menyertai Tahan Insurance Malaysia Berhad sebagai Ketua Juruaudit Dalaman dan dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan pada Mac 2004. Beliau memegang ijazah Sarjana Muda Perdagangan daripada University of Melbourne, Australia.

PENGENALAN

JAWATANKUASA PENGURUSAN YANG LAIN

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO ORGANISASI

Dalam menyokong peranan Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi menyediakan pengawasan dan hala tuju bagi pelaksanaan sistem Pengurusan Risiko Organisasi secara konsisten. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi menerajui pengurusan risiko, serta mengurus dan memantau pendedahan risiko aktiviti Pengurusan Risiko Organisasi PIDM di peringkat korporat.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi dianggotai ahli-ahli berikut:

- Ketua Pegawai Eksekutif (Pengerusi)
- Pengurus Besar, Bahagian Insurans, Penilaian Risiko dan Pemantauan
- Ketua Pegawai Kewangan
- Kaunsel Am
- Ketua Pegawai Risiko
- Pengurus Besar, Bahagian Polisi dan Antarabangsa
- Pengurus Besar, Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
- Pengurus Besar, Bahagian Sumber Manusia
- Pengurus Kanan, Ekonomi dan Penyelidikan

Pengurus Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi merangkap Sekretariat kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi, manakala Ketua Juruaudit Dalaman menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi sebagai pemerhati.

Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi menyokong peranan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi dalam menyelaraskan aktiviti Pengurusan Risiko Organisasi dan perancangan strategik di peringkat operasi di seluruh PIDM. Ini termasuk mengemas kini penilaian dan penarafan risiko, memantau prestasi rancangan mitigasi Bahagian masing-masing dan mengemas kini rancangan. Ahli Jawatankuasa Kerja ini diwakili oleh semua Bahagian dalam PIDM.

JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET DAN LIABILITI

Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti merupakan jawatankuasa pengurusan yang ditubuhkan sebagai penasihat kepada Ketua Pegawai Kewangan mengenai isu-isu berkaitan pengurusan aset dan liabiliti PIDM. Jawatankuasa ini juga menyediakan nasihat dan maklumat mengenai pembiayaan, kecairan, pelaburan dan pengurusan risiko kewangan kepada Ketua Pegawai Kewangan dan Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif secara umum. Jawatankuasa ini juga bertindak sebagai forum perbincangan implikasi keputusan berkaitan pengurusan aset dan liabiliti PIDM.

Jawatankuasa ini dianggotai 10 ahli berikut:

- Ketua Pegawai Kewangan (Pengerusi)
- Ketua Pegawai Eksekutif (*ex-officio*)
- Pengurus Besar, Bahagian Insurans, Penilaian Risiko dan Pemantauan

- Ketua Pegawai Risiko
- Ketua Juruaudit Dalaman
- Pengurus Besar, Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
- Timbalan Pengurus Besar, Intervensi
- Timbalan Pengurus Besar, Kewangan dan Pentadbiran
- Pengurus Kanan, Ekonomi dan Penyelidikan
- Pengurus Kanan, Kewangan dan Pentadbiran, merangkap Setiausaha Jawatankuasa

JAWATANKUASA PENGEMUDI TEKNOLOGI MAKLUMAT

Fungsi utama Jawatankuasa Pengemudi Teknologi Maklumat adalah untuk menyediakan pengawasan, penyeliaan dan pelaksanaan strategi dan rancangan Teknologi Maklumat (IT). Pengawasan oleh Jawatankuasa ini menyediakan hala tuju dan panduan untuk menyelaraskan dan melaksanakan strategi IT bagi menyokong matlamat PIDM. Jawatankuasa ini juga memberi pandangan dan hala tuju berhubung dengan pengurusan risiko berkaitan IT dan peluang daripada sumber atau acara luaran. Jawatankuasa ini juga menangani isu-isu urusan PIDM berkaitan dengan Rancangan Strategik IT dan kajian semula strategi pembajet, keperluan operasi, serta pemantauan risiko, kualiti dan ketepatan masa projek IT.

Ahli-ahli Jawatankuasa Pengemudi Teknologi Maklumat ialah:

- Pengurus Besar, Bahagian Insurans, Penilaian Risiko dan Pemantauan (Pengerusi)
- Ketua Pegawai Kewangan
- Ketua Pegawai Risiko
- Pengurus Besar, Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
- Timbalan Pengurus Besar, Teknologi Maklumat
- Timbalan Pengurus Besar, Kewangan dan Pentadbiran
- Kaunsel Perundangan Kanan
- Ketua Juruaudit Dalaman (Pemerhati)

JAWATANKUASA PEMATUHAN KORPORAT

Jawatankuasa Pematuhan Korporat dianggotai oleh wakil daripada pelbagai Bahagian dan ditubuhkan pada tahun 2009 untuk mempertimbangkan cara-cara memantapkan prosedur dan proses Perbadanan dari segi pematuhan, serta meningkatkan kesedaran dan pemahaman polisi dan prosedur utama yang dilaksanakan oleh semua Bahagian dalam Perbadanan.

Ahli-ahlinya ialah:

- Kaunsel Am (Pengerusi)
- Ketua Pegawai Kewangan
- Pengurus, Bahagian Audit dan Khidmat Perundangan
- Pengurus, Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi
- Pengurus, Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
- Pengurus, Bahagian Sumber Manusia

Bahagian 2: Tadbir Urus Korporat



TADBIR URUS KORPORAT

MENGURUS RISIKO KAMI



TINJAUAN

Sejak awal penubuhannya pada tahun 2007, Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi telah berkembang dan matang. Satu cabaran utama adalah untuk memupuk budaya pengurusan risiko organisasi dalam semua aktiviti kami.

Pada tahun 2009, fungsi Pengurusan Risiko Organisasi menumpukan usaha dalam empat bidang utama berikut:

- melaksanakan inisiatif Pengurusan Risiko Organisasi untuk mengekalkan dan mempertingkatkan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi;
- menyediakan khidmat nasihat risiko;
- menyelaraskan perkongsian maklumat dan pengetahuan; dan
- melaksanakan Pengurusan Kesenambungan Urusan.

PENCAPAIAN UTAMA PENGURUSAN RISIKO ORGANISASI PADA TAHUN 2009

Pada tahun 2009, kami mempertingkatkan aktiviti Pengurusan Risiko Organisasi walaupun proses Pengurusan Risiko Organisasi yang sedia ada berjalan dengan lancar. Bagi memastikan perkongsian maklumat dan pengetahuan dalaman mengenai risiko di PIDM ditadbir urus secara sistematik, kami terus berusaha ke arah mempertingkatkan fungsi Pengurusan Risiko Organisasi dan amalan tadbir urus korporat.

Beberapa inisiatif utama yang disempurnakan pada tahun 2009 adalah seperti berikut.

Piagam Pengurusan Risiko Organisasi

Lembaga Pengarah telah meluluskan Piagam Pengurusan Risiko Organisasi, yang secara jelas menyatakan misi, kebertanggungjawaban dan tanggungjawab Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi.

Piagam tersebut juga menyatakan bahawa Ketua Pegawai Risiko, yang mengetuai fungsi Pengurusan Risiko Organisasi, melapor kepada Jawatankuasa Audit, dan dari segi pentadbiran, kepada Ketua Pegawai Eksekutif. Ini adalah sejajar dengan amalan utama dalam tadbir urus korporat.

Ketua Pegawai Risiko melapor secara kerap kepada Lembaga Pengarah mengenai aktiviti Pengurusan Risiko Organisasi, hasil proses Pengurusan Risiko Organisasi bagi membolehkan Lembaga Pengarah memahami pengurusan risiko utama Perbadanan termasuk profil risiko utama, pelan mitigasi dan kawalan serta keberkesanan keseluruhan proses pengurusan risiko kami.

Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi mengemukakan cadangan bagi kelulusan Lembaga Pengarah mengenai risiko utama yang memberi kesan kepada PIDM termasuk kecenderungan dan toleransi risiko serta polisi pengurusan risiko.

Penilaian dan Kajian Semula Risiko yang Berterusan

Dari segi penilaian dan kajian semula risiko yang berterusan, Perbadanan telah:

- menyempurnakan satu lagi kitaran penuh proses Pengurusan Risiko Organisasi, iaitu, pengenalpastian, penaksiran, penilaian, pengendalian, pemantauan, pelaporan dan komunikasi;
- mengkaji semula Rangka Kerja dan Garis Panduan Pengurusan Risiko Organisasi;
- mengendalikan Bengkel Pengenalpastian dan Penilaian Pengurusan Risiko Organisasi tahunan; dan
- menyelaraskan perbincangan risiko peringkat Bahagian.

Dua Jawatankuasa, iaitu Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi dan Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi, masing-masing bermesyuarat sebanyak empat dan enam kali, bagi memudahkan pemantauan, pengemaskinian dan perbincangan mengenai isu berkaitan pelbagai risiko. Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi juga melapor kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah secara kerap mengenai status pelaksanaan pelan tindakan kami dalam menangani risiko penting.

Rangka Kerja Penilaian Keberkesanan Pengurusan Risiko Organisasi

Lembaga Pengarah telah meluluskan Penilaian Keberkesanan Pengurusan Risiko Organisasi, yang menghuraikan sifat atau ciri-ciri dan tahap kematangan amalan Pengurusan Risiko Organisasi. Ini dibincangkan dengan lebih lanjut di muka surat 43.

Pengurusan Kesenambungan Urusan

Fungsi Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi telah diperkembangkan bagi merangkumi pengurusan kesinambungan urusan. Rancangan bagi tahun 2009 adalah untuk memastikan kesinambungan fungsi urusan kritikal Perbadanan sekiranya berlaku sesuatu bencana. Ujian awal pelan kesinambungan urusan telah berjaya dijalankan.

Sebagai sebahagian daripada pengurusan kesinambungan urusan, kami membangunkan dan melaksanakan Pelan Kesenambungan Urusan Selesema Pandemik, bagi menguruskan risiko yang berbangkit daripada penularan selesema Pandemik H1N1.

Bagi memastikan pemahaman yang jelas mengenai pelan kesinambungan urusan, 42 orang kakitangan telah ditauliahkan sebagai perancang Kesenambungan Urusan Niaga Bertauliah pada tahun 2009.

Perkhidmatan Nasihat Risiko

Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi juga menyediakan khidmat nasihat risiko bagi projek dan inisiatif utama korporat. Bahagian ini memberi pandangan berkenaan polisi dan prosedur utama, terlibat secara aktif dalam proses penilaian penyedia perkhidmatan, dan sebagai ahli jawatankuasa yang dianggotai oleh wakil daripada pelbagai Bahagian, antara lain, seperti Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti, Jawatankuasa Pematuhan Korporat, Jawatankuasa Pengemudi Teknologi Maklumat dan Pasukan Petugas Sistem Pengurusan Rekod.

Perkongsian Maklumat dan Pengetahuan

Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi juga berkongsi pengalaman dengan organisasi lain, bagi tujuan menanda aras, serta mempelajari daripada cabaran dan situasi praktikal yang dihadapi oleh organisasi lain. Pada tahun 2009, Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi juga menjadi tuan rumah program lawatan sambil belajar Pengurusan Risiko Organisasi dengan wakil daripada *Nigeria Deposit Insurance Corporation*, mengadakan sebilangan sesi perkongsian maklumat dan menyertai lawatan sambil belajar.



Latihan simulasi Pengurusan Kesenambungan Urusan PIDM


STRUKTUR PENGAWASAN PENGURUSAN RISIKO ORGANISASI

Struktur Pengawasan Pengurusan Risiko Organisasi kami menjelaskan kebertanggungjawaban dan tanggungjawab bagi pengurusan risiko. Ini memastikan aktiviti pengurusan risiko kekal sesuai dan berhemat, dan risiko utama diurus dan dipantau secara berterusan.

TADBIR URUS KORPORAT

MENGURUS RISIKO KAMI

Gambar Rajah: Struktur Pengawasan Pengurusan Risiko Organisasi PIDM



Lembaga Pengarah bertanggungjawab penuh bagi pengawasan risiko utama PIDM. Lembaga Pengarah, menerusi Jawatankuasa Audit, memastikan sistem pengurusan risiko yang sesuai dan berhemat untuk mengurus risiko utama urusan PIDM, telah dilaksanakan dan sentiasa dikaji semula.

Jawatankuasa Audit bertanggungjawab untuk memastikan polisi, prosedur dan amalan yang kukuh dilaksanakan untuk mengurus risiko utama PIDM. Jawatankuasa akan mengkaji semula bersama-sama dengan pihak Pengurusan dan menasihati Lembaga Pengarah mengenai polisi yang dibangunkan dan dilaksanakan bagi mengurus pendedahan risiko PIDM. Ketua Pegawai Risiko melapor kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit. Ketua Pegawai Risiko juga menganggotai Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif.

Jawatankuasa Audit juga bertanggungjawab bagi pengawasan tugas fungsi Pengurusan Risiko Organisasi dan bagi penggajian, prestasi, pengawasan Ketua Pegawai Risiko, dan memastikan fungsi Pengurusan Risiko Organisasi mempunyai jumlah dan kualiti sumber

yang mencukupi untuk melaksanakan peranannya. Pandangan Pengerusi Jawatankuasa Audit hendaklah diambil kira sebelum pelantikan atau penamatan perkhidmatan Ketua Pegawai Risiko dan beliau juga mengendalikan sesi temuduga masuk dan keluar dengan Ketua Pegawai Risiko.

Ketua Pegawai Risiko, sebagai ketua fungsi Pengurusan Risiko Organisasi, bertanggungjawab bagi pelaksanaan, pembangunan dan penyelenggaraan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi. Fungsi Pengurusan Risiko Organisasi menyokong dan menyediakan maklumat kepada Jawatankuasa Audit mengenai semua aktiviti dan hasil proses Pengurusan Risiko Organisasi (iaitu mengenal pasti, menaksir, menilai, mengendali, memantau dan menyelaras komunikasi risiko utama yang memberi kesan kepada PIDM). Fungsi Pengurusan Risiko Organisasi juga menyediakan penilaian dan cadangan kepada Jawatankuasa Audit, untuk mempertingkatkan keupayaan pengurusan risiko PIDM. Ketua Pegawai Risiko menyediakan laporan berterusan kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah.



Fungsi Pengurusan Risiko Organisasi juga bertindak sebagai sekretariat kepada kedua-dua Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi dan Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi. Ketua Pegawai Risiko merupakan ahli *ex-officio* kedua-dua jawatankuasa.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi merupakan jawatankuasa pengurusan kanan. Ia menyediakan pengawasan dan hala tuju bagi pelaksanaan dan penggunaan konsisten sistem Pengurusan Risiko Organisasi, bagi keseluruhan organisasi. Jawatankuasa pengurusan ini menerajui pengurusan risiko, serta mengurus dan memantau pendedahan risiko dan aktiviti Pengurusan Risiko Organisasi PIDM di peringkat keseluruhan organisasi.

Di setiap mesyuarat, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi akan mempertimbangkan perkara penting yang perlu diusulkan bagi perhatian Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi menyokong peranan

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi. Ia memudahkan cara dan menyelaraskan aktiviti Pengurusan Risiko Organisasi dan perancangan strategik di peringkat operasi di seluruh organisasi. Ini termasuk mengemas kini penilaian dan penarafan risiko yang sedia ada, memantau prestasi terhadap pelan mitigasi setiap Bahagian dan mengemas kini pelan tersebut. Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi terdiri daripada wakil daripada setiap Bahagian.

Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan bertanggungjawab untuk menjalankan penilaian bebas dan pengesahan keberkesanan dan pematuhan proses pengurusan risiko organisasi, dan menyediakan jaminan kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah bahawa Perbadanan mempunyai proses Pengurusan Risiko Organisasi yang berkesan dan polisi pengurusan risiko dipatuhi.


Kakitangan PIDM adalah bertanggungjawab untuk mengurus dan melaporkan sumber risiko. Pengurusan risiko adalah tanggungjawab semua kakitangan PIDM.

TADBIR URUS KORPORAT

MENGURUS RISIKO KAMI

RISIKO YANG MEMBERI KESAN KEPADA PIDM

Kami mengkategorikan bidang risiko yang memberi kesan kepada PIDM dalam carta di bawah:



Inisiatif utama dan pelan tindakan, yang merupakan sebahagian daripada Rancangan Korporat 2010 - 2012 kami, telah dibangunkan untuk menangani risiko utama yang dikenal pasti, seperti yang diringkaskan di bawah.

Risiko Insurans

PIDM meneruskan pembangunan polisi, proses dan sistem untuk mengendalikan pembayaran balik deposit, intervensi dan resolusi kegagalan bank. Sementara itu, kami telah membangunkan pelan kontinjensi untuk menangani mana-mana isu yang mungkin timbul sebelum penyempurnaan polisi, proses dan sistem.

Kami bercadang untuk memulakan pembangunan program pematuhan, yang berhubung kait dengan rangka kerja surcaj premium, bagi memastikan institusi anggota dan institusi kewangan lain yang terjamin mematuhi Akta, peraturan dan garis panduan PIDM.

Risiko Reputasi

Kami mempertingkatkan program kesedaran awam sejak beberapa tahun kebelakangan ini, dan akan meneruskan pembangunan program komunikasi kami ke

arah mencapai tahap kesedaran yang disasarkan melalui Rancangan Komunikasi Bersepadu.

Risiko Operasi

Berikutan kejayaan penyempurnaan Pelan Kesenambungan Urusan pada tahun 2009, kami membangunkan Pelan Pemulihan Bencana dan infrastrukturnya. Kami akan mengendalikan latihan, sesi kesedaran dan ujian bagi memastikan kesinambungan fungsi urusan kritikal PIDM sekiranya berlaku bencana.

Salah satu bidang tumpuan utama bagi tempoh perancangan ialah pengurusan modal insan. Sementara kami terus memantapkan keupayaan dan kepakaran dalaman melalui program pembelajaran dan pembangunan tahunan, kami juga akan membangunkan dan melaksanakan Rangka Kerja Pengurusan Pengetahuan.

Polisi Klasifikasi Maklumat bertujuan memastikan maklumat sulit dan sensitif diuruskan dengan betul. Oleh itu, Polisi ini akan disepadukan ke dalam Portal Enterpris Korporat, bagi menyepadukan maklumat, individu dan proses merentasi Perbadanan.

RANGKA KERJA PENILAIAN KEBERKESANAN PENGURUSAN RISIKO ORGANISASI

Pada tahun 2009, kami membangunkan dan melaksanakan Rangka Kerja Penilaian Keberkesanan Pengurusan Risiko Organisasi, bagi membolehkan kami menilai tahap keberkesanan program dan amalan Pengurusan Risiko Organisasi kami. Rangka kerja ini dibangunkan untuk mempertingkatkan keupayaan Pengurusan Risiko Organisasi, dan akan membantu kami mengenal pasti ciri-ciri Pengurusan Risiko Organisasi yang berkesan, boleh dinilai, dan menyediakan hala tuju untuk terus menambah baik amalan Pengurusan Risiko Organisasi kami.

Rangka kerja tersebut dibangunkan berpandukan Model Kematangan Risiko Persatuan Pengurusan Risiko dan Insurans, disesuaikan dengan kriteria dan ciri-ciri yang paling sesuai dengan operasi PIDM.

Lapan ciri tersebut merupakan "kecekapan teras", yang mengukur tahap pengurusan risiko yang diamalkan oleh Pengurusan dan dilaksanakan di PIDM. Terdapat lima tahap kematangan bagi setiap ciri tersebut daripada tahap Ad-hoc (tahap paling asas) hingga tahap Kepimpinan (tahap paling tinggi) dalam proses dan amalan Pengurusan Risiko Organisasi. Rangka kerja tersebut menyediakan instrumen untuk menilai keberkesanan program dan amalan Pengurusan Risiko Organisasi kami. Ini adalah untuk memastikan bahawa kami mempunyai amalan terbaik serta proses pengurusan risiko yang berkesan dan berterusan. Takrifan setiap ciri diringkaskan dalam Jadual berikut.

TAHAP KEMATANGAN	TAHAP 1 AD-HOC	TAHAP 2 PERMULAAN	TAHAP 3 BERULANG	TAHAP 4 TERURUS	TAHAP 5 KEPIMPINAN
CIRI-CIRI					
1. Perspektif Organisasi	Tahap sokongan eksekutif terhadap pendekatan berasaskan Pengurusan Risiko Organisasi dalam budaya korporat. • Apakah tahap strategik Pengurusan Risiko Organisasi dalam budaya Perbadanan?				
2. Pengurusan Proses	Tahap proses Pengurusan Risiko Organisasi disepadukan ke dalam proses urusan, menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif untuk melaksanakan proses Pengurusan Risiko Organisasi. • Sejauh mana penerapan Pengurusan Risiko Organisasi dalam Perbadanan?				
3. Pengurusan Kecenderungan Risiko	Batasan risiko yang diterima dan mengukur toleransi risiko yang boleh diterima oleh Pengurusan. • Sejauh mana terperinci kami mengukur kecenderungan risiko dan tahap toleransi, dari segi kualitatif dan kuantitatif?				
4. Disiplin Punca Penyebab	Tahap perincian terbabit dalam pengukuran punca penyebab sesuatu masalah. • Sejauh mana kepastian kami bahawa punca penyebab isu telah ditangani?				
5. Penemuan Risiko	Liputan kualiti dan penembusan aktiviti penilaian risiko dalam mendokumen risiko dan peluang. • Sudahkah kami mengenal pasti semua risiko?				
6. Pengurusan Prestasi	Tahap perkaitan pengurusan risiko dengan prestasi dan ganjaran. • Bagaimana tanggungjawab pengurusan risiko dikaitkan dengan prestasi, kenaikan gaji dan bonus?				
7. Kesenambungan dan Kemapanan Urusan	Tahap aspek kemapanan proses Pengurusan Risiko Organisasi disepadukan ke dalam perancangan operasi. • Sejauh mana operasi menganggap kesinambungan urusan dalam perancangan atau proses baharu mereka?				
8. Infrastruktur dan Risikan Risiko	Penggunaan sistem pengurusan risiko dan data untuk mendokumen, memantau dan melapor risiko. • Adakah kami dilengkapi dengan instrumen dan sumber yang mencukupi untuk melaksanakan aktiviti Pengurusan Risiko Organisasi?				

Kami menjalankan penilaian melalui soal selidik yang diisi oleh anggota Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi. Hasilnya menunjukkan bahawa kematangan keseluruhan kami adalah pada "Tahap 3: Berulang".

TADBIR URUS KORPORAT

MENGURUS RISIKO KAMI

Ini menunjukkan bahawa PIDM telah membangunkan proses risiko yang penting untuk organisasi dan mengguna pakai proses ini secara konsisten dan tetap dalam hampir semua projek. Polisi dan prosedur risiko Perbadanan dijadikan rasmi dan disebar, dan manfaat Pengurusan Risiko Organisasi difahami di semua peringkat.

Sesebuah organisasi perlu mencari tahap yang mencukupi dan yang paling sesuai untuk mengurus ketaktentuan urus niaga. Kemajuan ke tahap yang lebih tinggi mungkin mengambil masa yang panjang, kerana ia melibatkan pemupukan budaya risiko di semua peringkat, merentasi disiplin dan bahagian, menerapkan pertimbangan risiko ke dalam semua proses di semua peringkat, dan menghubungkan pengurusan risiko dengan penilaian prestasi secara rasmi. Oleh sebab Perbadanan masih berkembang, proses Pengurusan Risiko Organisasi masih terus dipertingkatkan.

KESIMPULAN

Sukacitanya kami melaporkan bahawa PIDM telah mencapai kemajuan yang menggalakkan pada tahun 2009, khususnya dalam melaksanakan Piagam Pengurusan Risiko Organisasi secara formal, menjalankan penilaian keberkesanan Pengurusan Risiko Organisasi, dan melaksanakan pengurusan kesinambungan urusan. Pengurusan Risiko Organisasi adalah semakin penting dan fungsi Pengurusan Risiko Organisasi semakin diperlukan, mengikut permintaan Bahagian lain, dalam inisiatif dan projek utama di PIDM. Kami menganggap ini sebagai satu pengesahan bahawa satu budaya risiko yang kukuh sedang diamalkan di Perbadanan.

Pengurusan Risiko Organisasi merupakan disiplin pengurusan yang masih dibangunkan. Pertubuhan Piawaian Antarabangsa (ISO), piawaian antarabangsa yang pertama bagi Pengurusan Risiko Organisasi - ISO 31000:2009, baru saja diterbitkan pada 15 November 2009. Kami merancang untuk menanda aras amalan semasa kami terhadap piawaian ISO pada tahun 2010. Di PIDM, kami komited untuk membangunkan suatu sistem Pengurusan Risiko Organisasi yang sesuai untuk bidang urusan kami, berkesan, dan disepadukan dengan baik dengan fungsi PIDM. Ini merupakan sebahagian daripada usaha kami untuk membina sebuah organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik.



TADBIR URUS KORPORAT


PENYATAAN TADBIR URUS

PENGENALAN

Diwujudkan sejak tahun 2006, Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah (Polisi) menggariskan 15 piawaian berdasarkan prinsip atau amalan tadbir urus korporat terbaik. Lembaga Pengarah memainkan fungsinya sejajar dengan Polisi dan menyampaikan laporan kepada pemegang kepentingannya setiap tahun mengenai pematuhan piawaian ini.

Penyataan ini merupakan laporan Lembaga Pengarah mengenai cara PIDM mengguna pakai dan mematuhi amalan terbaik yang ditetapkan dalam setiap piawaian dalam Polisi ini.

STRUKTUR TADBIR URUS KAMI



TADBIR URUS KORPORAT

PENYATAAN TADBIR URUS

PENYATAAN KAMI

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya melaporkan pematuhan penuh dengan kesemua 15 piawaian Polisi ini pada tahun 2009.

LEMBAGA PENGARAH

Komposisi, Pelantikan dan Ganjaran

Lembaga Pengarah terdiri daripada tujuh orang Pengarah, dengan bidang kemahiran dan pengalaman berkaitan yang luas. Dua daripada Pengarah ini merupakan Pengarah *ex-officio*, iaitu, Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Semua Pengarah adalah bukan eksekutif, bagi tujuan mengekalkan kebebasan Lembaga Pengarah. Ketua Pegawai Eksekutif bukan seorang ahli Lembaga Pengarah.

Menteri Kewangan melantik kelima-lima Pengarah bukan *ex-officio*, atas cadangan Lembaga Pengarah. Salah seorang Pengarah adalah daripada sektor awam. Pengerusi mesti mempunyai pengalaman dalam sektor swasta, dan tiga orang Pengarah yang lain mempunyai pengalaman dalam sektor swasta dengan sekurang-kurangnya seorang daripada mereka dengan pengalaman sektor perbankan dan kewangan yang berkaitan. Mereka yang mempunyai konflik kepentingan adalah tidak dibenarkan, di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM), untuk menjadi Pengarah, contohnya, pegawai institusi anggota, mana-mana individu yang memegang jawatan atau kedudukan dalam sesebuah parti politik, atau mana-mana ahli dewan perundangan.

Pada Februari 2009, Menteri Kewangan melantik seorang Pengarah bukan *ex-officio* baharu untuk memenuhi kekosongan jawatan. Empat daripada lima Pengarah bukan *ex-officio* asal (yang tamat tempoh pelantikan pertama pada bulan Ogos 2008) juga disambung tempoh jawatan sejajar dengan terma pelantikan semula mereka oleh Menteri Kewangan.

Pada tahun 2009, Pengarah-pengarah menerima sejumlah RM432,403 secara kolektif sebagai ganjaran bagi Lembaga Pengarah dan kerja Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Akta PIDM menggariskan tanggungjawab keseluruhan Lembaga Pengarah bagi pengendalian urusan dan hal ehwal PIDM, dan tanggungjawab Pengarah untuk melaksanakan tugas secara jujur, bebas dan penuh ketelitian. Huraian mengenai harapan ahli Lembaga Pengarah dinyatakan dalam huraian jawatan, serta dalam Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah. Akta PIDM, Polisi tersebut dan huraian tugas boleh didapati di laman web PIDM, www.pidm.gov.my, di bahagian bertajuk "Tadbir Urus PIDM".

Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah

Pada tahun 2009, enam mesyuarat Lembaga Pengarah (termasuk satu mesyuarat Lembaga Pengarah khas mengenai perundangan) dan satu sesi perancangan strategik diadakan, dengan kehadiran seperti yang berikut:

LEMBAGA PENGARAH	KEHADIRAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH	SESI PERANCANGAN STRATEGIK
Tan Sri Dato' Abdul Aziz Haji Taha (Pengerusi, bukan <i>ex-officio</i>)	5/6	✓
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz (<i>ex-officio</i>)	5/6	X
Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah (<i>ex-officio</i>)	4/6	X
Tan Sri Dato' Sri Dr. Sulaiman Mahbob (Bukan <i>ex-officio</i>)	4/6	X
Datuk Dr Abdul Samad Haji Alias (Bukan <i>ex-officio</i>)	4/6	X
Encik Michael Wong Kuan Lee (Bukan <i>ex-officio</i>)	6/6	✓
Encik David Dass (Bukan <i>ex-officio</i>)	5/6	✓

TUGAS LEMBAGA PENGARAH

Bahagian seterusnya menghuraikan pematuhan Lembaga Pengarah terhadap prinsip dan piawaian dalam Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah pada tahun 2009.

Tahun-tahun Awal Penubuhan 2006 - 2008

Berikutan tahun-tahun awal penubuhan, Lembaga Pengarah dapat melaporkan pematuhan penuh kepada kesemua 15 prinsip dan piawaian dalam Polisi ini bagi tahun 2008.

Tinjauan Tugas Lembaga Pengarah pada tahun 2009

Lembaga Pengarah juga dapat melaporkan pematuhan penuh terhadap kesemua 15 piawaian bagi tahun kewangan berakhir Disember 2009.

Pada tahun 2009, Lembaga Pengarah telah mematuhi sepenuhnya semua piawaian dalam Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah.

Jadual yang berikut menggariskan laporan terperinci tugas Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah meneruskan pelaksanaan tugasnya yang berkaitan dengan semua piawaian tersebut. Bagaimanapun, Lembaga Pengarah juga, seperti biasa pada awal tahun, mengenal pasti bidang tumpuan khusus tertentu untuk tahun terbit. Pada tahun 2009, dua bidang utama dipilih oleh Lembaga Pengarah untuk diberi tumpuan yang berkaitan dengan piawaian berikut:

- (i) Pengurusan penggantian Lembaga Pengarah (Piawaian No. 4)
- (ii) Pelan pengurusan penggantian bagi pengurusan kanan utama (Piawaian No. 8).

Lembaga Pengarah mengenal pasti bahawa aspek-aspek berikut adalah penting dan melibatkan proses yang berterusan, dan Lembaga Pengarah akan meneruskan usaha mempertingkatkan aspek ini bagi tahun-tahun yang akan datang.



TADBIR URUS KORPORAT

PENYATAAN TADBIR URUS

HURAIAN PIAWAIAN	LAPORAN PEMATUHAN PADA TAHUN 2009
Piawaian 1: Kebebasan Lembaga Pengarah	
Ahli Lembaga Pengarah akan melaksanakan penilaian dengan bebas.	Akta PIDM membezakan peranan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif, bagi memastikan kebebasan. Semua Pengarah juga adalah bukan eksekutif dan mesti menggunakan penilaian bebas untuk bertindak demi kepentingan PIDM.
Piawaian 2: Keberkesanan dan tanggungjawab tadbir urus Lembaga Pengarah	
Lembaga Pengarah akan memperoleh dan mengekalkan kefahaman mengenai matlamat dan kuasa Perbadanan, serta tanggungjawab tadbir urusnya. Untuk mencapai piawaian ini, Lembaga Pengarah akan: (i) membangunkan dan mengekalkan pendekatan untuk memenuhi tanggungjawab itu dan akan menilai secara objektif, keberkesanan dalam tindakan sedemikian dari semasa ke semasa; dan (ii) memastikan Perbadanan mempunyai perancangan bagi program orientasi pengarah baharu dan latihan berterusan yang sesuai kepada tanggungjawab dan keperluan Lembaga Pengarah dari segi tadbir urus.	(i) Proses untuk menilai keberkesanan. Seajar dengan amalan terbaik, Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah menilai keberkesanan mereka pada setiap tahun, dan begitu juga setiap Pengarah. Seajar dengan amalan biasa, Lembaga Pengarah mengkaji semula proses ini pada Disember 2009 dan mempertimbangkan cara untuk mempertingkatkan proses ini pada masa hadapan. Di bawah pimpinan Pengerusi, Lembaga Pengarah bermesyuarat pada Februari 2010 bagi menyempurnakan penilaian keberkesanan bagi prestasi tahun 2009. Setiap Pengarah juga melakukan satu penilaian sendiri terhadap prestasi masing-masing dengan melengkapkan borang penilaian yang dirangka berdasarkan tugas dan tanggungjawab mereka. (ii) Orientasi. Pada tahun 2009, Lembaga Pengarah telah menformalkan Program Orientasi Lembaga Pengarah, bagi memastikan proses penyesuaian ahli Lembaga Pengarah yang baharu didokumenkan dengan betul. Objektif utamanya adalah untuk memastikan penyesuaian Pengarah baharu ke dalam Lembaga Pengarah dengan secepat mungkin, agar Lembaga Pengarah boleh memanfaatkan input Pengarah baharu ini dengan berkesan. Sebagai sebahagian daripada program ini, Lembaga Pengarah juga telah meluluskan "Panduan Pengarah" yang bermatlamat menyediakan maklumat penting untuk Pengarah baharu mengenai fungsi dan harapan utama Lembaga Pengarah. (iii) Sesi pendidikan. Seperti tahun-tahun sebelum ini, Lembaga Pengarah mengenal pasti sesi-sesi pendidikan yang akan diadakan pada awal tahun, dan pada tahun 2009, ahli Lembaga Pengarah terus terlibat dalam sesi pendidikan bagi pembangunan dan membina kefahaman mengenai organisasi dan persekitaran operasinya. Secara khusus, sesi maklumat telah diadakan mengenai pelbagai aspek mengenai operasi Perbadanan termasuk rangka kerja Pembayaran Balik Deposit, Projek Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank, dan Perancangan Kesenambungan Urusan. Satu sesi mengenai keadaan ekonomi di Malaysia telah diadakan. Ahli Lembaga Pengarah juga dijemput untuk menghadiri mana-mana sesi Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan sebagai pemerhati, dan menghadiri sesi taklimat oleh penceramah terkenal anjuran program ini. Ditubuhkan pada tahun 2008, program ini merupakan inisiatif bersama PIDM dan BNM yang mengutamakan peningkatan amalan tadbir urus korporat di kalangan institusi kewangan di Malaysia. (iv) Mesyuarat Bersama Tiga Pihak Penginsurans Deposit Serantau yang Pertama. PIDM juga menjadi tuan rumah mesyuarat bagi pertukaran maklumat bersama dua penginsurans deposit serantau. Di mesyuarat ini, Ahli Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan bertemu dengan rakan sejawat mereka daripada <i>Deposit Protection Agency of Thailand</i> dan Lembaga Penjamin Simpanan Indonesia, bagi tujuan pertukaran maklumat, pengetahuan dan pengalaman dalam insurans deposit serta membina hubungan kerja. Ini merupakan satu acara penting kerana mesyuarat seumpama ini diadakan buat pertama kalinya. Mesyuarat seterusnya akan diadakan pada tahun 2010 di tempat yang akan ditentukan.
Piawaian 3: Peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa	
Apabila melantik sesebuah jawatankuasa, Lembaga Pengarah akan menentukan tanggungjawab dan bidang kuasa Jawatankuasa Lembaga Pengarah, serta keperluan kebertanggungjawaban bagi jawatankuasa ini.	Keperluan tanggungjawab, bidang kuasa dan kebertanggungjawaban Jawatankuasa Lembaga Pengarah diuraikan dalam piagam masing-masing. Piagam-piagam tersebut disemak pada tahun 2009 bagi memastikan piagam kekal terkini dan relevan. Perubahan utama kepada Piagam Jawatankuasa Audit yang dipinda, menunjukkan struktur pelaporan baharu daripada Ketua Pegawai Risiko kepada Jawatankuasa Audit.

HURAIAN PIAWAIAN	LAPORAN PEMATUHAN PADA TAHUN 2009
Piawaian 4: Komposisi dan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah	
Komposisi Lembaga Pengarah hendaklah mengekalkan unsur kebebasan serta mempunyai gabungan kemahiran dan keupayaan yang sesuai, memandangkan objektif dan hala tuju strategik Perbadanan. Bagi mencapainya, Lembaga Pengarah, dengan perbincangan bersama Ketua Pegawai Eksekutif, akan: (i) membangunkan satu profil kemahiran dan keupayaan yang diperlukan bagi menyokong pelaksanaan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan menasihati Menteri Kewangan berkenaan dengan gabungan sesuai yang diperlukan bagi memenuhi kekosongan jawatan ahli Lembaga Pengarah bukan <i>ex-officio</i> ; (ii) membangunkan rancangan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah untuk mengemukakan cadangan kepada Menteri Kewangan bagi memastikan pengurusan penggantian Pengarah secara teratur.	Latar belakang. Pada tahun 2007, Lembaga Pengarah mewujudkan rancangan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah, yang merangkumi Polisi Tempoh Pemegangan Jawatan, Persaraan dan Pengurusan Penggantian, dan proses membangunkan profil Lembaga Pengarah dan profil setiap ahli. Rancangan ini telah dimaklumkan kepada Menteri Kewangan sebagai sebahagian daripada cadangan Lembaga Pengarah bagi pelantikan Pengarah. Pelaksanaan rancangan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah. Pada awal tahun 2009, Lembaga Pengarah telah merancang untuk mengemukakan cadangan kepada Menteri Kewangan berkenaan dengan kekosongan jawatan dalam Lembaga Pengarah pada Ogos 2009, berikutan proses rancangan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah mengenal pasti senarai calon yang sesuai dengan profil yang dikehendaki bagi keanggotaan Lembaga Pengarah. Senarai ini dikemas kini dari semasa ke semasa, bagi tujuan mencadangkan pelantikan Pengarah, sekiranya diperlukan. Berikutan proses ini, Lembaga Pengarah berjaya melaksanakan rancangan pengurusan penggantian bagi memenuhi kekosongan jawatan yang tidak dijangka pada Januari 2009. Analisis bagi mengenal pasti kekurangan dalam tahap kemahiran. Pada tahun 2009 (seperti pada tahun 2008), Lembaga Pengarah juga menjalankan analisis bagi mengenal pasti kekurangan dalam tahap kemahiran, dengan mengambil kira mandat berkanun, objektif, hala tuju strategik dan keperluan semasa PIDM. Tujuan analisis adalah untuk memastikan wujud gabungan kemahiran dan keupayaan yang sesuai dalam Lembaga Pengarah. Fokus terhadap perancangan jangka panjang. Pada tahun 2009, memandangkan tempoh pelantikan kedua kebanyakan Pengarah bukan <i>ex-officio</i> akan berakhir (secara berperingkat), Lembaga Pengarah juga mengambil pendekatan jangka masa yang panjang dalam perancangan penggantian agar dapat menjangka, dan menangani perubahan kritikal kepada komposisi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah, kepimpinan serta sebarang perubahan kepada persekitaran operasi. Rancangan jangka panjang ini akan dikaji semula setiap tahun bagi memastikan rancangan ini kekal relevan dan sesuai. Lembaga Pengarah bercadang untuk meneruskan tumpuan terhadap rancangan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah pada tahun 2010 dan seterusnya.
Piawaian 5: Peranan dan tanggungjawab Ketua Pegawai Eksekutif	
Tanggungjawab dan kebertanggungjawaban Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah dibezakan dan didokumentasikan dengan jelas. Sehubungan ini, Lembaga Pengarah akan: (i) membangunkan huraian jawatan Ketua Pegawai Eksekutif; (ii) membangunkan set objektif korporat sekurang-kurangnya sekali setahun yang mana pencapaiannya dipertanggungjawabkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan menilai prestasinya terhadap objektif tersebut; dan (iii) mewujudkan hubungan kebertanggungjawaban Ketua Pegawai Eksekutif kepada Lembaga Pengarah.	Ini telah dibezakan dan didokumentasikan bagi memberi kejelasan huraian jawatan bagi kedua-dua peranan. Sehubungan ini: (i) Huraian jawatan Ketua Pegawai Eksekutif dikaji semula setiap tahun sejak tahun 2006. Pada tahun 2009, Lembaga Pengarah membuat beberapa pindaan kepada huraian jawatannya bagi mengkhususkan tanggungjawab peruntukan maklumat kepada Lembaga Pengarah, dan menunjukkan amalan yang diguna pakai dalam peruntukan maklumat kepada Lembaga Pengarah. Setiap tahun, seperti yang dijalankan pada tahun 2009, Lembaga Pengarah mengendalikan kaji selidik penilaian kepuasan terhadap sokongan pihak Pengurusan dari segi peruntukan maklumat kepada Lembaga Pengarah, dan pada tahun 2010, mengguna pakai amalan penarafan khusus bagi menilai tahap kepuasannya. (ii) Petunjuk Prestasi Utama (PPU) bagi Ketua Pegawai Eksekutif ditentukan berdasarkan objektif korporat PIDM. Prestasi beliau juga dipantau dan dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah, dengan sokongan Jawatankuasa Ganjaran pada akhir tahun; dan (iii) Di bawah Akta PIDM, Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah bagi pelaksanaan kuasa dan tugasnya.

TADBIR URUS KORPORAT

PENYATAAN TADBIR URUS

HURAIAN PIAWAIAN	LAPORAN PEMATUHAN PADA TAHUN 2009
Piawaian 6: Pelantikan pegawai korporat kanan	
Lembaga Pengarah akan melantik pegawai korporat kanan Perbadanan (selain Ketua Pegawai Eksekutif) dan menentukan tempoh jawatan dan ganjaran mereka.	Lembaga Pengarah melantik dua pegawai korporat kanan pada tahun 2006 dan seorang lagi pada tahun 2007. Lembaga Pengarah juga meluluskan jawatan Ketua Pegawai Operasi pada akhir tahun 2009.
Piawaian 7: Ganjaran pegawai	
Lembaga Pengarah akan memastikan, secara berterusan, bahawa ganjaran yang diterima oleh pegawai dan kakitangan PIDM adalah sejajar dengan pencapaian mapan objektif Perbadanan, pengurusan berhemat hal ehwal dan risiko yang dihadapinya, serta pematuhan kepada polisi dan prosedur.	Polisi ganjaran dan manfaat kakitangan, serta polisi pengurusan prestasi, telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Polisi tersebut adalah sejajar dengan model urusan kami, yang menghendaki pasukan kerja khusus yang berupaya mencapai mandat kami dan kerjasama dengan rakan strategik utama dan penyedia perkhidmatan, sekiranya diperlukan. Lembaga Pengarah menanda aras tahap penggajian berbanding penggajian industri secara berterusan bagi memastikan PIDM kekal berdaya saing dari segi ganjaran, dan keputusan kaji selidik kepuasan kerja kakitangan tahunan menunjukkan kepuasan kakitangan dengan ganjaran dan manfaat.
Lembaga Pengarah akan mengkaji semula program ganjaran bagi semua pengarah, dan mengemukakan cadangan kepada Menteri Kewangan berkenaan dengannya.	Lembaga Pengarah mengkaji semula program ganjaran bagi semua pengarah dan mengemukakan cadangan kepada Menteri Kewangan pada tahun 2008. Memandangkan semakan terkini pada tahun 2008, tiada semakan seterusnya dijalankan pada tahun 2009. Menteri Kewangan menentukan ganjaran Lembaga Pengarah, atas cadangan Lembaga Pengarah. Setiap ahli Lembaga Pengarah dibayar fi tahunan, bersama elaun bagi kehadiran mesyuarat.
Piawaian 8: Rancangan pengurusan penggantian	
Lembaga Pengarah akan merancang penggantian Ketua Pegawai Eksekutif dan mengkaji semula rancangan penggantian bagi jawatan pengurusan kanan utama.	Lembaga Pengarah mempertimbangkan dan meluluskan rancangan pengurusan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif pada Februari 2009. Proses perancangan pengurusan penggantian merupakan proses yang berterusan, yang menghendaki pembangunan calon yang berkelayakan tinggi. Oleh itu, Lembaga Pengarah akan terus menyelia pelaksanaan rancangan ini pada tahun 2009 dan rancangan pengurusan penggantian bagi jawatan pengurusan kanan utama telah dibangunkan.
Piawaian 9: Piawaian tata laku dan etika	
Lembaga Pengarah akan mewujudkan piawaian tata laku dan etika bagi Pengarah, pegawai dan kakitangan lain di Perbadanan, dan memperoleh jaminan secara berterusan, bahawa Perbadanan mempunyai proses berterusan, sesuai dan berkesan bagi memastikan kepatuhan terhadap piawaian tersebut.	Lembaga Pengarah mewujudkan piawaian tata laku dan etika yang patut diamalkan oleh pengarah dan kakitangan melalui Kod Tata Laku dan Etika Urusan, serta Kod Konflik Kepentingan. Pihak Pengurusan melaporkan pematuhan kepada Kod ini kepada Lembaga Pengarah setiap tahun. Semua kakitangan menghadiri sesi taklimat mengenai Kod ini dan diingatkan agar mengamalkan nilai-nilai korporat. Polisi Pendedahan Maklumat Berkenaan Salah Laku di Tempat Kerja menyediakan mekanisme yang membolehkan kakitangan dan penyedia perkhidmatan melaporkan sebarang salah laku. Program pematuhan rasmi yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah boleh didapati daripada laman web PIDM di www.pidm.gov.my dalam bahagian bertajuk "Tadbir Urus PIDM". Program pematuhan ini juga melibatkan penubuhan Jawatankuasa Pematuhan Korporat, dengan objektif memastikan pelaksanaan tanggungjawab tadbir urus korporat dan pengawasan bagi pematuhan kepada undang-undang, peraturan, kod industri, polisi dan prosedur, kewajipan kontrak dan piawaian organisasi yang berkaitan dengan Perbadanan. Laporan pematuhan tahunan dikemukakan kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Audit, mengenai kepatuhan dengan piawaian ini. Polisi Pelantikan Kaunsel Perundangan Berasingan Bebas dan Kaunsel yang Lain membolehkan Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah melantik penasihat bebas. Pada masa yang sama, Lembaga Pengarah mempunyai keyakinan terhadap kesesuaian dan pematuhan sistem yang sedia ada.

HURAIAN PIAWAIAN	LAPORAN PEMATUHAN PADA TAHUN 2009
Piawaian 10: Risiko utama kepada Perbadanan	
Lembaga Pengarah akan:	
(i) mencapai kefahaman mengenai risiko utama urusan Perbadanan;	(i) Lembaga Pengarah mencapai kefahaman mengenai risiko utama kepada PIDM menerusi penerimaan dan penyemakan laporan tetap mengenai kekukuhan institusi anggota. Lembaga Pengarah juga menerima dan menyemak laporan tetap daripada pihak Pengurusan dan Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi mengenai risiko terhadap urusan dan hal ehwalnya, bagi memperoleh kefahaman ciri-ciri dan tahap risiko utama terhadap PIDM.
(ii) memastikan sistem pengurusan risiko yang sesuai dan berhemat dilaksanakan dan sentiasa dikaji semula; dan	(ii) Pada tahun 2009, Lembaga Pengarah memastikan sistem pengurusan risiko yang sesuai dan berhemat dilaksanakan. Antara lain, sejajar dengan komitmen terhadap Penyataan Polisi Pengurusan Risiko Organisasi, Lembaga Pengarah: <ul style="list-style-type: none"> • memantau pematuhan terhadap program Pengurusan Risiko Organisasi bagi memastikan pelaksanaan amalan pengurusan risiko secara konsisten di seluruh PIDM; • memantau pelaksanaan satu lagi kitaran lengkap proses Pengurusan Risiko Organisasi oleh pihak Pengurusan, dan menerima laporan tetap mengenai risiko yang mengenal pasti polisi, kawalan dan pelan mitigasi bagi menangani risiko yang dikenal pasti; • mengambil kira hasil pelaksanaan Rangka Kerja Penilaian Keberkesanan Pengurusan Risiko Organisasi, dan seterusnya mengenal pasti aspek yang perlu ditambah baik; dan • mempertimbangkan dan meluluskan profil risiko utama PIDM dalam laporan risiko tahunan PIDM. <p>Berkuat kuasa dari tahun 2009, Ketua Pegawai Risiko melapor secara langsung kepada Jawatankuasa Audit dari segi pelaksanaan fungsi, bagi memastikan kebebasan daripada pihak Pengurusan.</p>
(iii) memperoleh jaminan yang wajar, secara berterusan, bahawa sistem ini dipatuhi dan risiko yang memberi kesan kepada Perbadanan terus diurus secara efektif.	(iii) Lembaga Pengarah juga menerima laporan tetap daripada Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan mengenai pematuhan terhadap kawalan dalaman dan bidang audit utama yang tertentu. Bahagian ini juga mengesahkan laporan Pengurusan Risiko Organisasi, menerusi audit yang dijalankan terhadap pematuhan dengan kawalan dalaman. Ini membolehkan Lembaga Pengarah mempunyai keyakinan bahawa polisi pengurusan risiko dipatuhi. Berkuat kuasa pada tahun 2009, Ketua Pegawai Risiko akan mengemukakan representasi kepada Lembaga Pengarah pada setiap tahun berkaitan dengan kebertanggungjawabannya terhadap Pengurusan Risiko Organisasi. Pada masa yang sama, Lembaga Pengarah mempunyai keyakinan terhadap kesesuaian dan pematuhan sistem yang sedia ada.

TADBIR URUS KORPORAT

PENYATAAN TADBIR URUS

HURAIAN PIAWAIAN	LAPORAN PEMATUHAN PADA TAHUN 2009
Piawaian 11: Persekitaran kawalan dan audit dalaman	
<p>Lembaga Pengarah akan memastikan Perbadanan mempunyai persekitaran kawalan yang menyokong pengurusan berhemat ke atas operasi dan risiko yang berkenaan (termasuk risiko yang menghalang pencapaian matlamatnya) serta mempunyai polisi dan amalan efektif bagi memastikan integriti kawalan dalaman dan sistem pengurusan maklumat.</p> <p>Sehubungan ini, Lembaga Pengarah akan:</p> <p>(i) memperuntukkan sumber dan menubuhkan kumpulan audit dalaman bagi menetapkan mandatnya;</p> <p>(ii) meluluskan pelan audit setiap tahun; dan</p> <p>(iii) memperoleh jaminan wajar daripada kumpulan audit dalaman secara tetap berkaitan dengan pemantauan dan pematuhan kawalan dalaman, integriti sistem dan tindakan sepatutnya diambil bagi menangani sebarang kelemahan atau kegagalan yang dikenal pasti.</p>	<p>Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko PIDM dan memperoleh jaminan berkaitan daripada pihak Pengurusan, Ketua Pegawai Risiko dan Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan. Sehubungan dengan ini:</p> <p>(i) Lembaga Pengarah menubuhkan fungsi audit dalaman, meluluskan mandatnya, dan memperuntukkan sumber bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan tanggungjawabnya. Ini telah dikaji semula pada tahun 2009.</p> <p>(ii) Lembaga Pengarah melaksanakan proses bagi meluluskan pelan audit tiga tahun pada setiap tahun. Pada tahun 2009, Lembaga Pengarah meluluskan pelan bagi tahun 2010 hingga 2012. Prestasi pencapaian pelan audit ini akan dilaporkan dan disemak dua kali setahun.</p> <p>(iii) Rangka kerja kawalan dalaman Perbadanan disempurnakan pada Februari 2007. Pada Februari 2009, Lembaga Pengarah mempertimbangkan laporan audit dalaman mengenai penilaian pematuhan pihak Pengurusan terhadap kawalan dalaman dengan menggunakan kriteria yang diluluskan. Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan menyediakan jaminan yang wajar mengenai pematuhan terhadap kawalan dalaman dan integriti sistem kawalan dalaman. (Lihat Penyataan Kawalan Dalaman, di muka surat 60).</p>
Piawaian 12: Dalam kawalan	
<p>Lembaga Pengarah akan mendapatkan jaminan sewajarnya secara tetap bahawa Perbadanan berada "dalam kawalan".</p> <p>(Nota: Konsep "dalam kawalan" merujuk kepada keadaan operasi Perbadanan di bawah tadbir urus Lembaga Pengarah yang berkesan dan diurus berpandukan proses pengurusan strategik dan risiko yang berterusan dalam persekitaran kawalan yang sesuai. Kelemahan yang berkaitan akan dikenal pasti, ditangani dan dikemukakan bagi perhatian Lembaga Pengarah).</p>	<p>Pada tahun 2009, Lembaga Pengarah memperoleh, sejajar dengan kriteria yang ditetapkan dalam rangka kerja, jaminan yang wajar bahawa urusan dan hal ehwal PIDM diurus secara berkesan menurut proses pengurusan strategik dan risiko dalam persekitaran kawalan yang sesuai. Lihat Penyataan Kawalan Dalaman di muka surat 60, dan rencana bertajuk "Mengurus Risiko Kami" di muka surat 38.</p>

HURAIAN PIAWAIAN	LAPORAN PEMATUHAN PADA TAHUN 2009
Piawaian 13: Proses pengurusan strategik	
<p>Lembaga Pengarah bertanggungjawab bagi menyemak dan mengawasi pembangunan dan meluluskan rancangan dan hala tuju strategik Perbadanan, dengan mengambil kira kelebihan dan risiko yang dihadapi oleh Perbadanan.</p> <p>Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Lembaga Pengarah akan:</p> <p>(i) menilai objektif Perbadanan dari semasa ke semasa bagi memastikan objektif kekal relevan, dan sekiranya perlu, mencadangkan perubahan untuk pertimbangan Menteri Kewangan;</p> <p>(ii) melaksanakan proses perancangan strategik;</p> <p>(iii) sekurang-kurangnya sekali setahun, meluluskan objektif dan strategi operasi, bajet operasi, bajet modal, rancangan peminjaman, rancangan korporat dan kadar premium yang sesuai dan berhemat memandangkan objektif, persekitaran terkini dan yang dijangka, risiko, sumber dan kedudukan kewangan;</p> <p>(iv) sentiasa menilai prestasi Perbadanan dalam melaksanakan perancangan dan bajet yang diluluskan; dan</p> <p>(v) memperoleh jaminan secara tetap bahawa Perbadanan mempunyai proses pengurusan strategik yang berkesan.</p>	<p>Mesyuarat perancangan strategik Lembaga Pengarah diadakan pada Oktober 2009, bagi mempertimbangkan dan menentukan hala tuju strategik Perbadanan bagi tempoh perancangan korporat 2010 - 2012. Satu analisis risiko dan kelebihan juga dijalankan.</p> <p>Lembaga Pengarah menilai objektif PIDM bagi mempertimbangkan perkaitannya dalam kaji semula Akta PIDM.</p> <p>Proses perancangan strategik telah dilaksanakan oleh PIDM sejak penubuhannya.</p> <p>Setiap tahun, Lembaga Pengarah meluluskan Rancangan Korporat tiga tahun sejajar dengan piawaian ini, dan Rancangan Korporat ini diterbitkan dan diedarkan kepada pemegang kepentingan utama.</p> <p>Laporan tetap mengenai prestasi Rancangan Korporat diedarkan kepada ahli Lembaga Pengarah, dan dipertimbangkan secara terperinci oleh Jawatankuasa Audit.</p> <p>Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan memberikan jaminan ini secara tetap.</p>
Piawaian 14: Komunikasi yang berkesan	
<p>Lembaga Pengarah akan memastikan bahawa Perbadanan berkomunikasi secara berkesan dengan orang ramai, BNM, badan berkanun atau pengawalselia yang lain, pendeposit, institusi anggota dan pihak berkaitan yang lain.</p>	<p>Lembaga Pengarah terus mengekalkan hubungan interaksi dengan pelbagai pemegang kepentingan menerusi beberapa saluran. Setiap tahun, Rancangan Korporat PIDM diedarkan kepada pemegang kepentingan utama. Bersempena dengan penerbitan laporan tahunan kami, sesi dialog tahunan diadakan dengan pemegang kepentingan. Lembaga Pengarah juga menghadiri Program Capaian Korporat di Kuching pada Julai 2009.</p> <p>Lembaga Pengarah juga meneruskan pemantauan usaha komunikasi oleh pihak Pengurusan dan laporan suku tahun disediakan kepada Lembaga Pengarah.</p>
Piawaian 15: Kajian semula Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah	
<p>Lembaga Pengarah akan mengkaji semula Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah setiap tahun bagi memastikan polisi ini kekal responsif terhadap situasi dan keperluan Perbadanan dan terus sejajar dengan perundangan yang dipatuhi oleh Perbadanan, mandat Perbadanan, panduan hal tadbir urus yang khusus bagi badan berkanun dan amalan terbaik yang diiktiraf.</p>	<p>Dalam semakan Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah pada Mei 2009, Lembaga Pengarah mendapati bahawa polisi ini kekal terkini dan relevan dengan keperluan dan situasi PIDM. Lembaga Pengarah juga mengambil kira struktur tadbir urus masih memuaskan, ditanda aras terhadap senarai semakan Persekutuan Akuntan Antarabangsa dalam laporannya bertajuk 'Governance in the Public Sector - A Governing Body's Perspective' (Ogos 2001). Tambahan lagi, Lembaga Pengarah, menerusi Jawatankuasa Tadbir Urus, juga menyemak struktur tadbir urusnya terhadap U.S. Companies' 'Key Agreed Principles to Strengthen Corporate Governance' yang diterbitkan oleh Persatuan Kebangsaan Pengarah Korporat Amerika Syarikat (U.S. National Association of Corporate Directors) pada Januari 2009 dan mengesahkan amalan kami adalah sejajar dengan prinsip-prinsip ini.</p>

TADBIR URUS KORPORAT

PENYATAAN TADBIR URUS

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah telah menubuhkan tiga Jawatankuasa Lembaga Pengarah, iaitu: Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Tadbir Urus. Piagam jawatankuasa tersebut boleh didapati di Lampiran Laporan Tahunan.

Jawatankuasa Audit

Keahlian dan Kehadiran Mesyuarat

Jawatankuasa Audit mengadakan lima mesyuarat pada tahun 2009. Kehadiran ahli Jawatankuasa Audit di mesyuarat adalah seperti berikut:

JAWATANKUASA AUDIT	KEHADIRAN MESYUARAT
Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias (Pengerusi)	5/5
Tan Sri Dato' Sri Dr. Sulaiman Mahbob	2/5
Encik Michael Wong Kuan Lee	5/5
Encik David Dass	2/5*

*Encik Dass dilantik pada Jun 2009.

Pada Jun 2009, Lembaga Pengarah melantik seorang ahli tambahan Jawatankuasa Audit bagi tujuan perancangan pengurusan penggantian ahli Jawatankuasa.

Piagam Jawatankuasa Audit

Piagam Jawatankuasa Audit digariskan dalam Lampiran di muka surat 189. Piagam Jawatankuasa Audit menghendaki mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya empat kali setahun. Jawatankuasa perlu memastikan penyata kewangan disediakan mengikut prinsip perakaunan yang diluluskan dan memberi maklumat tepat mengenai hal ehwal kewangan PIDM dengan cara yang paling komprehensif. Jawatankuasa ini juga perlu memastikan bahawa juruaudit dalaman dan luaran tidak mempunyai sebab untuk meragui sebarang aspek akaun atau kawalan dan prosedur audit PIDM. Jawatankuasa ini menasihati Lembaga Pengarah mengenai isu-isu pelaporan kewangan, perakaunan dan kawalan dalaman yang lain serta pengurusan kewangan, dan menyokong proses pengurusan strategik. Jawatankuasa Audit juga memainkan fungsi pengawasan risiko utama dan peranan ini didokumentasikan dengan lengkap dalam Rangka Kerja dan Garis Panduan Pengurusan Risiko Organisasi.

Ringkasan Aktiviti Tahun 2009

Berikut ialah laporan ringkasan kerja Jawatankuasa Audit pada tahun 2009:

- (a) **Pergantungan pada audit dalaman.** Pada tahun 2009, Jawatankuasa Audit mempertimbangkan tiga laporan audit dalaman yang diterbitkan oleh Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan, termasuk audit terhadap pengurusan publisiti PIDM, penilaian keselamatan dan ujian penembusan, serta pelaporan kewangan PIDM bagi tahun berakhir 31 Disember 2008. Jawatankuasa Audit juga mempertimbangkan laporan setengah tahun juruaudit dalaman bagi prestasi tindakan pihak Pengurusan terhadap rancangan yang menyusul laporan audit; dan audit juruaudit luaran bagi penyata kewangan tahun 2008. Laporan mengenai audit penyata kewangan tahun 2009 oleh juruaudit luaran akan dipertimbangkan pada Februari 2010. Jawatankuasa Audit juga mempertimbangkan semakan kawalan dalaman, yang disiarkan dalam laman web kami di bahagian "Tadbir Urus PIDM".
- (b) **Maklumat.** Jawatankuasa Audit mempertimbangkan semua perkara yang dibawa kepada perhatiannya pada tahun 2009. Jawatankuasa ini mempunyai akses secara langsung kepada juruaudit luaran dan pihak Pengurusan PIDM serta kaunsel bebas luaran. Pada tahun 2009, Jawatankuasa ini mengadakan dua sesi perbincangan tertutup bersama pihak Pengurusan dan satu sesi bersama juruaudit luaran sebagai suatu amalan tadbir urus yang baik. Sesi perbincangan tertutup juga diadakan sebagai platform bagi juruaudit luaran untuk mengetengahkan perkara-perkara yang perlu diberi perhatian. Jawatankuasa Audit berpuas hati bahawa tiada sebarang perkara sedemikian dikemukakan.
- (c) **Pelaporan secara langsung.** Juruaudit Dalaman dan Ketua Pegawai Risiko melapor secara langsung kepada Jawatankuasa Audit. Jawatankuasa Audit juga menilai prestasi mereka.
- (d) **Pelaporan kewangan.** Jawatankuasa Audit memperoleh kefahaman mengenai laporan kewangan serta memantau ketepatan, keandalan dan kejelasan maklumat kewangan. Jawatankuasa ini juga mempertimbangkan laporan tahunan dan bajet dengan terperinci, dan memastikan bahawa laporan kewangan dalam laporan tahunan disediakan kepada pemegang kepentingan PIDM tepat pada masanya, dan dibentangkan di Parlimen mengikut kehendak undang-undang.

- (e) **Proses pelaporan kewangan, polisi perakaunan dan struktur kawalan dalaman.** Jawatankuasa Audit mempertimbangkan polisi perakaunan dan mendapati tiada sebarang perubahan ketara dalam polisi perakaunan bagi tahun 2009. Jawatankuasa ini mengkaji semula dan memaklumkan kepada Lembaga Pengarah mengenai penyata kewangan tahunan, perbincangan dan analisis pengurusan, setelah mengambil kira laporan audit luaran dan semakan integriti proses pelaporan kewangan dan laporan kawalan dalaman serta representasi pihak Pengurusan. Jawatankuasa Audit juga menyemak pelan audit dalaman dan mengemukakan untuk kelulusan Lembaga Pengarah, dan mengambil kira bahawa pihak Pengurusan mempunyai proses pelaporan perancangan kewangan dan pemantauan hasil sebenar berbanding bajet kepada Jawatankuasa Audit. Berhubung dengan kawalan perakaunan dalaman, Jawatankuasa Audit memperoleh pengesahan bertulis daripada Ketua Juruaudit Dalaman mengenai sistem kawalan dalaman organisasi.
- (f) **Pengawasan pengurusan kewangan.** Pada tahun 2009, Jawatankuasa Audit memenuhi tanggungjawab berhubung dengan pengawasan pengurusan kewangan, iaitu, berkaitan dengan bajet tahunan, pelaburan dan pengawasan perbelanjaan pegawai korporat. Jawatankuasa Audit menerima laporan tetap mengenai prestasi Rancangan Korporat 2009. Secara khususnya, Jawatankuasa Audit menyemak Rancangan Korporat 2010 - 2012 yang mengandungi pelan bajet operasi dan modal tahunan, dan mengemukakan perkara ini kepada Lembaga Pengarah.
- (g) **Fungsi audit dalaman.** Jawatankuasa Audit menyemak piagam audit dalaman pada tahun 2009. Jawatankuasa ini juga menyemak pelan audit, bajet dan sumber yang diperlukan oleh fungsi audit dalaman dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah, serta memantau prestasi fungsi audit dalaman berbanding pelan audit dua kali setahun, dan memastikan kebebasan fungsi audit dalaman. Perubahan kepada Piagam Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan dinyatakan dalam Penyataan Kawalan Dalaman, muka surat 62.
- (h) **Pengurusan risiko.** Berkaitan pengurusan risiko, Jawatankuasa Audit menyediakan nasihat dan sokongan kepada Lembaga Pengarah mengenai perkara yang dilaporkan di bawah Piawaian No. 10 hingga 12 Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah, di muka surat 51 Laporan Tahunan ini. Jawatankuasa Audit juga mempertimbangkan dan mencadangkan

kepada Lembaga Pengarah mengenai Piagam Pengurusan Risiko Organisasi, yang mengandungi, antara lain, struktur pelaporan Ketua Pegawai Risiko dan Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi kepada Jawatankuasa Audit. Jawatankuasa Audit juga bersetuju dengan Rangka Kerja Penilaian Keberkesanan Pengurusan Risiko Organisasi. Butiran lanjut dibincangkan di bahagian "Mengurus Risiko Kami", di muka surat 38.

- (i) **Pematuhan Etika dan Perundangan.** Pada tahun 2009, Jawatankuasa Audit menyemak Kod Konflik Kepentingan dan bersetuju bahawa tiada perubahan diperlukan. Jawatankuasa Audit juga telah menyemak Kod Tata Laku dan Etika Urusan bagi kakitangan dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah untuk meminda kod tersebut bagi memberikan panduan kepada kakitangan ketika berurusan dengan pihak yang meminta maklumat walaupun ia tidak memerlukan maklumat tersebut. Pada Januari 2009, Jawatankuasa Audit juga telah menyemak program pematuhan PIDM dan program yang telah dipertingkatkan ini disiarkan dalam laman web PIDM di www.pidm.gov.my. Jawatankuasa Audit juga telah menyemak laporan pematuhan dengan undang-undang dan peraturan berkaitan, serta Kod Tata Laku dan Etika Urusan serta Kod Konflik Kepentingan, dan mendapati tiada insiden ketakpatuhan terhadap undang-undang dan peraturan serta Kod yang diguna pakai.
- (j) **Polisi Pendedahan Awam Maklumat.** Salah satu tanggungjawab utama Jawatankuasa Audit adalah untuk mengkaji pendedahan awam maklumat kewangan daripada penyata kewangan Perbadanan (selain pendedahan awam dalam penyata kewangan tahunan dan Perbincangan dan Analisis Pengurusan). Dalam memenuhi tanggungjawab ini, Jawatankuasa Audit juga mencadangkan kepada Lembaga Pengarah, kelulusan bagi Polisi Pendedahan Awam Maklumat yang dipertingkatkan. Objektif Polisi ini adalah untuk menggariskan kedudukan Perbadanan mengenai pendedahan awam maklumat yang boleh dibuat dalam pelaksanaan tugas atau fungsi seseorang pegawai atau Pengarah di bawah Akta PIDM. Polisi ini boleh didapati di laman web kami.
- (k) **Semakan Piagam.** Pindaan tertentu kepada Piagam Jawatankuasa Audit bagi menyepadukan amalan pengurusan risiko organisasi juga dicadangkan oleh Jawatankuasa Audit bagi kelulusan Lembaga Pengarah pada Februari 2009. Semakan tahunan seterusnya terhadap Piagam ini akan dilaksanakan pada Februari 2010.

TADBIR URUS KORPORAT

PENYATAAN TADBIR URUS



Jawatankuasa Ganjaran

Kehadiran dan Kehadiran Mesyuarat

Ahli Jawatankuasa Ganjaran dan bilangan mesyuarat yang dihadiri oleh setiap ahli pada tahun 2009 adalah seperti berikut:

JAWATANKUASA GANJARAN	KEHADIRAN MESYUARAT
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz (Pengerusi)	2/2
Encik Michael Wong Kuan Lee	2/2
Encik David Dass*	2/2

*dillantik sebagai ahli Jawatankuasa pada 18 Februari 2009

Piagam Jawatankuasa Ganjaran

Piagam Jawatankuasa Ganjaran dinyatakan dalam Lampiran di muka surat 187. Piagam Jawatankuasa Ganjaran menghendaki Jawatankuasa bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun dan Jawatankuasa ini hendaklah menyemak dan mengemukakan cadangan kepada Lembaga Pengarah berkaitan pelbagai isu sumber manusia, seperti ganjaran, pematuhan kepada keperluan perundangan berkaitan sumber manusia, polisi kakitangan, latihan, perancangan pengurusan penggantian, aduan dan perkara-perkara berkaitan sumber manusia yang lain.

Ringkasan Aktiviti Tahun 2009

Beberapa perkara penting yang dilaksanakan atau disemak oleh Jawatankuasa Ganjaran pada tahun 2009 dinyatakan di bawah. Jawatankuasa ini:

- (a) meneruskan pemantauan pelaksanaan Strategi Modal Insan, termasuk pembangunan Model Kecekapan PIDM. Model ini mentakrif kecekapan dari segi tingkah laku dan fungsi teras, yang membolehkan pengenalan "profil kecekapan" bagi setiap kakitangan dan menyepadukan model ini dengan proses utama;

- (b) mengambil kira laporan pematuhan terhadap polisi utama berkaitan sumber manusia dan keperluan perundangan, serta Kod Konflik Kepentingan dan Kod Tata Laku dan Etika Urusan bagi Pengarah dan Kakitangan;

- (c) menilai prestasi Ketua Pegawai Eksekutif pada tahun 2009 berbanding objektif dan PPU yang diluluskan dan mengemukakan cadangan kepada Lembaga Pengarah. Jawatankuasa juga mempertimbangkan penyata objektif dan petunjuk prestasi utama Ketua Pegawai Eksekutif bagi tahun 2010 dan mengemukakan cadangan kepada Lembaga Pengarah;

- (d) mempertimbangkan kaji selidik daya saing pasaran bagi menanda aras pakej ganjaran kakitangan terkini berbanding pasaran, dan menangani hal ehwal ganjaran yang berkaitan dengan kakitangan. Jawatankuasa ini juga meluluskan ganjaran bonus sejajar dengan polisi ganjaran dan manfaat yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah;

- (e) mempertimbangkan perancangan pengurusan penggantian bagi memastikan pemimpin terkini dan berpotensi digalakkan untuk terus kekal dalam perkhidmatan organisasi dan mengembangkan kerjaya mereka bagi memastikan kesediaan untuk memegang jawatan kritikal;

- (f) menyemak keputusan kaji selidik kepuasan kerja kakitangan bagi tahun 2008; dan

- (g) mempertimbangkan dan mengesyorkan program biasiswa bagi warganegara Malaysia yang memerlukan bantuan kewangan untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Program ini akan bermula pada tahun 2010.

Jawatankuasa Tadbir Urus

Kehadiran dan Kehadiran Mesyuarat

Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus dan bilangan mesyuarat yang dihadiri oleh setiap ahli pada tahun 2009, adalah seperti berikut:

JAWATANKUASA TADBIR URUS	KEHADIRAN MESYUARAT
Tan Sri Dato' Abdul Aziz Haji Taha (Pengerusi)	3/3
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz	3/3
Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah	2/3

Piagam Jawatankuasa Tadbir Urus

Piagam Jawatankuasa Tadbir Urus dinyatakan dalam Lampiran di muka surat 184. Piagam Jawatankuasa Tadbir Urus menghendaki Jawatankuasa bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun. Tanggungjawab utama Jawatankuasa Tadbir Urus termasuk memastikan struktur dan proses yang sesuai bagi menyediakan pengawasan dan hala tuju berkesan bagi aktiviti PIDM. Ia juga memastikan pelaksanaan polisi tadbir urus amalan terbaik dan piawaian tadbir urus yang tinggi, menyemak keseimbangan kemahiran, pengalaman dan pengetahuan yang sesuai bagi Lembaga Pengarah dan mengenal pasti tahap kekurangan kemahiran, serta mencadangkan pelantikan jawatan bukan *ex-officio* kepada Lembaga Pengarah pada masa hadapan.

Ringkasan Aktiviti 2009

Jawatankuasa Tadbir Urus menyokong usaha Lembaga Pengarah dalam bidang tadbir urus korporat, seperti yang diketengahkan dalam laporan di atas. Selain usaha ini, berikut merupakan sorotan utama yang berkaitan dengan usaha Jawatankuasa Tadbir Urus pada tahun 2009:

- (a) pembangunan pelan pendidikan tahunan Lembaga Pengarah bagi latihan dan pendidikan Pengarah mengenai operasi Perbadanan dan tanggungjawab tadbir urus secara berterusan;

- (b) pelaksanaan objektif Lembaga Pengarah bagi tahun 2009, yang mengandungi perancangan pengurusan penggantian bagi Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan utama;

- (c) semakan keanggotaan ketiga-tiga Jawatankuasa Lembaga Pengarah;

- (d) semakan pendekatan PIDM terhadap tadbir urus serta polisi berkaitan tadbir urus, termasuk Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah, Undang-Undang Kecil Korporat, serta huraian jawatan Ketua Pegawai Eksekutif, Pengerusi dan ahli Lembaga Pengarah;

- (e) menyemak dan mencadangkan Program Orientasi Lembaga Pengarah yang rasmi, termasuk Panduan Pengarah bagi Pengarah baharu;

- (f) menyemak dan mencadangkan proses rancangan pengurusan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif, dan mengawasi perancangan pengurusan penggantian dan bagi pengurusan kanan utama; dan

TADBIR URUS KORPORAT

PENYATAAN TADBIR URUS

(g) mengenal pasti profil Lembaga Pengarah, secara kolektif dan individu, serta pelaksanaan rancangan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah. Secara khusus, Jawatankuasa Tadbir Urus juga mengambil kira keperluan fokus jangka panjang bagi tempoh tiga hingga lima tahun yang akan datang, iaitu tahun-tahun kritikal dari segi perubahan yang mungkin berlaku dalam kepimpinan Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah; dan

(h) menyemak dan mempertingkatkan proses penilaian terhadap Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah, serta bagi penilaian keberkesanan sokongan pihak Pengurusan kepada Lembaga Pengarah dari segi peruntukan maklumat kepada Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa Tadbir Urus terus memantau perkembangan dalam tadbir urus korporat, dan mengkaji semula semua polisi tadbir urus utamanya berpandukan perkembangan ini.

KEMAJUAN JAWATANKUASA

Semua Jawatankuasa melaksanakan amalan memantau prestasi terhadap tanggungjawab utama mengikut Piagam berkenaan di setiap mesyuarat, dan mempertimbangkan rancangan tindakan bagi memenuhi tanggungjawab utama di bawah Piagam tersebut. Pada hujung tahun, Jawatankuasa menilai pencapaian mereka bagi keseluruhan tahun tersebut, dan setiap ahli melengkapkan soal selidik bagi menilai keberkesanan Jawatankuasa, yang kemudiannya dibincangkan di peringkat Lembaga Pengarah.

MAKLUMAT LAIN

Komunikasi dengan Pemegang Kepentingan

Polisi Komunikasi Perbadanan menggariskan objektifnya, antara lain, untuk:

(a) mewujudkan kesedaran dan pemahaman mengenai mandat Perbadanan dengan menyebarkan maklumat yang betul, tepat pada masanya dan relevan sebagai respons kepada keperluan pemegang kepentingan dan orang ramai bagi membantu mereka membuat keputusan bermaklumat mengenai simpanan dan pelaburan; dan

(b) menggalakkan ketelusan dan kebertanggungjawaban dengan menyediakan maklumat dan akses oleh orang ramai dan pemegang kepentingan bagi membina keyakinan dan sokongan.

Ini adalah sejajar dengan mandat PIDM yang merangkumi objektif menyumbang kepada atau menggalakkan kestabilan sistem kewangan.

Kami mengekalkan laman web yang mesra pengguna bagi menggalakkan akses kepada maklumat berkaitan urusan dan hal ehwal PIDM. Dari segi ketelusan, kami menyediakan maklumat mengenai polisi, amalan dan prosedur utama yang berkaitan dengan tadbir urus, etika dan pemerolehan.

Strategi komunikasi kami juga melibatkan penyebaran bahan maklumat PIDM kepada orang awam. Ini termasuk rancangan korporat, laporan tahunan dan risalah maklumat dalam empat bahasa utama. Risalah kami juga diterbitkan dalam bahasa Kadazandusun dan Iban. Maklumat lanjut mengenai inisiatif komunikasi kami boleh didapati di Bahagian 7.

KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN AUDIT

Pelaporan Kewangan

Kami telah mengguna pakai Piawaian Perakaunan di Malaysia bagi Entiti Selain Entiti Swasta yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia. Kami mentadbir dua sistem insurans deposit yang berbeza dan berasingan, satu untuk bank-bank konvensional dan satu lagi untuk bank-bank Islam. Kami menyediakan perakaunan dan laporan bagi kedua-dua kumpulan dana insurans deposit secara berasingan.

Laporan Pengarah bagi penyata kewangan tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2009 dan Penyataan Pengarah yang disertakan bersamanya boleh didapati di muka surat 94 dan seterusnya.

Kawalan Dalaman

Penyataan Kawalan Dalaman boleh didapati di muka surat 60 dalam Laporan Tahunan ini.

Pengurusan Risiko

Bahagian mengenai Perbincangan dan Analisis Pengurusan mengenai pengurusan risiko PIDM boleh didapati di muka surat 38 dalam Laporan Tahunan ini.

Audit

Menurut Akta PIDM, akaun PIDM diaudit oleh Ketua Juruaudit Negara mengikut Akta Audit 1957. Dari sudut pandangan operasi, kami mengekalkan hubungan kerjasama dengan juruaudit luaran kami daripada Jabatan Audit Negara, yang wakilnya dijemput untuk menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Audit. Sebagai satu amalan kebiasaan, wakil Jabatan Audit Negara akan menerima semua laporan dan dokumentasi Jawatankuasa Audit sebelum mesyuarat Jawatankuasa Audit tersebut. Sehubungan ini, mereka telah menghadiri tiga daripada lima mesyuarat Jawatankuasa Audit pada tahun 2009. Fi tahunan mereka boleh didapati di muka surat 123 Laporan Tahunan ini.

Pengurusan

Pihak Pengurusan Kanan bertanggungjawab bagi pengurusan harian PIDM di bawah pimpinan Ketua Pegawai Eksekutif, dengan kuasa menurut Akta PIDM dan huraian jawatan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pengurusan Kanan bertanggungjawab bagi fungsi masing-masing, dan Ketua Pegawai Kewangan, Pengurus Besar, Insurans, Penilaian Risiko dan Pemantauan, Kaunsel Am, serta Ketua Juruaudit Dalaman dan Ketua Pegawai Risiko dikehendaki menyediakan surat representasi bagi kebertanggungjawaban mereka kepada Ketua Pegawai Eksekutif atau Lembaga Pengarah, yang mana berkaitan. Pihak Pengurusan menyediakan surat representasi yang komprehensif kepada Lembaga Pengarah dan Jabatan Audit Negara sebagai sebahagian daripada audit akhir tahun. Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai

Kewangan juga menyediakan akaun berkanun lanjutan bagi penyata kewangan dan kualiti kawalan dalaman.

Para Pengarah mempunyai akses kepada rekod dan maklumat Perbadanan, kepada Setiausaha Korporat dan Pengurusan Kanan. Mereka menerima laporan yang terperinci secara tetap mengenai aspek kewangan dan operasi urusan Perbadanan dan boleh meminta penjelasan lanjut berkenaan dengan laporan tersebut pada bila-bila masa. Mereka juga menerima maklumat terkini mengenai perubahan dalam persekitaran operasi PIDM dari semasa ke semasa dan perkembangan utama dalam bidang insurans deposit.

Jawatankuasa-jawatankuasa utama yang berikut menyokong Ketua Pegawai Eksekutif dalam pengurusan operasi PIDM:

- (i) Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif
- (ii) Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi dan Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi
- (iii) Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti
- (iv) Jawatankuasa Pengemudi Teknologi Maklumat
- (v) Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan
- (vi) Jawatankuasa Pematuhan Korporat.

Jawatankuasa-jawatankuasa ini memperolehi kuasa mereka daripada Ketua Pegawai Eksekutif. Kehendak Lembaga Pengarah daripada pihak Pengurusan digariskan secara khusus dalam Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah.



TADBIR URUS KORPORAT

PENYATAAN KAWALAN DALAMAN



Penyataan Kawalan Dalaman (Penyataan) ini bertujuan menyediakan maklumat peringkat tinggi yang penuh bermanfaat mengenai keadaan sistem kawalan dalaman PIDM kepada pemegang kepentingan dan pembaca Laporan Tahunan PIDM.

PENGENALAN

Sebagai sebuah badan berkanun, tidak seperti entiti tersenarai, PIDM tidak dikehendaki membuat penyataan kawalan dalaman dalam laporan tahunan kami. Bagaimanapun, Lembaga Pengarah kami komited untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh, dan memperakui kepentingan membuat penyataan kawalan dalaman sebagai satu amalan tadbir urus korporat yang baik. Penyataan seumpama ini juga selaras dengan kehendak Lembaga Pengarah di bawah Piawalan No. 11 dan 12 Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah.

Penyataan ini telah disediakan, mengikut kesesuaian penggunaan, sejajar dengan Penyataan Kawalan Dalaman – Garis Panduan bagi Pengarah Syarikat Tersenarai Awam, yang diterbitkan sebagai garis panduan bagi syarikat-syarikat untuk mematuhi Syarat-Syarat Penyenaaraan Bursa Malaysia dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

Penyataan ini menggariskan ciri-ciri dan skop sistem kawalan dalaman PIDM semasa tahun kewangan tersebut.

TANGGUNGJAWAB BAGI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah menetapkan hala tuju strategik keseluruhan bagi PIDM. Ia memainkan fungsi pengawasan utama, dan memastikan Pengurusan mempunyai sistem pengurusan risiko yang berkesan dan sistem kawalan dalaman yang kukuh bagi mengekalkan tadbir urus korporat yang baik dalam PIDM. Lembaga Pengarah memperakui keperluan sistem kawalan dalaman yang kukuh bagi mencapai operasi yang cekap dan berkesan, pelaporan kewangan yang utuh, pematuhan ketat terhadap undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan, serta perlindungan kepentingan aset PIDM yang wajar.

Lembaga Pengarah memperakui keperluan sistem kawalan dalaman PIDM yang dibangunkan oleh Pengurusan untuk mengurus dan mengurangkan risiko, dan bukan menyingkirkan keseluruhan risiko kegagalan bagi mencapai mandat berkanun dan objektif Perbadanan.

Kaji semula keberkesanan, integriti dan kesesuaian sistem kawalan dalaman PIDM merupakan satu proses berterusan yang dilaksanakan secara bersepadu, dan melibatkan Jawatankuasa Audit, Pengurusan, Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi, Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan dan juruaudit luaran PIDM seperti berikut:

(a) Jawatankuasa Audit

Tanggungjawab utama Jawatankuasa Audit dinyatakan dalam Piagamnya. Jawatankuasa Audit menasihati Lembaga Pengarah mengenai isu-isu perakaunan dan kawalan dalaman serta pelaporan kewangan dan pengurusan. Jawatankuasa Audit juga berfungsi sebagai pengawal selia risiko utama.

Butir-butir terperinci mengenai Jawatankuasa Audit dinyatakan dalam Penyataan Tadbir Urus di muka surat 54.

(b) Pengurusan

Ketua Pegawai Eksekutif memperoleh kuasanya daripada Akta PIDM dan huraian tugas yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Beliau bertanggungjawab terhadap Lembaga Pengarah bagi pelaksanaan tanggungjawabnya, dan bukan seorang anggota Lembaga Pengarah.

Ketua Pegawai Eksekutif memenuhi tanggungjawabnya dengan menyediakan kepemimpinan dan hala tuju kepada Pengurusan. Beliau memastikan bahawa struktur organisasi PIDM dibahagikan mengikut fungsi, dan memastikan kuasa dan tanggungjawab diperuntukkan dengan sewajarnya. Ini membolehkan kakitangan Perbadanan membuat keputusan, menangani masalah atau melaksanakan penambahbaikan mengikut peringkat sewajarnya bagi menguruskan operasi dengan berkesan.

Sistem semak dan imbang yang bersesuaian telah dilaksanakan dalam PIDM. Ini diterapkan dalam penetapan hubungan pelaporan, yang melibatkan pelaporan secara langsung daripada bahagian operasi kepada Ketua Pegawai Eksekutif, dan bahagian tidak bersandaran dari segi fungsi, seperti Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan dan Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi, melapor secara langsung kepada Jawatankuasa Audit.

Semasa tahun kewangan tersebut, Pengurusan terus menyokong Lembaga Pengarah dalam pelaksanaan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi dan Rangka Kerja Kawalan Dalaman PIDM. Pengurusan meneruskan pemantapan keupayaan dan integriti kewangan dan operasi PIDM menerusi pengenalan dan peningkatan sistem, polisi, prosedur dan proses kewangan dan operasi utama secara berterusan. Pengurusan juga memastikan bahawa, sebelum pelaksanaan, sistem, polisi, prosedur dan proses dikaji semula oleh Bahagian Undang-Undang, Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi dan Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan bagi memastikan PIDM terus mematuhi undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan, tahap risiko dikurangkan dan kawalan diterapkan ke dalam polisi, prosedur dan proses ini.

(c) Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi

Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi meneruskan pelaksanaan Rangka Kerja dan Garis Panduan Pengurusan Risiko Organisasi. Rangka Kerja dan Garis Panduan ini berfungsi sebagai asas bagi program Pengurusan Risiko Organisasi untuk memastikan pengurusan risiko menjadi tanggungjawab semua kakitangan dan penggunaan amalan pengurusan risiko diselaraskan di seluruh PIDM.

Setiap tahun, melalui proses Pengurusan Risiko Organisasi, PIDM melaksanakan usaha pengenalan dan penilaian risiko secara menyeluruh menerusi bengkel kerja untuk mengenal pasti dan menilai risiko utama yang memberi kesan kepada Perbadanan dalam tempoh perancangan tersebut. Butir-butir terperinci mengenai usaha ini dinyatakan di muka surat 38.

Piagam Pengurusan Risiko Organisasi yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah memperincikan tanggungjawab, kuasa dan keperluan kebertanggungjawaban Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit, Ketua Pegawai Risiko, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi, Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi serta kakitangan dari segi Pengurusan Risiko Organisasi. Piagam itu tertakluk kepada kajian semula dari semasa ke semasa bagi memastikan ianya sentiasa relevan.

Rangka Kerja Penilaian Keberkesanan Pengurusan Risiko Organisasi juga telah dilaksanakan, yang membolehkan penilaian keberkesanan dan tahap kematangan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi PIDM.

Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan menjalankan audit secara tetap terhadap proses dan aktiviti Pengurusan Risiko Organisasi. Memandangkan kawalan dalaman yang mantap dalam sistem dan proses Pengurusan Risiko Organisasi, berdasarkan keputusan audit yang memuaskan daripada aktiviti audit terkini terhadap sistem dan proses Pengurusan Risiko Organisasi, mulai tahun 2010, audit terhadap Pengurusan Risiko Organisasi akan dikendalikan dua tahun sekali.

(d) Kakitangan Perbadanan

PIDM memperakui bahawa setiap kakitangan mempunyai tanggungjawab untuk membantu mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh. Pengurusan terus memupuk budaya kawalan dalaman dengan menekankan kepentingan latihan dan kesedaran mengenai nilai-nilai Perbadanan, mengelakkan percanggahan kepentingan, mematuhi kod tata laku dan etika urusan dan, mengkehendaki pengisytiharan tahunan aset dan liabiliti peribadi daripada kakitangan.

TADBIR URUS KORPORAT

PENYATAAN KAWALAN DALAMAN

Menerusi Bahagian Sumber Manusia, Pengurusan menekankan kepentingan nilai-nilai korporat melalui aktiviti melibatkan kakitangan. Antara lainnya, Bahagian Sumber Manusia memperuntukkan minggu-minggu khusus sepanjang tahun bagi mengutamakan aktiviti yang melibatkan kakitangan dan kerjasama bersepasukan (dikenali sebagai "Minggu Modal Insan"), menganjurkan ceramah kesedaran berkaitan kesihatan dan keselamatan, melaksanakan pelbagai program latihan dalaman dan menganjurkan majlis seperti hari keluarga dan makan malam tahunan.

Pengurusan memperakui kepentingan maklumat yang relevan bagi tujuan menguatkuasakan kawalan yang menambah baik proses dan operasi urusan. Sehubungan ini, Pengurusan memastikan saluran komunikasi sewajarnya yang bersesuaian disediakan bagi semua kakitangan. Saluran intranet telah dibangunkan bagi membolehkan kakitangan memperoleh berita perniagaan terkini, mendapatkan maklumat perniagaan masa lalu, peristiwa berkaitan kakitangan dan artikel relevan yang diterbitkan bagi memastikan kakitangan mengetahui perkembangan terkini dalam sistem kewangan. Tambahan lagi, semua kakitangan mempunyai akses kepada kemudahan Internet tertakluk kepada Polisi Penggunaan E-mel dan Internet. Jabatan Teknologi Maklumat menyekat akses ke laman web yang tidak dibenarkan, laman perangkaan sosial dan mengawal e-mel yang diterima daripada sumber yang tidak diketahui.

(e) Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan

Tanggungjawab Lembaga Pengarah bagi kawalan

Piawaian No. 11 Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah mengenai Persekitaran Kawalan dan Audit Dalaman menyatakan bahawa Lembaga Pengarah akan memastikan Perbadanan mempunyai persekitaran kawalan yang menyokong pengurusan operasi dan risiko yang dihadapinya secara berhemat dan mempunyai polisi dan amalan yang berkesan bagi memastikan integriti kawalan dalaman dan pengurusan sistem maklumat. Piawaian No. 12 Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah merujuk kepada tanggungjawab Lembaga Pengarah untuk memperoleh jaminan sewajarnya dari semasa ke semasa bahawa "kawalan dalaman Perbadanan dalam keadaan yang baik".

Peranan Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan dalam menyokong Lembaga Pengarah dan menilai kawalan dalaman

Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan menyokong Lembaga Pengarah bagi mematuhi Piawaian Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah dengan menyokong peranan pengawalseliaan Jawatankuasa Audit. Butir-butir selanjutnya mengenai Jawatankuasa Audit dinyatakan dalam Penyataan Tadbir Urus di muka surat 54.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurusan bertanggungjawab bagi struktur yang bersesuaian dan operasi sistem kawalan dalaman yang berkesan. Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan pula memainkan peranan penting dalam pengesahan pelaksanaan tanggungjawab oleh Pengurusan dengan menilai kawalan, pengurusan risiko, proses urusan dan tadbir urus serta memantau pengesyoran oleh Pengurusan berkaitan penambahbaikan dalam kawalan, pengurusan risiko, proses urusan dan tadbir urus. Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan menyediakan status perkembangan terkini berkaitan pelaksanaan penambahbaikan yang dicadangkan kepada Jawatankuasa Audit dua kali setahun.

Perancangan audit berasaskan risiko

Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan mengguna pakai pendekatan berasaskan risiko bagi perancangan audit, dan proses perancangan audit Bahagian itu menyepadukan perancangan korporat dan proses Pengurusan Risiko Organisasi. Keutamaan dan penetapan masa pembangunan dan pelaksanaan inisiatif korporat ini semasa tempoh perancangan korporat menetapkan keseluruhan hala tuju aktiviti audit dan perundingan Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan bagi tempoh perancangan korporat.

Khidmat perundingan dan nasihat

Sepanjang tahun 2009, Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan juga memenuhi permintaan dalaman bagi khidmat perundingan dan nasihat. Sebahagian besar operasi harian Bahagian ini diperuntukkan bagi menyediakan khidmat perundingan dan nasihat kepada pelbagai jawatankuasa kerja, pasukan tugas khas dan Bahagian tertentu berkenaan dengan projek atau inisiatif Rancangan Korporat PIDM.

Piagam Audit

Piagam Audit dikaji semula pada tahun 2009 bagi memastikan piagam ini sejajar dengan piawaian amalan terbaik yang diguna pakai, dan perubahan ini diluluskan oleh Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah. Piagam Audit yang terkini mengandungi peruntukan mengenai tanggungjawab Bahagian ini bagi mengekalkan dan memupuk hubungan kerja yang baik dengan Jabatan Audit Negara - juruaudit luaran PIDM, serta tanggungjawab Ketua Juruaudit Dalaman untuk memperoleh pandangan Ketua Pegawai Eksekutif dan Jawatankuasa Audit berkenaan dengan pelantikan pakar runding luaran untuk penyumberan bersama dan penyumberan luar audit. Pindaan ini juga mencerminkan amalan Ketua Juruaudit Dalaman (diguna pakai sejak pelaporan kewangan bagi tahun yang berakhir pada 31 Disember 2006) dalam menyediakan laporan tahunan kepada Jawatankuasa Audit mengenai kedudukan kawalan dalaman PIDM.

Keberkesanan Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan

Pada tahun 2009, Jawatankuasa Audit mengkaji semula keseluruhan prestasi dan operasi Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan bagi tahun 2009 sebanyak dua kali bagi memastikan Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan terus berfungsi dengan berkesan, dan prestasinya dipantau dan dinilai menurut aktiviti audit dan perundingan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah bagi tahun ini. Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan juga mendapatkan maklum balas dan cadangan pihak yang diaudit bagi setiap audit yang dijalankan, agar boleh meningkatkan prestasi Bahagian. Keputusan kaji selidik bagi tahun 2009 juga disemak oleh Jawatankuasa Audit.

(f) Juruaudit Luaran

Jabatan Audit Negara bertindak sebagai juruaudit luaran PIDM, seperti yang digariskan dalam Akta PIDM. Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan dan Jabatan Audit Negara menyelaraskan kerja audit masing-masing dan terus bekerjasama bagi kecekapan dan keberkesanan pada tahun 2009.

Pada tahun 2009, khususnya, juruaudit luaran terus merujuk kepada hasil audit Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan. Semasa tahun kewangan tersebut, juruaudit luaran bergantung pada keputusan audit yang dijalankan oleh Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan (Audit Pengurusan Publisiti Perbadanan) dalam mempertimbangkan audit pengurusan hal ehwal dan aktiviti perhubungan awam PIDM. Tahap rujukan juruaudit luaran pada hasil kerja Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan dilaporkan secara rasmi kepada Pengurusan dan Jawatankuasa Audit.

PERSEKITARAN KAWALAN DALAMAN PERBADANAN PADA TAHUN 2009

Teknologi Maklumat

Pengurusan meneruskan usaha mengukuhkan infrastruktur keselamatan maklumat. Semasa tahun kewangan tersebut, Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan mengambil pendekatan penyumberan bersama bagi menjalankan penilaian keselamatan ke atas sistem Teknologi Maklumat PIDM serta aset sistem maklumat Perbadanan. Audit ini dipilih berdasarkan risiko yang dikenal pasti oleh Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi, iaitu:

- risiko maklumat berkaitan dengan pendedahan maklumat sulit kepada kakitangan yang tidak dibenarkan atau orang awam; dan
- risiko Teknologi Maklumat berkaitan dengan ketidakpatuhan terhadap sistem aplikasi Teknologi Maklumat - sama ada maya atau fizikal.

Objektif audit ini terdiri daripada dua peringkat:

- untuk mengenal pasti dan menangani risiko dan jurang berkaitan dengan sistem dan persekitaran Teknologi Maklumat PIDM, keselamatan fizikal, keselamatan logik dan kawalan operasi yang dibentuk bagi melindungi perkakas, perisian dan data Perbadanan daripada akses yang tidak dibenarkan dan pemusnahan atau perubahan secara tidak sengaja atau disengajakan; dan
- untuk menjalankan ujian penembusan luaran dan analisis vulnerabiliti ke atas sistem Teknologi Maklumat yang terpilih dan aset sistem maklumat PIDM bagi memastikan sistem maklumat Perbadanan berfungsi dengan cekap dan berkesan.

Bagi mempertingkatkan kepentingan hasil kerja audit, cadangan audit untuk menangani isu-isu audit dan risiko berkaitan adalah berdasarkan piawaian yang diterima dan diguna pakai secara antarabangsa, sejajar dengan visi PIDM untuk menjadi penginsurans deposit amalan terbaik.

Tadbir urus Teknologi Maklumat PIDM terus dipertingkatkan dengan tumpuan khusus bagi menangani risiko Teknologi Maklumat. Dalam menyokong usaha penambahbaikan ini, kawalan Teknologi Maklumat baharu telah diguna pakai, yang merangkumi aktiviti yang berikut:

- memantapkan infrastruktur dan sistem Teknologi Maklumat;
- melaksanakan inisiatif bagi mengawal akses kepada sumber Internet seperti laman web yang tidak dibenarkan dan laman perangkaan sosial untuk mengelakkan kebocoran maklumat sulit;
- meningkatkan infrastruktur anti virus dan mengawal e-mel yang diterima daripada sumber yang tidak diketahui sebagai perlindungan daripada sebarang pencerobohan tanpa kebenaran ke dalam sistem Teknologi Maklumat;
- meningkatkan infrastruktur keselamatan rangkaian PIDM bagi memastikan rangkaian hubungan yang kukuh dan selamat; dan
- mengetatkan kawalan ke atas akses fizikal kepada premis dan aset PIDM.

Kesedaran mengenai Risiko dan Kawalan

PIDM terus memupuk budaya kawalan dalaman, seperti yang diuraikan sebelum ini dalam bahagian (d), di muka surat 61.

Secara khususnya, PIDM menganjurkan latihan kesedaran keselamatan bagi semua kakitangan untuk mengukuhkan konsep bahawa keselamatan maklumat merupakan ciri penting dalam proses urusan. Program ini juga bertujuan memberi motivasi dan peringatan kepada kakitangan berkaitan kehendak PIDM terhadap semua kakitangan bagi memastikan maklumat Perbadanan dilindungi dengan sewajarnya. Program ini akan terus diadakan setiap tahun.

TADBIR URUS KORPORAT

PENYATAAN KAWALAN DALAMAN

Sesi latihan pelaksanaan rangka kerja kawalan dalaman dan Pengurusan Risiko Organisasi *Committee of Sponsoring Organisations of the Treadway Commission (COSO)* diadakan dari 16 hingga 18 Mac 2009. Kakitangan PIDM menghadiri latihan itu, dan jemputan dilanjutkan kepada juruaudit dan golongan profesional bidang risiko daripada badan pengawalseliaan, Jabatan Audit Negara, firma perakaunan serta perbadanan insurans deposit serantau. Perbadanan juga menganjurkan (bersempena dengan Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan yang dipromosikan bersama oleh BNM dan PIDM), sesi taklimat malam mengenai 'Tanggungjawab Lembaga Pengarah bagi Pengurusan Risiko Organisasi dan Kawalan Dalaman' pada 18 Mac 2009, yang dihadiri oleh pengarah-pengarah institusi anggota.

Sistem, Polisi, Amalan dan Proses Utama

Pada tahun 2009, sistem, polisi, amalan dan proses utama yang berikut dilaksanakan sebagai sebahagian daripada sistem kawalan dalaman kami:

- Pengurusan terus mengutamakan kepentingan keberfungsionalan, tadbir urus dan pematuhan terhadap undang-undang, peraturan, kod industri, polisi dan prosedur, kewajipan kontrak dan piawaian organisasi yang berkaitan dengan PIDM. Sehubungan ini, PIDM mempertingkatkan program pematuhannya bagi:
 - menggalakkan budaya pematuhan dalam Perbadanan;
 - mencegah, mengenal pasti dan mengambil tindakan terhadap pelanggaran undang-undang, peraturan, kod industri, polisi dan prosedur, kewajipan kontrak atau piawaian organisasi yang berlaku dalam organisasi; dan

- membantu Perbadanan dalam menjadi warga korporat yang baik.

- Jawatankuasa Pematuhan ditubuhkan untuk menyokong Lembaga Pengarah PIDM dalam memenuhi tanggungjawab pengawalseliaan dan tadbir urus korporat berkaitan dengan kewajipan pematuhan Perbadanan.
- Selain representasi tahunan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Juruaudit Dalaman, Ketua Bahagian Insurans, Penilaian Risiko dan Pemantauan, berkenaan dengan tahun kewangan 2009, dan di bawah Piagam Pengurusan Risiko Organisasi, Ketua Pegawai Risiko juga akan menyediakan surat representasi kepada Lembaga Pengarah berkaitan dengan tanggungjawab dan keberfungsionalannya.
- Dalam membangunkan Rancangan Korporat, PIDM mengambil pendekatan yang bersepadu, iaitu risiko utama yang dihadapi oleh Perbadanan dikenal pasti dan dinilai menggunakan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi. Memandangkan landskap industri kewangan yang rumit dan dinamik pada tahun ini, PIDM mengguna pakai pendekatan perancangan senario dalam proses perancangan strategik. Pendekatan ini bertujuan memperkukuhkan kedudukan Perbadanan dari segi keberkesanan tindakan sekiranya berlaku peristiwa yang menghalang PIDM daripada pencapaian rancangan asalnya.
- Bajet tahunan PIDM disediakan berdasarkan Rancangan Korporat dan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah bagi mendapatkan kelulusan. Inisiatif korporat bagi

tahun ini dilaksanakan mengikut rancangan dan sasaran kewangan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Keputusan kewangan dipantau dan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit setiap suku tahun.

- Pelaporan prestasi berbanding Kad Skor peringkat Bahagian dilaksanakan setiap suku tahun. Unit Perancangan Korporat, seterusnya, memaklumkan perkembangan terkini kepada Pengurusan dan Lembaga Pengarah mengenai Kad Skor Korporat setiap suku tahun. Amalan ini sejajar dengan keperluan pelaporan Kad Skor seperti yang dipersetujui oleh Pengurusan dan Lembaga Pengarah.
- PIDM berusaha untuk bersedia dari segi operasi. Sehubungan ini, Rancangan Kesenambungan Urusan dan Rancangan Pemulihan Penyakit Berjangkit dan Jerebu telah dibangunkan bagi memastikan kesinambungan proses urus sekiranya berlaku bencana atau pandemik. Pembangunan Rancangan Pemulihan Bencana dan pengenaltapan tapak dan infrastruktur pemulihan bencana yang sesuai juga telah dimulakan.
- Pengurusan terus membangunkan sistem operasi teras. Fasa pertama Sistem Pembayaran Balik Deposit kepada Pendeposit (sistem Teknologi Maklumat bagi memastikan keberkesanan pembayaran balik deposit kepada pendeposit bagi jumlah yang diinsuranskan sekiranya berlaku kegagalan) telah dilaksanakan pada tahun ini; manakala fasa kedua telah dimulakan.
- PIDM membangunkan fasa pertama Portal Enterpris Korporat. Objektif Portal ini adalah untuk menambah baik dan mempertingkatkan sistem pengurusan dokumen PIDM, sistem pengurusan tugasan dan takwim organisasi dan sebagai pusat pangkalan maklumat hubungan korporat.
- Sistem Pengurusan Rekod Korporat telah dilaksanakan berikutan pelaksanaan Polisi Klasifikasi Maklumat.
- PIDM melaksanakan Sistem Maklumat Sumber Manusia (HRIS) yang melibatkan automasi proses-proses berkaitan pengurusan sumber manusia seperti permohonan cuti dan pengurusan tuntutan kakitangan (dilakukan secara manual sebelum ini).
- Sistem penilaian prestasi kakitangan yang dinamik dan berstruktur telah dilaksanakan, yang membolehkan penilaian prestasi kakitangan individu berbanding dengan Petunjuk Prestasi Utamanya (PPU). Selain penilaian kecekapan teknikal atau teras, Bahagian Sumber Manusia telah menerapkan kecekapan tata laku dan nilai-nilai etika sebagai kriteria dalam penilaian prestasi.

• PIDM menggalakkan persekitaran korporat yang kondusif, dengan memperkenalkan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan tanpa sebarang gangguan. Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan ditubuhkan bagi membantu Pengurusan memastikan penambahbaikan berterusan dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta pencegahan kemalangan pekerjaan, serta komitmen bagi memenuhi dan/atau mengatasi perundangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan berkaitan dan keperluan yang lain. Polisi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan PIDM dikaji semula setiap tahun oleh Pengurusan, dimaklumkan kepada semua kakitangan dan orang awam selaras dengan Komunikasi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. PIDM boleh melantik pakar runding audit luaran bagi menjalankan audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan untuk Perbadanan, sekiranya perlu.

• Pasukan petugas khas *Change Champion* ditubuhkan bagi menggalakkan kakitangan menyuarakan sebarang soalan dan/atau masalah menerusi kod, polisi dan prosedur ini dan menggalakkan komunikasi dan hubungan kerja yang lebih baik antara penyelia dengan anggota pasukan.

• Pemilihan polisi dan prinsip perakaunan berkaitan dengan pengurusan dan pelaporan kewangan PIDM adalah mengikut keperluan undang-undang dan piawaian yang ditetapkan dan polisi serta prinsip ini digunakan secara konsisten. Ini dibuktikan dengan pencapaian anugerah "Laporan Tahunan Terbaik" bagi Organisasi Bukan Senaraian Awam daripada Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (*National Annual Corporate Report Awards - NACRA*).

• Polisi dan prosedur operasi utama PIDM telah dilaksanakan, dan selainnya masih sedang dibangunkan. Polisi dan prosedur yang baru dirangka terus dikaji semula oleh Bahagian yang berkaitan, bagi memastikan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan dipatuhi, tahap risiko dikurangkan dan kawalan diterapkan ke dalam polisi dan prosedur. Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit sentiasa menerima laporan perkembangan terkini mengenai prestasi pembangunan polisi dan prosedur ini. Polisi dan prosedur kewangan dan operasi utama yang sedia ada dikaji semula dan dikemas kini dari semasa ke semasa bagi memastikan keupayaan dan integriti kewangan dan operasi PIDM terus diperkukuh dan kekal konsisten dengan piawaian amalan terbaik yang terpakai.

• Pengurusan menerima secara terbuka, cadangan kakitangan berkaitan cara-cara meningkatkan produktiviti, kualiti atau penambahbaikan lain yang serupa menerusi Kaji Selidik Kepuasan Kerja Kakitangan (korporat) dan Kaji Selidik Dalaman bagi Menilai Kepuasan dengan Tahap Perkhidmatan antara Bahagian (dikendalikan oleh setiap Bahagian bagi memperoleh maklum balas mengenai Bahagian tersebut).



TADBIR URUS KORPORAT

PENYATAAN KAWALAN DALAMAN



KAJIAN SEMULA SISTEM KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah mengkaji semula keberkesanan sistem, polisi, amalan dan proses PIDM berasaskan laporan daripada pelbagai Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Pengurusan, dan hasil kajian semulanya termasuk yang berikut:

- Sebagai amalan, Lembaga Pengarah mempertimbangkan laporan daripada pelbagai Jawatankuasa Lembaga Pengarah secara tetap. Ini termasuk laporan kajian semula hal ehwal kewangan PIDM oleh Jawatankuasa Audit; pematuhan kepada undang-undang dan etika dan keberkesanan kawalan yang dilaksanakan dalam sistem atau proses yang diaudit oleh Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan; laporan daripada Jawatankuasa Ganjaran berkenaan dengan pematuhan kepada polisi modal insan utama dan undang-undang berkaitan; dan laporan daripada Jawatankuasa Tadbir Urus berkenaan dengan pematuhan kepada polisi tadbir urus utama.
- Lembaga Pengarah mempertimbangkan, setiap suku tahun, (i) laporan kewangan PIDM; (ii) penggunaan sumber berbanding bajet yang diluluskan; (iii) pelaksanaan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi dan maklumat terkini mengenai risiko dan langkah-

langkah yang diambil oleh PIDM untuk mengurangkan risiko utama; dan (iv) kemas kini dan prestasi keseluruhan Pengurusan berbanding dengan inisiatif yang diluluskan mengikut Rancangan Korporat, serta penilaian Pengurusan terhadap faktor-faktor dalaman dan luaran yang mungkin menjejaskan prestasi Rancangan Korporat.

- Di setiap mesyuarat Jawatankuasa, Jawatankuasa Lembaga Pengarah menyemak prestasinya berbanding dengan piagam dan pelan tindakan yang dicadangkan oleh Pengurusan bagi menyokong Jawatankuasa dalam memenuhi tanggungjawab utamanya. Prestasi ini dilaporkan kepada Lembaga Pengarah.

PENYATAAN KEBERKESANAN SISTEM KAWALAN DALAMAN

Kebekesanan pematuhan PIDM kepada kawalan dalaman pada 31 Disember 2009 telah dinilai oleh Pengurusan dan disahkan oleh Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan berdasarkan kriteria yang digariskan dalam rangka kerja kawalan dalaman Perbadanan. Rangka kerja kawalan dalaman PIDM didasarkan pada rangka kerja yang ditetapkan oleh 'Rangka Kerja Bersepadu - Kawalan Dalaman' COSO.

Berdasarkan penilaian dan keberkesanan sistem, polisi, amalan dan proses PIDM yang dilaksanakan pada tahun 2009, Lembaga Pengarah dengan sukacita melaporkan bahawa sistem kawalan dalaman yang kukuh telah diwujudkan dalam Perbadanan. Lembaga Pengarah komited dalam memastikan bahawa Pengurusan sentiasa mengambil langkah proaktif bagi:

- mewujudkan budaya dan persekitaran korporat yang kondusif yang mengutamakan kebertanggungjawaban terhadap kawalan dan pengurusan risiko;
- mengenal pasti, menilai dan menangani pelbagai risiko yang dihadapi oleh PIDM yang boleh menghalang pencapaian objektif korporat Perbadanan semasa tempoh perancangan korporat; dan
- mengkaji semula dan memantau keseluruhan sistem kawalan dalaman dan menangani isu-isu atau masalah tepat pada masa.

Lembaga Pengarah juga dengan sukacita melaporkan bahawa, bagi tahun 2009, tiada sebarang laporan peristiwa kelemahan atau kekurangan dalam kesesuaian dan integriti kawalan dalaman yang dilaksanakan dalam sistem, polisi, amalan dan proses PIDM, dan tiada kerugian kewangan berlaku semasa tempoh kewangan tersebut yang berpunca daripada kelemahan atau kekurangan dalam kawalan dalaman.

Penyataan ini dibuat mengikut resolusi Lembaga Pengarah yang bertarikh 23 Februari 2009.



Bahagian 3: Perbincangan dan Analisis Pengurusan



PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN PERSEKITARAN OPERASI KAMI


Tahun 2009 bermula dengan kewaspadaan di tengah-tengah kemuncak krisis kewangan global. Bagaimanapun, ekonomi dan sistem kewangan Malaysia menunjukkan daya tahan dengan ekonomi mencatatkan pemulihan yang berkadar sederhana pada setengah tahun kedua 2009, disokong terutamanya hasil daripada langkah berjaga-jaga yang diambil oleh Kerajaan pada tahun 2008. Menuju ke arah akhir suku tahun ketiga 2009, prospek nampaknya bertambah pulih, meskipun perkembangan di Timur Tengah pada penghujung tahun memberi kesan sederhana ke atas pasaran global.

Ekonomi Malaysia dijangka mencapai pertumbuhan yang kukuh pada tahun 2010, sejajar dengan pemulihan sederhana dalam ekonomi global. Justeru, prospek persekitaran operasi kita terus bertambah baik, walaupun PIDM sentiasa mengawasi risiko luaran. Cabaran utama bagi PIDM pada tahun 2010 adalah dari segi kerjasama rapat dengan peserta jaringan keselamatan yang lain bagi memastikan peralihan yang lancar daripada Jaminan Deposit Kerajaan dengan kesan yang minimum ke atas keyakinan awam.

KAJIAN SEMULA OPERASI

Pencapaian Kami pada tahun 2009

Dalam memenuhi mandat, kami terus mengutamakan teras strategik, iaitu kesediaan operasi, amalan urusan dan kewangan yang mantap, kesedaran awam yang efektif dan perkongsian yang kukuh.



Petunjuk Prestasi Utama (PPU) dan inisiatif menyokong teras strategik dan objektif korporat kami, yang pada dasarnya menyokong pencapaian mandat kami.

Bagi tahun 2009, kami mengutamakan usaha membangunkan kapasiti dan keupayaan, dan peranan kami dalam mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan. Hala tuju strategik kami adalah untuk:

- Membangunkan modal insan;
- Menggiatkan aktiviti penilaian risiko dan pemantauan;

- Memastikan keberkesanan operasi yang berterusan;
- Membangunkan kesediaan untuk mengendalikan aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan bank; dan
- Meneruskan usaha kami untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman awam mengenai PIDM serta mengekalkan keyakinan dalam sistem kewangan.

Sorotan pencapaian kami dihuraikan dalam muka surat yang berikut.

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

KAJIAN SEMULA OPERASI DAN PENCAPAIAN TAHUN 2009

- G** Berjalan lancar mengikut jadual; dan/atau dalam lingkungan bajet yang diperuntukkan
- A** Sasaran dicapai, inisiatif disempurnakan

- Y** Belum dimulakan/tarikh bermula di masa hadapan
- R** Sasaran tidak dicapai, kelewatan berbanding jadual; dan/atau di bawah sasaran; dan/atau di $\pm 10\%$ perbezaan bajet (tahun penuh)

OBJEKTIF KORPORAT	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (PPU)	SASARAN PADA TAHUN 2009	KEPUTUSAN DISEMBER 2009	ULASAN	
A	Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik	1. Penilaian Lembaga Pengarah terhadap:			
		a. Pelaksanaan amalan tadbir urus terbaik	Kepuasan tinggi	A	Kami terus melaksanakan amalan tadbir urus terbaik, termasuk: <ul style="list-style-type: none"> Membuat perubahan kepada hubungan pelaporan Ketua Pegawai Risiko terus kepada Lembaga Pengarah menerusi Jawatankuasa Audit, bagi memantapkan infrastruktur saluran maklumat sejajar dengan amalan utama. Sebelum ini, Ketua Pegawai Risiko melapor terus kepada Ketua Pegawai Eksekutif. Menumpukan usaha terhadap perancangan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif serta memulakan perancangan pengurusan penggantian bagi jawatan utama. Mengkaji semula dan meningkatkan proses penilaian prestasi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Mengformalkan program orientasi Lembaga Pengarah dan melaksanakan program ini untuk Pengarah baharu kami. Meneruskan sesi pendidikan Lembaga Pengarah. Mengkaji semula semua polisi tadbir urus utama bagi memastikan polisi kekal relevan dan terkini. Meningkatkan Program Pematuhan Korporat. Membangunkan Polisi Pendedahan Awam Maklumat. Mengadakan mesyuarat tiga pihak dengan pihak berkuasa dan pengurusan <i>Deposit Protection Agency of Thailand</i> dan Lembaga Penjamin Simpanan Indonesia. Melaksanakan inisiatif tanggungjawab sosial korporat.
		b. Pelaksanaan amalan pengurusan	Kepuasan tinggi	A	Kami mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh, khususnya: <ul style="list-style-type: none"> Mengkaji semula proses utama bagi memastikan kepuasan Lembaga Pengarah dengan peruntukan maklumat Pengurusan kepada Lembaga Pengarah dan mencadangkan peningkatan kepada proses tersebut. Meneruskan penerapan proses-proses Pengurusan Risiko Organisasi dan mengendalikan perancangan senario dalam pembangunan Rancangan Strategik dan Korporat kami bagi 2010 - 2012 (proses penerbitan disempurnakan). Meneruskan peningkatan amalan Pengurusan bagi memastikan kawalan dalaman dan audit dalaman dilaksanakan dengan sewajarnya. Laporan Tahunan 2008 PIDM memenangi anugerah Laporan Tahunan Terbaik bagi Organisasi Bukan Senaraian Awam di bawah Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (<i>National Annual Corporate Report Awards – NACRA</i>).
		c. Pematuhan kepada polisi penting	100%	A	Kami mengkaji semula polisi-polisi utama kami, termasuk Polisi Pemerolehan, Kontrak dan Penyumberan Luar. Sejalan dengan Program Pematuhan kami yang dimantapkan, kami menubuhkan Jawatankuasa Pematuhan Korporat dan mengenal pasti cara-cara bagi memastikan pematuhan berterusan kepada polisi dan prosedur utama, etika dan undang-undang.
		d. Keberkesanan polisi dan amalan Pengurusan Risiko Organisasi	Kepuasan tinggi	A	Fungsi audit dalaman kami meneruskan jaminannya bahawa polisi dan amalan Pengurusan Risiko Organisasi kami dilaksanakan dengan berkesan dan mengikut Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi.
		e. Maklumat terkini dan relevan serta kualiti cadangan yang disyorkan oleh Pengurusan kepada Lembaga Pengarah untuk membuat keputusan dengan berkesan dan memenuhi tanggungjawab	Kepuasan tinggi	A	Kami meneruskan peruntukan maklumat relevan dan terkini kepada Lembaga Pengarah mengenai aktiviti dan prestasi Perbadanan. Lembaga Pengarah telah menjalankan penilaian kepuasan dengan peruntukan maklumat daripada Pengurusan kepada Lembaga Pengarah.
		2. Berinteraksi dengan pemegang kepentingan yang lain dan responsif terhadap keperluan mereka	Tindakan bagi maklum balas diterima	A	Kami meneruskan penyediaan maklum balas yang efektif kepada pemegang kepentingan kami termasuk institusi anggota, institusi kewangan lain yang dijamin, agensi kerajaan, pelbagai organisasi awam dan swasta serta orang awam menerusi pelbagai saluran komunikasi seperti Pusat Panggilan, laman web, e-mel, am, taklimat, pameran, jerayawara dan media.
		3. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:			
		a. Penyenggaraan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi:			
		i. Penilaian dan kajian semula risiko secara berterusan	Kajian semula	A	Kami meneruskan penilaian risiko dan kajian semula secara berterusan sepanjang tahun. Kami juga mengendalikan Bengkel Kerja Pengenalpastian dan Penilaian Risiko Pengurusan Risiko Organisasi bagi membolehkan pihak Pengurusan dan kakitangan mengenal pasti dan menilai risiko utama yang memberi kesan kepada Perbadanan.
		ii. Polisi dan amalan Pengurusan Risiko Organisasi peringkat Lembaga Pengarah	Dibangunkan & Dilaksanakan	G	Kami memulakan pembangunan polisi dan amalan Pengurusan Risiko Organisasi peringkat Lembaga Pengarah yang akan dilaksanakan pada tahun 2010.
		iii. Rangka Kerja Penilaian Keberkesanan Pengurusan Risiko Organisasi	Dibangunkan & Dilaksanakan	A	Kami membangunkan Rangka Kerja Penilaian Keberkesanan Pengurusan Risiko Organisasi bagi menilai tahap kematangan amalan Pengurusan Risiko Organisasi kami. Sebagai sebahagian daripada pelaksanaannya, kami mengendalikan Kaji Selidik Penilaian Keberkesanan Pengurusan Risiko Organisasi.
		b. Melaksanakan rangka kerja Jaminan Deposit Kerajaan	Dilaksanakan	A	Kami melaksanakan rangka kerja Jaminan Deposit Kerajaan. Kami bekerjasama rapat dengan Bank Negara Malaysia untuk memantau prestasi institusi kewangan yang dijamin dan sentiasa berhubung dengan mereka.
B	Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat	4. Indeks kesedaran awam (tahap kesedaran umum mengenai insurans deposit)	30%	R	Tahap kesedaran umum mengenai insurans deposit pada akhir tahun 2009 ialah 21% (2008: 27%). Penurunan tahap kesedaran ini merupakan salah satu implikasi yang berpunca daripada pelaksanaan Jaminan Deposit Kerajaan yang menyebabkan pengurangan minat umum terhadap insurans deposit. Tambahan lagi, pemulihan situasi kewangan global pada tahun 2009 mengurangkan tahap kebimbangan secara umum dan justeru, pelaksanaan aktiviti perhubungan awam dan liputan media mengenai insurans deposit semakin kurang intensif. Bagaimanapun, di kalangan orang awam yang tahu mengenai insurans deposit, tahap pemahaman mereka telah meningkat dengan ketara (2009: 53%, 2008: 39%).
		5. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:			
		a. Mengkaji semula dan melaksanakan Rancangan Komunikasi Bersepadu (termasuk memenuhi objektif Jaminan Deposit Kerajaan):			
		i. Melaksanakan program pengiklanan	Disempurnakan	A	Kami melaksanakan kempen pengiklanan tahunan mengikut rancangan termasuk publisiti dalam media cetak, penyiaran dan elektronik.
		ii. Melaksanakan program perhubungan awam	Disempurnakan	A	Kami melaksanakan program perhubungan awam mengikut rancangan termasuk taklimat media, temu buat, penerbitan rencana dan program Capaian Korporat 2009 di Kuching, Sarawak.
		iii. Melaksanakan program interaksi dengan pemegang kepentingan	Disempurnakan	A	Kami melaksanakan program interaksi dengan pemegang kepentingan mengikut rancangan menerusi taklimat untuk institusi anggota, institusi kewangan lain yang dijamin dan pemegang kepentingan yang lain serta menyertai pameran dan jerayawara di seluruh negara.
		b. Membangunkan dan melaksanakan program pendidikan	Dibangunkan & Dilaksanakan	G	Kami menyempurnakan pembangunan program pendidikan untuk pelajar sekolah menengah dan penuntut institusi pengajian tinggi dan akan melaksanakan peringkat percubaan di sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi yang terpilih pada suku tahun pertama 2010.
c. Membangunkan dan melaksanakan program biasiswa	Dibangunkan	A	Kami menyempurnakan pembangunan program biasiswa bagi pengajian siswazah di universiti tempatan di Malaysia dan pelaksanaan akan bermula pada tahun 2010.		
C	Perkongsian efektif	6. Hubungan PIDM dengan:			
		a. Bank Negara Malaysia	Kukuh	A	Hubungan kami dengan Bank Negara Malaysia kekal kukuh menerusi kerjasama rapat yang berterusan dalam pemantauan dan pengawalseliaan institusi anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin.
		b. Institusi anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin	Memuaskan	A	Hubungan dan kerjasama kami dengan institusi anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin dikekalkan menerusi interaksi berterusan dengan mengadakan dialog tahunan dan proses perundingan berkenaan dengan polisi dan peraturan yang berkaitan dengan institusi-institusi ini.
		c. Penyedia perkhidmatan	Kukuh	A	Kami terus membina dan mengekalkan hubungan kerja yang baik dengan penyedia perkhidmatan utama kami.
		d. Penginsurans deposit antarabangsa	Kukuh	A	Hubungan kami dengan penginsurans deposit yang lain terus kukuh menerusi penyertaan aktif kami dalam Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (<i>International Association of Deposit Insurers – IADI</i>). Sebagai tuan rumah, kami menganjurkan beberapa sesi lawatan sambil belajar untuk penginsurans deposit yang lain. Kami juga dicalonkan sekali lagi bagi Anugerah Penginsurans Deposit Terbaik oleh IADI bagi tahun 2009.
		e. Kerajaan	Kukuh	A	Kami terus menyediakan maklumat dan sokongan kepada agensi Kerajaan yang berkaitan.
		7. Menyertai forum antarabangsa	Penyeriaan aktif	A	Kami memainkan peranan yang aktif dalam forum antarabangsa sebagai peserta, penganjur dan tuan rumah bagi pelbagai acara.
		8. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:			
		a. Mewujudkan pangkalan rakan kongsi strategik	Dibangunkan	A	Kami meneruskan pembangunan pangkalan rakan kongsi strategik utama sebagai sebahagian daripada usaha pembangunan kesediaan operasi kami.

OBJEKTIF KORPORAT		PETUNJUK PRESTASI UTAMA (PPU)	SASARAN PADA TAHUN 2009	KEPUTUSAN DISEMBER 2009	ULASAN			
Kewangan	D	Penggunaan sumber yang optimum	9. Perbezaan perbelanjaan sebenar berbanding dengan bajet yang diluluskan	- 10% perbezaan +15% perbezaan	A	Kami mencapai perbezaan positif bagi perbelanjaan operasi dan modal. Lebih bersih kami rendah berbanding bajet sebanyak RM9.5 juta atau 9% disebabkan premium lebih rendah yang diterima semasa tahun ini. Butiran terperinci mengenai keputusan kewangan dihuraikan daripada muka surat 94 hingga 129.		
			10. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:					
			a. Membangunkan dan melaksanakan rangka kerja pembiayaan	Fasa 1 dilaksanakan & Fasa 2 dibangunkan	A	Kami merangka Perjanjian Kemudahan Pinjaman Induk (bagi kemudahan pembiayaan konvensional dan Syariah) dengan Kerajaan yang akan dilaksanakan. Kami juga memulakan pembangunan Fasa 2 rangka kerja pembiayaan bagi pengumpulan dana daripada pasaran modal.		
			b. Membangunkan dan melaksanakan rangka kerja bagi:					
			i. Dana sasaran	Dibangunkan	A	Kami memulakan pembangunan rangka kerja Dana Sasaran dan Peruntukan Kerugian yang akan dilaksanakan pada tahun 2010. Kami menyempurnakan tugas-tugas berkaitan mengikut rancangan bagi tahun 2009.		
		ii. Peruntukan		A				
Proses Dalam	E	Kecemerlangan operasi	11. Pematuhan kawalan dalaman	Kukuh	A	Kami meneruskan penyenggaraan kawalan dalaman yang kukuh dalam operasi kami.		
			12. Kaji selidik dalaman bagi menilai kepuasan dengan tahap perkhidmatan antara Bahagian	75%	A	Kami mengkaji semula tahap prestasi dan perkhidmatan fungsi-fungsi sokongan dalaman kami secara berterusan dan menyediakan pelan tindakan untuk menangani sebarang kekurangan. Keseluruhannya, semua Bahagian dan fungsi mencapai tahap kepuasan yang disasarkan, iaitu 75%.		
			13. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:					
			a. Kajian semula garis panduan bagi Sistem Premium Berbeza dan Jumlah Deposit yang Diinsuranskan	Kajian semula	A	Kami mengeluarkan Garis Panduan Pengesahan Juruaudit Luaran pada April 2009 dan melaksanakan Program Pengesahan Juruaudit Luaran bagi mengesahkan Jumlah Deposit yang Diinsuranskan dan premium yang dibayar oleh institusi anggota. Kajian semula Sistem Premium Berbeza dijalankan secara berterusan dan kami mendapat maklum balas daripada institusi anggota mengenai aspek yang perlu dikaji semula dan diperincikan. Satu kertas rundingan akan diterbitkan pada tahun 2010.		
			b. Membangunkan dan melaksanakan Rangka Kerja Penilaian Risiko dan Pemantauan yang komprehensif (Fasa 2 – Peningkatan)	Dibangunkan	A	Kami menyempurnakan kajian semula nisbah dan petunjuk utama sedia ada untuk menilai risiko institusi anggota kami. Kami bercadang tidak akan meneruskan projek peningkatan Basel II Sistem Penilaian Risiko disebabkan ketidakpastian dalam pemerolehan data yang lengkap dan stabil. Memulakan kaji selidik bagi projek Sistem Isyarat Awal, yang akan dibangunkan pada tahun 2010.		
			c. Membangunkan dan melaksanakan metodologi, polisi, proses dan kriteria Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank	Dibangunkan	A	Projek tiga tahun untuk membangunkan polisi dan prosedur bagi Rangka Kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank berjalan dengan lancar mengikut jadual. Keseluruhan rangka kerja dan dokumentasi berkaitan bagi empat daripada 13 bahagian disempurnakan mengikut rancangan bagi tahun 2009.		
			d. Membangunkan dan melaksanakan polisi dan peraturan bagi institusi anggota dan institusi lain yang dijamin:					
			i. Garis panduan/peraturan faedah dan dividen boleh dibayar	Dibangunkan	G	Kami mula merangka peraturan faedah dan dividen boleh dibayar dan inisiatif ini akan disempurnakan pada tahun 2010. Kami memulakan perbincangan untuk mengkaji semula jenis deposit berstruktur berbeza yang diperkenalkan oleh institusi anggota dan juga menerima input dan maklumat mengenai produk berstruktur terkini daripada Bank Negara Malaysia.		
			ii. Polisi-polisi lain	Dibangunkan	A	Membangunkan Garis Panduan mengenai Sistem dan Pengemukaan Maklumat Deposit dan Kertas Rundingan diterbitkan. Kami juga membangunkan peraturan bagi amalan-amalan yang mantap.		
			e. Membangunkan dan melaksanakan sistem, polisi dan prosedur Pembayaran Balik Deposit:					
			i. Fasa 1 – Membangunkan Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit dan Sistem Pengurusan Sokongan Pendeposit	Dibangunkan & Dilaksanakan	A	Fasa 1 Sistem Pembayaran Balik Deposit disempurnakan mengikut rancangan dengan pembangunan dan pelaksanaan Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit dan Sistem Pengurusan Sokongan Pendeposit.		
			ii. Fasa 2 – Membangunkan Proses dan Sistem Pengurusan Pembayaran	Dibangunkan	G	Kami mengenal pasti penyedia perkhidmatan bagi pengendalian projek Fasa 2 bagi Sistem Pengurusan Pembayaran Balik Deposit dan Sistem Repositori Produk. Projek ini akan disempurnakan pada akhir tahun 2010.		
			f. Melaksanakan inisiatif Pelan Strategik Teknologi Maklumat (IT) tahunan	Disempurnakan	A	Kami menyempurnakan semua inisiatif dan aktiviti yang digariskan dalam Pelan Strategik IT PIDM, termasuk: • Fasa 1 projek "Infrastruktur Rangkaian Berlebihan" • Pemasangan perisian anti-virus dan anti-spam korporat yang baharu • Peningkatan infrastruktur IT operasi di peringkat korporat • Projek-projek IT utama yang digariskan dalam Kad Skor Korporat		
			g. Membangunkan dan melaksanakan Rancangan Kesenambungan Urusan dan Pemulihan Bencana:					
			i. Fasa 1 – Penilaian, Reka Bentuk dan Dokumentasi Rancangan	Dibangunkan & Dilaksanakan	A	Dengan penyempurnaan Fasa 1, rancangan kesinambungan urusan PIDM tersedia. Program simulasi dikendalikan termasuk latihan berbentuk perbincangan dan ujian rangkaian pemberitahuan. Selain itu, kami juga membangunkan Rancangan Kesenambungan Urusan yang khusus bagi situasi Jerebu dan Penyakit Berjangkit.		
			ii. Fasa 2 – Latihan, Kesedaran, Ujian dan Perancangan Pemulihan Bencana dan Penyediaan Kemudahan	Dibangunkan & Dilaksanakan	G	Fasa 2 sedang dilaksanakan dan melibatkan pengenalpastian dan pembangunan tapak dan infrastruktur pemulihan bencana. Latihan, kesedaran dan ujian akan dijalankan bagi menyokong operasi PIDM sekiranya berlaku bencana.		
			h. Membangunkan Manual Komunikasi Krisis	Dibangunkan	A	Kami telah menubuhkan pasukan petugas khas bersama dengan Bank Negara Malaysia bagi membangunkan Manual Komunikasi Krisis. Rangka kerja disempurnakan mengikut rancangan dan pembangunan manual ini akan disempurnakan pada tahun 2010.		
			i. Membangunkan dan melaksanakan Sistem Maklumat Sumber Manusia	Fasa 1 dilaksanakan & Fasa 2 dibangunkan	G	Fasa 1 Sistem Maklumat Sumber Manusia dilancarkan mengikut jadual pada tahun 2009. Pembangunan Fasa 2 telah bermula dan akan disempurnakan pada tahun 2010.		
			j. Membangunkan dan melaksanakan Rangka Kerja dan Sistem Pengurusan Pengetahuan:					
			i. Fasa 1 – Membangunkan Rangka Kerja Pengurusan Pengetahuan	Disempurnakan	G	Rangka Kerja Pengurusan Pengetahuan sedang dibangunkan dan pelaksanaan akan bermula pada tahun 2010.		
			ii. Fasa 2 – Membangunkan polisi, proses dan infrastruktur Pengurusan Pengetahuan	Dibangunkan	Y	Pembangunan polisi, proses dan infrastruktur akan dimulakan sejajar dengan pelaksanaan Rangka Kerja Pengurusan Pengetahuan pada tahun 2010.		
			k. Melaksanakan Portal Enterpris Korporat	Fasa 1 dibangunkan & dilaksanakan	G	Fasa 1 projek Portal Enterpris Korporat akan disempurnakan pada suku tahun pertama 2010.		
			l. Melaksanakan polisi, proses dan infrastruktur Pengurusan Rekod dan Klasifikasi Maklumat	Dilaksanakan	A	Kami membangunkan program bagi memastikan maklumat diklasifikasi dan disimpan dalam Perbadanan secara teratur.		
m. Kajian semula had perlindungan	Kajian semula	A	Kami mengkaji semula had perlindungan insurans deposit dan akan menggunakan maklumat ini dalam perancangan bagi peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan.					
n. Kajian semula dan cadangan pindaan kepada Akta PIDM	Dilaksanakan	A	Peruntukan Insurans Penstabilan dalam Akta PIDM diluluskan oleh Parlimen pada tahun 2009. Kami juga menyempurnakan kajian semula Akta PIDM bagi memastikan kekukuhan dan keberkesanan operasi serta memperincikan instrumen resolusi bagi kegunaan Perbadanan. Kami akan mencadangkan pindaan-pindaan perundangan kepada Akta PIDM pada tahun 2010.					
o. Kajian semula keperluan operasi untuk mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan dengan berkesan dan peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan, apabila diperlukan	Dibangunkan & Dilaksanakan	A	Kami mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan dengan berkesan dan akan memulakan pembangunan rancangan untuk memperkenalkan semula sistem insurans deposit dengan perlindungan terhad apabila Jaminan Deposit Kerajaan berakhir.					
Pembelajaran dan Pembangunan	F	Tenaga kerja yang berpengetahuan dan cekap	14. Pelaksanaan pelan latihan tahunan	80%	A	Kami melaksanakan pelan latihan tahunan berdasarkan analisis keperluan latihan individu. Kami sentiasa mengkaji semula pelan latihan berasaskan maklum balas daripada pelan pembangunan individu, penilaian prestasi dan penilaian pemetaan kecekapan.		
			15. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:					
			a. Membangunkan dan melaksanakan Perancangan Penggantian berasaskan kepada Rangka Kerja Pengurusan Penggantian yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah	Dibangunkan & Dilaksanakan	A	Rancangan penggantian bagi semua jawatan utama dibangunkan dan akan dilaksanakan pada 1 Januari 2010.		
G	Persekitaran korporat yang kondusif	16. Indeks kepuasan kerja kakitangan	75%	A	Kaji Selidik Kepuasan Kerja Kakitangan bagi tahun 2009 dikendalikan pada 21 Disember 2009 dan kami mencapai indeks kepuasan kerja kakitangan sebanyak 79%.			
		17. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:						
		a. Melaksanakan program berkaitan kakitangan bagi menggalakkan persekitaran korporat yang kondusif	Disempurnakan	A	Perbadanan terus menggalakkan persekitaran korporat yang kondusif menerusi penganjuran aktiviti berkaitan kakitangan dan pelaksanaan Program Sokongan Kakitangan.			

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

KAJIAN SEMULA OPERASI DAN PENCAPAIAN TAHUN 2009

KAJIAN SEMULA OPERASI MENGIKUT BAHAGIAN

Semua inisiatif utama pada tahun 2009 dilancarkan dan disempurnakan menerusi lapan Bahagian dalam PIDM. Huraian ringkas bagi fungsi-fungsi Bahagian masing-masing, serta aktiviti dan pencapaiannya pada tahun 2009, dan juga inisiatif yang kini diusahakan, adalah seperti berikut.

Audit dan Khidmat Perundingan

- menyediakan perkhidmatan jaminan yang bebas
- bekerjasama dengan pihak Pengurusan, meningkatkan keberkesanan menerusi khidmat perundingan dan nasihat bagi projek-projek utama

PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2009	KINI DIUSAHAKAN / MASA HADAPAN
<ul style="list-style-type: none"> • Audit: Melaksanakan Pelan Audit 2009 – 2011 yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, mengguna pakai pendekatan pengauditan berasaskan risiko. Menjalankan beberapa audit dalaman pada tahun 2009, termasuk penilaian keselamatan teknologi maklumat (IT) serta audit pengurusan pengiklanan dan publisiti. Menilai tahap kawalan dalaman PIDM. Butiran selanjutnya boleh didapati dalam Penyataan Kawalan Dalaman, di muka surat 60 Laporan Tahunan ini. • Perkongsian yang efektif: Menjalankan audit pertama menerusi penyumberan bersama dengan firma audit luaran, berkaitan dengan penilaian keselamatan sistem IT PIDM termasuk ujian penembusan dan analisis vulnerabiliti. • Khidmat perundingan dan nasihat: Meneruskan sokongan bagi semua Bahagian dalam projek utama PIDM termasuk aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan bank, dan projek pembayaran balik deposit. Memainkan peranan penting dalam kajian semula beberapa pengemukaan permintaan bagi proses cadangan untuk memastikan amalan terbaik diguna pakai. • Penilaian keberkesanan Audit dan Khidmat Perundingan: Membangunkan program kajian semula jaminan kualiti bagi Bahagian tersebut. • Perkongsian pengetahuan: Menganjurkan seminar antarabangsa mengenai kawalan dalaman COSO dan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi bagi golongan profesional audit dalaman daripada agensi pengawalseliaan dan penginsurans deposit serantau, serta pengarah-pengarah institusi kewangan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Audit: Meneruskan pematuhan terhadap pelan audit yang diluluskan dan melaksanakan pengauditan berasaskan risiko. Tambahan lagi, peningkatan kawalan dalaman akan terus dilaksanakan, mengikut keperluan. • Perkongsian yang efektif: Satu audit dalaman utama dirancang bagi tahun 2010 adalah berkaitan dengan fungsi-fungsi penilaian risiko dan pemantauan, yang akan melibatkan pendekatan penyumberan bersama. Pembangunan manual panduan audit bagi projek pembayaran balik deposit (Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit dan Sistem Pengurusan Sokongan Pendeposit) akan dilaksanakan menerusi penyumberan bersama. • Khidmat perundingan dan nasihat: Membangunkan manual panduan audit bagi aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan bank. • Penilaian keberkesanan Audit dan Khidmat Perundingan: Melaksanakan rangka kerja Kajian Semula Jaminan Kualiti bagi penilaian pihak ketiga mengenai keberkesanan Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan.

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

KAJIAN SEMULA OPERASI DAN PENCAPAIAN TAHUN 2009

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam

- melaksanakan inisiatif kesedaran dan pendidikan awam bagi meningkatkan pemahaman awam mengenai perlindungan insurans deposit dan peranan PIDM dalam menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan Malaysia

PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2009	KINI DIUSAHAKAN / MASA HADAPAN
<ul style="list-style-type: none"> • Pengiklanan dan perhubungan awam: Melaksanakan program pengiklanan menerusi televisyen, radio dan media cetak dalam tiga siri. Aktiviti-aktiviti seperti taklimat dan jerayawara juga diadakan bagi mendidik pemegang kepentingan kami. Butiran terperinci boleh didapati di Bahagian 7, muka surat 162. • Kesediaan operasi: Membangunkan Rangka Kerja Komunikasi Krisis dan memulakan kerja berkenaan dengan pembangunan Manual Komunikasi Krisis. • Pengurusan pemegang kepentingan: Pusat Panggilan terus menyediakan perkhidmatan kepada orang awam dan menerima maklum balas positif mengenai respons yang disediakan oleh pegawai Pusat Panggilan kepada orang awam. Menyelaraskan pendedahan maklumat daripada pelbagai Bahagian dan memastikan penerbitan Laporan Tahunan dibuat dalam tempoh masa yang ditetapkan. • Kesedaran dan pendidikan awam mengenai Jaminan Deposit Kerajaan: Mengemas kini kandungan risalah maklumat awam dan mengadakan pelbagai taklimat mengenai Jaminan Deposit Kerajaan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengiklanan dan perhubungan awam: Terus melaksanakan Rancangan Komunikasi Bersepadu pelbagai tahun. • Kesediaan operasi: Bekerjasama dengan Bank Negara Malaysia (BNM) dalam pembangunan Manual Komunikasi Krisis. • Kesedaran awam mengenai insurans deposit dan celik kewangan: Melaksanakan program pendidikan di sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi yang terpilih pada tahun 2010. • Kesedaran awam dan pendidikan mengenai Jaminan Deposit Kerajaan: Tumpuan kritikal pada tahun 2010 adalah untuk memastikan orang awam mendapat maklumat yang tepat dan sewajarnya bagi memastikan peralihan lancar daripada Jaminan Deposit Kerajaan, dan bagi meningkatkan kesedaran mengenai had dan skop perlindungan insurans deposit.

Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi

- melaksanakan dan menyenggara proses dan prosedur utama Pengurusan Risiko Organisasi di PIDM, agar PIDM boleh menguruskan pelbagai pendedahan dalaman dan luarnya
- menyokong dan menyediakan khidmat nasihat risiko kepada semua Bahagian dalam PIDM dan bagi semua projek utama

Rangka Kerja dan aktiviti Pengurusan Risiko Organisasi PIDM dihuraikan dengan lebih lanjut dalam Bahagian 2, muka surat 38.

PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2009	KINI DIUSAHAKAN / MASA HADAPAN
<ul style="list-style-type: none"> • Amalan utama: Melaksanakan Piagam Pengurusan Risiko Organisasi. Bahagian ini menyediakan laporan risiko secara tetap kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah, serta meneruskan penyelarasan dan memastikan pematuhan kepada polisi dan amalan Pengurusan Risiko Organisasi mengikut Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi di PIDM. Bagi menilai tahap kematangan dan keberkesanan program dan amalan Pengurusan Risiko Organisasi oleh PIDM, Bahagian ini melaksanakan Rangka Kerja Penilaian Keberkesanan Pengurusan Risiko Organisasi pada tahun 2009. • Pengurusan Kesenambungan Urusan: Menyempurnakan Rancangan Kesenambungan Urusan dan Rancangan Kesenambungan Urusan Penyakit Berjangkit dan Jerebu bagi memastikan kesinambungan fungsi-fungsi kritikal sekiranya berlaku bencana. <p>Butiran lanjut boleh didapati di muka surat 38 hingga 44 Laporan Tahunan ini.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Amalan utama: Meneruskan pengenaltian, penilaian, kajian semula, pemantauan dan pelaporan risiko-risiko berkaitan PIDM bagi menanda aras Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi terhadap ISO31000. Meneruskan sokongan dan menyediakan khidmat nasihat risiko kepada semua Bahagian di PIDM. Bahagian ini juga akan mengkaji semula dan meningkatkan Rangka Kerja Penilaian Keberkesanan Pengurusan Risiko Organisasi. • Projek-projek utama: Termasuk pembangunan polisi risiko peringkat Lembaga Pengarah, automasi proses Pengurusan Risiko Organisasi dan kerjasama dengan Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan untuk melaksanakan Penilaian Kendiri berkenaan Risiko dan Kawalan bagi menilai tahap pemahaman dan kesedaran kakitangan mengenai risiko dan kawalan. • Pengurusan Kesenambungan Urusan: Menjalankan ujian dan memantapkan Rancangan Kesenambungan Urusan.

Bahagian Kewangan dan Pentadbiran

- unit-unit dalam Bahagian ini ialah Perancang Korporat, Kewangan, Pentadbiran, Teknologi Maklumat serta Organisasi dan Kaedah, mengutamakan pelaksanaan fungsi pengurusan kewangan dan proses dalaman bagi memastikan operasi PIDM berjalan dengan lancar dan membolehkan pemantauan prestasi dengan lebih berkesan

PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2009	KINI DIUSAHAKAN / MASA HADAPAN
<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan perancangan korporat dan pengurusan kewangan: Meneruskan penyelarasan aktiviti perancangan korporat, serta memantau operasi dan keputusan kewangan setiap bulan. Pada setiap suku tahun, laporan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah. • Pembiayaan dan peruntukan: <ul style="list-style-type: none"> - Menyempurnakan rangka kerja pembiayaan bagi memastikan kesediaan sumber pembiayaan untuk PIDM, sekiranya diperlukan. - Membangunkan konsep (prinsip-prinsip dasar) bagi dana sasaran, yang bertujuan menetapkan prinsip-prinsip tahap optimum Dana dengan mengambil kira persekitaran operasi. - Membangunkan konsep (prinsip-prinsip dasar) bagi rangka kerja peruntukan untuk menggariskan kaedah peruntukan tahap kerugian berikutan kegagalan institusi anggota. • Strategi IT: Menyempurnakan inisiatif yang dirancang dalam Pelan Strategik Teknologi Maklumat tahun 2009, termasuk penaiktarafan infrastruktur IT operasi di peringkat korporat serta peningkatan rangkaian dan infrastruktur keselamatan PIDM. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan kewangan: Mengkaji semula dan memperingkatkan proses pengurusan kewangan termasuk kajian semula dan peningkatan sistem pengurusan kewangan dan perbendaharaan bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan. • Pembiayaan dan peruntukan: Menyempurnakan pembangunan dan pelaksanaan rangka kerja pembiayaan, dana sasaran dan rangka kerja peruntukan kerugian. • Strategi IT: Terus menyokong pelaksanaan dan penyenggaraan sistem IT di seluruh PIDM. Meneruskan pelaksanaan projek-projek utama IT termasuk Pengurusan Pembayaran Balik Deposit dan Sistem Repositori Produk di bawah Fasa 2 Sistem Pembayaran Balik Deposit, Portal Enterpris Korporat serta Rancangan Pemulihan Bencana dan Pusat Pemulihan Bencana. • Pentadbiran: Meneruskan penyediaan sokongan pentadbiran bagi PIDM. Meningkatkan infrastruktur pejabat termasuk pemerolehan ruang pejabat tambahan. Meneruskan pelaksanaan pengurusan rekod serta proses pengurusan pengetahuan dan infrastruktur.

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

KAJIAN SEMULA OPERASI DAN PENCAPAIAN TAHUN 2009

Bahagian Sumber Manusia

- bertanggungjawab bagi pengurusan sumber manusia dan pembangunan modal insan di PIDM

PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2009	KINI DIUSAHAKAN / MASA HADAPAN
<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan modal insan: Melaksanakan inisiatif utama dalam pengurusan modal insan (iaitu penyepaduan Model Kecekapan dengan proses-proses utama – Pengurusan Prestasi, yang melibatkan peningkatan proses dan instrumen Pengurusan Prestasi serta mengadakan perbincangan di luar pejabat bagi mempertingkatkan proses Pengurusan Prestasi berdasarkan pendekatan menyeluruh, iaitu daripada peringkat pengurusan atasan kepada peringkat kakitangan sokongan; Proses Pembangunan Kepimpinan diteruskan dengan maklum balas 360-derajah yang dikhususkan berdasarkan kecekapan tafa laku teras dan Penilaian Harrison sebagai instrumen Rancangan Pembangunan Individu), pengurusan perancangan penggantian serta pengutamaan program latihan dan pembangunan. Penilaian Kecekapan juga dimulakan dengan Bahagian Insurans, Penilaian Risiko dan Pemantauan, dan seterusnya, akan dilanjutkan kepada semua Bahagian yang lain pada tahun 2010. Artikel mengenai prinsip asas pengurusan tenaga kerja PIDM boleh didapati di Bahagian 6, muka surat 156. • Persekitaran kerja yang kondusif: <ul style="list-style-type: none"> - Meneruskan pelaksanaan kaji selidik dalaman bagi menilai kepuasan dengan tahap perkhidmatan antara Bahagian; kaji selidik kepuasan kerja kakitangan tahunan; bagi memperoleh maklum balas kakitangan dan menangani sebarang kekurangan, ke arah persekitaran kerja yang kondusif. - Menggalakkan persekitaran kerja yang kondusif menerusi pelbagai aktiviti, dan menganjurkan "Minggu Modal Insan" yang melibatkan penganjuran ceramah mengenai kesihatan dan kesejahteraan untuk kakitangan. Menganjurkan sesi bakat dan pengumpulan derma, serta Majlis Makan Malam Tahunan, bersama dengan sokongan daripada kakitangan Bahagian-bahagian lain secara sukarela. - Menyempurnakan pembangunan program biasiswa bagi pelajar mahasiswa di Malaysia, sejajar dengan usaha tanggungjawab sosial korporat PIDM. • Menyumbang kepada kesedaran awam: <ul style="list-style-type: none"> - Mengendalikan pembentangan taklimat kepada sekumpulan penuntut Sarjana Pentadbiran Perniagaan mengenai 'Pengurusan Perubahan dan Intervensi Perubahan yang Relevan' di Pusat Pengajian Pengurusan Pascasiswazah, Universiti Putra Malaysia (UPM). - Menganjurkan Forum Perkongsian Pengetahuan dan Perhubungan bersama golongan ahli praktik sumber manusia dari pelbagai industri. - Mengendalikan pembentangan taklimat di persidangan serantau mengenai 'Reka Bentuk Ganjaran dan Manfaat bagi Sektor Kewangan' yang diadakan di Singapura. • Mengautomasikan proses pengurusan sumber manusia: Menyempurnakan pelaksanaan fasa pertama Sistem Maklumat Sumber Manusia (bermula dengan sistem Pengajian Kakitangan pada Januari 2009) yang melibatkan automasi proses-proses berkaitan pengurusan sumber manusia di PIDM. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan modal insan: Melaksanakan Rangka Kerja Pengurusan Pengetahuan bagi PIDM. Inisiatif utama pada tahun 2010 ialah pelaksanaan program biasiswa bagi manfaat untuk rakyat Malaysia yang memerlukan bantuan kewangan, agar mereka dapat meneruskan pengajian ke peringkat siswazah di universiti tempatan di Malaysia. • Persekitaran kerja yang kondusif: Terus memastikan persekitaran kerja yang kondusif. • Mengautomasikan proses pengurusan sumber manusia: Membangunkan Fasa Kedua Sistem Maklumat Sumber Manusia dengan tumpuan kepada automasi proses pengurusan prestasi kakitangan.

Bahagian Insurans, Penilaian Risiko dan Pemantauan

- memantau dan menilai risiko insurans institusi anggota, pentadbiran premium dan surcaj, dan pematuhan kepada Akta PIDM dan peraturan-peraturan oleh institusi anggota
- membangun dan melaksanakan intervensi dan resolusi kegagalan bank
- membangun dan menggalakkan pembangunan Insurans Deposit Islam

PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2009	KINI DIUSAHAKAN / MASA HADAPAN
<ul style="list-style-type: none"> • Memantau risiko: Selain pemantauan institusi anggota, Bahagian ini juga meneruskan pemantauan ke atas institusi kewangan lain yang dijamin di bawah Jaminan Deposit Kerajaan pada tahun 2009. • Projek Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank: Menubuhkan pasukan projek bersama dengan wakil-wakil daripada pelbagai Bahagian, bagi membangunkan proses, polisi dan prosedur intervensi dan resolusi kegagalan institusi anggota. Setakat ini, projek ini mencatatkan prestasi yang menggalakkan. • Projek Pembayaran Balik Deposit: <ul style="list-style-type: none"> - Melibatkan pembangunan tiga fasa sistem IT yang melibatkan automasi proses pengagregatan jumlah deposit yang perlu dibayar kepada pendeposit dan membolehkan pembayaran balik dibuat secara efektif sekiranya berlaku kegagalan sebuah institusi anggota. - Menyempurnakan Fasa 1 Sistem Pembayaran Balik Deposit dengan pembangunan sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit dan Pengurusan Sokongan Pendeposit. • Pengesahan luaran: Menyempurnakan pelaksanaan proses Pengesahan Juraudit Luaran bagi pembayaran premium di bawah Sistem Premium Berbeza, serta pengemukaan Penyata Jumlah Deposit yang Diinsuranskan dan Penyata Jumlah Deposit yang Dijamin oleh institusi anggota. • Insurans Deposit Islam: <ul style="list-style-type: none"> - Menyempurnakan konsep Syariah yang digunakan oleh PIDM bagi operasi Insurans Deposit Islam yang melibatkan penggunaan konsep <i>kafalah bil ujr</i>. - Menganjurkan Seminar kedua mengenai Insurans Deposit Islam pada November 2009 yang memperkukuhkan lagi peranan PIDM dalam pembangunan Insurans Deposit Islam di peringkat global. - Membangunkan kertas perbincangan mengenai 'Insurans Deposit dari Perspektif Syariah' bagi Kumpulan Insurans Deposit Islam Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (<i>International Association of Deposit Insurers – IADI</i>). - Menyempurnakan kaji selidik mengenai Insurans Deposit Islam di kalangan anggota IADI. 	<ul style="list-style-type: none"> • Memantau risiko: Terus mengutamakan peningkatan Rangka Kerja Penilaian Risiko dan Pemantauan. Bidang tumpuan utama termasuklah kajian semula dan peningkatan Sistem Premium Berbeza, pembangunan dan pelaksanaan sistem isyarat awal mengikut fasa, serta pembangunan program pematuhan terhadap Akta PIDM dan peraturan-peraturan oleh institusi anggota. • Projek Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank: Menyempurnakan pembangunan proses, polisi dan prosedur intervensi dan resolusi kegagalan bank, sebagai sebahagian daripada usaha kesediaan kami. Projek ini dijangka akan disempurnakan pada tahun 2011. • Projek Pembayaran Balik Deposit: Memulakan pembangunan Fasa 2 Sistem Pembayaran Balik Deposit yang termasuk Sistem Pengurusan Pembayaran dan Sistem Repositori Produk. Sistem-sistem ini akan membolehkan penyepaduan senarai pembayaran pendeposit dengan ejen pembayaran yang berkaitan dan mengenal pasti kelayakan produk deposit institusi anggota bagi tujuan perlindungan insurans deposit. • Insurans Deposit Islam: <ul style="list-style-type: none"> - Membangunkan kertas perbincangan mengenai 'Pendekatan dalam Pembangunan Insurans Deposit Islam' dan 'Produk Deposit Islam dan Kelayakan bagi Tujuan Perlindungan Insurans Deposit'. - Menganjurkan Seminar ketiga mengenai Insurans Deposit Islam dan perbincangan yang melibatkan negara-negara terpilih yang mempunyai sistem insurans deposit Islam bagi tujuan perkongsian pengetahuan.

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

KAJIAN SEMULA OPERASI DAN PENCAPAIAN TAHUN 2009

Bahagian Perundangan

Perkhidmatan perundangan

- memberi nasihat berkaitan semua hal ehwal undang-undang di PIDM
- melaporkan pematuhan PIDM kepada undang-undang yang berkaitan serta peraturan dan polisi utama yang lain
- mengkaji semula dan menyenggara penguatkuasaan Akta PIDM
- menyediakan sokongan dalam penggubalan perundangan kecil

Perkhidmatan sekretariat

- menyediakan perkhidmatan sekretariat kepada Lembaga Pengarah dan bertanggungjawab bagi semua perkara berkaitan dengan prosiding dan pentadbiran Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah
- memantau dan melaporkan kepada Jawatankuasa Tadbir Urus dan Lembaga Pengarah mengenai perkembangan tadbir urus korporat dan memberi nasihat mengenai hal ehwal berkaitan tadbir urus

PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2009	KINI DIUSAHAKAN / MASA HADAPAN
<ul style="list-style-type: none"> • Perundangan: Tumpuan utama Bahagian ini ialah kajian semula Akta PIDM bagi memastikan peruntukan dikemas kini sejajar dengan perkembangan dalam bidang kuasa yang lain, serta memastikan kecukupan kuasa PIDM bagi melaksanakan peranan yang dimandatkan. Bahagian ini juga menguruskan penggubalan pindaan kepada Akta PIDM bagi tujuan pelaksanaan Jaminan Deposit Kerajaan. • Perkhidmatan perundangan: Mempertingkatkan program pematuhan dan menubuhkan jawatankuasa pematuhan yang terdiri daripada wakil-wakil daripada beberapa Bahagian di PIDM. Mengkaji semula, menyediakan khidmat nasihat dan menggubal 55 kontrak utama bagi Perbadanan. • Tadbir urus korporat: Meneruskan rejim kebertanggungjawaban yang kukuh dan hubungan kerja yang efektif dengan Lembaga Pengarah, serta menyokong Lembaga Pengarah dalam pelaksanaan tadbir urus korporat. Sila rujuk kepada muka surat 45 dalam Laporan Tahunan berkenaan dengan tadbir urus korporat. • Kerahsiaan maklumat: Membangunkan Polisi Pendedahan Awam Maklumat. 	<ul style="list-style-type: none"> • Perundangan: Menggubal pindaan kepada Akta PIDM menerusi proses perundangan dan membantu memastikan penguatkuasaan perundangan kecil. • Perkhidmatan perundangan: Menyempurnakan pengesahan produk deposit baharu sebelum peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan. Terus melaksanakan dan memastikan pematuhan kepada amalan tadbir urus yang terbaik. Meneruskan pembangunan templat kontrak bersempena dengan Projek Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank. • Tadbir urus korporat dan reka bentuk struktur maklumat: Membangunkan dan melaporkan rancangan tindakan bagi memenuhi keperluan maklumat Lembaga Pengarah. Menyokong Lembaga Pengarah dalam pencapaian matlamat tahunannya, dan dalam pelaksanaan tadbir urus korporat secara berterusan. • Automasi proses perundangan: Melaksanakan automasi proses termasuk sistem pengurusan pengetahuan undang-undang, sistem fail dan pemerolehan maklumat, serta proses bagi pengemukaan produk deposit untuk pengesahan (Sistem Repositori Produk). • Meneruskan penglibatan dalam Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan.

Bahagian Polisi dan Antarabangsa

- menilai dan membangunkan polisi berkaitan mandat dan operasi PIDM
- menerajui dan menyelaraskan aktiviti PIDM di peringkat antarabangsa

PENCAPAIAN UTAMA PADA TAHUN 2009	KINI DIUSAHAKAN / MASA HADAPAN
<ul style="list-style-type: none"> • Mengekalkan hubungan kerja yang baik dengan penginsurans deposit lain IADI dan PIDM dicalonkan untuk anugerah "Penginsurans Deposit Terbaik" IADI bagi dua tahun berturut-turut. • Menyertai 14 forum antarabangsa dan enam acara dalam negara, melibatkan peserta tempatan dan antarabangsa – dalam pelbagai kapasiti termasuk sebagai penaja bersama acara dengan Warwick University dan Dana Monetari Antarabangsa (<i>International Monetary Fund</i> – IMF), penganjur bersama kursus insurans deposit dengan SEACEN, menggalakkan perkongsian pengetahuan menerusi mesyuarat, tugas sementara dan latihan dengan rakan sejawat di rantau ini, serta sebagai wakil panel pensyarah di pelbagai persidangan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Meneruskan hubungan kerja yang baik di peringkat antarabangsa. • Meneruskan pembangunan dan pelaksanaan polisi dan prosedur bagi peraturan-peraturan keperluan maklumat.

MENTADBIR JAMINAN DEPOSIT KERAJAAN

PIDM mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan sejak pengumuman pada 16 Oktober 2008. Sejak itu, kami memantau sebilangan besar institusi kewangan. Dalam taklimat kami kepada institusi kewangan yang dijamin di bawah Jaminan Deposit Kerajaan, kami juga memberi penekanan terhadap larangan penggunaan Jaminan Deposit Kerajaan sebagai daya tarikan dalam promosi berkenaan dengan produk deposit atau dalam pengiklanan mengenai institusi ini.

Pada tahun 2009, PIDM mencadangkan pindaan kepada Akta PIDM bagi memasukkan peruntukan Insurans Penstabilan yang digubal pada Januari 2010. Peruntukan Insurans Penstabilan ini membolehkan PIDM, dalam keadaan luar biasa dengan kelulusan Menteri Kewangan, melindungi sebahagian atau kesemua deposit dalam jumlah yang lebih besar, mengembangkan skop perlindungan bagi melindungi produk deposit tambahan, atau melanjutkan perlindungan kepada institusi kewangan yang lain.

Kerajaan bertanggungjawab bagi jaminan yang disediakan di bawah Jaminan Deposit Kerajaan dan PIDM tidak mempunyai pendedahan kewangan. PIDM memeterai Perjanjian Perlindungan Kerugian dengan Kerajaan yang menggariskan terma dan syarat Jaminan Deposit Kerajaan, termasuk mekanisme pembiayaan dan pembayaran balik kerugian yang ditanggung susulan pelaksanaan Jaminan Deposit Kerajaan oleh PIDM. PIDM, sebagai pentadbir Jaminan Deposit Kerajaan, akan menilai fi jaminan tahunan bagi pihak Kerajaan.

KESEDIAAN BAGI PERALIHAN DARIPADA JAMINAN DEPOSIT KERAJAAN

Dalam persediaan bagi peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan, kami telah membangunkan rangka kerja peralihan untuk beralih daripada Jaminan Deposit Kerajaan dan menjalankan kajian semula yang menyeluruh terhadap had dan skop perlindungan insurans deposit. Kami juga bekerjasama rapat dengan BNM dan peserta jaringan keselamatan kewangan serantau bagi menyelaraskan tindakan negara-negara serantau untuk beralih daripada jaminan kerajaan termasuk penetapan masa bagi peralihan ini.

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

TINJAUAN KEWANGAN DAN ANALISIS BAGI TAHUN 2009

KEPUTUSAN OPERASI

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009	2009	2009	Perbezaan		2008
	Sebenar RM'000	Bajet RM'000	(Bajet berbanding Sebenar) RM'000	%	Sebenar RM'000
Pendapatan premium	131,795	147,000	(15,205)	(10)	90,079
Pendapatan pelaburan	7,594	11,000	(3,406)	(31)	8,487
Pendapatan pelbagai	27	-	27	100	-
Jumlah Pendapatan	139,416	158,000	(18,584)	(12)	98,566
Perbelanjaan Operasi					
Manfaat kakitangan	22,209	24,425	2,216	9	19,170
Perhubungan awam dan pengiklanan	5,708	6,950	1,242	18	6,411
Susut nilai	2,450	1,800	(650)	(36)	1,642
Pajakan operasi	1,080	1,199	119	10	1,002
Perbelanjaan lain	13,428	19,627	6,199	32	6,316
Jumlah Perbelanjaan Operasi	44,875	54,000	9,126	17	34,541
Lebihan Bersih	94,541	104,000	(9,459)	(9)	64,025


PERBELANJAAN MODAL

PERBELANJAAN MODAL PADA TAHUN 2009	2009	2009	Perbezaan		2008
	Sebenar RM'000	Bajet RM'000	(Bajet berbanding Sebenar) RM'000	%	Sebenar RM'000
Perabot, kelengkapan dan ubahsuaian pejabat	195	480	285	59	380
Sistem komputer dan peralatan pejabat	8,736	15,100	6,364	42	6,162
Jumlah Perbelanjaan Modal	8,931	15,580	6,649	43	6,542

ULASAN PRESTASI KEWANGAN TAHUN 2009

Pada tahun 2009, kami mencatatkan jumlah pendapatan RM139 juta dan perbelanjaan operasi RM45 juta, yang membawa kepada lebihan bersih RM94 juta.

Carta 1: Aliran Kewangan Utama dari tahun 2005 hingga 2009




Nota: Tempoh kewangan 2005 merangkumi tempoh 4 bulan yang berakhir pada 31 Disember 2005.

PENDAPATAN

Pendapatan premium

Premium tahunan ditaksir berdasarkan Jumlah Deposit yang Diinsuranskan yang dipegang oleh institusi anggota. Paras Jumlah Deposit yang Diinsuranskan berada dalam aliran meningkat sejak penubuhan PIDM pada tahun 2005. Pada tahun 2009, Jumlah Deposit yang Diinsuranskan sebanyak RM201.5 bilion mengalami kadar peningkatan yang lebih perlahan pada 5.5%, berbanding dengan kadar peningkatan tahun sebelumnya pada 6.9%.

Carta 2: Aliran Jumlah Deposit yang Diinsuranskan dari tahun 2005 hingga 2009



PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

TINJAUAN KEWANGAN DAN ANALISIS BAGI TAHUN 2009

Pada tahun 2008, kami memperkenalkan Sistem Premium Berbeza. Sistem Premium Berbeza mentaksir premium yang dibayar oleh institusi anggota mengikut profil risiko setiap institusi dan mengkategorikan setiap institusi ke dalam empat kategori premium. Kadar premium yang diguna pakai bagi keempat-empat kategori adalah seperti berikut:

KATEGORI PREMIUM	KADAR PREMIUM
Kategori 1	0.03%
Kategori 2	0.06%
Kategori 3	0.12%
Kategori 4	0.24%


Tujuan pelaksanaan Sistem Premium Berbeza adalah untuk menyediakan insentif kepada institusi anggota bagi mengguna pakai amalan pengurusan risiko yang mampan dan ketat, termasuk mengekalkan asas modal yang kukuh. Di bawah Sistem Premium Berbeza, institusi anggota dengan profil risiko yang lebih rendah membayar premium yang lebih rendah.

Bagi tahun taksiran 2008 sahaja, PIDM membenarkan peruntukan peralihan dengan menyelaraskan naik, skor Sistem Premium Berbeza sebanyak 20% daripada skor kuantitatif, dan mana-mana institusi anggota dalam Kategori Premium 4 ditaksir pada kadar yang sama seperti institusi anggota dalam Kategori Premium 3.

Dengan penguatkuasaan penuh Sistem Premium Berbeza pada tahun 2009, jumlah premium ditaksir terhadap institusi anggota meningkat kepada RM131.8 juta, daripada RM90.0 juta pada tahun sebelumnya.

Pada tahun 2009, kami juga melaksanakan Program Pengesahan Juruaudit Luaran bagi memastikan ketepatan maklumat yang disediakan oleh institusi anggota yang merupakan asas pengiraan Sistem Premium Berbeza dan premium. Di bawah program ini, juruaudit luaran sesebuah institusi anggota dikehendaki mengemukakan pengesahan secara bebas kepada PIDM bahawa maklumat berkaitan dengan Sistem Premium Berbeza dan Jumlah Deposit yang Diinsuranskan adalah tepat bagi tempoh pentaksiran.

Carta 3: Aliran Premium dari tahun 2005 hingga 2009




Bagi tahun 2010, kami membajetkan pendapatan premium RM122 juta dengan jangkaan peningkatan Jumlah Deposit yang Diinsuranskan sebanyak 3.5%. PIDM menggunakan premiumnya bagi pembiayaan operasinya dan lebih dikreditkan kepada Kumpulan Dana Insurans Deposit sebagai sumber kewangan bagi memenuhi kewajipan di masa hadapan sebagai penginsurans deposit nasional.

Pendapatan pelaburan, tunai dan kesetaraan tunai


Pada tahun 2009, pendapatan pelaburan kami lebih rendah, disebabkan terutamanya kadar faedah yang lebih rendah semasa tahun ini dengan hasil pulangan purata 2.39% (2.25% bagi pelaburan Islam dan 2.42% bagi pelaburan konvensional), berbanding dengan hasil pulangan purata 3.47% pada tahun 2008. Persekitaran kadar faedah yang secara umumnya lebih rendah merupakan susulan pendirian polisi monetari yang diambil oleh BNM.

Pada 31 Disember 2009, aset penjana pendapatan yang terdiri daripada tunai, kesetaraan tunai dan pelaburan berjumlah RM313 juta (2008: RM236 juta) bagi aset konvensional dan RM48 juta (2008: RM31 juta) bagi aset Islam.

Carta 4: Pendapatan Pelaburan dari tahun 2005 hingga 2009




Carta 5: Tunai, kesetaraan tunai dan pelaburan dari tahun 2005 hingga 2009



PERBELANJAAN OPERASI

Perbelanjaan operasi kami bagi tahun 2009 berjumlah RM45 juta. Carta berikut menunjukkan aliran perbelanjaan operasi kami.

Carta 6: Aliran Perbelanjaan Operasi dari tahun 2005 hingga 2009



Jumlah perbelanjaan operasi sehingga 31 Disember 2009 sebanyak RM45 juta adalah RM9 juta atau 17% lebih rendah berbanding bajet, tetapi RM10 juta atau 30% lebih tinggi berbanding dengan tahun 2008. Perbezaan positif berbanding bajet ini berbangkit terutamanya daripada perbelanjaan berkaitan kakitangan, perbelanjaan am dan pentadbiran serta perbelanjaan komunikasi yang lebih rendah berbanding dengan bajet. Peningkatan aliran dari tahun-tahun sebelum ini merupakan hasil usaha PIDM untuk membangunkan kapasiti dan keupayaan termasuk sistem, proses dan sumber manusia.


PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

TINJAUAN KEWANGAN DAN ANALISIS BAGI TAHUN 2009

Manfaat kakitangan

Kakitangan adalah aset yang penting. Kami terus mengguna pakai struktur organisasi yang cekap disokong oleh kakitangan dengan kemahiran, pengetahuan, pengalaman dan tata laku yang sesuai mengikut keperluan. Sejumlah besar inisiatif yang diambil serta pembangunan kapasiti dan keupayaan untuk memastikan kesediaan operasi telah menyumbang kepada peningkatan jumlah kakitangan sejak beberapa tahun ini. Kami menjangka aliran ini akan berterusan dengan pengukuhan kapasiti dan keupayaan kami secara berterusan dari segala aspek dalam organisasi kami untuk bersedia bagi memenuhi mandat kami dengan berkesan.

Carta 7: Bilangan Kakitangan dari tahun 2005 hingga 2009




Peningkatan utama dalam bilangan kakitangan pada tahun 2009 adalah dalam bahagian operasi utama kami termasuk penilaian risiko dan pemantauan, intervensi dan resolusi kegagalan bank serta fungsi-fungsi perundangan. Hasilnya, perbelanjaan manfaat kakitangan kami meningkat kepada RM22.2 juta pada tahun 2009 daripada RM19.2 juta pada tahun 2008. Bagaimanapun, jumlah ini adalah RM2.2 juta atau 9% lebih rendah berbanding bajet, terutamanya disebabkan masa pelantikan kakitangan sepanjang tahun ini.

Perhubungan awam dan pengiklanan

Komunikasi dan kesedaran awam adalah penting bagi memastikan keberkesanan sistem insurans deposit. Sejak penubuhan kami pada tahun 2005, fokus kami adalah

untuk memastikan komunikasi yang berkesan dalam usaha kami untuk meningkatkan tahap kesedaran awam mengenai sistem insurans deposit. Kami membangunkan Rancangan Komunikasi Bersepadu yang menerajui pelaksanaan aktiviti komunikasi kami dengan pelbagai pemegang kepentingan. Kami juga melaksanakan kempen pengiklanan kami, yang termasuk publisiti dalam media cetak, penyiaran dan elektronik. Program perhubungan awam kami pada tahun 2009 termasuklah taklimat media, temu bual, penerbitan rencana dan pengujuran program Capaian Korporat di Kuching, Sarawak. Kami juga melaksanakan program interaksi dengan pemegang kepentingan kami yang merangkumi sesi-sesi taklimat di seluruh negara kepada institusi anggota, institusi kewangan lain yang dijamin dan pemegang kepentingan lain, serta menyertai pameran dan jerayawara lain di seluruh negara.

Carta 8: Perbelanjaan Perhubungan Awam dan Pengiklanan dari tahun 2005 hingga 2009



Perbelanjaan bagi perhubungan awam dan pengiklanan pada tahun 2009 berjumlah RM5.7 juta, menurun sebanyak 11% berbanding dengan RM6.4 juta pada tahun 2008. Penurunan ini disebabkan terutamanya daripada pelaksanaan Jaminan Deposit Kerajaan dan justeru, menyebabkan kami menumpukan semula inisiatif komunikasi kami yang melibatkan pengurangan perbelanjaan bagi program pengiklanan dan penyelarasan program perhubungan awam.


Bagi tahun 2009, perbelanjaan perhubungan awam dan pengiklanan 18% lebih rendah berbanding bajet berikutan penyelarasan masa bagi pelaksanaan program pendidikan dan inisiatif perhubungan awam, serta pembangunan manual komunikasi krisis yang telah diberi keutamaan pada tahun 2010. Perbezaan positif ini adalah hasil penjimatan kos daripada kerjasama kami dengan BNM dan agensi kerajaan lain bagi jerayawara serta pelbagai program interaksi dengan pemegang kepentingan.

Perbelanjaan modal dan susut nilai

Kami meneruskan pembangunan infrastruktur operasi yang kukuh dan efektif, khususnya, Teknologi Maklumat (IT). Pada tahun 2009, kami melaksanakan sistem teras seperti Fasa 1 Sistem Pembayaran Balik Deposit yang terdiri daripada Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit dan Sistem Pengurusan Sokongan Pendeposit. Kami juga memulakan pembangunan Fasa 2, yang merangkumi Sistem Pengurusan Pembayaran Deposit dan Sistem Repositori Produk.


Selain sistem teras, kami menyempurnakan pelaksanaan sistem urus utama seperti fasa pertama Sistem Maklumat Sumber Manusia. Kami memulakan pembangunan Portal Enterpris Korporat, yang disasarkan untuk menyepadukan maklumat, pekerja dan proses merentasi PIDM, dan kami menyempurnakan penaiktarafan infrastruktur IT operasi secara korporat serta meningkatkan rangkaian dan infrastruktur keselamatan IT.

Carta 9: Aliran Perbelanjaan Modal dari tahun 2005 hingga 2009



Bagi tahun 2009, perbelanjaan modal meningkat sebanyak 36.9% kepada RM8.9 juta daripada RM6.5 juta pada tahun sebelum ini. Bagaimanapun, ini mewakili hanya 57% daripada perbelanjaan modal yang dibajetkan bagi tahun 2009 iaitu sebanyak RM15.6 juta. Perbezaan positif ini adalah hasil penjimatan daripada projek IT utama termasuk Fasa 2 Sistem Pembayaran Balik Deposit, Portal Enterpris Korporat dan peningkatan infrastruktur IT.

Carta 10: Pecahan Perbelanjaan Modal Utama dari tahun 2005 hingga 2009



Perbelanjaan susut nilai bagi tahun ini berjumlah RM2.4 juta atau 36% melebihi bajet disebabkan permodalan aset yang sedang dibangunkan, terutamanya bagi Fasa 1 Sistem Penilaian Risiko, yang disempurnakan lebih awal berbanding rancangan semasa tahun ini.


PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

TINJAUAN KEWANGAN DAN ANALISIS BAGI TAHUN 2009


Perbelanjaan lain

Perbelanjaan yang lain adalah berkaitan dengan perbelanjaan am dan pentadbiran, seperti sewa pejabat, fi khidmat profesional dan perundingan, perbelanjaan latihan dan pembangunan, perbelanjaan perjalanan, kos pencetakan dan alat tulis, elaun dan kos telekomunikasi. Disebabkan peningkatan sumber dan inisiatif kami beberapa tahun ini, kos am dan pentadbiran turut meningkat.

Carta 11: Aliran Perbelanjaan Lain dari tahun 2005 hingga 2009




Carta 12: Butiran utama dalam Perbelanjaan Lain dari tahun 2005 hingga 2009



Pada tahun 2009, perbelanjaan lain meningkat sebanyak 113% kepada RM13 juta, disebabkan terutamanya oleh penggunaan khidmat pakar runding bagi pembangunan rangka kerja dan proses intervensi dan resolusi kegagalan bank. Butiran lain di bawah perbelanjaan lain yang mengalami peningkatan ketara ialah perbelanjaan telekomunikasi dan sistem komputer berkaitan dengan perkhidmatan sistem keselamatan IT dan pengukuhan, penaiktarafan infrastruktur IT serta kos pelesenan dan penyenggaraan bagi aplikasi. Bagaimanapun, kami hanya membelanjakan 32% daripada bajet kami.

SOROTAN LEMBARAN IMBANGAN

Carta 13: Komposisi Aset



Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember 2009

Gabungan tunai dan kesetaraan tunai kami (pelaburan jangka pendek kurang daripada 90 hari) berjumlah RM157.2 juta pada 31 Disember 2009.

Sumber dan penggunaan tunai dihuraikan dalam Penyata Aliran Tunai di Bahagian 4 Laporan Tahunan ini.

Pelaburan

Jumlah pelaburan mencatatkan peningkatan 6.2% kepada RM204 juta, berbanding dengan RM191 juta pada tahun 2008. Kami terus mematuhi polisi pelaburan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah yang mengkehendaki pelaburan dalam sekuriti Kerajaan denominasi Ringgit jangka pendek pelbagai kematangan. Polisi pelaburan kami melarang pelaburan atau penyimpanan dana dengan mana-mana institusi anggota kecuali bagi tujuan operasi harian. Portfolio pelaburan PIDM pada 31 Disember 2009 terdiri daripada sekuriti pelaburan Kerajaan dan BNM dengan tempoh jangka pendek dalam lingkungan 98 hari hingga 315 hari.

Harta dan peralatan dan aset lain pada 31 Disember 2009

Harta dan peralatan kami pada 31 Disember 2009 berjumlah RM13 juta dengan peningkatan sebanyak RM4.9 juta atau 37% dari tahun sebelumnya, disebabkan

terutamanya pembangunan dalam sistem IT serta ubah suai pejabat.

Aset lain terdiri daripada deposit dan prapembayaran, pendapatan pelaburan belum terima, aset-aset lain dan akaun belum terima lain yang berjumlah RM1.5 juta, lebih tinggi sebanyak 31% berbanding dengan tahun sebelumnya.

Deposit dan prapembayaran sebanyak RM0.2 juta kebanyakannya merupakan deposit bayaran sewa dan utiliti bagi harta disewa dan prapembayaran sewa serta pelesenan bagi perisian dan penyenggaraan lain. Akaun faedah belum terima sebanyak RM0.2 juta pada 31 Disember 2009 terdiri daripada faedah terakru daripada pelaburan dalam Nota BNM dengan kupon.

Liabiliti pada 31 Disember 2009

Jumlah liabiliti sebanyak RM5.9 juta pada tahun 2009 terdiri daripada akaun belum bayar bagi utiliti, perkhidmatan komunikasi, sistem IT, peruntukan bagi cuti yang tidak digunakan serta perkhidmatan yang disediakan berkenaan dengan penggunaan perkhidmatan pakar runding dan bekalan barangan. Peningkatan sebanyak 74% dari tahun sebelumnya disebabkan terutamanya pembelian terakru aset tetap, perkhidmatan profesional dan akuan bagi utiliti dan perbelanjaan pelbagai.

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

TINJAUAN KEWANGAN DAN ANALISIS BAGI TAHUN 2009

Dana Insurans Deposit pada 31 Disember 2009

Jumlah Kumpulan Dana Insurans Deposit berjumlah RM370 juta, peningkatan 25% daripada tahun sebelumnya. Bagaimanapun, jumlah Kumpulan Dana Insurans Deposit adalah 1.9% lebih rendah berbanding bajet sebanyak RM377.1 juta, berikutan pendapatan premium yang lebih rendah tetapi diimbangi oleh perbelanjaan operasi yang lebih rendah. Jumlah Kumpulan Dana Insurans Deposit kami sebanyak RM370 juta merangkumi Dana Insurans Deposit Konvensional sebanyak RM321 juta dan Dana Insurans Deposit Islam sebanyak RM49 juta.

Kontingensi

Di bawah Akta PIDM 2005, PIDM mempunyai pendedahan kepada kerugian yang berbangkit daripada peranan menyediakan perlindungan insurans deposit bagi institusi anggota. Bagaimanapun, pendedahan ini tidak dapat ditentukan atau dianggarkan dengan tepat dengan apa jua tahap kebolehpercayaan yang boleh diterima. Sejak penubuhan PIDM pada tahun 2005 sehingga tarikh penyata kewangan ini, tiada sebarang peristiwa yang mengkehendaki peruntukan khas dibuat dan ditunjukkan dalam penyata kewangan mengikut FRS 137 *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*.

Fungsi-fungsi penilaian risiko dan pemantauan berterusan membolehkan kerjasama rapat antara PIDM dengan pihak berkuasa pengawalseliaan bagi mengambil tindakan pembedahan dengan segera, justeru meminimumkan kemungkinan kegagalan institusi. Selain itu, PIDM memantapkan disiplin kewangan menerusi Sistem Premium Berbeza, yang menyediakan insentif yang kukuh bagi institusi untuk mengguna pakai amalan pengurusan risiko yang mantap. Sekiranya berlaku kegagalan institusi, PIDM diberi mandat untuk melaksanakan intervensi dan menjalankan resolusi ke atas institusi yang bermasalah dengan tujuan meminimumkan kerugian kepada sistem kewangan.

Meskipun tiada peruntukan dicatatkan seperti yang disebut di atas, PIDM terus meningkatkan rizabnya dalam Kumpulan Dana Insurans Deposit menerusi premium tahunan yang ditaksir terhadap institusi anggotanya. Rizab ini tersedia untuk menanggung sebarang kerugian yang mungkin berlaku di masa depan atau kewajipan PIDM. Sekiranya rizab ini tidak mencukupi, PIDM, sebagai sebuah badan berkanun, mempunyai kuasa untuk meminjam daripada Kerajaan atau mengeluarkan sekuriti hutang awam bagi mengumpul dana, serta mentaksir premium yang lebih tinggi, dengan kelulusan Menteri Kewangan.

Inisiatif utama dalam bahagian ini adalah pembangunan rangka kerja peruntukan kerugian. Pembangunan rangka kerja ini akan diselaraskan dengan rangka kerja intervensi dan resolusi kegagalan bank, agar anggaran peruntukan dibuat secara konsisten dan tidak mempunyai perbezaan yang besar berbanding dengan keputusan akhir. Pada tahun 2009, kami juga memulakan pembangunan rangka kerja dana sasaran yang akan menetapkan rancangan pembiayaan dalaman jangka panjang berasaskan pendedahan kami kepada jangkaan kerugian bersih. Kami menjangka akan membentuk dana sasaran bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional dan Islam pada tahun 2010.

Sumber pembiayaan dan keupayaan kewangan

Sebagai sebuah badan berkanun, sumber pembiayaan dan keupayaan masa depan kami untuk memenuhi liabiliti dan komitmen adalah terjamin. Kami ditadbir mengikut undang-undang dan bertanggungjawab untuk melindungi pendeposit daripada kerugian, sekiranya sesebuah institusi anggota tidak dapat memenuhi liabilitinya kepada pendeposit. Akta PIDM memberi kuasa kepada kami untuk meminjam atau mengumpul dana bagi memenuhi kewajipan kami. Kami boleh memohon pinjaman daripada Dana Pendapatan Bersepadu dengan kelulusan Menteri Kewangan mengikut terma dan syarat seperti yang ditentukan oleh Menteri. Kami juga membangunkan rangka kerja untuk menggariskan proses berstruktur bagi mengumpul dana daripada pasaran modal, sekiranya diperlukan.

Kami diberi kuasa di bawah perundangan kami untuk mentaksir premium tahunan ke atas institusi anggota dan menetapkan kadar premium dengan kelulusan Menteri Kewangan. Sekiranya pembiayaan lebih diperlukan, kadar premium di bawah Akta PIDM boleh dinaikkan dengan kelulusan Menteri.

Lebih bersih kami sebanyak RM94.5 juta pada akhir tahun 2009 meningkatkan jumlah Kumpulan Dana Insurans Deposit kami. Dasar kami adalah untuk meningkatkan rizab dari semasa ke semasa bagi memastikan kesediaan dana untuk memenuhi sebarang kewajipan di masa depan.

Akhir sekali, Akta PIDM melarang pembubaran urusan dan hal ehwal PIDM.

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

RINGKASAN RANCANGAN KORPORAT 2010 - 2012

Secara ringkasnya, kami terus mengambil pendekatan yang bersepadu dalam pembangunan Rancangan Korporat serta mengenal pasti dan menilai risiko utama yang dihadapi oleh PIDM menggunakan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi.

Pada tahun ini, kami juga menjalankan perancangan senario semasa proses perancangan strategik kami memandangkan persekitaran operasi yang kompleks dan dinamik. Pendekatan ini bertujuan untuk mengembangkan pemikiran kami dalam cara tindak balas yang efektif, sekiranya berlaku peristiwa yang menghalang pencapaian kami mengikut rancangan asal.

Kami juga menjalankan kajian semula rangka kerja pengurusan strategik kami secara menyeluruh. Inisiatif kami diselaraskan sepenuhnya dengan strategi korporat kami dengan mengguna pakai pendekatan Kad Skor Terimbang untuk mengukur prestasi organisasi. Rancangan Korporat kami akan terus membantu kami dalam pemantauan dan pelaporan prestasi kami berbanding dengan inisiatif korporat dan mandat.

STRATEGI KAMI

Rancangan Korporat Dan Kewangan

Strategi kami

Bagi tempoh perancangan 2010 - 2012, fokus dan inisiatif utama kami adalah untuk meneruskan usaha bagi meningkatkan kesedaran awam mengenai insurans deposit; memastikan keberkesanan operasi dan kesediaan untuk menguruskan aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan bank; memantapkan tadbir urus; meneruskan aktiviti penilaian risiko dan pemantauan serta pengurusan dan pembangunan tenaga kerja. Kami akan mengukuhkan infrastruktur bagi memastikan kesediaan operasi dan terus membangunkan dan melaksanakan strategi dan inisiatif bagi peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan pada akhir Disember 2010.

Fokus utama

Sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, sembilan bahagian berikut akan menjadi fokus tugas kami dalam tempoh perancangan 2010 - 2012:

FOKUS UTAMA	INISIATIF UTAMA
1. Meningkatkan kesedaran dan pemahaman awam mengenai insurans deposit dan PIDM.	<ul style="list-style-type: none"> Mengkaji semula dan melaksanakan Rancangan Komunikasi Bersepadu bagi tahun 2010 Melaksanakan program pendidikan tahunan Melaksanakan dan mentadbir program biasiswa
2. Membangunkan dan melaksanakan strategi dan inisiatif bagi peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan kepada sistem insurans deposit dengan perlindungan terhadap.	<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan pakej inisiatif peralihan untuk beralih daripada Jaminan Deposit Kerajaan Melaksanakan peraturan-peraturan keperluan maklumat
3. Mengekalkan hubungan kerja yang sedia ada dan membina hubungan kerja yang baik dengan penyedia perkhidmatan baharu.	<ul style="list-style-type: none"> Meneruskan penglibatan aktif dan membangunkan kapasiti dengan pemegang kepentingan dan rakan kongsi strategik Meneruskan penglibatan aktif dalam forum antarabangsa Membina hubungan kerja dan mengekalkan hubungan kerja yang baik dengan rakan kongsi strategik utama
4. Mengguna pakai amalan terbaik dalam tadbir urus dan insurans deposit.	<ul style="list-style-type: none"> Menilai keberkesanan Lembaga Pengarah dan Pengurusan Membangunkan dan melaksanakan Polisi Risiko di peringkat Lembaga Pengarah bagi Pengurusan Risiko Organisasi Mencadangkan pindaan kepada Akta PIDM dan undang-undang berkaitan Menyumbang kepada Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan Melaksanakan program pematuhan terhadap Akta PIDM dan peraturan oleh institusi anggota

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

RINGKASAN RANCANGAN KORPORAT 2010 - 2012

FOKUS UTAMA	INISIATIF UTAMA
5. Membangunkan dan melaksanakan komponen Rangka Kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank termasuk pembangunan kapasiti dan kesediaan.	<ul style="list-style-type: none"> Meneruskan pembangunan dan pelaksanaan komponen Rangka Kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank termasuk proses, polisi dan prosedur
6. Mengkaji semula dan memantapkan Sistem Penilaian Risiko dan Sistem Premium Berbeza.	<ul style="list-style-type: none"> Mengkaji semula rangka kerja Sistem Premium Berbeza dan Jumlah Deposit yang Diinsuranskan, termasuk proses pengesahan Mengkaji semula dan meningkatkan Rangka Kerja Penilaian Risiko dan Pemantauan Membangunkan dan melaksanakan Sistem Isyarat Awal Membangunkan dan melaksanakan polisi dan peraturan bagi institusi anggota, termasuk: <ul style="list-style-type: none"> Peraturan faedah dan dividen yang patut dibayar Surcuj premium Menyelidik keperluan bagi prinsip teras untuk amalan urus niaga dan kewangan yang mantap bagi institusi anggota Membangunkan dan melaksanakan sistem, polisi dan prosedur Pembayaran Balik Deposit: <ul style="list-style-type: none"> Fasa 2 – Sistem Pengurusan Pembayaran Deposit dan Sistem Repositori Produk Fasa 3 – Membangunkan Pangkalan Data Deposit Dinamik Menubuhkan sebuah Syarikat Pengurusan Aset
7. Meneruskan pembangunan dan peningkatan infrastruktur bagi memastikan keberkesanan dan pematuhan operasi.	<ul style="list-style-type: none"> Membangunkan dan melaksanakan Fasa 2 rangka kerja pembiayaan – pembiayaan daripada pasaran modal Membangunkan dan melaksanakan rangka kerja bagi: <ul style="list-style-type: none"> Dana sasaran Peruntukan kerugian Melaksanakan inisiatif Pelan Strategik Teknologi Maklumat (IT) Membangunkan dan melaksanakan Rancangan Kesenambungan Urusan, Pemulihan Bencana dan infrastruktur Membangunkan Manual Komunikasi Krisis Membangunkan dan melaksanakan Fasa 2 dan 3 Sistem Maklumat Sumber Manusia Membangunkan dan melaksanakan rangka kerja dan sistem Pengurusan Pengetahuan Memperoleh infrastruktur tambahan (ruang pejabat, sistem IT, proses dan keperluan organisasi yang lain) Meneruskan pelaksanaan Portal Enterpris Korporat Membangunkan sistem pengurusan maklumat eksekutif

FOKUS UTAMA	INISIATIF UTAMA
8. Melaksanakan rangka kerja pengurusan tenaga kerja yang teguh.	<ul style="list-style-type: none"> Meneruskan pelaksanaan rangka kerja pengurusan tenaga kerja yang teguh
9. Memperkukuh nilai-nilai korporat dan budaya prestasi dalam Perbadanan.	<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan program berkaitan kakitangan bagi menggalakkan persekitaran kerja yang kondusif

Butir-butir terperinci fokus dan inisiatif utama yang menyokong objektif korporat bagi tahun 2010 hingga 2012 dihuraikan dalam Kad Skor Korporat di bahagian Lampiran.

Sokongan Pelan Kewangan

Pelan Kewangan bagi tahun 2010 telah dibangunkan untuk menyokong pencapaian inisiatif pada tahun 2010. Pendapatan premium dibajetkan sebanyak RM122.0 juta. Digabungkan dengan pendapatan pelaburan dan faedah yang dibajet sebanyak RM8.0 juta, pendapatan keseluruhan PIDM dijangka berjumlah RM130.0 juta bagi tahun 2010. Jumlah perbelanjaan operasi dibajetkan sebanyak RM65.0 juta manakala perbelanjaan modal dibajetkan sebanyak RM6.5 juta. Pada akhir tahun 2010, kami menjangkakan lebih bersih sebanyak RM65.0 juta, yang akan meningkatkan jumlah Kumpulan Dana Insurans Deposit kepada RM431.0 juta.



Bahagian 4: Penyata Kewangan



PENYATA KEWANGAN

LAPORAN PENGARAH

Dengan ini, para Pengarah membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

AKTIVITI UTAMA

PIDM adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM).

Tanggungjawab utama PIDM adalah untuk mentadbir sistem insurans deposit, menyediakan insurans terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit institusi anggota, memberi insentif bagi pengurusan risiko yang utuh dalam sistem kewangan dan menggalakkan atau menyumbang ke arah kestabilan sistem kewangan. PIDM hendaklah melaksanakan fungsi dan aktiviti dengan cara yang akan meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

Memandangkan sistem perbankan merangkumi sistem perbankan Islam dan Konvensional, PIDM menginsuranskan kedua-dua deposit Islam dan Konvensional. PIDM menyenggara dan mentadbir dua kumpulan dana yang berasingan untuk deposit Islam dan Konvensional bagi memastikan wujudnya urus tadbir yang baik di samping pematuhan kepada keperluan Syariah.

HASIL KEWANGAN

	2009 RM	2008 RM
Lebih bersih bagi tahun kewangan:		
Dana Insurans Deposit Konvensional	77,897,239	52,597,387
Dana Insurans Deposit Islam	16,644,141	11,427,020
Jumlah lebih bersih	94,541,380	64,024,407
Kumpulan Dana Insurans Deposit		
Dana Insurans Deposit Konvensional	320,894,595	242,997,356
Dana Insurans Deposit Islam	48,993,739	32,349,598
Jumlah Kumpulan Dana Insurans Deposit	369,888,334	275,346,954

PENGARAH

Nama para Pengarah PIDM yang berkhidmat pada 31 Disember 2009 adalah:

- Tan Sri Dato' Abdul Aziz Haji Taha (Pengerusi)
- Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
- Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah
- Tan Sri Dato' Sri Sulaiman Mahbob
- Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias
- Encik Michael Wong Kuan Lee
- Encik George Anthony David Dass (dilantik pada 3 Februari 2009)

Tan Sri Dato' Sri Dr Zeti Akhtar Aziz dan Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah dilantik sebagai pengarah *ex-officio* atas dasar jawatan mereka, menurut Seksyen 11(2) Akta PIDM. Selain daripada ahli *ex-officio*, ahli Lembaga Pengarah PIDM telah dilantik oleh Menteri Kewangan mengikut Seksyen 11(2) Akta PIDM.

MANFAAT PENGARAH

Sepanjang tahun kewangan dan pada tarikh laporan ini, tiada Pengarah PIDM yang telah menerima atau layak untuk menerima manfaat (selain daripada ganjaran Pengarah yang dinyatakan dalam penyata kewangan) atas sebab kontrak yang dibuat oleh PIDM dengan Pengarah atau dengan firma di mana Pengarah itu adalah seorang ahli atau dengan syarikat di mana Pengarah itu memegang kepentingan kewangan yang ketara.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pindahan rizab lain selain daripada lebih bersih kepada Dana Insurans Deposit Konvensional dan Islam dibuat ke dalam atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan.

HUTANG LAPUK DAN RAGU

Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbalan dimuktamadkan, para Pengarah telah mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan bahawa tindakan telah diambil dalam menghapus kira hutang lapuk dan membuat peruntukan terhadap hutang ragu, dan mereka telah berpuas hati bahawa tiada hutang lapuk untuk dihapus kira atau hutang ragu yang perlu dibuat peruntukan.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang memerlukan sebarang jumlah untuk dihapus kira sebagai hutang lapuk atau hutang yang dianggap sebagai ragu sehingga ke tahap ketara yang perlu dibuat peruntukan.

KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang berbangkit yang boleh menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti sedia ada di dalam akaun PIDM mengelirukan atau tidak sesuai.

PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak diambil kira di dalam laporan ini atau penyata kewangan PIDM yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan ini mengelirukan.

PERKARA LUAR BIASA

Pada pendapat para Pengarah, hasil operasi PIDM bagi tahun kewangan ini tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa penting dan luar biasa yang berlaku.

Sepanjang tempoh antara tahun kewangan berakhir dengan tarikh laporan ini, hasil operasi PIDM bagi tahun kewangan semasa di mana laporan ini disediakan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa penting dan luar biasa.

Pada tarikh laporan ini, tidak berlaku sebarang caj ke atas aset PIDM yang berbangkit sejak berakhirnya tahun kewangan ini yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain.

JAMINAN DEPOSIT KERAJAAN

Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia ("BNM") telah mengumumkan pada 16 Oktober 2008, bahawa semua deposit Ringgit Malaysia dan mata wang asing dalam bank perdagangan, bank Islam, bank pelaburan dan bank Islam antarabangsa serta institusi kewangan pembangunan yang menerima deposit dan dikawal selia oleh BNM akan diberi jaminan sepenuhnya oleh Kerajaan menerusi PIDM sehingga 31 Disember 2010. Jaminan Deposit Kerajaan (JDK) akan dipanjangkan

kepada semua institusi perbankan domestik dan asing yang diperbadankan di Malaysia.

PIDM dipertanggungjawabkan untuk menjamin deposit yang dipegang oleh institusi anggota seperti yang dinyatakan di dalam Akta PIDM. Kerajaan melalui JDK bertanggungjawab untuk menjamin deposit yang tidak dijamin secara langsung oleh PIDM dan deposit yang dipegang oleh institusi bukan anggota. Justeru, PIDM tiada sebarang pendedahan kewangan di bawah JDK.

Memandangkan permodalan institusi perbankan Malaysia yang teguh dan kukuh, JDK dijangka tidak akan diguna pakai. Bagaimanapun, PIDM tetap sentiasa menilai dan memantau risiko yang membawa kesan kepada prestasi institusi anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin secara berterusan.

Selepas berakhir tahun kewangan, Akta PIDM telah dipinda untuk memasukkan peruntukan penstabilan insurans yang berhubung kait dengan JDK.

LIABILITI LUAR JANGKA

Pendedahan kepada kerugian daripada jaminan deposit

Di bawah Akta PIDM, PIDM terdedah kepada kerugian akibat menginsuranskan deposit yang dipegang oleh institusi anggota. Bagaimanapun pendedahan ini tidak boleh ditentukan atau dianggarkan dengan sebarang kadar penerimaan yang boleh diyakini. Semenjak PIDM diperbadankan pada tahun 2005, tiada kejadian berlaku yang memerlukan peruntukan dibuat dan dinyatakan dalam penyata kewangan selaras dengan FRS 137 *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*.

Penilaian risiko dan aktiviti pemantauan PIDM yang berterusan membolehkannya bekerja rapat dengan badan kawal selia untuk mengambil langkah pembaikan dengan segera dan secara tidak langsung mengurangkan kemungkinan kegagalan sesebuah institusi anggota. Di samping itu, PIDM mengukuhkan disiplin kewangan melalui sistem premium berbeza yang menyediakan insentif kepada institusi anggota untuk mengamalkan pengurusan risiko yang ketat dan mantap termasuk penyenggaraan kedudukan modal yang kukuh. Sekiranya berlaku kegagalan, PIDM telah diberikan mandat dan kuasa untuk campur tangan dan membuat resolusi terhadap institusi anggota yang gagal dengan meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

PENYATA KEWANGAN

LAPORAN PENGARAH

Meskipun tiada peruntukan direkodkan seperti yang dinyatakan di atas, PIDM terus mengumpul dana melalui kutipan premium tahunan daripada institusi anggota. Dana yang terkumpul akan digunakan untuk membiayai sebarang kerugian dan komitmen yang ditanggung oleh PIDM. Sekiranya dana tersebut tidak mencukupi, PIDM sebagai sebuah badan berkanun mempunyai kuasa untuk meminjam dari Kerajaan atau menerbitkan sekuriti hutang awam bagi mendapatkan dana di samping menaikkan kadar premium dengan kelulusan Menteri Kewangan.

TANGGUNGJAWAB BAGI PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Dalam memberikan pendapat berhubung penyata kewangan, para Pengarah telah bergantung kepada pernyataan pihak Pengurusan mengenai proses dan sistem kawalan dalaman serta fungsi audit dalaman dan luaran yang direka bagi memastikan bahawa:

- i) Penyata kewangan telah disediakan mengikut peruntukan Akta PIDM dan piawaian *Financial Reporting Standards* (FRS) yang berkenaan supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan PIDM pada 31 Disember 2009, hasil operasi dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. FRS adalah piawaian perakaunan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board*) yang diluluskan di Malaysia bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian.
- ii) Dana Insurans Deposit Islam disenggara dan ditadbir mengikut keperluan Syariah, seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.

JURUAUDIT

Menurut Akta PIDM, penyata kewangan PIDM diaudit oleh Ketua Audit Negara Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi para Pengarah



Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha
Pengerusi Lembaga Pengarah



Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias
Pengerusi Jawatankuasa Audit

Kuala Lumpur
23 Februari 2010

PENYATA KEWANGAN

PERNYATAAN PENGARAH

Kami, Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha dan Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias, dua daripada Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan telah disediakan mengikut peruntukan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM) dan piawaian *Financial Reporting Standards* yang berkenaan, iaitu piawaian Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board*) yang diluluskan di Malaysia bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian, supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai hal ehwal PIDM pada 31 Disember 2009, hasil operasi dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Para Pengarah juga berpendapat bahawa Dana Insurans Deposit Islam disenggara dan ditadbir mengikut keperluan Syariah seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi para Pengarah



Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha
Pengerusi Lembaga Pengarah

Kuala Lumpur
23 Februari 2010



Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias
Pengerusi Jawatankuasa Audit

PENYATA KEWANGAN

AKUAN BERKANUN OLEH PIHAK PENGURUSAN BERHUBUNG TANGGUNGJAWAB PELAPORAN KEWANGAN

Penyediaan penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dan maklumat berhubung penyata kewangan ini adalah tanggungjawab pihak Pengurusan. Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut peruntukan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM) dan piawaian *Financial Reporting Standards* yang berkenaan iaitu piawaian Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board*) yang diluluskan di Malaysia bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian, supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan PIDM pada 31 Disember 2009, hasil operasi dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Dana Insurans Deposit Islam disenggara dan ditadbir mengikut keperluan Syariah seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.


Dalam melaksanakan tanggungjawabnya bagi memastikan integriti dan kesaksamaan penyata kewangan, pihak Pengurusan menyenggara sistem kawalan dan amalan kewangan dan pengurusan serta fungsi audit dalaman yang direka untuk memberi jaminan yang munasabah bahawa urus niaga telah diluluskan dengan sewajarnya, aset adalah dilindungi dan rekod disenggarakan dengan teratur mengikut Akta PIDM dan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.

Penyata kewangan ini telah diaudit dengan sewajarnya oleh Ketua Audit Negara Malaysia dan hasil pengauditan telah diambil maklum dengan sewajarnya oleh pihak Pengurusan. Juruaudit mempunyai akses kepada semua dokumen dan rekod PIDM semasa melaksanakan audit. Juruaudit juga mempunyai akses kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah yang menyelia tanggungjawab pihak Pengurusan dalam menyenggara sistem kawalan dan kualiti pelaporan kewangan yang mencukupi serta mengesyorkan penyata kewangan ini kepada Lembaga Pengarah.

Penyata kewangan ini telah dipertimbangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Kami, Jean Pierre Sabourin dan Wan Ahmad Ikram bin Wan Ahmad Loffi, dua pegawai utama yang bertanggungjawab bagi pengurusan kewangan PIDM, dengan sesungguhnya dan tulus ikhlas mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan, dengan sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami adalah betul dan kami membuat pengakuan ini dengan berhemat dan penuh kepercayaan bahawa ia adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh penama yang dinyatakan di atas di Kuala Lumpur pada 23 Februari 2010



Jean Pierre Sabourin
Ketua Pegawai Eksekutif



Wan Ahmad Ikram bin Wan Ahmad Loffi
Pengurus Besar, Bahagian Kewangan dan
Pentadbiran dan Ketua Pegawai Kewangan

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah



Level 16, Menara TM Asia Life,
189, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.




SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

Saya telah mengaudit penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2009. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan penyata kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia pada 31 Disember 2009, hasil operasi dan aliran tuainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
24 FEBRUARI 2010



PENYATA KEWANGAN

LEMBARAN IMBANGAN

PADA 31 DISEMBER

	Nota	2009 RM	2008 RM
ASET			
Tunai dan kesetaraan tunai	3	157,177,285	76,400,643
Pelaburan <i>Pelaburan pegangan hingga matang</i>	4	203,810,575	191,034,648
Aset lain	5	1,536,199	1,058,056
Hartanah dan peralatan	6	13,334,745	8,393,821
Jumlah Aset		375,858,804	276,887,168
LIABILITI			
Akaun belum bayar	7	5,970,470	1,540,214
Jumlah Liabiliti		5,970,470	1,540,214
KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT DAN RIZAB			
Dana Insurans Deposit Konvensional	8a	320,894,595	242,997,356
Dana Insurans Deposit Islam	8b	48,993,739	32,349,598
Jumlah Kumpulan Dana Insurans Deposit		369,888,334	275,346,954
Jumlah Liabiliti dan Kumpulan Dana Insurans Deposit		375,858,804	276,887,168

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA KEWANGAN

PENYATA PENDAPATAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

	Nota	2009 RM	2008 RM
Hasil premium	9	131,794,707	90,078,953
Pendapatan pelaburan daripada tunai dan sekuriti pelaburan	10	7,593,900	8,486,577
Pendapatan lain		27,944	-
Jumlah hasil		139,416,551	98,565,530
Manfaat kakitangan	11	22,208,574	19,170,141
Perhubungan awam dan pengiklanan		5,708,410	6,411,079
Susut nilai	6	2,450,297	1,641,609
Pajakan operasi		1,079,691	1,002,584
Perbelanjaan lain	12	13,428,199	6,315,710
Jumlah perbelanjaan		44,875,171	34,541,123
Lebihan bersih		94,541,380	64,024,407

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA KEWANGAN

PENYATA PERUBAHAN DALAM KUMPULAN DANA DAN RIZAB
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

	Nota	Dana Insurans Deposit Konvensional RM	Dana Insurans Deposit Islam RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2008	8	190,399,969	20,922,578	211,322,547
Lebihan bersih bagi tahun		52,597,387	11,427,020	64,024,407
Pada 31 Disember 2008	8	242,997,356	32,349,598	275,346,954
Pada 1 Januari 2009	8	242,997,356	32,349,598	275,346,954
Lebihan bersih bagi tahun		77,897,239	16,644,141	94,541,380
Pada 31 Disember 2009	8	320,894,595	48,993,739	369,888,334

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA KEWANGAN

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

	Nota	2009 RM	2008 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Penerimaan premium daripada institusi anggota	9	131,765,633	90,078,953
Pembayaran operasi semasa kepada pembekal dan kakitangan		(39,871,061)	(34,186,234)
Penerimaan pendapatan pelaburan		8,502,775	6,736,631
Pendapatan lain		27,944	-
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi		100,425,291	62,629,350
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Hasil daripada penjualan sekuriti pelaburan		474,857,104	296,944,905
Pembelian sekuriti pelaburan		(488,784,219)	(315,314,427)
Pembelian hartanah dan peralatan		(5,721,534)	(3,151,823)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan		(19,648,649)	(21,521,345)
Kenaikan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai		80,776,642	41,108,005
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		76,400,643	35,292,638
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	3	157,177,285	76,400,643

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA KEWANGAN

DANA INSURANS DEPOSIT KONVENSIONAL LEMBARAN IMBANGAN
PADA 31 DISEMBER

	Nota	2009 RM	2008 RM
ASET			
Tunai dan kesetaraan tunai	3	133,885,842	72,918,225
Pelaburan			
<i>Pelaburan pegangan hingga matang</i>	4	179,129,211	163,048,573
Aset lain	5	1,413,387	821,159
Hartanah dan peralatan	6a	11,510,239	7,586,075
Jumlah Aset		325,938,679	244,374,032
LIABILITI			
Akaun belum bayar	7	5,044,084	1,376,676
Jumlah Liabiliti		5,044,084	1,376,676
Dana Insurans Deposit Dan Rizab			
Dana Insurans Deposit Konvensional	8a	320,894,595	242,997,356
Jumlah Dana Insurans Deposit		320,894,595	242,997,356
Jumlah Liabiliti dan Dana Insurans Deposit		325,938,679	244,374,032

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA KEWANGAN

DANA INSURANS DEPOSIT KONVENSIONAL PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

	Nota	2009 RM	2008 RM
Hasil premium	9	109,177,754	75,991,230
Pendapatan pelaburan daripada tunai dan sekuriti pelaburan	10	6,649,080	7,533,560
Pendapatan lain		23,574	-
Jumlah hasil		115,850,408	83,524,790
Manfaat kakitangan	11	18,719,735	17,147,171
Perhubungan awam dan pengiklanan		4,815,189	5,740,619
Susut nilai	6a	2,169,263	1,490,031
Pajakan operasi		911,219	897,938
Perbelanjaan lain	12	11,337,763	5,651,644
Jumlah perbelanjaan		37,953,169	30,927,403
Lebih bersih		77,897,239	52,597,387

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA KEWANGAN

DANA INSURANS DEPOSIT KONVENSIIONAL PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

	Nota	2009 RM	2008 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Penerimaan premium daripada institusi anggota	9	109,148,680	75,991,230
Pembayaran operasi semasa kepada pembekal dan kakitangan		(33,546,297)	(30,048,567)
Penerimaan pendapatan pelaburan		7,613,197	5,762,069
Pendapatan lain		23,574	-
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi		83,239,154	51,704,732
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Hasil daripada penjualan sekuriti pelaburan		383,237,213	257,700,800
Pembelian sekuriti pelaburan		(400,682,064)	(265,844,935)
Pembelian hartanah dan peralatan		(4,826,686)	(2,819,621)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan		(22,271,537)	(10,963,756)
Kenaikan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai			
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		60,967,617	40,740,976
		72,918,225	32,177,249
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	3	133,885,842	72,918,225

PENYATA KEWANGAN

DANA INSURANS DEPOSIT ISLAM LEMBARAN IMBANGAN
PADA 31 DISEMBER

	Nota	2009 RM	2008 RM
ASET			
Tunai dan kesetaraan tunai	3	23,291,443	3,482,418
Pelaburan <i>Pelaburan pegangan hingga matang</i>	4	24,681,364	27,986,075
Aset lain	5	122,812	236,897
Hartanah dan peralatan	6b	1,824,506	807,746
Jumlah Aset		49,920,125	32,513,136
LIABILITI			
Akaun belum bayar	7	926,386	163,538
Jumlah Liabiliti		926,386	163,538
Dana Insurans Deposit Dan Rizab			
Dana Insurans Deposit Islam	8b	48,993,739	32,349,598
Jumlah Dana Insurans Deposit		48,993,739	32,349,598
Jumlah Liabiliti dan Dana Insurans Deposit		49,920,125	32,513,136

PENYATA KEWANGAN

DANA INSURANS DEPOSIT ISLAM PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

	Nota	2009 RM	2008 RM
Hasil premium	9	22,616,953	14,087,723
Pendapatan pelaburan daripada tunai dan sekuriti pelaburan	10	944,820	953,017
Pendapatan lain		4,370	-
Jumlah hasil		23,566,143	15,040,740
Manfaat kakitangan	11	3,488,839	2,022,970
Perhubungan awam dan pengiklanan		893,221	670,460
Susut nilai	6b	281,034	151,578
Pajakan operasi		168,472	104,646
Perbelanjaan lain	12	2,090,436	664,066
Jumlah perbelanjaan		6,922,002	3,613,720
Lebihan bersih		16,644,141	11,427,020

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA KEWANGAN

DANA INSURANS DEPOSIT ISLAM PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

	Nota	2009 RM	2008 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Penerimaan premium daripada institusi anggota	9	22,616,953	14,087,723
Pembayaran operasi semasa kepada pembekal dan kakitangan		(6,324,764)	(4,137,667)
Penerimaan pendapatan pelaburan		889,578	974,562
Pendapatan lain		4,370	-
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi		17,186,137	10,924,618
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Hasil daripada penjualan sekuriti pelaburan		91,619,891	39,244,105
Pembelian sekuriti pelaburan		(88,102,155)	(49,469,492)
Pembelian hartanah dan peralatan		(814,848)	(332,202)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan		2,622,888	(10,557,589)
Kenaikan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai		19,809,025	367,029
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		3,482,418	3,115,389
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	3	23,291,443	3,482,418

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2009

1. AKTIVITI UTAMA

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM).

Tanggungjawab utama PIDM adalah untuk mentadbir sistem insurans deposit, menyediakan insurans terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit yang dipegang oleh institusi anggota, memberikan insentif bagi pengurusan risiko yang utuh dalam sistem kewangan dan menggalakkan atau menyumbang ke arah kestabilan sistem kewangan. PIDM hendaklah melaksanakan fungsi dan aktiviti dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

Akta PIDM menyediakan perlindungan berasingan bagi deposit Islam dan Konvensional. PIDM menyenggara dan mentadbir dua kumpulan dana yang berasingan untuk deposit Islam dan Konvensional bagi memastikan wujudnya urus tadbir yang baik di samping pematuhan kepada keperluan Syariah.

Mulai 16 Oktober 2008, PIDM dipertanggungjawabkan untuk mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan. Butiran lanjut seperti di Nota 19.

Alamat pejabat PIDM ialah Aras 19, 1 Sentral, Jalan Travers, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Lembaga Pengarah telah membenarkan penerbitan Penyata Kewangan melalui resolusinya bertarikh 23 Februari 2010.

2. DASAR PENTING PERAKAUNAN

2.1 Asas perakaunan

Penyata kewangan telah disediakan mengikut konvensyen kos sejarah serta mematuhi peruntukan Akta PIDM. Sebagai polisi, penyata kewangan ini disediakan mengikut piawaian *Financial Reporting Standards* (FRS) yang berkenaan, iaitu piawaian Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board* - MASB) yang diluluskan di Malaysia bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian.

Penyata kewangan ini merangkumi aktiviti berhubung pentadbiran kedua-dua Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam dan Konvensional PIDM. Dana Insurans Deposit Islam disenggara dan ditadbir menurut keperluan Syariah seperti yang digariskan dalam Akta PIDM.

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan

(a) Instrumen kewangan

Instrumen kewangan diakaunkan dalam lembaran imbalan apabila PIDM menjadi pihak yang terikat kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

(i) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan, deposit boleh panggil di bank dan pelaburan mudah tunai jangka pendek yang sedia untuk ditukarkan kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang rendah. Penyata aliran tunai disediakan secara kaedah langsung. Ini termasuk pelaburan jangka pendek dengan tempoh matang kurang dari 90 hari.

(ii) Pelaburan

Pelaburan terdiri terutamanya daripada Sekuriti Kerajaan Malaysia dan sekuriti pelaburan Bank Negara Malaysia yang mudah dipasarkan. PIDM melabur dalam sekuriti mata wang Ringgit Malaysia jangka pendek dan sederhana yang bertujuan untuk dipegang sehingga tarikh matang dan bukan untuk diurusniagakan. Sekuriti ini sama ada yang berbayaran tetap atau boleh tentu dan mempunyai tempoh matang yang tetap dinyatakan pada kos yang diselaraskan kepada pelunasan premium atau akresi diskaun yang dikira berdasarkan kaedah pulangan berkesan, dari tarikh pembelian sehingga tarikh matang. Pelunasan premium dan akresi diskaun diiktiraf kira di dalam penyata pendapatan.

(iii) Akaun belum terima dan aset lain

Akaun belum terima dan aset lain dinyatakan pada nilai boleh realis bersih. Hutang lapuk akan dihapus kira setelah dikenal pasti. Peruntukan hutang ragu, jika ada, dibuat selepas mengambil kira semua jumlah tertunggak pada tarikh lembaran imbalan.

(iv) Akaun belum bayar

Akaun belum bayar dinyatakan pada nilai saksama bayaran yang perlu dibayar untuk barangan dan perkhidmatan yang telah diterima.

(b) Penjelasan nilai aset bukan kewangan

Pada setiap tarikh lembaran imbalan, PIDM mengkaji amaun bawaan asetnya, selain daripada aset kewangan, bagi menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk penjelasan nilai. Jika terdapat petunjuk tersebut, amaun yang boleh diperolehi semula dianggarkan bagi menentukan jumlah kerugian penjelasan nilai.

Bagi akaun muhibah, aset tidak ketara yang mempunyai jangka hayat tidak terhad dan aset tidak ketara yang belum dapat digunakan, amaun yang boleh diperolehi semula dianggarkan pada setiap tarikh lembaran imbalan atau lebih kerap apabila petunjuk penjelasan nilai dikenal pasti.

Bagi tujuan ujian penjelasan nilai aset, amaun yang boleh diperolehi semula dianggarkan atas asas penilaian individu setiap aset. Amaun yang boleh diperolehi semula ialah amaun yang lebih tinggi antara nilai saksama aset tersebut setelah dikurangkan kos jualan dengan nilai guna. Dalam menentukan nilai guna, anggaran aliran tunai hadapan didiskaunkan ke nilai kini aset menggunakan kadar diskaun yang menggambarkan penilaian pasaran semasa terhadap nilai tunai hadapan dan risiko aset yang terlibat. Apabila amaun bawaan untuk sesuatu aset melebihi amaun yang boleh diperolehi semula, aset tersebut dianggap terjejas dan nilai bawannya akan dikurangkan kepada amaun yang boleh diperolehi semula.

Kerugian penjelasan nilai diiktiraf di dalam penyata pendapatan tahun yang sama ia berlaku, melainkan aset itu dibawa pada amaun yang dinilai semula, yang mana penjelasan nilai tersebut hendaklah diakaunkan sebagai penilaian semula yang dikurangkan setakat mana amaun kerugian penjelasan nilai itu tidak melebihi amaun yang diambil kira dalam rizab penilaian semula aset bagi aset yang sama.

Kerugian penjelasan nilai bagi aset selain akaun muhibah akan dibalikkan semula jika, dan hanya jika, terdapat perubahan antara anggaran yang digunakan untuk menilai amaun yang boleh diperolehi semula dengan anggaran penjelasan nilai yang diiktiraf sebelumnya. Selain dari aset muhibah, nilai bawaan aset boleh dinaikkan kepada amaun yang boleh diperolehi semula, selagi amaun tersebut tidak melebihi nilai bawaan yang sepatutnya ditentukan (nilai selepas ditolak pelunasan dan susut nilai) sekiranya tiada kerugian penjelasan nilai bagi aset tersebut diiktiraf pada tahun sebelumnya. Suatu pembalikan semula kerugian penjelasan nilai bagi aset selain daripada aset muhibah akan diakaunkan di dalam penyata pendapatan, melainkan aset tersebut direkodkan pada amaun dinilai semula, yang mana,

dalam situasi ini, pembalikan semula tersebut harus diakaunkan sebagai penambahan penilaian semula. Penjelasan nilai bagi aset muhibah tidak boleh dibalikkan semula dalam tempoh berikutnya.

(c) Hartanah dan Peralatan dan Susut Nilai

Hartanah dan peralatan dinyatakan pada kos. Kos tambahan berikutnya akan dimasukkan ke dalam nilai bawaan atau dianggap sebagai aset yang lain, mengikut kesesuaian, hanya apabila kebarangkalian manfaat ekonomi masa hadapan yang dikaitkan dengannya diperolehi oleh PIDM dan penilaian kos butiran tersebut boleh dipercayai. Amaun bawaan bagi bahagian atau komponen aset yang diganti akan diselaraskan semula. Kos pembaikan dan penyelenggaraan yang lain akan diakaunkan dalam penyata pendapatan tahun kewangan di mana ianya berlaku.

Selepas diiktiraf, hartanah dan peralatan dinyatakan pada kos selepas ditolak susut nilai dan sebarang kerugian penjelasan nilai terkumpul.

Susut nilai dikira mengikut kaedah garis lurus bagi mengurangkan kos aset kepada nilai sisa sepanjang anggaran hayat kegunaan aset tersebut, mengikut kadar tahunan seperti berikut:

Perabot dan kelengkapan	20%
Kenderaan bermotor	20%
Ubahsuai pejabat	20%
Peralatan pejabat dan sistem komputer	33.3%

Nilai sisa, jangka hayat dan kaedah susut nilai dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan bagi memastikan amaunnya, kaedah dan tahun disusut nilai adalah selaras dengan anggaran sebelumnya serta corak penggunaan manfaat ekonomi hartanah dan peralatan tersebut.

Hartanah dan peralatan tidak lagi diiktiraf, setelah dilupuskan atau tiada manfaat ekonomi masa hadapan diperolehi dari penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan antara hasil pelupusan bersih, jika ada, dan nilai bawaan bersih diiktiraf di dalam penyata pendapatan. Bahagian amaun lebih penilaian yang belum digunakan akan diambil kira terus dalam Dana Insurans Deposit.

(d) Pengiktirafan pendapatan dan perbelanjaan

Semua pendapatan dan perbelanjaan operasi diiktiraf mengikut asas akrual. Mengikut Akta PIDM, perbelanjaan PIDM yang tidak boleh diperuntukkan secara langsung kepada Dana Insurans Deposit Islam atau Dana Insurans

PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2009

Deposit Konvensional dibahagi mengikut bahagian jumlah premium Islam dan Konvensional yang diterima ke atas jumlah premium tahun sebelumnya. Bagi operasi tahun kewangan semasa, penentuan asas pembahagian adalah berdasarkan premium sebenar yang diterima pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008. Asas pembahagian yang digunakan untuk Dana Insurans Deposit Islam dan Dana Insurans Deposit Konvensional pada tahun kewangan tersebut ialah 15.64% (2008:10.54%) dan 84.36 % (2008:89.46%) masing-masing.

Pendapatan premium diakaunkan dalam sesuatu tempoh kewangan berdasarkan risiko yang diambil semasa tempoh kewangan berkenaan. Institusi anggota membayar premium tahunan bagi tempoh lindungan yang sama dengan tempoh kewangan PIDM.

Pendapatan pelaburan termasuk pendapatan dari penempatan dalam pasaran wang (*REPO*) diiktiraf mengikut asas pembahagian masa yang menggambarkan pulangan berkesan aset tersebut.

(e) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus, caruman keselamatan sosial dan lain-lain manfaat seperti faedah kesihatan dan elaun diakaunkan sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberi oleh kakitangan PIDM. Cuti bergajaran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan diiktiraf apabila perkhidmatan diberi oleh kakitangan. Ia boleh dikumpul dan ditokok atas kelayakan masa hadapan. Cuti bergajaran jangka pendek yang tidak boleh dikumpul seperti cuti sakit diiktiraf pada masa ketidakhadiran berlaku.

(ii) Rancangan caruman tetap

Rancangan caruman tetap adalah manfaat yang diberikan selepas tamat perkhidmatan di mana PIDM membayar caruman tetap ke dalam dana atau kepada sebuah entiti lain. PIDM tidak lagi bertanggung untuk membuat caruman tambahan sekiranya dana tersebut tidak mempunyai aset yang cukup untuk membayar manfaat kakitangan berdasarkan perkhidmatan kakitangan pada tahun kewangan semasa atau sebelumnya. Caruman itu diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan

apabila ianya berlaku. Sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang, PIDM membuat caruman kepada skim pencen berkanun nasional, iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Pertubuhan Keselamatan Sosial.

(f) Mata wang asing

(i) Mata wang yang digunakan dan dinyatakan

Penyata kewangan PIDM dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan mata wang utama bagi ekonomi di mana PIDM beroperasi (mata wang fungsian).

(ii) Urus niaga mata wang asing

Bagi penyediaan penyata kewangan PIDM, urus niaga dalam mata wang asing selain daripada mata wang fungsian akan direkodkan dalam mata wang fungsian dengan kadar tukaran yang digunakan semasa urus niaga dilakukan. Pada tarikh lembaranimbangan, butiran kewangan yang disebut dalam mata wang asing akan ditukar mengikut kadar tukaran semasa tarikh lembaranimbangan. Butiran bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama dalam mata wang asing akan ditukar kepada mata wang fungsian dengan kadar tukaran yang digunakan pada tarikh nilai saksamanya ditentukan. Butiran bukan kewangan yang diukur mengikut kos sejarah dalam mata wang asing tidak ditukarkan.

Perbezaan tukaran asing akibat daripada penyelesaian dan penukaran butiran kewangan akan diambil kira dalam penyata pendapatan untuk tempoh berkaitan. Perbezaan tukaran asing bagi penukaran butiran bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama diambil kira dalam penyata pendapatan untuk tempoh berkaitan kecuali keuntungan atau kerugian butiran tersebut yang diiktiraf terus ke dalam ekuiti. Perbezaan tukaran asing bagi keuntungan atau kerugian butiran tersebut akan juga diiktiraf terus ke dalam ekuiti.

3. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2009		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Deposit dengan Bank Negara Malaysia	820,500	389,887	430,613
Baki tunai dan baki di bank	7,598,056	3,696,123	3,901,933
Pelaburan jangka pendek:			
Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	82,928,277	64,162,170	18,766,107
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	65,208,000	65,208,000	-
	148,136,277	129,370,170	18,766,107
Tambah: Akresi diskaun selepas pelunasan premium	622,452	429,662	192,790
	148,758,729	129,799,832	18,958,897
Jumlah tunai dan kesetaraan tunai	157,177,285	133,885,842	23,291,443
Nilai pasaran pelaburan jangka pendek yang dipegang pada 31 Disember 2009 adalah seperti berikut:			
Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	83,726,292	64,763,584	18,962,708
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	64,874,096	64,874,096	-
Jumlah nilai pasaran pelaburan jangka pendek	148,600,388	129,637,680	18,962,708

	2008		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Deposit dengan Bank Negara Malaysia	172,202	155,783	16,419
Baki tunai dan baki di bank	3,483,064	3,007,531	475,533
Pelaburan jangka pendek:			
Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	14,819,612	14,819,612	-
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	57,251,558	54,261,569	2,989,989
	72,071,170	69,081,181	2,989,989
Tambah: Akresi diskaun selepas pelunasan premium	674,207	673,730	477
	72,745,377	69,754,911	2,990,466
Jumlah tunai dan kesetaraan tunai	76,400,643	72,918,225	3,482,418
Nilai pasaran pelaburan jangka pendek yang dipegang pada 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:			
Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	14,927,010	14,927,010	-
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	57,877,048	54,885,925	2,991,123
Jumlah nilai pasaran pelaburan jangka pendek	72,804,058	69,812,935	2,991,123

Nilai pasaran pelaburan jangka pendek yang dipegang pada 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:

Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	14,927,010	14,927,010	-
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	57,877,048	54,885,925	2,991,123
Jumlah nilai pasaran pelaburan jangka pendek	72,804,058	69,812,935	2,991,123

Pelaburan jangka pendek yang mempunyai tempoh matang kurang daripada 90 hari diklasifikasikan sebagai kesetaraan tunai.

PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2009

4. PELABURAN

	2009		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	202,612,783	177,976,306	24,636,477
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	-	-	-
	202,612,783	176,976,306	24,636,477
Akresi diskaun selepas pelunasan premium	1,197,792	1,152,905	44,887
Jumlah pelaburan	203,810,575	179,129,211	24,681,364
Nilai pasaran pelaburan yang dipegang pada 31 Disember 2009 adalah seperti berikut:			
Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	203,760,584	179,064,765	24,695,819
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	-	-	-
Jumlah nilai pasaran pelaburan	203,760,584	179,064,765	24,695,819
	2008		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	111,443,173	111,443,173	-
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	77,294,251	49,332,351	27,961,900
	188,737,424	160,775,524	27,961,900
Akresi diskaun selepas pelunasan premium	2,297,224	2,273,049	24,175
Jumlah pelaburan	191,034,648	163,048,573	27,986,075
Nilai pasaran pelaburan yang dipegang pada 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:			
Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	113,568,615	113,568,615	-
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	77,267,410	49,531,030	27,736,380
Jumlah nilai pasaran pelaburan	190,836,025	163,099,645	27,736,380

Pelaburan adalah dalam nilai Ringgit Malaysia.

Nilai pasaran pelaburan dalam Dana Insurans Deposit Islam dan Konvensional sebagaimana yang dinyatakan di atas menunjukkan nilai saksama mereka pada akhir tahun kewangan dan ditentukan dengan merujuk kepada petunjuk harga pasaran yang disediakan oleh Bank Negara Malaysia.

5. ASET LAIN

	2009		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Deposit dan bayaran terdahulu	873,399	758,539	114,860
Pendapatan pelaburan belum terima	570,644	570,644	-
Aset lain	30,000	27,222	2,778
Akaun belum terima lain	62,156	56,982	5,174
Jumlah aset lain	1,536,199	1,413,387	122,812
	2008		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Deposit dan bayaran terdahulu	687,024	617,346	69,678
Pendapatan pelaburan belum terima	340,632	176,233	164,399
Aset lain	30,000	27,222	2,778
Akaun belum terima lain	400	358	42
Jumlah aset lain	1,058,056	821,159	236,897

PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2009

6. HARTANAH DAN PERALATAN

2009	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM	Perabot dan kelengkapan RM	Kenderaan bermotor RM	Ubahsuai pejabat RM	Jumlah RM
Kos					
Baki pada 1 Januari 2009	5,959,349	1,728,041	412,009	3,054,049	11,153,448
Penambahan (i)	7,196,677	-	-	194,544	7,391,221
Baki pada 31 Disember 2009	13,156,026	1,728,041	412,009	3,248,593	18,544,669
Susut nilai terkumpul					
Baki pada 1 Januari 2009	1,215,234	643,756	139,737	760,900	2,759,627
Caj bagi tahun semasa	1,392,521	345,580	82,401	629,795	2,450,297
Baki pada 31 Disember 2009	2,607,755	989,336	222,138	1,390,695	5,209,924
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2009	10,548,271	738,705	189,871	1,857,898	13,334,745

i. Termasuk dalam peralatan pejabat dan sistem komputer adalah amaun berjumlah RM8,546,563 (2008: RM3,845,937) berkaitan perbelanjaan bagi aset masih dalam pembinaan iaitu Sistem Penilaian Risiko berjumlah RM580,075, Sistem Pembayaran Semula Deposit berjumlah RM6,082,655, Sistem Maklumat Sumber Manusia berjumlah RM293,945, Portal Enterpris (Korporat) berjumlah RM1,497,238 dan Pengukuhan Sistem Infrastruktur berjumlah RM92,650.

6. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

2008	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM	Perabot dan kelengkapan RM	Kenderaan bermotor RM	Ubahsuai pejabat RM	Jumlah RM
Kos					
Baki pada 1 Januari 2008	3,752,417	1,667,532	412,009	2,734,800	8,566,758
Penambahan	2,206,932	60,509	-	319,249	2,586,690
Baki pada 31 Disember 2008	5,959,349	1,728,041	412,009	3,054,049	11,153,448
Susut nilai terkumpul					
Baki pada 1 Januari 2008	545,262	309,113	57,335	206,308	1,118,018
Caj bagi tahun semasa	669,972	334,643	82,402	554,592	1,641,609
Baki pada 1 Disember 2008	1,215,234	643,756	139,737	760,900	2,759,627
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2008	4,744,115	1,084,285	272,272	2,293,149	8,393,821

PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2009

6. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

a. Dana Insurans Deposit Konvensional

2009	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM	Perabot dan kelengkapan RM	Kenderaan bermotor RM	Ubahsuai pejabat RM	Jumlah RM
Kos					
Baki pada 1 Januari 2009	5,380,505	1,567,866	373,977	2,768,526	10,090,874
Penambahan	5,929,310	-	-	164,117	6,093,427
Baki pada 31 Disember 2009	11,309,815	1,567,866	373,977	2,932,643	16,184,301
Susut nilai terkumpul					
Baki pada 1 Januari 2009	1,102,932	584,326	126,822	690,719	2,504,799
Caj bagi tahun semasa	1,211,187	313,559	74,795	569,722	2,169,263
Baki pada 1 Disember 2009	2,314,119	897,885	201,617	1,260,441	4,674,062
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2009	8,995,696	669,981	172,360	1,672,202	11,510,239

2008

	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM	Perabot dan kelengkapan RM	Kenderaan bermotor RM	Ubahsuai pejabat RM	Jumlah RM
Kos					
Baki pada 1 Januari 2008	3,406,462	1,513,735	373,977	2,482,925	7,777,099
Penambahan	1,974,043	54,131	-	285,601	2,313,775
Baki pada 31 Disember 2008	5,380,505	1,567,866	373,977	2,768,526	10,090,874
Susut nilai terkumpul					
Baki pada 1 Januari 2008	494,885	280,551	52,026	187,306	1,014,768
Caj bagi tahun semasa	608,047	303,775	74,796	503,413	1,490,031
Baki pada 31 Disember 2008	1,102,932	584,326	126,822	690,719	2,504,799
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2008	4,277,573	983,540	247,155	2,077,807	7,586,075

6. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

b. Dana Insurans Deposit Islam

2009	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM	Perabot dan kelengkapan RM	Kenderaan bermotor RM	Ubahsuai pejabat RM	Jumlah RM
Kos					
Baki pada 1 Januari 2009	578,844	160,175	38,032	285,523	1,062,574
Penambahan	1,267,367	-	-	30,427	1,297,794
Baki pada 31 Disember 2009	1,846,211	160,175	38,032	315,950	2,360,368
Susut nilai terkumpul					
Baki pada 1 Januari 2009	112,302	59,430	12,915	70,181	254,828
Caj bagi tahun semasa	181,333	32,021	7,606	60,074	281,034
Baki pada 31 Disember 2009	293,635	91,451	20,521	130,255	535,862
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2009	1,552,576	68,724	17,511	185,695	1,824,506

2008

	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM	Perabot dan kelengkapan RM	Kenderaan bermotor RM	Ubahsuai pejabat RM	Jumlah RM
Kos					
Baki pada 1 Januari 2008	345,955	153,797	38,032	251,875	789,659
Penambahan	232,889	6,378	-	33,648	272,915
Baki pada 31 Disember 2008	578,844	160,175	38,032	285,523	1,062,574
Susut nilai terkumpul					
Baki pada 1 Januari 2008	50,377	28,562	5,309	19,002	103,250
Caj bagi tahun semasa	61,925	30,868	7,606	51,179	151,578
Baki pada 31 Disember 2008	112,302	59,430	12,915	70,181	254,828
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2008	466,542	100,745	25,117	215,342	807,746

PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2009

7. AKAUN BELUM BAYAR

	2009		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Amaun terhutang kepada Bank Negara Malaysia	250,220	211,086	39,134
Akaun belum bayar runcit	29,700	25,055	4,645
Akaun belum bayar lain	5,182,299	4,379,183	803,116
Peruntukan cuti yang tidak terambil	508,251	428,760	79,491
Jumlah akaun belum bayar	5,970,470	5,044,084	926,386

	2008		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Amaun terhutang kepada Bank Negara Malaysia	219,950	196,767	23,183
Akaun belum bayar runcit	27,000	24,154	2,846
Akaun belum bayar lain	846,106	755,727	90,379
Peruntukan cuti yang tidak terambil	447,158	400,028	47,130
Jumlah akaun belum bayar	1,540,214	1,376,676	163,538

8. KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT

a. Dana Insurans Deposit Konvensional:

	2009 RM	2008 RM
Baki pada 1 Januari	242,997,356	190,399,969
Lebihan bersih	77,897,239	52,597,387
Baki pada 31 Disember	320,894,595	242,997,356

b. Dana Insurans Deposit Islam:

	2009 RM	2008 RM
Baki pada 1 Januari	32,349,598	20,922,578
Lebihan bersih	16,644,141	11,427,020
Baki pada 31 Disember	48,993,739	32,349,598

9. PENDAPATAN PREMIUM

	2009		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Premium pertama	-	-	-
Premium tahunan	131,794,707	109,177,754	22,616,953
Jumlah pendapatan premium	131,794,707	109,177,754	22,616,953

Di bawah Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Premium Tahunan) 2008, kadar Premium Tahunan yang berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008 adalah seperti berikut:

Kadar premium tahunan bagi sistem premium berbeza

- Jika kategori premium yang dalamnya suatu institusi anggota dikelaskan bagi suatu tahun taksiran sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1), kadar premium tahunan yang kena dibayar oleh institusi anggota itu bagi tahun taksiran itu adalah kadar premium yang dinyatakan bersetentangan dengannya dalam ruang (2) seperti berikut:

KATEGORI PREMIUM (RUANG 1)	KADAR PREMIUM (RUANG 2)
1	0.03%
2	0.06%
3	0.12%
4	0.24%

- Jika suatu institusi anggota dikelaskan dalam kategori premium yang berlainan berkenaan dengan deposit Islam diinsuranskan dan deposit Konvensional diinsuranskan, kadar premium tahunan yang kena dibayar bagi deposit itu adalah kadar premium bagi kategori premium deposit masing-masing.

- Premium tahunan yang perlu dibayar bagi institusi anggota hendaklah tidak kurang daripada RM250,000.

Kadar premium pertama

- Sebuah institusi anggota baru (sebagaimana yang ditakrifkan dalam Peraturan 2 Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza) 2008) yang memegang deposit Islam diinsuranskan atau deposit Konvensional diinsuranskan kadar premium pertama institusi anggota itu hendaklah sama dengan kadar premium untuk kategori premium 1.

- Premium pertama yang perlu dibayar bagi institusi anggota baru hendaklah tidak kurang daripada RM250,000.

	2008		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Premium pertama	3,344,000	-	3,344,000
Premium tahunan	86,734,953	75,991,230	10,743,723
Jumlah pendapatan premium	90,078,953	75,991,230	14,087,723

PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2009

10. PENDAPATAN PELABURAN

	2009		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	5,377,737	4,880,111	497,626
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	2,132,961	1,719,092	413,869
Penempatan dalam Pasaran Wang	83,202	49,877	33,325
Jumlah pendapatan pelaburan	7,593,900	6,649,080	944,820

	2008		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	2,920,534	2,830,620	89,914
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	5,533,279	4,680,198	853,081
Penempatan dalam Pasaran Wang	32,764	22,742	10,022
Jumlah pendapatan pelaburan	8,486,577	7,533,560	953,017

Kadar pulangan purata berwajaran bagi sekuriti pelaburan untuk tahun kewangan semasa adalah 2.25% (2008: 3.47%) dan 2.42% (2008: 3.45%) bagi portfolio Islam dan bagi portfolio Konvensional mengikut turutan.

11. PERBELANJAAN MANFAAT KAKITANGAN

	2009		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Gaji dan upahan	18,436,383	15,552,933	2,883,450
Caruman kepada rancangan caruman tetap	2,274,357	1,918,647	355,710
Peruntukan cuti yang tidak terambil	80,882	45,427	35,455
Manfaat lain	1,416,952	1,202,728	214,224
Jumlah perbelanjaan manfaat kakitangan	22,208,574	18,719,735	3,488,839

	2008		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Gaji dan upahan	16,251,824	14,538,881	1,712,943
Caruman kepada rancangan caruman tetap	1,879,596	1,681,487	198,109
Peruntukan cuti yang tidak terambil	228,328	201,352	26,976
Manfaat lain	810,393	725,451	84,942
Jumlah perbelanjaan manfaat kakitangan	19,170,141	17,147,171	2,022,970

Bilangan kakitangan pada akhir tahun kewangan ialah tujuh puluh dua (72) (2008: 67).

12. PERBELANJAAN LAIN

	2009		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Yuran audit	29,700	25,055	4,645
Saraan dan fi Pengarah*	432,403	364,775	67,628
Sewa tempat letak kereta	281,437	237,420	44,017
Percetakan dan alat tulis	1,063,848	897,918	165,930
Fi penasihat dan perundingan	7,023,814	5,925,391	1,098,423
Keahlian dan yuran langganan	343,917	291,437	52,480
Latihan dan pembangunan	1,302,626	1,101,942	200,684
Perjalanan	547,970	462,267	85,703
Telekomunikasi dan sistem komputer	1,678,447	1,418,888	259,559
Pembangunan dan penyelenggaraan laman web	28,587	24,116	4,471
Pelbagai	695,450	588,554	106,896
Jumlah perbelanjaan lain	13,428,199	11,337,763	2,090,436

	2008		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Yuran audit	27,000	24,154	2,846
Saraan dan fi Pengarah*	315,241	282,015	33,226
Sewa tempat letak kereta	249,318	223,041	26,277
Percetakan dan alat tulis	936,424	837,738	98,686
Fi penasihat dan perundingan	1,437,802	1,286,241	151,561
Keahlian dan yuran langganan	353,683	317,246	36,437
Latihan dan pembangunan	1,336,657	1,195,773	140,884
Perjalanan	479,439	428,906	50,533
Telekomunikasi dan sistem komputer	650,929	582,520	68,409
Pembangunan dan penyelenggaraan laman web	113,900	101,895	12,005
Pelbagai	415,317	372,115	43,202
Jumlah perbelanjaan lain	6,315,710	5,651,644	664,066

* Para Pengarah dibayar berdasarkan struktur fi dan elaun yang telah diluluskan oleh Menteri Kewangan.

PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2009

13. PERCUKAIAN

PIDM diberi pengecualian penuh daripada cukai pendapatan di peringkat statutori.

14. PAJAKAN OPERASI

PIDM telah memeterai satu kontrak pajakan operasi yang tidak boleh dibatalkan bagi penggunaan ruang pejabat di Aras 19, 1 Sentral, Kuala Lumpur Sentral. Pajakan ini adalah bagi tempoh 5 tahun bermula 18 April 2007 pada kadar sewaan tetap dan mengandungi opsyen untuk memperbaharui pajakan bagi tempoh 5 tahun tambahan. Kontrak ini tidak mengandungi opsyen pembelian atau klausa menambah. Dalam memeterai kontrak ini, PIDM tidak tertakluk kepada sebarang sekatan.

PIDM juga telah memeterai pajakan untuk pelbagai peralatan pejabat melalui kontrak pajakan operasi yang tidak boleh dibatalkan. Pajakan ini adalah untuk tempoh 5 tahun dengan peruntukan pembaharuan automatik bagi tempoh 5 tahun tambahan sekiranya PIDM tidak memberi notis penamatan dalam tempoh tiga bulan sebelum tarikh luput penggal utama pajakan. Kontrak ini tidak mengandungi opsyen pembelian atau klausa menambah.

Agregat pembayaran minimum pajakan untuk masa hadapan di bawah kontrak pajakan operasi yang tidak boleh dibatalkan, yang dimeterai pada tarikh lembaran imbalan tetapi tidak diiktiraf sebagai liabiliti adalah seperti berikut:

	2009 RM	2008 RM
Pembayaran pajakan minimum untuk masa hadapan: Tidak lebih dari 1 tahun	998,736	985,632
Melebihi dari 1 tahun tetapi tidak lebih dari 5 tahun	1,349,471	2,332,919
Jumlah komitmen pajakan operasi	2,348,207	3,318,551

15. KOMITMEN MODAL

Diluluskan dan dikontrakkan untuk:
Hartanah dan peralatan

	2009 RM	2008 RM
Jumlah komitmen modal	5,810,697	4,271,803

16. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

a. Transaksi dengan pihak berkaitan

- Dalam tahun 2009, PIDM telah memeterai satu kontrak dengan Shook Lin & Bok (SLB), firma guaman bagi perkhidmatan nasihat undang-undang kepada PIDM. Seorang daripada Pengarah PIDM, Encik Michael Wong merupakan penasihat berkontrak kepada SLB. Fi yang dikenakan ialah RM136,236 yang mana ia setara dengan harga pasaran. Pada 31 Disember 2009, amaun yang tertunggak yang patut dibayar kepada firma tersebut adalah RM117,697. Pengarah berkenaan tidak terlibat dalam proses pemilihan ataupun menyertai perbincangan mengenai keputusan yang dibuat oleh Pengurusan untuk memeterai kontrak dengan firma tersebut. Pengarah berkenaan juga tidak memperolehi sebarang faedah daripada kontrak tersebut.
- Pengerusi Jawatankuasa Audit PIDM, Datuk Dr Abdul Samad juga adalah merupakan Pengerusi Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan) semenjak 1 Ogos 2008. Bank Pembangunan merupakan salah satu institusi kewangan lain di bawah Jaminan Deposit Kerajaan.

b. Ganjaran kakitangan pengurusan utama

	2009 RM	2008 RM
Manfaat jangka pendek	7,911,922	8,116,250
Manfaat selepas persaraan: Caruman kepada rancangan caruman tetap	656,949	637,155
Jumlah ganjaran kakitangan pengurusan utama	8,568,871	8,753,405

Ganjaran kakitangan pengurusan utama di atas termasuk ganjaran Ketua Pegawai Eksekutif dan semua ahli Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif, iaitu mereka yang diberi kuasa dan tanggungjawab bagi merancang, mengendali dan mengawal aktiviti PIDM.

Walau bagaimanapun, ia tidak termasuk ganjaran bagi para Pengarah yang didedahkan secara berasingan dalam Nota 12. Ganjaran kakitangan pengurusan utama turut didedahkan dalam Nota 11.

PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2009

17. INSTRUMEN KEWANGAN

Dasar pengurusan risiko kewangan PIDM bertujuan memastikan bahawa sumber kewangan adalah mencukupi untuk menjalankan aktiviti PIDM semasa menguruskan risiko PIDM mengenai mata wang asing, kadar faedah dan kadar pulangan, kecairan, pasaran dan kredit. PIDM beroperasi mengikut garis panduan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Polisi PIDM adalah untuk melabur hanya dalam sekuriti Kerajaan jangka pendek dan sederhana dalam nilai Ringgit Malaysia yang mempunyai pelbagai tempoh matang. Berhubung dengan operasi pengurusan tunai harian, PIDM boleh meletakkan lebih dana di dalam pasaran wang atau penempatan semalaman di banknya. Tiada pelaburan dibuat dengan institusi anggota memandangkan PIDM adalah penginsurans deposit.

a. Risiko mata wang asing

Pada masa ini PIDM tidak terdedah kepada sebarang risiko mata wang asing memandangkan semua transaksi diurusniagakan dalam mata wang Ringgit Malaysia.

b. Risiko kadar faedah dan risiko kadar pulangan

Risiko kadar faedah dan risiko kadar pulangan PIDM akan timbul terutamanya daripada perbezaan tarikh matang aset dan liabiliti kewangannya.

Aset kewangan terdiri daripada aset pelaburan, termasuk Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia, dan Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia. Risiko kadar faedah dalam hal ini timbul daripada turun naik kadar faedah pasaran yang boleh memberi kesan kepada nilai pasaran dan keputusan pelaburan semula aset kewangan. Risiko kadar pulangan ialah impak faktor pasaran yang berpotensi menjejaskan pulangan atas aset dan seterusnya boleh mengakibatkan nilai pasaran dan keputusan pelaburan semula aset kewangan ini terjejas. Bagi mengurangkan risiko, pada masa ini, PIDM hanya melabur dalam sekuriti jangka pendek dan sederhana yang mengurangkan sebarang kesan perubahan kadar faedah pasaran atau kadar pulangan atas nilai pasaran sekuriti berkenaan.

Pada masa ini, PIDM tidak mempunyai sebarang liabiliti yang terdedah kepada risiko kadar faedah.

Jadual berikut menunjukkan nilai bawaan, kadar pulangan purata berwajaran (WAYR) pada tarikh lembaran imbalan dan tempoh matang instrumen kewangan PIDM yang terdedah kepada risiko kadar faedah dan risiko kadar pulangan.

Dana Insurans Deposit Konvensional	Nota	WAYR %	Dalam tempoh 1 bulan RM	1-3 bulan RM	3-12 bulan RM	Jumlah RM
31 Disember 2009						
Kadar tetap						
Tunai dan kesetaraan tunai	3	1.83	4,086,010	129,799,832	-	133,885,842
Pelaburan	4	1.90	-	-	179,129,211	179,129,211
31 Disember 2008						
Kadar tetap						
Tunai dan kesetaraan tunai	3	3.34	18,132,888	54,785,337	-	72,918,225
Pelaburan	4	3.45	-	-	163,048,573	163,048,573

17. INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)

Dana Insurans Deposit Islam	Nota	WAYR %	Dalam tempoh 1 bulan RM	1-3 bulan RM	3-12 bulan RM	Jumlah RM
31 Disember 2009						
Kadar tetap						
Tunai dan kesetaraan tunai	3	1.88	4,332,546	18,958,897	-	23,291,443
Pelaburan	4	2.05	-	-	24,681,364	24,681,364
31 Disember 2008						
Kadar Tetap						
Tunai dan kesetaraan tunai	3	2.90	491,952	2,990,466	-	3,482,418
Pelaburan	4	3.55	-	-	27,986,075	27,986,075

c. Risiko kecairan

Sebahagian besar daripada kumpulan dana yang diperuntukkan bagi tujuan pelaburan telah dilaburkan dalam sekuriti jangka pendek. PIDM berusaha secara berterusan untuk mengurus profil kematangan sekuriti ini bagi memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi pada setiap masa, untuk memenuhi keperluan modal kerja harian.

d. Risiko pasaran

Pelaburan PIDM dalam sekuriti jangka pendek dan sederhana bertujuan untuk dipegang sehingga matang dan tidak diurus niaga secara aktif. Oleh itu, pendedahan PIDM kepada risiko pasaran dalam konteks pelaburan ini adalah minimum.

e. Risiko kredit

PIDM hanya melabur dalam Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia; dan Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia, yang secara amnya dianggap sebagai aset berisiko rendah. PIDM tidak menjangkakan pihak yang berurusan dengannya gagal dalam pembayaran dan oleh itu, menganggap risiko kredit atas aset pelaburannya sebagai sangat minimum.

f. Nilai saksama

Secara amnya, nilai bawaan aset dan liabiliti kewangan Dana Insurans Deposit Islam dan Dana Insurans Deposit Konvensional hampir setara dengan nilai saksama mereka, kecuali bagi pelaburan dalam Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia; dan Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia yang nilai saksamanya boleh diwakilkan oleh nilai pasaran sekuriti ini sebagaimana yang dinyatakan dalam Nota 3 dan 4.

18. MATA WANG

Semua amaun dinyatakan dalam nilai Ringgit Malaysia.

PENYATA KEWANGAN

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2009

19. JAMINAN DEPOSIT KERAJAAN

Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengumumkan pada 16 Oktober 2008, bahawa semua deposit Ringgit Malaysia dan mata wang asing dalam bank perdagangan, bank Islam, bank pelaburan dan bank Islam antarabangsa serta institusi kewangan pembangunan yang menerima deposit dan dikawal selia oleh BNM akan diberi jaminan sepenuhnya oleh Kerajaan menerusi PIDM sehingga 31 Disember 2010. Jaminan Deposit Kerajaan (JDK) akan dipanjangkan kepada semua institusi perbankan domestik dan asing yang diperbadankan di Malaysia.

PIDM dipertanggungjawabkan untuk menjamin deposit yang dipegang oleh institusi anggota seperti yang dinyatakan di dalam Akta PIDM. Kerajaan melalui JDK bertanggungjawab untuk menjamin deposit yang tidak dijamin secara langsung oleh PIDM dan deposit yang dipegang oleh institusi bukan anggota. Justeru, PIDM tiada sebarang pendedahan kewangan di bawah JDK.

Memandangkan permodalan institusi perbankan Malaysia yang teguh dan kukuh, JDK dijangka tidak akan diguna pakai. Bagaimanapun, PIDM tetap sentiasa menilai dan memantau risiko yang membawa kesan kepada institusi anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin secara berterusan.

Selepas berakhir tahun kewangan, Akta PIDM telah dipinda untuk memasukkan peruntukan penstabilan insurans yang berhubung kait dengan JDK.

20. LIABILITI LUAR JANGKA

Pendedahan kepada kerugian daripada jaminan deposit

Di bawah Akta PIDM, PIDM terdedah kepada kerugian akibat menginsuranskan deposit yang dipegang oleh institusi anggota. Bagaimanapun, pendedahan ini tidak boleh ditentukan atau dianggarkan dengan sebarang kadar penerimaan yang boleh diyakini. Semenjak PIDM diperbadankan pada tahun 2005, tiada kejadian berlaku yang memerlukan peruntukan dibuat dan dinyatakan dalam penyata kewangan selaras dengan FRS 137 *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*.

Penilaian risiko dan aktiviti pemantauan PIDM yang berterusan membolehkannya bekerja rapat dengan badan kawal selia untuk mengambil langkah pembaikan dengan segera dan secara tidak langsung mengurangkan kemungkinan kegagalan sesebuah institusi anggota. Di samping itu, PIDM mengukuhkan disiplin kewangan melalui sistem premium berbeza yang menyediakan insentif kepada institusi anggota untuk mengamalkan pengurusan risiko yang ketat dan mantap termasuk penyelenggaraan kedudukan modal yang kukuh. Sekiranya berlaku kegagalan, PIDM telah diberikan mandat dan kuasa untuk campur tangan dan membuat resolusi terhadap institusi anggota yang gagal dengan meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

Meskipun tiada peruntukan direkodkan seperti yang dinyatakan di atas, PIDM terus mengumpul dana melalui kutipan premium tahunan daripada institusi anggota. Dana yang terkumpul akan digunakan untuk membiayai sebarang kerugian dan komitmen yang ditanggung oleh PIDM. Sekiranya dana tersebut tidak mencukupi, PIDM sebagai sebuah badan berkanun mempunyai kuasa untuk meminjam dari Kerajaan atau menerbitkan sekuriti hutang awam bagi mendapatkan dana, di samping menaikkan kadar premium dengan kelulusan Menteri Kewangan.

Bahagian 5: Tinjauan Keanggotaan
Tahun 2009




TINJAUAN KEANGGOTAAN TAHUN 2009

Meskipun persekitaran ekonomi kurang menggalakkan pada tahun 2009, kami dengan sukacita melaporkan bahawa keanggotaan kami masih kukuh, dengan perubahan negatif kecil dalam profil risiko anggota individu.

Petunjuk kewangan kami sehingga Disember 2009 menunjukkan keanggotaan mempunyai kedudukan kewangan yang mantap dan berdaya tahan. Ini dicerminkan daripada kualiti aset yang kukuh, modal teguh dan mudah tunai yang besar. Keuntungan, seperti yang dijangkakan, berada dalam aliran menurun, tetapi masih stabil.

KEDUDUKAN MODAL TEGUH

Carta 14: Kedudukan Modal



Sepanjang tahun, kedudukan modal keanggotaan mengukuh dengan nisbah modal wajar risiko pada 14.2% pada akhir Disember 2009, berbanding dengan 12.2% pada akhir Disember 2008. Tahap nisbah modal teras juga lebih tinggi pada 12.6%, berbanding dengan 10.1% sebelum ini. Pada masa ini, terdapat penimbal modal melebihi RM50 bilion, sebelum nisbah modal wajar risiko menurun ke bawah tahap minimum keperluan pengawalseliaan 8%.


Kedudukan modal yang kukuh ini dapat dianggap berpunca terutamanya daripada usaha pengumpulan modal oleh beberapa institusi anggota, sama ada dalam bentuk ekuiti baharu atau instrumen yang layak sebagai modal Kumpulan-1. Dengan peningkatan saiz pengeluaran modal Kumpulan-1, kualiti modal dalam keanggotaan telah bertambah baik, dengan 76% daripada jumlah modal dalam bentuk modal Kumpulan-1 (2008: 70%). Beberapa faktor menyumbang kepada pengumpulan modal ini – anggota tertentu menambah modal disebabkan pelaburan besar dalam anak syarikat di dalam atau di luar negara. Beberapa anggota yang lain pula mengumpul modal bagi penimbal lebih baik untuk menghadapi potensi kerugian manakala

yang lainnya mengumpul modal tambahan bagi membina asas modal yang lebih kukuh.

Nisbah leveraj keanggotaan yang mengukur modal tersedia bagi menyokong aset juga bertambah baik kepada 11.9 kali pada Disember 2009, berbanding 13.5 kali pada akhir Disember 2008.

KUALITI ASET KEKAL BERDAYA TAHAN

Carta 15: Petunjuk Kualiti Aset Terpilih




Meskipun persekitaran operasi kurang menggalakkan, kualiti aset keanggotaan terus bertambah baik dengan nisbah pinjaman tidak berbayar (*non-performing loans* - NPL) yang rendah. NPL mutlak turun sebanyak RM6.1 bilion pada tahun 2009. Salah satu faktor yang menyumbang kepada NPL rendah ialah jualan NPL oleh institusi anggota. Selain itu, pemantauan rapat dan langkah-langkah proaktif bagi menyelesaikan pinjaman bermasalah membantu membendung penurunan seterusnya dalam kualiti aset. Ini dicerminkan daripada peningkatan dalam pinjaman yang dijadual dan disusun semula, yang merangkumi 3.5% daripada jumlah pinjaman (2008: 3.0%) pada akhir Disember 2009. Paras tunggakan pinjaman (2 hingga 3 bulan lampau tempoh) juga kekal stabil dan sentiasa berada di bawah 2% daripada jumlah pinjaman. Nisbah NPL bersih (klasifikasi 3 bulan) kekal di bawah 2% sejak Mei 2009, yang merupakan kedudukan yang sangat kukuh. Dengan mengambil kira kedudukan modal, nisbah NPL bersih berbanding asas modal adalah pada paras rendah 9.3% pada akhir Disember 2009; dengan kata lain, asas modal semasa merangkumi hampir 11 kali NPL bersih semasa keanggotaan.

Aktiviti pemberian pinjaman dan pembiayaan institusi anggota menurun pada tahun 2009 dengan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 8.2% pada akhir Disember 2009 (akhir Disember 2008: 13.7%). Kami memerhatikan terdapat daya tahan dalam permintaan segmen isi rumah, yang merangkumi 55.4% daripada jumlah pinjaman belum jelas pada akhir



Disember 2009. Segmen ini mencatatkan peningkatan tahunan yang konsisten kira-kira 10% bagi dua tahun berturut-turut. Kadar mungkir (NPL berbanding pinjaman belum jelas) daripada segmen utama dalam sektor isi rumah juga terus menunjukkan aliran menurun. Tanpa mengambil kira kesan pengembangan asas pinjaman, NPL mutlak daripada kadar pekerjaan yang stabil, keyakinan pengguna yang kukuh dan persekitaran kadar faedah yang kondusif. Kami akan terus memantau dengan rapat aliran ini pada tahun 2010. Sementara itu, kadar mungkir bagi sektor pemberian pinjaman utama juga menunjukkan aliran yang menurun secara beransur-ansur.

Carta 16: Kadar mungkir sektor/segmen terpilih



TINJAUAN KEANGGOTAAN TAHUN 2009



PRESTASI PEROLEHAN BERADA DALAM ALIRAN RENDAH

Keanggotaan keseluruhan masih mencapai keuntungan walaupun lebih rendah berbanding dengan tahun 2008. Keuntungan sebelum cukai tidak diaudit bagi tahun 2009 berjumlah RM16.1 billion, menurun sebanyak 11.4% berbanding dengan RM18.1 billion pada tahun 2008. Oleh itu, Pulangan Aset tahunan menurun kepada 1.3%, berbanding dengan 1.6% pada tahun 2008. Pulangan Ekuiti juga susut daripada 19.3% pada tahun 2008 kepada 14.2% pada tahun 2009 berpunca daripada keuntungan yang rendah dan juga ekuiti yang diperbesarkan hasil daripada usaha pengumpulan modal oleh institusi anggota.

Keuntungan rendah ini berpunca daripada gabungan penjanaan pendapatan yang rendah, perbelanjaan tinggi dan peruntukan kerugian pinjaman. Dari segi pendapatan, keseluruhan aktiviti perniagaan yang perlahan, ditambah dengan kadar faedah pendasar yang rendah (menurun kepada 2.0% pada Februari 2009) membawa kepada pendapatan kasar yang lebih rendah. Akibatnya, margin faedah bersih keanggotaan merosot sedikit daripada 2.4% pada tahun 2008 kepada 2.3% pada tahun 2009. Dari segi kos, institusi anggota tertentu menanggung perbelanjaan yang lebih tinggi apabila mereka melabur dalam teknologi maklumat bagi memenuhi keperluan perkhidmatan dan perniagaan yang berkembang dan lebih rumit, manakala yang lainnya memulakan pengembangan rangkaian cawangan atau penaiktarafan cawangan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan. Hasilnya, nisbah kos kepada pendapatan merosot kepada 51.0% pada tahun 2009 daripada 44.7% pada tahun 2008. Peruntukan bagi kerugian pinjaman juga meningkat kerana selain menyediakan peruntukan bagi kerugian daripada pinjaman tidak dibayar dan pelaburan,

beberapa institusi anggota membuat peruntukan tinggi sebagai persediaan untuk menghadapi persekitaran perniagaan yang semakin mencabar.

MUDAH TUNAI DAN PENDANAAN BESAR

Mudah tunai keanggotaan kekal kukuh. Semua institusi anggota mengekalkan lebihan yang melebihi keperluan pematuhan di bawah Rangka Kerja Mudah Tunai Baharu Bank Negara Malaysia. Nisbah pinjaman kepada deposit berjumlah 76.1% pada akhir Disember 2009 (2008: 77.4%), suatu petunjuk bahawa keanggotaan berupaya menangani peningkatan pinjaman seterusnya tanpa kekangan pendanaan.

Deposit daripada pelanggan menyumbang hampir 90% daripada sumber pendanaan. Pada akhir Disember 2009, deposit pelanggan meningkat sebanyak RM94.0 billion atau 10.1% dari tahun ke tahun, meskipun persekitaran kadar faedah yang rendah semasa tempoh tersebut. Bagaimanapun, kami memerhatikan sebahagian besar peningkatan berpunca daripada perusahaan perniagaan domestik, yang membentuk kira-kira 37% daripada deposit pelanggan dan deposit ini meningkat sebanyak 14.0% atau RM46.8 billion (2008: 12.6% atau RM37.7 billion). Sementara itu, deposit daripada individu meningkat hanya 3.9% atau RM14.2 billion dari tahun ke tahun, berbanding dengan peningkatan sebanyak 10.6% atau RM35.0 billion yang dicatatkan pada tahun 2008.

PRESTASI INSTITUSI KEWANGAN LAIN YANG DIJAMIN DI BAWAH JAMINAN DEPOSIT KERAJAAN

Berikutan pengumuman Jaminan Deposit Kerajaan, PIDM juga memantau institusi kewangan lain yang dijamin selain institusi anggota mulai Oktober 2008. Selain 39 institusi anggota, institusi kewangan lain yang dijamin terdiri daripada 15 bank pelaburan, lima institusi kewangan pembangunan yang menerima deposit dan tiga bank Islam antarabangsa.

Berdasarkan petunjuk kewangan sehingga Disember 2009, keseluruhan kedudukan institusi kewangan lain yang dijamin masih stabil dan kukuh. Bank pelaburan, secara keseluruhannya, mempunyai asas modal yang kukuh, walaupun terdapat tekanan ke atas paras keuntungan mereka. Ini disebabkan prestasi perniagaan berkaitan perbankan pelaburan yang kurang menggalakkan, berikutan keadaan ekonomi yang tidak baik. Bagaimanapun, kami memerhatikan minat yang muncul semula dalam aktiviti perniagaan, terutamanya ke arah penghujung tahun 2009, sejajar dengan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif.

Berkaitan dengan institusi kewangan pembangunan, keadaan keseluruhan mereka kekal stabil, meskipun terdapat tekanan ke atas kualiti aset, memandangkan peranan dan objektif khusus institusi ini sebagai institusi kewangan pembangunan. Bagaimanapun, keseluruhan kedudukan modal dilaporkan sebagai mencukupi. Bank Islam antarabangsa pula adalah institusi yang agak baharu, dan tiada sebarang isu besar buat masa ini.

KESIMPULAN

Walaupun terdapat kebimbangan secara amnya pada awal tahun ini terhadap kesan krisis kewangan global ke atas kukuh institusi anggota kami, institusi anggota kekal berdaya tahan pada tahun 2009. Institusi anggota tertentu mengukuhkan kedudukan dari segi kukuh modal dan keupayaan pengurusan risiko, berbanding setahun yang lalu. Ini merupakan hasil inisiatif proaktif oleh institusi anggota dan badan pengawalseliaan bagi menangani risiko yang boleh timbul dalam keseluruhan sistem. Berdasarkan pemantauan berterusan ke atas profil risiko institusi anggota, kami tidak menjangkakan sebarang isu yang boleh menjejaskan daya maju institusi anggota dalam tempoh yang terdekat ini.

Tahun 2010 dijangka lebih positif berbanding dengan tahun 2009 dari segi prospek perniagaan dan pemulihan ekonomi. Bagaimanapun, PIDM masih berwaspada terhadap sebarang kemungkinan kesan daripada keadaan ekonomi yang menyederhana pada tahun 2009. Ini termasuk kesan daripada senario peningkatan kadar faedah pada masa hadapan. Selain itu, terdapat lebih banyak persaingan dalam pasaran dengan kemunculan peserta baharu, hasil daripada liberalisasi sistem perbankan Malaysia dalam tempoh yang terdekat ini. Kami juga menjangkakan banyak langkah dan inisiatif baharu oleh badan pengawalseliaan dalam usaha pengukuhan keseluruhan amalan pengurusan risiko keanggotaan, berikutan kesan daripada krisis kewangan global. PIDM akan terus berusaha untuk mendukung mandatnya, terutamanya dalam menggalakkan kestabilan sistem kewangan menerusi perlindungan pendeposit dan insentif bagi institusi anggota untuk meningkatkan keupayaan pengurusan risiko sejajar dengan amalan terbaik industri.



Bahagian 6: Artikel



ARTIKEL

PEMATUHAN KEPADA PRINSIP TERAS BAGI SISTEM INSURANS DEPOSIT YANG EFEKTIF: SATU PENILAIAN KENDIRI

PENGENALAN

Pada tahun 2009, Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (*International Association of Deposit Insurers - IADI*), dengan kerjasama Jawatankuasa Basel bagi Pengawalseliaan Perbankan (*Basel Committee on Banking Supervision - BCBS*), menerbitkan Prinsip Teras bagi Sistem Insurans Deposit yang Berkesan (Prinsip Teras), yang dipersetujui di peringkat antarabangsa.

Prinsip Teras ini menyediakan tanda aras antarabangsa bagi sistem insurans deposit yang berkesan, yang boleh digunakan oleh negara-negara yang mempertimbangkan pelaksanaan atau pembaharuan dalam sistem insurans deposit. Bagi mencapai visi kami untuk menjadi "Penginsurans Deposit Amalan Terbaik", PIDM melaksanakan penandaarasan sendiri terhadap piawai terbaik antarabangsa, seperti Prinsip Teras, bagi mengenal pasti kekurangan dan bidang yang memerlukan peningkatan.

Keputusan penilaian sendiri PIDM bagi kepatuhannya terhadap Prinsip Teras adalah seperti yang berikut:

PRINSIP TERAS	PENILAIAN
<p>Prinsip 1 – Objektif polisi awam</p> <p>Langkah pertama dalam melaksanakan sistem insurans deposit atau memperbaharui sistem sedia ada adalah untuk menentukan objektif polisi awam sesuai yang ingin dicapai. Objektif ini hendaklah digariskan secara rasmi dan disepadukan dengan baik ke dalam struktur sistem insurans deposit. Objektif utama sistem insurans deposit adalah untuk menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan dan melindungi pendeposit.</p>	<p>Patuh</p> <p>Objektif polisi awam PIDM dinyatakan dalam kertas polisi sebelum penubuhannya pada tahun 2005 dan digariskan dalam kata penghantar Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM) dan disepadukan ke dalam struktur sistem insurans deposit.</p> <p>Kata penghantar ini menetapkan peranan sistem insurans deposit sebagai satu komponen penting jaringan keselamatan kewangan yang menggalakkan dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan, dan merupakan penentu utama peningkatan ekonomi dan kemakmuran Malaysia.</p> <p>PIDM melindungi pendeposit daripada kehilangan deposit sekiranya berlaku kegagalan bank, melaksanakan fungsi yang dimandatkan dengan cekap dan berkesan serta menggalakkan pengurusan risiko yang mantap dalam sistem kewangan. Peruntukan-peruntukan khas memberi kuasa kepada PIDM untuk melaksanakan pilihan resolusi kegagalan bank pada kos yang minimum kepada sistem kewangan.</p> <p>Objektif berkanun PIDM ditakrifkan dalam Akta PIDM, seperti berikut:</p> <p>(i) mentadbir sistem insurans deposit;</p> <p>(ii) menyediakan insurans terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit sesebuah bank anggota;</p> <p>(iii) menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan; dan</p> <p>(iv) menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.</p> <p>Dalam mencapai objektif (ii) dan (iv), PIDM mesti bertindak pada kos yang minimum kepada sistem kewangan.</p>

KAEDAH

Kaedah penilaian kami adalah berdasarkan versi kaedah November 2009 yang dibangunkan bersama oleh BCBS dan IADI bagi tujuan Prinsip Teras (Kerja penyediaan draf kaedah masih dalam perbincangan). Kaedah tersebut membabitkan penilaian terhadap satu senarai "kriteria utama" dan "kriteria tambahan". Pematuhan terhadap kriteria utama menunjukkan pematuhan terhadap Prinsip Teras, manakala kriteria tambahan adalah bagi penginsurans deposit dengan mandat yang lebih luas. Penggredan pematuhan hanya berdasarkan kriteria utama.

Kaedah tersebut mengikuti skala empat gred: "patuh", "sangat patuh", "tidak begitu patuh" dan "tidak patuh".

PRINSIP TERAS	PENILAIAN
<p>2. Penginsurans deposit mengemukakan objektifnya secara awam dan bertanggungjawab menerusi rangka kerja yang telus bagi pelaksanaan tugasnya berkaitan dengan objektif tersebut.</p> <p>3. Satu penilaian perlu dilaksanakan secara tetap bagi menentukan tahap pencapaian objektif polisi awam oleh sistem insurans deposit.</p>	<p>PIDM menerbitkan dan mengedarkan rancangan korporat tiga tahun dan laporan tahunannya setiap tahun. Rancangan korporat menggariskan inisiatif tahunan PIDM dan penyelarasan inisiatif dengan mandat, objektif dan fungsinya. Laporan tahunan menyediakan maklumat komprehensif mengenai prestasi PIDM terhadap objektif yang dinyatakan, inisiatif korporat dan menyediakan butiran terperinci mengenai prestasi kewangannya bagi tempoh pelaporan dan dibentangkan di Parlimen.</p> <p>PIDM melaksanakan penilaian bagi menentukan tahap pencapaian objektif polisi awamnya. Bagi tujuan ini, Lembaga Pengarah menubuhkan Jawatankuasa Tadbir Urus bagi memberi nasihat mengenai pelaksanaan tadbir urus yang kukuh di PIDM. Salah satu tugas dan tanggungjawab utamanya adalah untuk menyemak, secara berkala, mandat PIDM menurut Akta, dan membuat cadangan sekiranya diperlukan.</p>
<p>Prinsip 2 – Mengurangkan bahaya moral</p> <p>Bahaya moral hendaklah dikurangkan dengan memastikan sistem insurans deposit mengandungi ciri-ciri struktur yang sesuai dan menerusi unsur jaringan keselamatan sistem kewangan yang lain.</p>	
<p>Kriteria utama</p> <p>1. Sistem insurans deposit mempunyai ciri-ciri struktur yang mengurangkan risiko bahaya moral. Ciri-ciri ini mungkin merangkumi perlindungan dan skop insurans deposit yang terhad dan, sekiranya sesuai, premium insurans deposit yang ditaksir secara berbeza dan berasaskan risiko terlaras, dan meminimumkan risiko kerugian kepada penginsurans deposit berkuasa menerusi intervensi dan resolusi yang tepat pada masanya.</p> <p>2. Jaringan keselamatan kewangan mewujudkan dan menyokong insentif yang sesuai bagi mengurangkan bahaya moral melalui tadbir urus yang baik dan pengurusan risiko yang kukuh oleh setiap bank, disiplin pasaran yang berkesan dan rangka kerja bagi pengawalseliaan, pengawasan dan undang-undang yang kukuh dan berhemat.</p>	<p>Patuh</p> <p>Terdapat beberapa ciri-ciri struktur bagi mengurangkan bahaya moral. Had dan perlindungan ditetapkan dalam undang-undang; mandat berkanun PIDM termasuk menggalakkan pengurusan risiko yang mantap dalam sistem kewangan; dan Akta PIDM memberi kuasa yang menyeluruh baginya untuk melaksanakan intervensi awal dan mengendalikan resolusi ke atas bank bermasalah dengan kos yang minimum kepada sistem kewangan. Pada tahun 2008, PIDM melaksanakan Sistem Premium Berbeza yang menaksir premium berbeza ke atas bank mengikut kategori risiko, sebagai insentif kepada bank untuk memantapkan amalan pengurusan risiko.</p> <p>PIDM berkuasa mengeluarkan peraturan, undang-undang dan garis panduan mengenai insurans deposit kepada bank anggota. PIDM menyokong pengawalselia, Bank Negara Malaysia (BNM), melalui penguatkuasaan Terma dan Syarat Keanggotaan PIDM, yang menggariskan kehendak PIDM terhadap kestabilan dan kekukuhan bank-bank anggota, serta keperluan kecairan dan maklumat yang disediakan kepada PIDM.</p> <p>Sistem pengawalseliaan yang kukuh dan mapan di Malaysia mempunyai kuasa tindakan pembetulan dengan segera. PIDM juga menggalakkan disiplin dengan mendidik pendeposit bagi mempertingkatkan celik kewangan dan pengetahuan insurans deposit. PIDM juga boleh menamatkan keanggotaan dan mengemukakan permohonan bagi pembubaran sesebuah bank anggota.</p>

ARTIKEL

PEMATUHAN KEPADA PRINSIP TERAS BAGI SISTEM INSURANS DEPOSIT YANG EFEKTIF: SATU PENILAIAN KENDIRI

PRINSIP TERAS	PENILAIAN
Prinsip 3 - Mandat Mandat yang dipilih bagi sesebuah penginsurans deposit mestilah jelas dan digariskan secara rasmi serta terdapat penyelarasan antara objektif polisi awam yang dinyatakan dengan kuasa dan tanggungjawab yang diberikan kepada penginsurans deposit.	
<p>Kriteria utama</p> <p>1. Sistem insurans deposit mempunyai mandat yang digariskan secara rasmi, contohnya, dalam undang-undang atau peraturan.</p> <p>2. Mandat sistem insurans deposit menjelaskan peranan dan tanggungjawab sistem insurans deposit dalam jaringan keselamatan kewangan. Mandat sistem insurans deposit adalah sejajar dengan objektif yang dinyatakan serta kuasa dan tanggungjawab yang diberikan kepada penginsurans deposit.</p>	<p>Patuh</p> <p>Mandat PIDM digariskan secara rasmi dalam Akta PIDM dan kuasa, peranan dan tanggungjawab PIDM ditakrifkan dengan jelas dalam Akta PIDM.</p> <p>PIDM merupakan badan berkanun, yang beroperasi secara bebas dan mempunyai kuasa untuk memenuhi mandatnya. PIDM ditadbir oleh Lembaga Pengarah dengan kuasa perundangan bagi memastikan pencapaian mandat PIDM.</p> <p>Mandat PIDM menggariskan peranannya berkaitan dengan BNM, termasuk melengkapi peranan BNM untuk "menggagal dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan."</p> <p>Undang-undang menghendaki PIDM untuk berfungsi sebagai "penginsurans deposit risiko minimum" dan mandatnya menyatakan kebertanggungjawaban bagi pentadbiran sistem insurans deposit, dan pengendalian awal intervensi dan resolusi bank-bank bermasalah, tertakluk kepada penentuan oleh pengawalselia bahawa sesebuah bank tidak lagi berdaya maju atau mungkin akan menjadi tidak berdaya maju. Sekiranya PIDM perlu mengendalikan intervensi terhadap sesebuah bank yang tidak berdaya maju, PIDM mesti bertindak dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan.</p> <p>PIDM menilai risiko insurans deposit secara berasingan daripada pengawalselia, berdasarkan data dan maklumat kewangan, termasuk laporan pemeriksaan yang disediakan oleh pengawalselia. PIDM juga merujuk kepada fungsi pemeriksaan pengawalselia.</p> <p>Perhubungan antara pengawalselia dengan PIDM digariskan dalam Akta PIDM. PIDM dan BNM telah memeterai Perjanjian Perikatan Strategik yang memperincikan keperluan dan hubungan kerja kedua-dua pihak.</p>

PRINSIP TERAS	PENILAIAN
Prinsip 4 - Kuasa Penginsurans deposit hendaklah mempunyai semua kuasa yang diperlukan bagi memenuhi mandatnya dan kuasa ini hendaklah digariskan secara rasmi. Semua penginsurans deposit memerlukan kuasa bagi membiayai pembayaran balik deposit, memeterai kontrak, menetapkan bajet dan prosedur operasi dalaman, dan mendapat akses kepada maklumat yang betul tepat pada masanya bagi memastikan pencapaian kewajipannya terhadap pendeposit dengan kadar segera.	
<p>Kriteria utama</p> <p>1. Kuasa perundangan dan tanggungjawab sistem insurans deposit dinyatakan secara rasmi dalam undang-undang atau peraturan.</p> <p>2. Penginsurans deposit memiliki semua kuasa yang diperlukan bagi memenuhi mandatnya. Penginsurans deposit boleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) memeterai kontrak; (b) membiayai pembayaran balik kepada pendeposit; (c) menetapkan bajet dan prosedur operasi dalaman; dan (d) mendapat akses kepada maklumat yang betul tepat pada masanya bagi memenuhi kewajipan kepada pendeposit dengan kadar segera. 	<p>Patuh.</p> <p>Kuasa PIDM dinyatakan dengan jelas dalam Akta PIDM.</p> <p>Ini termasuk, antara lain, kuasa untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) menaksir dan mengumpul premium daripada bank anggota; (ii) membuat pembayaran balik deposit kepada pendeposit; (iii) mengeluarkan peraturan dan garis panduan berkaitan insurans deposit; (iv) meminjam atau mengumpul dana dalam cara yang sesuai; (v) menetapkan bajet dan prosedur operasi dalaman; (vi) memeterai kontrak dengan mana-mana individu bagi mencapai objektif PIDM atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsi; (vii) memperoleh data kewangan bank anggota daripada pengawalselia bagi menilai risiko insurans deposit secara berasingan; (viii) memperoleh laporan bertulis susulan pemeriksaan yang dijalankan oleh BNM, termasuk maklumat yang mendapat perhatian BNM berkenaan perubahan situasi sesebuah bank anggota yang boleh memberi kesan kepada PIDM sebagai penginsurans deposit; (ix) mendapatkan maklumat daripada sesebuah bank anggota dalam pelaksanaan mandatnya; (x) menjalankan pemeriksaan khas untuk mendapat maklumat yang betul tepat pada masanya sekiranya kegagalan sesebuah bank boleh berlaku. Tujuannya adalah untuk menilai kedudukan kewangan bank yang sebenar agar PIDM dapat menentukan tindakan resolusi yang sesuai, termasuk pembayaran balik deposit kepada pendeposit; (xi) mengambil alih kawalan sesebuah bank anggota dan melantik individu atau ejen untuk mengurus perniagaan dan hal ehwal bank anggota di bawah pengambilalihan kawalan; (xii) memperoleh aset daripada bank anggota bermasalah; (xiii) memodal semula sesebuah bank anggota bermasalah; (xiv) mengemukakan petisyen bagi pembubaran sesebuah bank anggota; dan (xv) mengendalikan resolusi bank bermasalah pada kos yang minimum kepada sistem kewangan.

ARTIKEL

PEMATUHAN KEPADA PRINSIP TERAS BAGI SISTEM INSURANS DEPOSIT YANG EFEKTIF: SATU PENILAIAN KENDIRI

PRINSIP TERAS	PENILAIAN
<p>Prinsip 5 - Tadbir Urus Penginsurans deposit hendaklah beroperasi secara bebas, telus dan bertanggungjawab tanpa pengaruh politik dan industri.</p>	
<p>Kriteria utama</p> <p>1. Penginsurans deposit berupaya menggunakan kuasa dan instrumen yang diperuntukkan kepadanya tanpa pengaruh daripada pihak luaran, termasuk kuasa politik, industri perkhidmatan kewangan atau peserta jaringan keselamatan lain. Dari segi amalan, tiada bukti kukuh campur tangan kerajaan atau industri dalam kebebasan operasi penginsurans deposit dan keupayaannya untuk memperoleh dan menggunakan sumber yang diperlukan untuk melaksanakan mandatnya.</p> <p>2. Penginsurans deposit dibiayai dengan cara yang tidak menjejaskan autonomi atau kebebasannya dan membolehkannya memenuhi mandat, termasuk:</p> <p>(a) skala penggajian yang membolehkannya menarik dan mengekalkan kakitangan yang berkecayaan;</p> <p>(b) keupayaan untuk melantik pakar dari luar bagi menangani situasi khas;</p> <p>(c) bajet dan program latihan yang memberi peluang latihan berterusan bagi kakitangan;</p> <p>(d) bajet bagi komputer dan peralatan lain yang cukup bagi memperluaskan kakitangan dengan peralatan yang diperlukan untuk memenuhi mandat; dan</p> <p>(e) bajet perjalanan bagi pelaksanaan kerja di luar pejabat (<i>on-site</i>) yang sesuai.</p>	<p>Patuh</p> <p>PIDM ditubuhkan sebagai sebuah badan berkanun yang beroperasi secara bebas. Akta PIDM menyatakan bahawa Lembaga Pengarah "bertanggungjawab ke atas tata laku urusan dan hal ehwal Perbadanan, dan hendaklah melaksanakan semua kuasa dan melakukan semua tindakan yang boleh dilaksanakan oleh Perbadanan". Lembaga Pengarah terdiri daripada tujuh pengarah bukan eksekutif iaitu:</p> <p>(a) seorang Pengerusi dengan pengalaman sektor swasta yang berkaitan;</p> <p>(b) dua pengarah <i>ex-officio</i> iaitu, Gabenor BNM dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan;</p> <p>(c) seorang pengarah daripada sektor awam; dan</p> <p>(d) tiga orang pengarah daripada sektor swasta dengan pengalaman perbankan dan kewangan yang berkaitan.</p> <p>Bagi meminimumkan pengaruh daripada pihak luaran, Akta PIDM mengandungi peruntukan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • melarang pengarah dalam perenggan (b) dan (c) daripada dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah; • melarang ahli mana-mana majlis perundangan, pegawai bank dan ahli politik daripada menjadi ahli Lembaga Pengarah; • terdapat pengkhususan yang jelas bagi sebab-sebab penamatan atau penggantungan perkhidmatan pengarah oleh Menteri dalam Akta PIDM; • mana-mana pengarah boleh meletak jawatan dengan memberi notis bertulis kepada Menteri; dan • plawaian kebebasan dan integriti yang tinggi dengan menghendaki ahli Lembaga Pengarah, pada setiap masa, bertindak dengan jujur dan demi kebaikan Perbadanan. <p>Autonomi dan kebebasan keputusan polisi dan operasi dilindungi menerusi cara yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • PIDM tidak menerima modal permulaan dan dibiayai melalui premium tahunan yang ditaksir ke atas bank anggota yang digunakan untuk membiayai operasinya dan membina kumpulan dana insurans deposit; • Akta PIDM memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah untuk mengekalkan sokongan pakar luaran dalam mana-mana perkara; dan • Lembaga Pengarah PIDM menetapkan hala tuju strategik PIDM. Sehubungan ini, Lembaga Pengarah meluluskan perkara yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> - Rancangan Korporat tahunan PIDM. Lembaga Pengarah bertanggungjawab menetapkan bajet operasi tahunan bagi memenuhi inisiatif korporat tahunan yang dirancang dan kos operasi. Kos ini ditentukan setiap tahun berdasarkan keperluan operasi PIDM dan merangkumi gaji, bajet latihan, perbelanjaan modal bagi pembangunan infrastruktur Perbadanan, peralatan komputer dan perisian IT bagi kegunaan kakitangan serta bagi memenuhi mandatnya, seperti pembangunan Sistem Pembayaran Baik Deposit; dan - Skala penggajian kakitangan yang dikaji semula setiap tahun terhadap tanda aras pasaran bagi membolehkan PIDM menarik dan mengekalkan kakitangan yang berkecayaan. <p>Dari segi kebertanggungjawaban, Lembaga Pengarah bertanggungjawab ke atas tata laku urusan dan hal ehwal PIDM sementara pihak Pengurusan, yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab ke atas pentadbiran harian urusan dan hal ehwal PIDM. Bagi meminimumkan konflik tugas, Akta PIDM memperuntukkan bahawa Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah dalam pelaksanaan kuasa dan prestasi tugasnya.</p>

PRINSIP TERAS	PENILAIAN
<p>3. Badan pentadbir dan pengurusan sistem insurans deposit bertanggungjawab melalui rangka kerja yang telus bagi pelaksanaan tugas sistem tersebut berkaitan objektif dan mandatnya.</p> <p>4. Penginsurans deposit beroperasi dengan cara yang telus dan mengemukakan maklumat yang sesuai mengenai aktiviti, amalan tadbir urus, struktur dan laporan kewangan.</p> <p>5. Sistem insurans deposit distruktur bagi meminimumkan konflik kepentingan di kalangan ahli badan pentadbir dan pengurusan.</p> <p>6. Ahli badan pentadbir boleh ditamatkan perkhidmatan semasa tempoh perkhidmatan atas sebab-sebab yang khusus atau mengikut undang-undang. Sebab-sebab ini hendaklah dikemukakan kepada orang awam.</p>	<p>Terdapat pengasingan antara peranan Lembaga Pengarah dengan Ketua Pegawai Eksekutif, dan tanggungjawab masing-masing diperuntukkan dalam Akta PIDM dan kemajuan PIDM berbanding inisiatif korporat dilaporkan dalam Laporan Tahunan.</p> <p>Tambahan lagi, Lembaga Pengarah dan semua kakitangan dikehendaki mematuhi kod tata laku dan kod konflik kepentingan yang komprehensif. Pematuhan kepada kod-kod ini adalah wajib dan dokumentasi pematuhan mesti dilakukan setiap tahun.</p> <p>PIDM menyenggara laman web rasmi dan menerbitkan Laporan Tahunan yang dikehendaki di bawah Akta PIDM untuk dibentangkan di Parlimen, dan Rancangan Korporat tahunan tiga tahun yang mengemukakan maklumat mengenai prestasinya termasuk laporan kewangan, prestasi berbanding bajet, pencapaian terhadap objektif dan inisiatif korporat yang dinyatakan, serta pendedahan amalan tadbir urus.</p> <p>PIDM melaporkan pematuhan terhadap 15 Piawaian Tadbir Urus Lembaga Pengarah berdasarkan amalan terbaik antarabangsa dalam tadbir urus pada setiap tahun, mengikut kesesuaian.</p> <p>Sila rujuk kepada penilaian dalam Perkara 1 bahagian ini.</p>
<p>Prinsip 6 - Perhubungan dengan peserta jaringan keselamatan yang lain Satu rangka kerja hendaklah dilaksanakan bagi penyelarasan dan perkongsian maklumat, secara rutin serta yang berkaitan dengan bank tertentu, di kalangan penginsurans deposit dan peserta jaringan keselamatan kewangan yang lain. Maklumat tersebut hendaklah betul dan tepat pada masa (tertakluk kepada keperluan kerahsiaan sekiranya perlu). Perkongsian maklumat dan pengaturan penyelarasan hendaklah dilaksanakan secara rasmi.</p>	
<p>Kriteria utama</p> <p>1. Kuasa dan tanggungjawab setiap peserta jaringan keselamatan diuraikan dengan jelas. Setiap peserta jaringan keselamatan memahami peranan dan objektif polisi masing-masing.</p> <p>2. Mekanisme perkongsian maklumat dan penyelarasan tindakan di kalangan peserta jaringan keselamatan adalah eksplisit dan dilaksanakan secara rasmi menerusi perundangan, memorandum persefahaman, perjanjian undang-undang atau gabungan instrumen ini.</p>	<p>Patuh</p> <p>Mandat, kuasa, peranan dan tanggungjawab peserta jaringan keselamatan diuraikan dengan jelas. Objektif polisi awam dan mandat PIDM digariskan dalam Akta PIDM dengan kebertanggungjawaban yang jelas. Akta PIDM memperuntukkan pelaksanaan kuasa resolusi PIDM dengan pemberitahuan bertulis daripada BNM bahawa sesebuah bank telah menjadi tidak berdaya maju atau mungkin akan menjadi tidak berdaya maju. Selagi pemberitahuan sedemikian belum diberikan, BNM masih bertanggungjawab berurusan dengan bank bermasalah dan semua kos berkaitan.</p> <p>Pada tahun 2006, kami mengadakan satu Perjanjian Perikatan Strategik rasmi bersama BNM yang diperuntukkan dalam Akta PIDM. Perjanjian ini menggariskan bidang-bidang kerjasama dan perkongsian maklumat antara kedua-dua agensi, termasuk pertukaran maklumat kewangan bank-bank anggota, perundangan dan kerjasama mengenai peraturan, garis panduan dan inisiatif polisi dan, yang mana berkaitan, perkongsian sumber dan penyelarasan komunikasi.</p>

ARTIKEL

PEMATUHAN KEPADA PRINSIP TERAS BAGI SISTEM INSURANS DEPOSIT YANG EFEKTIF: SATU PENILAIAN KENDIRI

PRINSIP TERAS	PENILAIAN
<p>3. Keperluan maklumat penginsurans deposit berbeza mengikut mandat dan kuasanya. Bagaimanapun, semua penginsurans deposit memerlukan maklumat untuk membayar balik tuntutan pendeposit dengan segera termasuk maklumat mengenai jumlah deposit yang diinsuranskan yang dimiliki oleh setiap pendeposit.</p>	<p>PIDM menjalankan penilaian bebas ke atas bank-bank anggota berkenaan dengan risiko insurans deposit dan mempunyai akses kepada maklumat pengawalseliaan dan perbankan berkaitan bank-bank anggota yang disediakan oleh BNM. Di samping itu, Akta PIDM memberi kuasa kepada PIDM untuk memperoleh maklumat daripada bank anggota.</p> <p>PIDM juga boleh menghendaki bank-bank anggota mengemukakan maklumat mengenai perniagaan dan hal ehwal mereka, sekiranya bagi tujuan pelaksanaan kuasa, fungsi atau tugas PIDM di bawah Akta PIDM.</p> <p>Berhubung dengan maklumat pendeposit, Akta PIDM memberikan kuasa berkanun kepada PIDM untuk menjalankan pemeriksaan khas sekiranya PIDM menentukan kemungkinan kegagalan sesebuah bank, dan mendapatkan maklumat yang betul dan tepat pada masa. Tujuan pemeriksaan adalah untuk menilai keadaan kewangan sebenar bank tersebut dengan tepat agar PIDM dapat menentukan pilihan resolusi yang sesuai, termasuk memudahcarakan persediaan bagi membuat pembayaran balik deposit kepada pendeposit.</p>
<p>4. Peraturan mengenai kerahsiaan diguna pakai oleh semua peserta jaringan keselamatan.</p>	<p>Kerahsiaan maklumat diperuntukkan dalam perundangan dan kedua-dua pengawalselia berhemat dan PIDM tidak terhalang daripada memperoleh maklumat berkaitan dengan bank-bank anggota dan pendeposit. PIDM serta semua kakitangan dan ejennya dilarang di bawah Akta PIDM daripada mendedahkan maklumat sedemikian melainkan pendedahan ini dikehendaki oleh undang-undang, perintah mahkamah atau dalam pelaksanaan tugas.</p>
<p>5. Peserta jaringan keselamatan menyediakan maklumat berkaitan kepada penginsurans deposit dengan lebih awal dan berhubung dengan kerahsiaan profesional atau sekiranya maklumat penting tidak dapat diperolehi daripada peserta jaringan keselamatan lain, penginsurans deposit mempunyai kuasa untuk mendapatkan maklumat secara terus daripada bank anggota.</p>	<p>Kerahsiaan maklumat diperuntukkan dalam perundangan dan kedua-dua pengawalselia berhemat dan PIDM tidak terhalang daripada memperoleh maklumat berkaitan dengan bank-bank anggota dan pendeposit. PIDM serta semua kakitangan dan ejennya dilarang di bawah Akta PIDM daripada mendedahkan maklumat sedemikian melainkan pendedahan ini dikehendaki oleh undang-undang, perintah mahkamah atau dalam pelaksanaan tugas.</p>
<p>Prinsip 7 - Isu-isu rentas sempadan Melainkan kerahsiaan dipastikan, semua maklumat berkaitan hendaklah dikongsi antara penginsurans deposit dalam bidang kuasa yang berbeza dan antara penginsurans deposit dengan peserta jaringan keselamatan asing, sekiranya diperlukan. Jika lebih daripada satu penginsurans deposit bertanggungjawab bagi perlindungan, penginsurans deposit atau penginsurans yang akan bertanggungjawab bagi proses pembayaran balik deposit harus ditentukan. Insurans deposit yang disediakan oleh sistem negara asal hendaklah dikenal pasti dalam penentuan levi dan premium.</p>	
<p>Kriteria utama</p> <p>1. Perjanjian dua hala/pelbagai hala yang sesuai disediakan sekiranya sistem tempatan negara asing menyediakan perlindungan tambahan bagi cawangan bank asing.</p> <p>2. Maklumat yang diberikan kepada pendeposit mengenai proses pembayaran semula deposit (had perlindungan dan prosedur tuntutan) dalam bidang kuasa berkaitan dilakukan dengan cara yang mudah difahami.</p>	<p>Tidak berkenaan.</p> <p>Ini tidak berkenaan kerana bank asing dikehendaki menubuhkan subsidiari di Malaysia. PIDM juga tidak menyediakan perlindungan insurans deposit bagi cawangan bank tempatan yang beroperasi di luar Malaysia.</p>

PRINSIP TERAS	PENILAIAN
<p>Prinsip 8 - Keanggotaan wajib Keanggotaan dalam sistem insurans deposit hendaklah diwajibkan bagi semua institusi kewangan yang menerima deposit daripada golongan yang dianggap paling memerlukan perlindungan (contohnya, pendeposit dan perniagaan kecil) bagi mengelakkan pemilihan.</p>	
<p>Kriteria utama</p> <p>1. Semua institusi kewangan yang menerima deposit (tradisional dan bukan tradisional) dalam sistem insurans deposit adalah tertakluk kepada peraturan dan pengawalseliaan berhemat yang kukuh dan berdaya maju dari segi kewangan.</p> <p>2. Penggubal polisi menentukan bank yang layak diberi keanggotaan secara automatik atau berikutan pengemukakan permohonan kepada penginsurans deposit.</p> <p>3. Kriteria keanggotaan yang memperincikan syarat, proses dan tempoh masa keanggotaan dinyatakan dengan jelas dan telus.</p> <p>4. Sekiranya keanggotaan dalam sistem insurans deposit merupakan syarat bagi pembabitian dalam urusan niaga perbankan, tetapi penginsurans deposit tidak menentukan keanggotaan, penginsurans deposit dirunding atau dimaklumkan terlebih dahulu mengenai bank yang baru diluluskan permohonan lesennya.</p> <p>5. Apabila kuasa sesebuah bank anggota untuk menjalankan urusan niaga (lesen beroperasi) ditarik balik oleh pengawalselia bank atau pihak berkuasa berpiagam, insurans deposit ditamatkan dengan segera. Apabila keanggotaan insurans deposit ditamatkan oleh penginsurans deposit, lesen beroperasi bank ditarik balik dengan serta merta oleh pihak berkuasa berkenaan.</p>	<p>Patuh</p> <p>Keanggotaan adalah wajib bagi semua bank perdagangan yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 dan bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983.</p> <p>Terdapat sistem pengawalseliaan yang berhemat dan kukuh di Malaysia.</p> <p>Keanggotaan dalam PIDM adalah automatik apabila pemohon menerima lesen bank.</p> <p>Tidak berkenaan.</p> <p>PIDM, menerusi proses yang dipersetujui dengan BNM dan, sebagai sebahagian daripada skop kerjasama di bawah Perjanjian Perikatan Strategik, memberi pandangannya berkenaan pemohon lesen perbankan.</p> <p>PIDM mempunyai peluang untuk mengadakan mesyuarat dengan pemohon bagi memastikan mereka memahami keperluan peraturan PIDM.</p> <p>Mengikuti peruntukan Akta PIDM, PIDM akan membatalkan keanggotaan sesebuah bank anggota sekiranya lesennya telah diserahkan atau dibatalkan oleh BNM.</p> <p>Apabila keanggotaan insurans deposit ditamatkan, BNM akan membatalkan lesen beroperasi bank secara implisit kerana keanggotaan insurans deposit adalah wajib bagi pengendalian urusan niaga perbankan.</p>
<p>Prinsip 9 - Perlindungan Penggubal polisi hendaklah mentakrifkan deposit yang boleh diinsuranskan dalam undang-undang, peraturan berhemat atau undang-undang kecil. Tahap perlindungan perlu dihadkan tetapi memberi keyakinan dan boleh ditentukan dengan cepat. Tahap perlindungan hendaklah melindungi kebanyakan pendeposit bagi memenuhi objektif polisi awam sistem dan sejajar dengan ciri-ciri struktur sistem insurans deposit yang lain.</p>	
<p>Kriteria utama</p> <p>1. Produk deposit yang dilindungi oleh sistem insurans deposit (deposit yang diinsuranskan) ditakrifkan dengan jelas dalam undang-undang atau kontrak persendirian.</p> <p>2. Takrifan "deposit yang diinsuranskan" menunjukkan kepentingan pelbagai instrumen deposit berkaitan dengan objektif polisi awam.</p>	<p>Patuh</p> <p>Had dan produk deposit yang dilindungi oleh PIDM dinyatakan dalam Akta PIDM. PIDM juga mempunyai kuasa bagi menginsuranskan produk deposit baharu atau mengecualikan produk daripada perlindungan insurans deposit.</p> <p>Akta PIDM mengenal pasti keutamaan dalam proses pembayaran balik deposit, yang menghendaki pendeposit diberi keutamaan bayaran sebelum semua liabiliti tidak terjamin yang lain. Di samping itu, Akta PIDM menggariskan bahawa deposit Islam berasaskan jagaan diberi keutamaan bayaran sebelum deposit Islam yang lain.</p>

ARTIKEL

PEMATUHAN KEPADA PRINSIP TERAS BAGI SISTEM INSURANS DEPOSIT YANG EFEKTIF: SATU PENILAIAN KENDIRI

PRINSIP TERAS	PENILAIAN
3. Tahap perlindungan adalah sejajar dengan mandat dan objektif polisi awam penginsurans deposit. Kesesuaian tahap perlindungan boleh ditentukan secara objektif.	Dalam menentukan had perlindungan deposit berkanun (yang ditetapkan pada tahun 2005), PIDM mempertimbangkan keputusan kaji selidik yang menunjukkan bahawa had perlindungan RM60,000 bagi setiap pendeposit di setiap bank melindungi hampir 85% pendeposit dengan sepenuhnya atau 35% daripada jumlah nilai deposit.
4. Had perlindungan yang sama diguna pakai di semua bank dalam sistem insurans deposit.	Polisi dalaman PIDM menghendaki kaji semula had dan perlindungan dibuat setiap lima tahun bagi memastikan keyakinan dapat dikekalkan serta sejajar dengan mandat dan objektif polisi awam Perbadanan. Perbadanan kini menyemak had dan skop perlindungan sebagai sebahagian daripada strategi peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan.
	Akta PIDM memperuntukkan bahawa had dan skop perlindungan berkanun yang sama diguna pakai di semua bank anggota PIDM, iaitu bank perdagangan dan bank Islam.
<p>Prinsip 10 - Peralihan daripada jaminan penuh kepada sistem insurans deposit dengan perlindungan terhad</p> <p>Apabila sesebuah negara bercadang untuk beralih daripada sistem jaminan penuh kepada sistem insurans deposit dengan perlindungan terhad, atau meminda jaminan penuh, peralihan ini hendaklah dilaksanakan dengan segera mengikut keadaan di negara berkenaan. Jaminan penuh boleh membawa kesan negatif sekiranya terlalu lama dilaksanakan, khususnya bahaya moral. Penggubal polisi hendaklah memberikan perhatian khusus terhadap tanggapan dan keyakinan orang awam semasa tempoh peralihan.</p>	
Kriteria utama	Patuh
1. Analisis situasi persekitaran ekonomi yang menjejaskan sistem perbankan hendaklah dijalankan sebelum sesebuah negara memulakan peralihan daripada jaminan penuh kepada perlindungan terhad.	Malaysia melaksanakan jaminan penuh pada Januari 1998 sebagai salah satu langkah menangani krisis kewangan Asia. Satu analisis situasi dijalankan mulai tahun 2002 bagi menilai struktur dan kukuh sistem perbankan, kukuh pengawalseliaan berhemat, keberkesanan sistem perundangan dan kukuh rejim perakaunan dan pelaporan.
2. Analisis situasi hendaklah menilai struktur kukuh sistem perbankan termasuk penilaian kedudukan modal, kecairan, kualiti kredit, polisi dan amalan pengurusan risiko, dan tahap permasalahan, dan penilaian ke atas bilangan, jenis dan ciri-ciri bank.	Susulan analisis situasi tersebut, peralihan daripada jaminan penuh Kerajaan dilaksanakan pada 1 September 2005 dengan pelancaran sistem insurans deposit dengan perlindungan terhad.
3. Analisis situasi harus menilai kukuh pengawalseliaan berhemat, keberkesanan rangka kerja perundangan dan kukuh rejim perakaunan dan pelaporan.	Jaminan Deposit Kerajaan yang dilaksanakan pada 16 Oktober 2008 akan berakhir pada 31 Disember 2010. Di bawah Jaminan Deposit Kerajaan, PIDM meneruskan perlindungan sehingga had berkanun sebanyak RM60,000 dan Kerajaan menyediakan perlindungan melebihi RM60,000 bagi setiap pendeposit di setiap bank.
4. Penggubal polisi mengambil kira tempoh masa yang diambil bagi peralihan kepada sistem perlindungan terhad dan tahap bahaya moral dalam sistem tersebut, dan telah merancang peralihan tersebut.	Jaminan Deposit Kerajaan dilaksanakan sejajar dengan langkah awal dan berjaga-jaga yang diambil oleh negara-negara Asia lain untuk mengekalkan kestabilan kewangan. Semasa pelaksanaan Jaminan Deposit Kerajaan, sistem perbankan adalah kukuh dan mempunyai asas modal yang mencukupi.
	PIDM sedang menyediakan draf rancangan strategik peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan. Strategi peralihan melibatkan kajian semula terhadap had dan skop perlindungan terkini. Semua peserta jaringan keselamatan akan memantau sentimen awam secara rapi, aliran dana rentas sempadan dan keadaan industri perbankan semasa tempoh peralihan. Kajian semula akan mengambil kira tahap perlindungan rentas sempadan terkini dan yang dirancang, serta polisi berkaitan.

PRINSIP TERAS	PENILAIAN
5. Penggubal polisi sedia maklum dan menjangka reaksi orang awam terhadap pengurangan tahap perlindungan.	Peralihan pada Disember 2010 dijangka akan berjalan dengan lancar kerana kita akan kembali kepada pelaksanaan sistem insurans deposit dengan perlindungan terhad yang sedia ada.
6. Sekiranya terdapat tahap pengaliran modal yang tinggi, dan/atau polisi penyepaduan serantau, keputusan untuk mengurangkan tahap perlindungan (dan/atau skop) hendaklah mempertimbangkan kesan terhadap tahap perlindungan dan polisi berkaitan di negara-negara yang berlainan.	
7. Sistem insurans deposit dengan perlindungan terhad yang baharu tersebut mesti mempunyai akses kepada pembiayaan yang mencukupi semasa dan selepas peralihan. Penggubal polisi hendaklah mempertimbangkan keupayaan sistem perbankan untuk membiayai sesuatu skim insurans deposit dengan perlindungan terhad. Sekiranya sistem perbankan tidak berupaya membiayai kos jaminan penuh, pembiayaan kerajaan mungkin diperlukan.	
8. Kadar peralihan kepada perlindungan terhad mestilah sejajar dengan situasi industri perbankan, pengawalseliaan berhemat, rangka kerja perundangan serta rejim kebertanggungjawaban dan pelaporan.	PIDM mempunyai pilihan mekanisme pembiayaan yang berbeza bagi memenuhi kewajipannya pada setiap masa. PIDM menaksir premium tahunan menerusi Sistem Premium Berbeza dan boleh meminjam daripada Kerajaan atau menerbitkan hutang melalui pasaran modal dengan kelulusan Menteri Kewangan.
	Jaminan Deposit Kerajaan sementara dilaksanakan sebagai langkah awal dan berjaga-jaga memandangkan industri perbankan, pengawalseliaan berhemat, rangka kerja perundangan serta rejim kebertanggungjawaban dan pelaporan masih kukuh dan mapan.
<p>Prinsip 11 - Pembiayaan</p> <p>Sesebuah sistem insurans deposit mestilah mempunyai semua mekanisme pembiayaan yang diperlukan bagi memastikan pembayaran balik tuntutan pendeposit dengan segera, termasuk cara untuk memperoleh pembiayaan sokongan tambahan bagi tujuan kecairan sekiranya diperlukan. Tanggungjawab utama untuk membayar kos insurans deposit hendaklah ditanggung oleh bank memandangkan bank dan pelanggan bank mendapat manfaat secara langsung daripada sistem insurans deposit yang berkesan.</p> <p>Bagi sistem insurans deposit (<i>ex-ante</i>, <i>ex-post</i> atau hibrid) yang menggunakan sistem premium berbeza risiko terlaras, kriteria yang digunakan dalam sistem tersebut hendaklah didedahkan kepada semua peserta. Semua sumber yang diperlukan juga hendaklah tersedia bagi mentadbir sistem premium berbeza risiko terlaras dengan berkesan.</p>	
Kriteria utama	Patuh
1. Pengaturan pembiayaan bagi sistem insurans deposit digariskan dalam undang-undang atau peraturan. Pembiayaan dijamin dalam banyak cara, termasuk peruntukan kerajaan, levi atau premium yang ditaksir terhadap bank-bank anggota, pinjaman daripada pasaran atau kerajaan, atau gabungan cara-cara ini. Pembiayaan boleh diperuntukkan atas dasar <i>ex-ante</i> atau <i>ex-post</i> atau gabungan kedua-duanya.	Pengaturan pembiayaan PIDM digariskan dalam perundangannya.
2. Pengaturan pembiayaan bagi sistem insurans deposit adalah mencukupi bagi memastikan pembayaran balik tuntutan pendeposit dengan segera.	PIDM menaksir premium tahunan berdasarkan Sistem Premium Berbeza. Premium ditaksir menggunakan kombinasi kriteria kuantitatif (nisbah kewangan) dan kualitatif (kebanyakannya penarafan pengawalseliaan). Kriteria kuantitatif diberikan wajaran yang lebih tinggi bagi mencapai keobjektifan dan ketelusan yang lebih tinggi. Sistem Premium Berbeza dilaksanakan menerusi peraturan dan rangka kerjanya adalah telus. Bank anggota akan dimaklumkan mengenai skor Sistem Premium Berbeza masing-masing oleh PIDM. Satu proses permohonan disediakan bagi bank anggota yang ingin memohon semakan semula skor akhir dalam situasi khusus tertentu.

ARTIKEL

PEMATUHAN KEPADA PRINSIP TERAS BAGI SISTEM INSURANS DEPOSIT YANG EFEKTIF: SATU PENILAIAN KENDIRI

PRINSIP TERAS	PENILAIAN
3. Pengaturan pembiayaan termasuk sumber pembiayaan sokongan bagi tujuan kecairan seperti perjanjian pembiayaan dengan bank pusat atau kemudahan kredit dengan perbendaharaan kerajaan. Sumber pembiayaan tambahan mungkin diperlukan sekiranya berlaku krisis sistemik. Penggubal polisi telah mempertimbangkan dan mengatur sumber pembiayaan tambahan yang akan digunakan dalam situasi sedemikian.	Undang-undang memberi kuasa kepada PIDM untuk meminjam daripada Kerajaan dan mengumpul dana melalui penerbitan instrumen hutang yang dijamin oleh Kerajaan menerusi pasaran modal.
4. Bank anggota bertanggungjawab bagi pembiayaan sistem insurans deposit dalam keadaan biasa.	Premium tahunan ditaksirkan ke atas bank anggota berasaskan jumlah deposit yang diinsuranskan yang dipegang oleh bank anggota pada 31 Disember tahun taksiran sebelumnya.
5. Sekiranya kumpulan dana insurans deposit diwujudkan (pembiayaan <i>ex-ante</i>), saiz dana (nisbah dana rizab) hendaklah ditetapkan.	PIDM sedang membangunkan Rangka Kerja Dana Sasaran, yang akan disempurnakan pada akhir tahun 2010.
6. Kumpulan dana insurans deposit hendaklah mempunyai polisi dan prosedur pelaburan, kawalan dalaman serta sistem pendedahan dan pelaporan yang kukuh.	Dana premium tahunan membiayai operasi PIDM dan membina rizab. Semua lebihan dicatatkan dalam Dana Insurans Deposit Konvensional dan Islam. Seksyen 31 Akta PIDM mentakrifkan jenis instrumen yang dibenarkan bagi tujuan pelaburan oleh PIDM. Aktiviti pelaburan PIDM juga ditadbir oleh polisi pelaburan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, yang disemak setiap tahun. Kawalan dalaman yang ketat dilaksanakan manakala sumber dan penggunaan dana dinyatakan dalam Laporan Tahunan kami.
7. Bagi penginsurans deposit yang menggunakan sistem premium berbeza atau risiko terlaras, sistem yang digunakan hendaklah membezakan bank-bank dengan berkesan dan kriteria yang digunakan mestilah didedahkan kepada semua peserta.	Kriteria dan faktor yang digunakan dalam Sistem Premium Berbeza PIDM adalah telus dan butiran terperinci boleh didapati di laman web PIDM. Sistem Premium Berbeza adalah amat berkesan dalam memberikan insentif kepada bank dari segi perbezaan premium yang dibayar oleh setiap kategori. Setiap bank anggota diberikan perincian skor di bawah Sistem Premium Berbeza.
8. Pelaksanaan sistem premium berbeza menghendaki penggubal polisi memastikan bahawa pihak berkuasa insurans deposit mempunyai kuasa, sumber dan maklumat yang diperlukan untuk mentadbir sistem tersebut. Dalam pelaksanaannya, keperluan maklumat bagi klasifikasi bank mengikut kategori premium perlu diseimbangkan dengan perhatian terhadap beban permintaan maklumat.	PIDM mempunyai kuasa, sumber dan maklumat yang diperlukan untuk mentadbir Sistem Premium Berbeza. Dalam pembangunan Sistem Premium Berbeza, PIDM mempertimbangkan keperluan maklumat yang mencukupi untuk mentadbir program tersebut dengan berkesan dengan beban pentadbiran tambahan daripada Sistem Premium Berbeza. Bagi membawa keseimbangan kepada situasi ini, PIDM membangunkan beberapa prinsip panduan dalam pembangunan Sistem Premium Berbeza yang diuraikan dalam Laporan Tahunan 2007 PIDM.

PRINSIP TERAS	PENILAIAN
Prinsip 12 - Kesedaran awam Bagi keberkesanan sistem insurans deposit, orang ramai perlu dimaklumkan secara berterusan mengenai manfaat dan batasan sistem insurans deposit.	
Kriteria utama	Patuh
1. Penginsurans deposit sentiasa menggalakkan kesedaran awam mengenai sistem insurans deposit dan pelaksanaannya, termasuk manfaat dan batasanannya.	Sejak penubuhan kami pada tahun 2005, PIDM sentiasa menjalankan aktiviti publisiti bagi menggalakkan kesedaran dan pemahaman mengenai manfaat dan batasan sistem insurans deposit. Satu rancangan komunikasi bersepadu yang komprehensif telah dibangunkan sebagai panduan bagi PIDM dalam pelaksanaan program kesedaran awamnya.
2. Objektif program kesedaran awam diuraikan dengan jelas dan sejajar dengan objektif polisi dan mandat sistem insurans deposit.	Program kesedaran awam kami adalah sejajar dengan objektif polisi awam dan mandat kami untuk menggalakkan dan menyumbang kepada keyakinan awam terhadap kestabilan sistem kewangan.
3. Program kesedaran awam menyampaikan maklumat mengenai: <ul style="list-style-type: none"> (a) Instrumen kewangan yang dilindungi oleh insurans deposit dan sebaliknya (contohnya, sama ada sistem tersebut melindungi deposit mata wang asing) (b) Institusi kewangan yang menawarkan deposit yang diinsuranskan dan cara mengenal pasti institusi ini (c) Had perlindungan insurans deposit dan kemungkinan kerugian ke atas deposit yang melebihi had ini atau sekiranya deposit tertakluk kepada insurans bersama (<i>coinsurance</i>) (d) Proses pembayaran balik deposit - cara, masa dan tempat bagi permohonan tuntutan oleh pendeposit dan penerimaan bayaran sekiranya berlaku kegagalan sesebuah bank. 	Kami menggunakan pelbagai saluran komunikasi termasuk media penyiaran, media cetak dan iklan dalam talian, laman web, Pusat Panggilan pertanyaan bebas tol, pameran, taklimat, jerayawara, program capaian, risalah maklumat dan penerbitan lain serta melalui media massa. Maklumat yang disediakan kepada pendeposit termasuk yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Risalah maklumat kami mengandungi maklumat mengenai: <ul style="list-style-type: none"> - Manfaat dan batasan sistem insurans deposit; - Institusi kewangan yang merupakan bank anggota kami; - Produk deposit yang dilindungi dan tidak dilindungi serta had dan skop perlindungan insurans deposit; dan - Tindakan pendeposit sekiranya berlaku kegagalan bank, termasuk tiada keperluan bagi permohonan tuntutan kepada PIDM. • Risalah tersebut diterbitkan dalam enam bahasa bagi memastikan akses yang luas kepada maklumat insurans deposit manakala Pusat Panggilan kami beroperasi dalam empat bahasa utama serta beberapa dialek lain. • Setiap bank anggota mesti mempamerkan tanda keanggotaan PIDM di setiap pintu masuk pejabat atau cawangan. Bank anggota juga mesti mempamerkan risalah maklumat PIDM agar pelanggan boleh mendapatkan sesalinan risalah ini. • Laman web rasmi kami terdapat dalam empat bahasa utama. Kami menjalankan latihan secara berterusan bagi kakitangan bank bagi memastikan maklumat yang konsisten dan tepat disediakan oleh pihak bank kepada pendeposit serta mengambil bahagian dalam pameran dan jerayawara bersama dengan peserta jaringan keselamatan yang lain. Kami juga menyediakan bahan latihan seperti buku panduan dan video informasi mengenai sistem insurans deposit sebagai bahan rujukan kepada kakitangan di cawangan-cawangan bank. Kami juga menyediakan talian maklumat bebas tol kepada orang awam dan memberi respons kepada pertanyaan mengenai insurans deposit.
4. Penginsurans deposit merupakan pihak utama yang bertanggungjawab bagi menggalakkan kesedaran awam mengenai sistem insurans deposit. Penginsurans deposit bekerjasama dengan bank anggota dan peserta jaringan keselamatan lain bagi memastikan maklumat yang konsisten diberikan untuk memaksimumkan sinergi.	PIDM merupakan pihak utama yang bertanggungjawab dalam menggalakkan kesedaran awam mengenai program insurans deposit yang ditadbir olehnya. PIDM bekerjasama dengan bank anggota dan BNM bagi memastikan mesej yang konsisten disampaikan dan memaksimumkan sinergi komunikasi. PIDM juga mengendalikan latihan berkenaan insurans deposit kepada kakitangan bank secara berterusan. Kami menjalankan kaji selidik dua kali setahun di seluruh negara untuk memantau tahap kesedaran dan pemahaman awam mengenai insurans deposit dan PIDM. Keputusan kaji selidik tersebut digunakan dalam pembangunan dan peningkatan berterusan inisiatif pengiklanan dan kesedaran awam PIDM. PIDM juga membangunkan 'Peraturan Keperluan Maklumat' yang menghendaki bank-bank menyediakan maklumat mengenai insurans deposit dan PIDM yang betul dan tepat pada masanya kepada pelanggan. Peraturan tersebut akan berkuat kuasa pada awal tahun 2011.

ARTIKEL

PEMATUHAN KEPADA PRINSIP TERAS BAGI SISTEM INSURANS DEPOSIT YANG EFEKTIF: SATU PENILAIAN KENDIRI

PRINSIP TERAS	PENILAIAN
<p>Prinsip 13 - Perlindungan perundangan Penginsurans deposit dan individu yang bekerja dengan penginsurans deposit hendaklah dilindungi daripada tindakan undang-undang terhadap keputusan dan tindakan yang diambil dengan "niat ikhlas" dalam pelaksanaan mandat. Bagaimanapun, individu dikehendaki mematuhi peraturan konflik kepentingan dan kod tata laku tertentu bagi memastikan kebertanggungjawaban berterusan. Perlindungan perundangan hendaklah ditakrifkan dalam perundangan dan prosedur pentadbiran, dan di bawah situasi tertentu, mengambil kira kos perundangan bagi mereka yang diberi indemniti.</p>	
<p>Kriteria utama</p> <p>1. Skim perlindungan perundangan ditakrifkan dalam undang-undang atau prosedur pentadbiran, yang melindungi penginsurans deposit dan individu yang bekerja dengan penginsurans deposit, daripada tindakan undang-undang disebabkan keputusan dan tindakan diambil dengan niat ikhlas dalam melaksanakan mandat mereka. Perlindungan perundangan tidak dilanjutkan kepada individu yang bertindak dengan niat jahat (contohnya, apabila mereka bertindak dengan penipuan atau hasad dengki).</p> <p>2. Skim perlindungan perundangan tidak menghendaki individu membuktikan bahawa tindakan dan keputusan mereka, termasuk keputusan untuk tidak bertindak, adalah munasabah atau tidak cuai.</p> <p>3. Peraturan konflik kepentingan dan kod tata laku yang sesuai telah dilaksanakan, dan penginsurans deposit dan individu yang bekerja dengan penginsurans deposit dikehendaki mematuhi.</p> <p>4. Perlindungan perundangan adalah sesuai bagi hak individu untuk diberi pampasan oleh penginsurans deposit atau pihak berkuasa yang lain menurut rejim liabiliti negara.</p>	<p>Patuh</p> <p>Akta PIDM memperuntukkan bahawa tiada tindakan, prosiding mahkamah, pendakwaan atau prosiding lain akan dikenakan, dimulakan atau diteruskan dalam mahkamah atau terhadap pihak berkuasa terhadap:</p> <p>(a) Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Negeri; (b) Menteri; (c) PIDM; (d) BNM; (e) pengarah, pegawai atau ejen Kerajaan, PIDM atau BNM, secara persendirian atau dalam pelaksanaan tugas rasmi; (f) penerima, pengurus, pembubar atau pemuliharaan yang dilantik di bawah Akta PIDM; atau (g) individu yang bertindak dari segi undang-undang bagi pihak Kerajaan, PIDM atau BNM, pengarah, pegawai, kakitangan atau ejen, secara persendirian atau dalam pelaksanaan tugas sebagai wakil pihak lain, bagi tindakan yang dilakukan, atau kenyataan yang dibuat atau yang tidak, yang akan dibuat atau dibuat menurut Akta ini, kecuali tindakan atau kenyataan sedemikian dilakukan, dibuat atau dimasukkan dengan niat ikhlas.</p> <p>PIDM juga mempunyai prosedur untuk menanggung kos perundangan pengarah, pegawai, kakitangan dan ejen. Kakitangan PIDM dikehendaki mematuhi kod tata laku dan kelakuan beretika Perbadanan yang berikut:</p> <p>(a) Kod Konflik Kepentingan bagi Lembaga Pengarah dan kakitangan termasuk keperluan pengisytiharan tahunan mengenai perkara berkaitan; (b) Kod Tata Laku dan Etika Urusan bagi Lembaga Pengarah dan kakitangan; dan (c) Polisi Pendedahan Maklumat Berkenaan Salah laku di Tempat Kerja.</p> <p>Bagi memastikan pematuhan, Lembaga Pengarah kami memperoleh jaminan wajar secara tetap, bahawa PIDM mempunyai proses berterusan yang sesuai dan berkesan bagi memastikan pematuhan kepada kod-kod tersebut.</p> <p>Berkenaan dengan pendeposit, kewajipan PIDM bagi membuat pembayaran yang berkaitan dengan deposit yang diinsuranskan di bawah Akta PIDM, tidak akan terjejas dengan peruntukan imuniti perundangan.</p>

PRINSIP TERAS	PENILAIAN
<p>Prinsip 14 - Berurusan dengan pihak bersalah semasa kegagalan bank Penginsurans deposit, atau pihak berkuasa berkaitan yang lain, hendaklah diberi kuasa untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak bersalah dalam sesuatu kegagalan bank.</p>	
<p>Kriteria utama</p> <p>1. Penginsurans deposit, atau pihak berkuasa berkaitan yang lain, mempunyai kuasa untuk menyalut dan mengambil tindakan litigasi terhadap pihak bersalah apabila berlaku kegagalan bank, seperti pegawai, pengarah, pengurus, juruaudit dan pihak yang berkaitan dengan bank yang gagal.</p>	<p>Patuh</p> <p>PIDM boleh mengambil tindakan sebagai pemiutang terhadap mereka yang bertanggungjawab dalam institusi yang gagal.</p> <p>Akta PIDM juga mengandungi peruntukan berkenaan kesalahan ketakpatuhan dan salah laku oleh pihak bank atau pengarah atau pegawainya. Terdapat juga peruntukan kesalahan am yang berkaitan dengan individu yang tidak patuh kepada, contohnya, perintah atau arahan PIDM menurut peruntukan dalam Akta PIDM. PIDM boleh memohon kepada mahkamah bagi perintah pematuhan atau halangan terhadap individu yang tidak mematuhi peruntukan dalam Akta PIDM. Akta tersebut juga menggariskan denda tambahan, yang ditentukan oleh mahkamah, sekiranya individu yang disabitkan kesalahan telah meraih manfaat kewangan atau manfaat kewangan telah terakru bagi manfaatnya.</p>
<p>Prinsip 15 - Pengesanan awal serta intervensi dan resolusi kegagalan bank yang tepat pada masanya Penginsurans deposit hendaklah menjadi sebahagian daripada rangka kerja dalam jaringan keselamatan sistem kewangan yang menyediakan pengesanan awal serta intervensi dan resolusi terhadap bank-bank bermasalah yang tepat pada masanya. Penentuan dan pengenapastian sesebuah bank yang mengalami masalah kewangan yang serius hendaklah dimaklumkan awal dan berasaskan kriteria yang ditakrifkan oleh peserta jaringan keselamatan yang mempunyai kebebasan operasi dan kuasa tindakan.</p>	
<p>Kriteria utama</p> <p>1. Rangka kerja resolusi kegagalan bank yang berkesan adalah penting dalam mengekalkan kestabilan kewangan. Jaringan keselamatan kewangan mempunyai rangka kerja yang diterapkan dalam undang-undang atau peraturan bagi pengesanan awal serta intervensi dan resolusi ke atas bank-bank bermasalah yang tepat pada masanya (rangka kerja resolusi kegagalan bank).</p> <p>2. Penggubal polisi menetapkan bahawa rangka kerja resolusi kegagalan bank harus ditadbir oleh undang-undang kebangkrutan/ketaksolvenan atau oleh rejim resolusi khas. Penginsurans deposit mempunyai kuasa dan sumber yang mencukupi dalam memastikan pembayaran balik dengan segera kepada pendeposit yang diinsuranskan. Sekiranya penginsurans deposit tidak mampu melaksanakan kewajipan jaminan deposit dalam masa yang ditetapkan, penggubal polisi boleh mempertimbangkan pembangunan rejim ketaksolvenan yang berasingan bagi institusi depositori yang diinsuranskan.</p>	<p>Patuh</p> <p>Akta PIDM memberi kuasa kepada Perbadanan untuk melaksanakan tindakan resolusi yang ditetapkan dalam Akta dengan segera pada kos yang minimum kepada sistem kewangan.</p> <p>Bagi meminimumkan kos kepada sistem kewangan, Rangka Kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank PIDM dibangunkan bagi tujuan pengesanan awal serta intervensi dan resolusi ke atas bank-bank bermasalah tepat pada masanya. Sebagai penginsurans deposit risiko minimum, PIDM, menerusi Sistem Penilaian dan Pemantauan Risiko, berupaya mengenal pasti kemerosotan kukuhkan bank dan menilai keperluan untuk melaksanakan intervensi ke atas institusi bermasalah dengan segera.</p> <p>Tambahan lagi, proses dibangunkan bagi memastikan penyelarasan tindakan dan perkongsian maklumat dalam proses resolusi kegagalan bank. Pengawalselia menyediakan semua maklumat yang relevan kepada PIDM mengenai kestabilan dan kukuhkan bank anggota. PIDM juga boleh mengemukakan pengawalselia untuk memeriksa operasi sesebuah bank anggota, dan PIDM mempunyai kuasa untuk menjalankan pemeriksaan khas ke atas bank anggota apabila terdapat kemungkinan pembayaran balik deposit perlu dijalankan.</p> <p>Tindakan intervensi awal termasuk membenarkan PIDM menjalankan proses kajian teliti ke atas bank bagi menentukan daya majunya, memperoleh dan menjual aset bank bermasalah, menyediakan bantuan kewangan dan melantik pemuliharaan untuk mentadbir sesebuah entiti seperti peminjam bank yang mempunyai pinjaman mungkir.</p>

ARTIKEL

PEMATUHAN KEPADA PRINSIP TERAS BAGI SISTEM INSURANS DEPOSIT YANG EFEKTIF: SATU PENILAIAN KENDIRI

PRINSIP TERAS	PENILAIAN
3. Peranan setiap peserta jaringan keselamatan dalam rangka kerja resolusi kegagalan bank ditakrifkan dengan jelas dan mudah difahami.	Kuasa resolusi yang lebih besar juga akan digunakan apabila PIDM menerima pemberitahuan daripada BNM bahawa sesebuah bank tidak lagi berdaya maju atau berkemungkinan menjadi tidak berdaya maju. Pengawalselia dan PIDM telah mempersetujui set kriteria bagi menentukan sama ada sesebuah bank tidak lagi berdaya maju atau berkemungkinan menjadi tidak berdaya maju. Pemberitahuan tidak berdaya maju ini digariskan dalam Akta PIDM. Apabila pemberitahuan ini dikeluarkan, PIDM boleh melaksanakan pelbagai kuasa intervensi dan resolusi sebelum bank anggota bermasalah menjadi insolven.
4. Peserta jaringan keselamatan mempunyai kebebasan operasi dan kuasa untuk melaksanakan peranan masing-masing dalam rangka kerja resolusi kegagalan bank.	PIDM beroperasi secara bebas bagi menjalankan peranannya dalam proses intervensi dan resolusi kegagalan bank.
5. Rangka kerja resolusi kegagalan bank merangkumi satu set kriteria yang digunakan sebagai asas tindakan pembedahan. Kriteria tersebut: (a) dinyatakan dalam undang-undang atau peraturan dan difahami oleh bank dan pemegang kepentingan mereka; dan (b) akan dikhususkan mengikut negara dan boleh menumpukan perhatian terhadap faktor-faktor seperti modal, kecairan dan kualiti aset sesebuah bank.	Tindakan pembedahan segera serta intervensi awal dan rangka kerja perundangan resolusi kegagalan bank diwujudkan. Tambahan lagi, PIDM dan pengawalselia telah mempersetujui set kriteria yang akan dipertimbangkan dalam menentukan keadaan tidak berdaya maju.
Prinsip 16 - Proses resolusi yang berkesan Proses resolusi kegagalan yang berkesan hendaklah: memudahcarakan keupayaan penginsurans deposit untuk memenuhi kewajipannya termasuk pembayaran balik deposit kepada pendeposit dengan segera, tepat dan adil; meminimumkan kos proses resolusi dan gangguan kepada pasaran; memaksimumkan pemerolehan aset; dan, memperkukuh disiplin melalui tindakan perundangan dalam kes kecuaihan atau salah laku yang lain. Di samping itu, penginsurans deposit dan peserta jaringan keselamatan sistem kewangan berkaitan hendaklah mempunyai kuasa untuk mewujudkan mekanisme yang fleksibel bagi membantu mengekalkan fungsi perbankan yang kritikal dengan memudahcarakan pemerolehan aset dan penangguhan liabiliti bank yang gagal oleh badan yang sesuai.	
Kriteria utama 1. Tiga proses utama bagi proses resolusi sesebuah bank yang gagal atau hampir gagal ialah pembubaran dan pembayaran balik tuntutan pendeposit, transaksi pembelian dan pengambilalihan (jualan) dan bantuan bank terbuka. Penggubal polisi mengenal pasti proses pelaksanaan resolusi bank yang gagal dan hampir gagal. Peranan setiap peserta jaringan keselamatan dalam setiap proses dikenal pasti dengan jelas. 2. Rangka kerja resolusi kegagalan bank melibatkan mekanisme yang fleksibel bagi membantu mengekalkan fungsi perbankan yang kritikal. Penginsurans deposit atau peserta jaringan keselamatan yang lain mempunyai kuasa untuk mewujudkan bank perantara atau mekanisme resolusi berkaitan untuk memperoleh aset dan menanggung liabiliti bank yang gagal sehingga resolusi akhir tercapai.	Patuh Akta PIDM memberi kuasa yang besar kepada PIDM untuk melaksanakan resolusi kegagalan bank dengan awal dan segera ke atas bank-bank yang tidak berdaya maju, menggunakan beberapa pilihan resolusi termasuk pengambilalihan kawalan, bantuan kewangan, pembelian dan pengambilalihan, penstrukturan semula, perjanjian perwakilan dan pembubaran. Di samping itu, Akta PIDM membenarkan PIDM menjalankan pemeriksaan persediaan untuk memastikan tahap liabiliti deposit dan bersedia bagi pembayaran balik deposit sebelum kegagalan sesebuah bank. PIDM kini membangunkan polisi, prosedur dan proses terperinci bagi memastikan kesediaan untuk melaksanakan dan menilai semua pilihan dan instrumen intervensi dan resolusi kegagalan bank. Semakan Akta PIDM sedang dijalankan bagi mempertingkatkan kuasa intervensi dan resolusi kegagalan PIDM, termasuk kuasa bank perantara.

PRINSIP TERAS	PENILAIAN
Prinsip 17 - Membayar balik deposit kepada pendeposit Sistem insurans deposit hendaklah memberi akses segera kepada pendeposit bagi wang yang diinsuranskan. Oleh itu, penginsurans deposit hendaklah diberi notis atau dimaklumkan terlebih dahulu syarat-syarat pelaksanaan pembayaran balik dan diberi akses kepada maklumat pendeposit terlebih dahulu. Pendeposit mempunyai hak dari segi perundangan bagi menerima pembayaran balik sehingga had perlindungan dan perlu mengetahui masa dan syarat bagi memulakan proses pembayaran, tempoh masa pembayaran, sama ada pembayaran pendahuluan atau interim akan dibuat serta had perlindungan yang berkenaan.	
Kriteria utama 1. Tempoh masa bagi penyempurnaan proses pembayaran balik deposit dinyatakan dan diumumkan kepada orang awam. (a) Pendeposit diberi maklumat mengenai masa dan keadaan permulaan proses pembayaran balik oleh penginsurans deposit dan tempoh masa proses tersebut dijangka akan disempurnakan. (b) Maklumat mengenai had perlindungan dan sama ada pembayaran pendahuluan atau interim akan dibuat. 2. Penginsurans deposit berupaya membayar balik pendeposit dalam tempoh masa yang memenuhi keperluan pendeposit. Selepas pemberitahuan mengenai kemungkinan kegagalan sesebuah bank, penginsurans deposit hendaklah mempunyai: (a) masa yang cukup untuk membuat persediaan bagi membayar balik deposit kepada pendeposit di bank yang gagal; (b) kemudahan akses kepada data yang diperlukan, termasuk rekod akaun deposit; dan (c) kemudahan akses kepada pembiayaan yang mencukupi bagi memenuhi kewajipannya dalam tempoh masa yang ditetapkan. 3. Penginsurans deposit hendaklah mewujudkan amalan dan prosedur pentadbiran yang konsisten serta boleh diakses dan diguna pakai oleh kakitangan dalaman dan penyedia perkhidmatan.	Patuh PIDM membangunkan Sistem Pembayaran Balik Deposit bagi penentuan bayaran yang layak diterima oleh setiap pendeposit dengan segera dan tepat. Had pampasan dan skop perlindungan yang layak diterima oleh pendeposit, dinyatakan dalam perundangan. PIDM akan membuat pampasan kepada pendeposit secepat mungkin dan dalam tempoh tidak melebihi tiga bulan dari tarikh perintah pembubaran. Mengikut budi bicaranya, PIDM boleh membuat pembayaran pendahuluan kepada pendeposit. PIDM berupaya membuat pembayaran balik kepada pendeposit dalam tempoh beberapa hari selepas kegagalan sesebuah bank. Bagi memenuhi tujuan ini, beberapa halangan telah dikeluarkan daripada Akta PIDM bagi memudahcarakan pembayaran yang pantas dan PIDM juga menyediakan proses dan prosedur yang diperlukan bagi memastikan masa yang mencukupi untuk membuat bayaran balik kepada pendeposit sesebuah bank yang gagal. Ini termasuk: • kuasa intervensi awal; • kemudahan akses awal kepada data pendeposit; • pembayaran balik kepada pendeposit berdasarkan rekod bank bermasalah; • pembiayaan tersedia daripada kerajaan atau pasaran modal bagi membolehkan PIDM memenuhi kewajipannya; • tiada insurans bersama atau hak tolak selesai; • pendeposit tidak perlu mengemukakan borang tuntutan kepada PIDM; • pengesahan kebolehsuransan oleh PIDM bagi semua produk deposit; dan • kemudahan akses kepada semua maklumat dan rekod pendeposit sekiranya sesuatu pembayaran perlu dilakukan. PIDM tidak pernah melaksanakan intervensi atau membubarkan bank bermasalah sejak penubuhannya pada tahun 2005. Namun begitu, dan sebagai sebahagian daripada kesediaannya untuk memenuhi mandat, PIDM membangunkan amalan dan prosedur berkaitan dan memastikan kakitangan dan penyedia perkhidmatan dilatih dalam aspek pengendalian intervensi, termasuk pembayaran balik tuntutan pendeposit.

ARTIKEL

PEMATUHAN KEPADA PRINSIP TERAS BAGI SISTEM INSURANS DEPOSIT YANG EFEKTIF: SATU PENILAIAN KENDIRI

PRINSIP TERAS	PENILAIAN
<p>4. Penginsurans deposit hendaklah mempunyai sumber yang mencukupi bagi menjalankan proses pembayaran balik tepat pada masanya, termasuk: (a) keupayaan sistem komputer yang mencukupi; dan (b) kakitangan yang mencukupi (dalaman atau penyedia perkhidmatan).</p> <p>5. Proses pembayaran balik deposit diaudit oleh pihak berkuasa yang bebas.</p>	<p>PIDM mempunyai semua sumber yang diperlukan bagi menjalankan pembayaran tepat pada masanya. Seperti yang digariskan dalam Rancangan Korporat tahunan, PIDM menyediakan bajet yang mencukupi bagi kemudahan dan keupayaan komputer, kakitangan dalaman serta penyedia perkhidmatan luaran.</p> <p>Proses dan prosedur intervensi dan resolusi kegagalan PIDM menghendakinya mengekalkan firma audit bebas bagi mengaudit proses pembayaran dan mengesahkan pembayaran yang dibuat.</p>
<p>Prinsip 18 - Pemerolehan semula Penginsurans deposit hendaklah berkongsi hasil pemerolehan semula daripada harta sesebuah bank yang gagal. Pengurusan aset bank yang gagal dan proses pemerolehan semula (oleh penginsurans deposit atau pihak lain yang melaksanakan tugas ini) hendaklah berpandukan pertimbangan komersial dan merit ekonomi.</p>	
<p>Kriteria utama</p> <p>1. Peranan yang dimainkan oleh penginsurans deposit dalam pengurusan dan pembubaran aset bank yang gagal dan penyelesaian tuntutan <i>bona fide</i> ditakrifkan dengan jelas dalam undang-undang atau peraturan.</p> <p>2. Tanpa mengambil kira peranan, penginsurans deposit berkongsi dalam hasil pengurusan aset dan pemerolehan semula daripada kegagalan bank anggota.</p>	<p>Patuh</p> <p>PIDM mempunyai kuasa perundangan untuk mengambil alih kawalan sesebuah bank yang tidak berdaya maju dan menjalankan proses resolusi dengan kos yang minimum. Apabila menerima pemberitahuan tidak berdaya maju daripada BNM, PIDM juga boleh mengemukakan petisyen bagi pembubaran sesebuah bank bermasalah, dengan kelulusan Menteri.</p> <p>Seksyen 82 Akta PIDM memperuntukkan turutan keutamaan di kalangan pemiutang tak terjamin bagi bank yang gagal. PIDM komited terhadap hak dan kepentingan pendeposit yang diinsuranskan dalam membuat pembayaran balik deposit kepada mereka. Akta PIDM memperuntukkan tuntutan PIDM pada tahap <i>pari passu</i> dengan semua deposit tak terjamin yang lain dan sebelum pemiutang tak terjamin yang lain.</p> <p>Menurut polisi, PIDM, sebagai pemiutang utama, memantau aset dalam proses pembubaran bagi memastikan aset tersebut dilupuskan dengan cara yang mengoptimumkan pemerolehan semula. Tambahan lagi, oleh sebab PIDM dimandatkan untuk melaksanakan tindakan resolusi pada kos yang paling minimum kepada sistem kewangan, pengurusan intervensi dan tindakan resolusi kegagalan serta proses pemerolehan semula adalah tertakluk kepada pertimbangan komersial bagi memaksimumkan pemerolehan semula aset dan untuk meminimumkan kesan terhadap sistem kewangan.</p>

KESIMPULAN

Dengan menanda aras sistem kami dengan Prinsip Teras ini, kami berupaya mengenal pasti tahap pencapaian mandat kami. Berdasarkan penilaian sendiri ini, PIDM mengamalkan pematuhan dengan kriteria utama yang disenaraikan dalam Prinsip Teras. Bagaimanapun, PIDM akan terus berusaha ke arah pelarasan dan peningkatan berterusan bagi memastikan polisi, sistem, amalan, prosedur dan kuasa kami kekal terkini dan relevan, agar kami dapat melaksanakannya dengan cara yang terbaik dalam mencapai mandat, visi dan misi kami.



ARTIKEL

PENGURUSAN MODAL INSAN DI PIDM

LATAR BELAKANG

Keperluan kakitangan kini tidak lagi dipertanggungjawabkan kepada 'Bahagian Pentadbiran Kakitangan' atau 'Jabatan Kakitangan'. Fungsi-fungsi ini – yang secara umumnya dianggap sebagai suatu "kos" atau "pengantara" – memberi sumbangan kecil kepada perniagaan.

Hari ini, kepentingan modal insan sebagai aset utama sesebuah organisasi digambarkan menerusi peningkatan fungsi bahagian yang lazimnya mengurus hal ehwal sumber manusia. Pada hari ini, 'Bahagian Pentadbiran Kakitangan' atau 'Bahagian Sumber Manusia' lebih dikenali sebagai 'Bahagian Modal Insan', atau 'Pusat Sumber', dan tumpuan mereka menjurus kepada semua aspek pengurusan modal insan dalam sesebuah organisasi.

Bahagian Sumber Manusia PIDM memainkan peranan penting dalam organisasi, memandangkan kepentingan sumber manusia sebagai aset kepada kejayaan kami. Bidang tumpuan utama Bahagian Sumber Manusia yang terkandung dalam strategi modal insan PIDM ialah pengurusan modal insan.

PENGENALAN KEPADA PENGURUSAN MODAL INSAN

Istilah "pengurusan modal insan" berbeza-beza takrifannya merentasi pelbagai organisasi. Beberapa takrifan bagi "modal insan" dan "pengurusan modal insan" adalah seperti berikut:

"Modal Insan terdiri daripada individu-individu yang menyumbang kepada prestasi organisasi, sama ada melalui sumbangan secara langsung atau dengan menunjukkan tahap potensi tertinggi dalam tempoh jangka masa yang lebih panjang."¹

Pengurusan modal insan boleh ditakrifkan sebagai satu proses dengan matlamat bagi mencapai "penarikan, pengenalan, pembangunan, pembabitan atau pengekalan dan pengambilan secara sistematik individu-individu berpotensi tinggi yang mempunyai nilai khusus kepada sesebuah organisasi"².

Dalam istilah yang lebih luas, pengurusan modal insan merupakan pengurusan strategik aliran modal insan dalam sesebuah organisasi, yang bertujuan memastikan bekalan atau sumber modal insan yang layak bagi

tugasan yang sesuai tepat pada masanya, berdasarkan objektif strategik urusan, sejajar dengan keupayaan dan minat kakitangan.

Di PIDM, pengurusan modal insan merupakan satu falsafah menyeluruh yang menyepadukan proses Modal Insan utama. Rangka kerja pengurusan modal insan kami memastikan kami mengekalkan tumpuan, berhati-hati dan konsisten dalam pengurusan modal insan. Kami yakin bahawa pengurusan modal insan bukan sahaja satu proses Modal Insan semata-mata, tetapi bermula dengan pembangunan tabiat pemikiran yang tepat bukan sekadar bicara kosong. Strategi pengurusan modal insan kami melibatkan pemanfaatan seluruh tenaga kerja kami bagi mencapai kejayaan dalam memenuhi objektif kami.

KOMPONEN RANGKA KERJA PENGURUSAN MODAL INSAN

Rangka Kerja Pengurusan Modal insan kami menggariskan kaedah yang sistematik bagi pembangunan, pelantikan dan pengekalan modal insan, dan akan membantu menyepadukan proses Modal Insan yang berikut:

1. Hala Tuju Strategik
2. Pengurusan Kecekapan
 - (a) Pemerolehan Modal Insan
 - (b) Pengurusan Prestasi
 - (c) Perancangan Pengurusan Penggantian
 - (d) Pembangunan Kepimpinan
3. Pembelajaran dan Pembangunan
4. Ganjaran Menyeluruh
5. Sistem Pengurusan Sumber Manusia

STRATEGI MODAL INSAN

Strategi keseluruhan Modal Insan kami adalah seperti yang berikut:

"untuk menarik, melantik dan membangunkan modal insan yang berkelayakan tinggi dan mengekalkan modal insan yang sesuai yang berupaya menerajui profesionalisme dan kecemerlangan dalam pencapaian objektif korporat PIDM."

Strategi Pengurusan Modal Insan

Strategi Pengurusan Modal insan kami akan menumpukan kepada objektif berikut:

- (i) menarik, membuat pemilihan dan melantik modal insan yang berkelayakan tinggi;

- (ii) memanfaatkan potensi modal insan menerusi inisiatif pembangunan terancang; dan
- (iii) mengekalkan modal insan yang sesuai yang akan menerajui prestasi urusan, menerusi pelbagai inisiatif bagi memupuk semangat milikan organisasi, termasuk pakej ganjaran menyeluruh yang berdaya saing, peluang untuk memberi maklum balas melalui Kaji Selidik Kepuasan Kerja Kakitangan, Bimbingan Pekerjaan dan Kehidupan³ dan aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat.

Membina Budaya

Pengurusan modal insan juga melibatkan pembangunan dan pembinaan budaya organisasi untuk mencapai kejayaan jangka pendek dan jangka panjang. Kami yakin bahawa budaya yang sesuai akan membezakan PIDM daripada organisasi yang lain, memanfaatkan individu dan Perbadanan secara keseluruhannya.

Oleh itu, PIDM akan terus mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif. Ke arah usaha ini, PIDM akan membina jenama majikan yang kukuh atau imej "majikan pilihan", yang akan menggalakkan modal insan berkelayakan tinggi untuk menyertai perkhidmatan di Perbadanan. Ini memerlukan usaha untuk memahami dan mengenal pasti faktor-faktor yang akan mendorong modal insan berkelayakan tinggi supaya mempertimbangkan PIDM sebagai majikan pilihan, serta mengenal pasti faktor-faktor yang mengekalkan motivasi dan minat mereka.

Tabiat Pemikiran Pengurusan Modal Insan

Tabiat pemikiran "modal insan" hendaklah diserapkan di seluruh Perbadanan – diterajui oleh pemimpin, diteladani menerusi pihak Pengurusan, dan disokong oleh pelbagai inisiatif yang dibangunkan bersama oleh unit-unit urusan dan Bahagian Sumber Manusia. Tabiat pemikiran pengurusan modal insan yang sesuai hendaklah disokong oleh kecekapan dalam empat bidang keupayaan kepimpinan dan pengurusan utama, iaitu, sebagai pelatih, mentor, pengurus dan penaja.

PENGURUSAN KECEKAPAN


Pengurusan modal insan disokong oleh unsur struktur terpenting, iaitu Pengurusan Kecekapan. Pengurusan Kecekapan memastikan keupayaan sesebuah organisasi

mentakrifkan dengan jelas keperluan kecekapan kelakuan dan fungsian kakitangan. Kecekapan merupakan gabungan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang mesti diamalkan oleh semua kakitangan pada setiap masa. Pengurusan Kecekapan kami akan memberikan panduan bagi pembangunan dan pengekalan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi, berdedikasi dan memiliki kepelbagaian yang menggalakkan kecemerlangan dan profesionalisme. Ini adalah sejajar dengan Strategi Modal Insan bagi meningkatkan kapasiti dan keupayaan dan memastikan kesediaan modal insan.

Pembangunan Model Kecekapan

Dalam membangunkan Model Kecekapan PIDM pada tahun 2008, kami mengendalikan penyelidikan dalam industri dan kaedah menanda aras yang menyeluruh. Kami juga membabitkan ahli Lembaga Pengarah kami untuk memberikan pandangan dari perspektif pemimpin industri, dan menemuramah pelbagai pihak berkepentingan dalaman termasuk Ketua Pegawai Eksekutif dan semua Ketua Bahagian. Ini dilakukan bagi memastikan Model Kecekapan kami adalah sejajar dengan mandat, visi, misi, nilai korporat, objektif korporat dan keperluan bagi setiap jawatan di PIDM.

Manual Kecekapan yang terhasil merupakan dokumen yang diamalkan sepanjang masa, dan dengan itu, pengesahannya merupakan proses yang penting dan berterusan, dan melibatkan masa bagi memastikan Model Kecekapan kami kekal relevan dan terkini.



¹ Berdasarkan hasil laporan 'Research into Practice' oleh Chartered Institute of Personnel and Development (CIPD), Talent: Strategy, Management and Measurement dibentangkan buat kali pertama di Persidangan Pengurusan Modal Insan pada 19 Jun 2007.

² Dipetik daripada Talent Management: Understanding the Dimensions, CIPD 2006, www.cipd.co.uk/researchinsights.

³ Program sokongan kakitangan bagi membantu mereka memiliki kemahiran dan pandangan peningkatan prestasi mengurus peralihan tugas dengan baik, isu-isu peribadi atau cabaran berkaitan kerja.

ARTIKEL

PENGURUSAN MODAL INSAN DI PIDM

Model Kecekapan kami tertumpu kepada dua kategori utama:

- (i) Sembilan Kecekapan Kelakuan Teras yang dibahagikan kepada tiga kelompok berbeza:
 - (i) Mengamalkan Nilai-nilai Kami
 - (ii) Meyakinkan dan Mengurus Pihak Berkepentingan Kami
 - (iii) Memimpin dan Meneraju yang Lain



- (ii) Kecekapan Fungsian
 - a. Tujuh Kecekapan Fungsian Generik yang diguna pakai merentasi semua Bahagian; dan
 - b. Sejumlah 48 Kecekapan Fungsian Unik yang khusus bagi setiap Bahagian dan/atau fungsi.

Cabaran dalam Pengurusan Kecekapan adalah untuk menyepadukan kecekapan ke dalam proses utama Modal Insan, iaitu, Pelantikan, Pengurusan Prestasi, Perancangan Pengurusan Penggantian dan Pembangunan Kepimpinan. Ini dibincangkan dengan lebih terperinci di bawah.

Pada tahun 2009, pengesahan Kecekapan Fungsian kami bermula dengan Penilaian Kecekapan Perintis bagi Bahagian Insurans, Penilaian Risiko dan Pemantauan. Projek perintis ini akan diteruskan bagi semua Bahagian lain pada tahun 2010 sebelum penilaian kecekapan yang menyeluruh dilaksanakan pada suku tahun keempat 2010.

PELANTIKAN

Kami berjaya menyepadukan sembilan kecekapan kelakuan teras ke dalam teknik temu duga berasaskan kecekapan bagi pelantikan pengurus pada akhir tahun 2008. Ini akan terus dipertingkatkan dan dilaksanakan.

Pemerolehan Modal Insan

Pengekalan modal insan bermula dengan strategi pelantikan yang berkesan, termasuk pengenpastian jawatan utama dan risiko penggantian berkaitan jawatan ini. Kami juga mempunyai satu set kecekapan atau kriteria pemilihan berasaskan kelakuan yang menyokong strategi pelantikan dan pengekalan berdasarkan keupayaan yang diperlukan bagi kejayaan dalam pelaksanaan peranan. Polisi dan prosedur pelantikan dan pemilihan (Polisi Pelantikan) bertujuan menarik individu berkualiti tinggi bagi menyertai perkhidmatan Perbadanan.

Proses yang diuraikan dalam Polisi Pelantikan dikenal pasti bagi memastikan semua pelantikan dibuat berasaskan kesesuaian bagi jawatan terhadap kriteria pemilihan yang sesuai, dan semua keputusan pelantikan adalah adil dan calon-calon diberi pertimbangan dengan saksama dan konsisten.

Program Induksi

Modal insan yang berkualiti tinggi dilantik untuk berkhidmat di PIDM, terutamanya modal insan dengan bidang pengkhususan dan mereka yang memiliki ketokohan memimpin, juga mempunyai harapan peribadi terhadap PIDM. Oleh itu, kami yakin modal insan baru mesti disesuaikan ke dalam perkhidmatan di PIDM dengan teliti.

Kami mengguna pakai pendekatan "terbuka" dalam inisiatif pelantikan kakitangan, khususnya bagi jawatan kanan. Dalam proses pengenpastian calon bagi jawatan tersebut, calon-calon akan diminta menjalankan penyelidikan sendiri mengenai PIDM dan mengemukakan laporan ringkas berdasarkan soalan tertentu yang disediakan. Menerusi pendekatan ini, kakitangan baru akan menyertai perkhidmatan dengan kefahaman yang tinggi mengenai mandat, misi, visi dan nilai korporat dan objektif serta struktur Perbadanan. Program induksi dalaman bagi kakitangan baru telah dibangunkan dan dilancarkan pada April 2008.

PENGURUSAN PRESTASI

Sejajar dengan usaha berterusan kami untuk melaksanakan sepenuhnya pendekatan berasaskan kecekapan, kami meningkatkan sistem Pengurusan Prestasi Menyeluruh pada tahun 2009 dan menyepadukan kecekapan kelakuan teras yang baru dibangunkan. Penugasan Petunjuk Prestasi Utama (PPU) juga dilakukan dengan lebih terbuka dan dipimpin, dengan mengadakan mesyuarat luar pejabat bagi

ahli Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif dan penyelia tahap kedua sebelum PPU ditugaskan kepada semua kakitangan.

PERANCANGAN PENGURUSAN PENGGANTIAN

Rangka Kerja Pengurusan Penggantian merupakan subset keseluruhan Rangka Kerja Pengurusan Modal Insan. Kami membangunkan matriks pengenpastian kritikal misi utama bagi mengenal pasti jawatan-jawatan penting bagi tujuan perancangan pengurusan penggantian. Jawatan penting dikenal pasti dalam perbincangan dengan Ketua Bahagian dan Ketua Pegawai Eksekutif. Proses ini akan disusuli oleh audit modal insan dalaman berdasarkan profil dan penilaian kemahiran kecekapan daripada Penilaian Kecekapan.

Sementara kami merancang untuk menaikkan pangkat modal insan PIDM, kami juga menjalankan audit modal insan luaran atau pengenpastian modal insan di pasaran bagi mengenal pasti modal insan berkelayakan bagi pengurusan penggantian, sekiranya kenaikan pangkat modal insan dalaman kurang sesuai.

PEMBANGUNAN KEPIMPINAN

Modal insan kepimpinan adalah kritikal kepada kejayaan sesebuah organisasi dan oleh itu, merupakan unsur penting dalam pengurusan modal insan.

Memandangkan hasrat PIDM untuk terus memupuk dan membangunkan modal insan, kami telah menyepadukan dua instrumen berbeza bagi Pembangunan Kepimpinan. Ini memberikan perspektif nilai luaran dan dalaman kepada pengurus mengenai kelakuan dan membolehkan mereka mengenal pasti cara kelakuan tersebut boleh memberi kesan kepada mereka dan orang lain.

Instrumen tersebut ialah proses maklum balas 360 darjah menggunakan soalan-soalan berdasarkan sembilan kecekapan kelakuan teras, dan Penilaian Harrison. Maklum balas akan diberikan kepada pengurus terlibat bagi tujuan penilaian dan pembangunan individu. Setiap individu dikehendaki membincangkan profil mereka dengan penyelia masing-masing bagi mengenal pasti bidang pembangunan kepimpinan utama yang perlu diberi tumpuan bagi tahun hadapan. Ini biasanya tidak melebihi tiga bidang dan didokumenkan dalam rancangan pembangunan individu dan dikemas kini setiap suku tahun.

PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN

Kami juga komited sepenuhnya kepada pembelajaran dan pembangunan berterusan kakitangan kami dan akan berusaha memastikan perbelanjaan dan keputusan yang sesuai dalam inisiatif pembangunan modal insan.

Oleh itu, kami mengguna pakai pendekatan yang bersepadu dalam inisiatif pembelajaran termasuk membimbing, mentor, pengurusan, penajaan, pemindahan pengetahuan di peringkat tempatan dan antarabangsa, latihan rentas fungsi, latihan kerja dan penggiliran kerja, perkongsian kerja, pembinaan hubungan dan perkongsian amalan terbaik bersama organisasi dalam negara dan antarabangsa, penglibatan dalam forum antarabangsa, program latihan dalaman dan peluang sangkutan perkhidmatan sementara. Kami juga menggalakkan pembangunan dan pembelajaran sendiri yang berterusan dengan menyediakan 'Sokongan Pendidikan dan Pembangunan Kakitangan' serta cuti belajar dan cuti peperiksaan yang bergaji.

GANJARAN MENYELURUH

Kami menggalakkan budaya yang diterajui oleh prestasi tinggi. Prestasi dan sikap kakitangan biasanya mempunyai perkaitan secara langsung dengan keseluruhan ganjaran, terutamanya pemberian bonus prestasi.

SISTEM MAKLUMAT SUMBER MANUSIA

Bagi menyokong proses pengurusan modal insan, kami memerlukan sistem yang berkesan dan andal yang menyepadukan dan mendokumentasikan semua maklumat berkaitan bagi semua proses pembuatan keputusan yang penting. Sistem Maklumat Sumber Manusia kini sedang dilaksanakan secara berfasa.

MELANGKAH KE HADAPAN

Pengurusan modal insan merupakan proses dinamik yang mesti sentiasa dikemas kini dan diselaraskan dengan keutamaan urusan yang sentiasa berubah. Oleh itu, Bahagian Sumber Manusia menjalankan penilaian tetap ke atas proses pengurusan modal insan agar perubahan utama dapat dikenal pasti, dilaporkan dan ditangani. Melangkah ke hadapan, pengurusan modal insan akan kekal sebagai aspek kritikal kerja kami, memandangkan ini merupakan tunjang pengurusan modal intelek yang paling penting bagi PIDM – kakitangan kami.

Bahagian 7: Inisiatif Kesedaran Awam dan
Tanggungjawab Sosial Korporat



INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

INISIATIF KESEDARAN AWAM



PENGENALAN

Satu elemen utama mandat berkanun PIDM adalah untuk menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan; dan mengikut pengalaman kami, keyakinan awam yang tinggi dalam sistem kewangan kami adalah kritikal bagi mengekalkan kestabilan kewangan. Kesedaran bahawa deposit dilindungi sekiranya berlaku kegagalan bank meningkatkan keyakinan orang awam bagi mengamanahkan simpanan mereka kepada bank.

Justeru, peningkatan kesedaran dan penjelasan kepada pendeposit mengenai insurans deposit merupakan salah satu cara PIDM menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan Malaysia. Menerusi kempen kesedaran awam, kami berusaha memperkasakan pengguna untuk membuat keputusan kewangan yang bermaklumat agar mereka tidak mudah terpengaruh oleh khabar angin untuk mengeluarkan deposit secara besar-besaran daripada bank.

Pendidikan orang awam merupakan satu proses berterusan dan usaha dalam bidang ini telah dilaksanakan menerusi inisiatif kesedaran dan capaian awam PIDM yang berterusan seperti yang digariskan dalam

Rancangan Komunikasi Bersepadu 2007 - 2011. PIDM menerbitkan iklan, mengendalikan taklimat untuk orang awam dan pemegang kepentingan, menyertai pameran dan jerayawara berkaitan kewangan serta membina hubungan dengan pihak media.

Dengan pelaksanaan Jaminan Deposit Kerajaan sementara, kami menjalankan kajian semula strategi kesedaran awam, inisiatif dan mesej utama PIDM bagi tahun 2009. Meskipun sasaran utama inisiatif kesedaran awam kami masih kekal sama, namun kami akan terus meningkatkan kesedaran mengenai insurans deposit dan membina keyakinan terhadap peranan PIDM sebagai penginsurans deposit nasional, dan juga memaklumkan kepada orang ramai mengenai perlindungan yang disediakan di bawah Jaminan Deposit Kerajaan.

INISIATIF KAMI PADA TAHUN 2009

PIDM memulakan tahun 2009 dengan mengeluarkan brosur maklumat awam baharu dan mengemas kini laman web rasmi kami (www.pidm.gov.my) bagi menjelaskan had dan perlindungan sementara daripada Jaminan Deposit Kerajaan. Semua saluran komunikasi awam

digunakan bagi menyediakan maklumat terkini mengenai perlindungan deposit termasuk talian pertanyaan bebas tol, laman web yang menyediakan maklumat dalam empat bahasa (Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil), dan brosur maklumat awam yang diedarkan ke semua cawangan institusi yang dijamin dalam enam bahasa (Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia, Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Bahasa Iban dan Bahasa Kadazandusun). Kami juga meneruskan kerjasama dengan Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM), Bank Negara Malaysia (BNM) dan organisasi relevan bagi meningkatkan pengetahuan mengenai insurans deposit di kalangan kakitangan institusi kewangan lain, khususnya pegawai yang ditugaskan di kaunter perkhidmatan pelanggan.

Seperti tahun-tahun sebelum ini, PIDM terus menyebarkan maklumat kepada orang awam di Malaysia menerusi usaha pengiklanan dan komunikasi serta memberi penekanan kepada pendekatan pelbagai bahasa dalam inisiatif kami. Bagi tujuan ini, PIDM memperkenalkan iklan radio dalam bahasa Tamil selain Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina.

Pada tahun 2009, PIDM juga memulakan pembangunan strategi dan rancangan pelaksanaan program pendidikan untuk sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi bagi meningkatkan kesedaran para pelajar mengenai insurans deposit dan peranan PIDM dalam sistem kewangan

Malaysia, serta menyumbang kepada peningkatan celik kewangan di kalangan generasi muda di Malaysia.

Semasa tahun ini, kami juga melaksanakan kaji selidik pengguna di seluruh negara bagi mengukur tahap kesedaran awam mengenai insurans deposit dan PIDM, inisiatif tahunan yang dilaksanakan sejak tahun 2006. Keputusan kaji selidik akhir tahun 2009 mencatatkan tahap kesedaran mengenai insurans deposit pada 21% (2008: 27%; 2007: 15%; 2006: 13%) dan tahap kesedaran mengenai PIDM pada 22% (2008: 32%; 2007: 12%; 2006: 4%).

Penurunan tahap kesedaran mungkin berpunca daripada pelaksanaan Jaminan Deposit Kerajaan yang mengurangkan minat terhadap insurans deposit secara am. Selain itu, pemulihan landskap kewangan global menjelang hujung tahun 2009 menyumbang kepada peningkatan keyakinan awam terhadap kekukuhan sistem kewangan.

Keputusan kaji selidik ini jelas menunjukkan bahawa pendidikan pendeposit bukan satu usaha yang mudah dan memerlukan usaha dalam jangka masa yang lama. Peningkatan kesedaran mengenai insurans deposit akan terus menjadi salah satu keutamaan kami pada masa hadapan.



INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

INISIATIF KESEDARAN AWAM

Berikut ialah sorotan inisiatif utama kami pada tahun 2009 bagi meningkatkan kesedaran awam dan pemahaman mengenai insurans deposit dan PIDM.

INISIATIF	HURAIAN	PENDEKATAN
PENGIKLANAN DAN PUBLISITI (BERTERUSAN)	<p>PIDM melancarkan kempen pengiklanan tahunannya bersempena dengan Minggu Insurans Deposit Antarabangsa pada Mei 2009.</p> <p>Berikutan pelaksanaan Jaminan Deposit Kerajaan, kempen tahun ini menampilkan set iklan cetak, iklan televisyen dan iklan radio yang baharu.</p> <p>Iklan cetak diterbitkan dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil dan disiarkan di akhbar-akhbar dan penerbitan terpilih. Iklan cetak baharu ini juga menyatakan bahawa semua deposit dalam ringgit dan mata wang asing dilindungi sepenuhnya di bawah Jaminan Deposit Kerajaan sehingga 31 Disember 2010.</p> <p>PIDM menerbitkan iklan radio baharu dan menyiarkan iklan-iklan ini dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina. Pada setengah tahun kedua 2009, PIDM memperkenalkan iklan radio dalam Bahasa Tamil buat kali pertama.</p> <p>Dua versi kapsul atau iklan khas Buletin Utama TV3 dalam Bahasa Malaysia diterbitkan dan disiarkan. Kapsul ini menampilkan perbualan antara seorang ayah dengan anak-anaknya mengenai ciri-ciri dan manfaat insurans deposit dalam dua latar yang berbeza.</p> <p>PIDM mengemaskinikan iklannya dalam Bahasa Cina (Mandarin dan Kantonis) dan menyiarkan iklan ini di saluran berbahasa Cina ASTRO seperti <i>Wah Lai Toi</i> dan AEC.</p> <p>PIDM meneruskan pengiklanan dalam talian menerusi enjin carian Google.</p>	<p>Berikutan pelaksanaan Jaminan Deposit Kerajaan, PIDM menyemak semula strategi, inisiatif dan mesej pengiklannya bagi meningkatkan keberkesanan pemahaman awam mengenai butir-butir terperinci Jaminan Deposit Kerajaan.</p> <p>Penyebaran maklumat kepada orang awam mengenai Jaminan Deposit Kerajaan perlu dilaksanakan dengan cara yang cekap dan berkesan bagi mengekalkan keyakinan awam dan mengelakkan kekeliruan.</p> <p>PIDM terus menggunakan media massa sebagai saluran penting untuk menyampaikan ciri-ciri dan manfaat perlindungan insurans deposit memandangkan capaian audien yang luas dan pengaruh media dalam penyebaran maklumat penting.</p> <p>Kami mengekalkan pendekatan komunikasi yang berdasarkan penyampaian mesej yang mudah, jelas dan tepat.</p>

INISIATIF	HURAIAN	PENDEKATAN
PEMANTAPAN LAMAN WEB DAN PENERBITAN BROSUR MAKLUMAT AWAM BAHARU	<p>PIDM melancarkan laman web yang dimantapkan dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil. Rekaan dan kandungan laman web telah dipertingkatkan agar lebih mesra pengguna, mengukuhkan penjenamaan PIDM dan menyampaikan mesej dengan tepat, mudah dan jelas.</p> <p>PIDM menerbitkan brosur maklumat awam baharu yang bertajuk "Deposit Anda Dilindungi" dalam enam Bahasa, termasuk Iban dan Kadazandusun bagi pendeposit di Sarawak dan Sabah. Brosur maklumat baharu ini juga menyediakan penjelasan secara mudah dan jelas mengenai ciri-ciri utama insurans deposit dan manfaatnya kepada pendeposit.</p> <p>Meskipun inisiatif ini dikenal pasti sebagai sebahagian daripada perancangan inisiatif komunikasi tahunan PIDM, inisiatif untuk memantapkan laman web dan brosur maklumat awam adalah tepat pada masa memandangkan pengumuman Jaminan Deposit Kerajaan.</p> <p>Brosur maklumat awam baharu ini boleh didapati di semua cawangan bank anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin. Orang awam digalakkan untuk meminta salinan brosur maklumat di cawangan bank mereka dan mengunjungi laman web PIDM terkini di www.pidm.gov.my bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai insurans deposit dan PIDM.</p>	<p>PIDM terus mengambil pendekatan pelbagai bahasa dalam inisiatif komunikasinya agar orang awam dapat memahami manfaat perlindungan insurans deposit dalam bahasa pilihan masing-masing.</p>
TAKLIMAT KEPADA INSTITUSI ANGGOTA DAN PELBAGAI PEMEGANG KEPENTINGAN (BERTERUSAN)	<p>PIDM mengendalikan 23 sesi latihan bagi pegawai bank di bandar-bandar serata Malaysia kepada kira-kira 1,150 kakitangan bank.</p> <p>PIDM juga mengendalikan 30 taklimat kepada kira-kira 4,000 pemegang kepentingan termasuk agensi Kerajaan, universiti, badan profesional dan persatuan, serta mengadakan ceramah awam.</p> <p>Dalam mengendalikan sesi latihan bagi pegawai bank, PIDM terus bekerjasama dengan IBBM dan cawangan-cawangan BNM. PIDM juga bekerjasama dengan Persatuan Perbankan Pelaburan Malaysia (<i>Malaysian Investment Banking Association - MIBA</i>) dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran mengenai insurans deposit di kalangan bank-bank pelaburan.</p> <p>Bagi senarai penuh taklimat yang dikendalikan oleh PIDM, sila rujuk kepada Kalendar Peristiwa bagi tahun 2009 (di muka surat 174).</p>	<p>Sesi latihan bagi pegawai bank itu merupakan sebahagian daripada usaha berterusan kami untuk melengkapkan kakitangan institusi anggota dengan pengetahuan yang tepat mengenai insurans deposit bagi membolehkan mereka mengendalikan pertanyaan daripada pendeposit dan pelanggan.</p> <p>Pada tahun 2009, PIDM mempergiatkan lagi sesi latihan bagi pegawai bank dengan penyertaan daripada institusi kewangan lain yang dijamin termasuk bank pelaburan dan institusi kewangan pembangunan yang menerima deposit.</p>

INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

INISIATIF KESEDARAN AWAM

INISIATIF	HURAIAN	PENDEKATAN
MINGGU INSURANS DEPOSIT ANTARABANGSA (11 - 15 MEI 2009)	<p>Semasa Minggu Insurans Deposit Antarabangsa, PIDM melancarkan kempen kesedaran awamnya bagi tahun 2009, yang termasuk iklan baharu bagi 2009, laman web yang dimantapkan dan brosur maklumat awam baharu, di taklimat media yang diadakan pada 12 Mei 2009.</p> <p>Bagi tujuan membina hubungan kerja yang baik dan meningkatkan pengetahuan insurans deposit di kalangan bank pelaburan, PIDM mengadakan dialog dengan pegawai perhubungan bank pelaburan dan taklimat insurans deposit kepada kakitangan bank pelaburan pada 14 Mei 2009. Dialog dan taklimat ini dianjurkan dengan kerjasama MIBA.</p> <p>Semasa Minggu ini, PIDM juga menerbitkan iklan khas dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina dalam akhbar-akhbar harian utama bagi mendidik orang awam mengenai perlindungan insurans deposit.</p>	<p>Minggu Insurans Antarabangsa itu merupakan inisiatif tahunan oleh Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (<i>International Association of Deposit Insurers - IADI</i>) untuk menggalakkan penganjuran aktiviti kesedaran di kalangan penginsurans deposit anggota di seluruh dunia. Semasa Minggu ini, penginsurans deposit menjalankan kempen dan aktiviti khusus untuk meningkatkan lagi kesedaran mengenai insurans deposit.</p> <p>Sejajar dengan inisiatif global ini, PIDM menjalankan aktiviti kesedaran awam yang khusus sepanjang Minggu ini termasuk pengiklanan, pendidikan pemegang kepentingan dan inisiatif berkaitan media.</p>
PENERBITAN LAPORAN TAHUNAN PIDM 2008 (21 MEI 2009)	<p>PIDM mengadakan Dialog Tahunan ketiganya pada 21 Mei 2009 bersempena dengan penerbitan Laporan Tahunan PIDM 2008. Selain ahli lembaga pengarah dan pengurusan kanan institusi anggota, Dialog Tahunan pada kali ini turut disertai oleh wakil daripada institusi kewangan lain yang dijamin berikutan pelaksanaan Jaminan Deposit Kerajaan.</p> <p>Susulan Dialog Tahunan ini, PIDM mengadakan sidang akhbar mengenai penerbitan Laporan Tahunan 2008.</p>	<p>Dialog Tahunan ini merupakan platform bagi PIDM untuk menyampaikan maklumat perkembangan terkini mengenai prestasi kewangan dan pencapaiannya serta membincangkan isu-isu berkaitan institusi anggota, dan pada masa yang sama, menggalakkan perkongsian maklumat dan idea mengenai inisiatif yang melibatkan industri, buat masa ini dan masa hadapan.</p>
PROGRAM CAPAIAN KORPORAT (1 - 2 JULAI 2009)	<p>PIDM menganjurkan Program Capaian Korporat tahunan ketiga di Kuching, Sarawak yang mana ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif PIDM bertemu dengan pelbagai pemegang kepentingan di negeri ini.</p> <p>Seperti Program Capaian Korporat yang diadakan pada tahun-tahun sebelum ini, aktiviti yang dijalankan semasa program capaian ini termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> Taklimat media bagi wakil media tempatan di Sarawak, dan susulan daripadanya rencana mengenai PIDM dan ceramah awam disiarkan dalam kebanyakan akhbar; Taklimat makan malam dengan pegawai kanan Kerajaan dan golongan ahli perniagaan di Sarawak; dan Ceramah awam mengenai 'Perlindungan Pengguna Kewangan yang Efektif' bersama dengan BNM, Biro Perantaraan Kewangan (<i>Financial Mediation Bureau - FMB</i>) dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). <p>Berhubung dengan penganjuran dan publisiti ceramah awam ini, PIDM bekerjasama dengan BNM (cawangan Kuching), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan cawangan Sarawak, jawatankuasa kecil Persatuan Bank-Bank di Malaysia di Sarawak dan IBBM (cawangan Sarawak).</p>	<p>Program Capaian Korporat tahunan merupakan inisiatif Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif PIDM bagi meningkatkan hubungan dan interaksi dengan orang awam dan para pemimpin komuniti peringkat Negeri dalam usaha meningkatkan kesedaran mengenai insurans deposit dan perlindungan pengguna kewangan di Malaysia.</p>

INISIATIF	HURAIAN	PENDEKATAN
PENYERTAAN DALAM PAMERAN DAN JERAYAWARA (BERTERUSAN)	<p>PIDM terus bekerjasama dengan BNM dan agensi-agensi berkaitan dalam pelbagai jerayawara peringkat kebangsaan termasuk Minggu Saham Amanah Malaysia, Hari Pengguna Malaysia dan Minggu Kesedaran Kewangan (M2K), yang melibatkan penyertaan PIDM sebagai penganjur bersama dan peserta pameran.</p> <p>M2K diadakan dari 18 hingga 24 Oktober 2009 di Kuala Terengganu secara usahasama antara BNM, FMB, AKPK dan PIDM dengan sokongan Kerajaan Negeri Terengganu.</p> <p>Dari 18 hingga 21 Oktober 2009, wakil PIDM mengendalikan taklimat kepada peserta daripada universiti, Kolej Kejururawatan, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia di Terengganu dan Kontinjen Kem Regimen Askar Melayu Diraja.</p> <p>PIDM menyertai pameran M2K yang diadakan dari 22 hingga 24 Oktober 2009 di Kuala Terengganu. Pameran ini dilancarkan secara rasmi pada 22 Oktober 2009 oleh Menteri Besar Terengganu, Dato' Ahmad Said, dan Timbalan Gabenor BNM Dato' Mohd. Razif Abdul Kadir. Pameran ini dikunjungi oleh kira-kira 26,000 orang.</p> <p>Semasa pameran ini, PIDM mengendalikan tujuh sesi ceramah awam kepada wakil-wakil dari tujuh daerah di Terengganu untuk mendidik mereka mengenai perlindungan insurans deposit.</p> <p>Bagi mendapatkan senarai penuh pameran dan jerayawara, sila rujuk kepada Kalendar Peristiwa bagi tahun 2009 (di muka surat 174).</p>	<p>PIDM terus bekerjasama rapat dengan BNM dan rakan strategik lain, termasuk AKPK dan FMB untuk memaksimumkan kecekapan inisiatif kesedaran awam kami dan mengembangkan capaian kami.</p> <p>PIDM juga menyertai dalam pelbagai pameran dan jerayawara lain secara kerjasama dengan organisasi seperti IBBM, Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia (<i>Financial Planning Association of Malaysia - FPAM</i>), Majlis Perancangan Kewangan Malaysia (<i>Malaysian Financial Planning Council - MFPC</i>) dan Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (<i>Islamic Banking and Finance Institute of Malaysia - IBFIM</i>).</p>
PROGRAM PENDIDIKAN (BERTERUSAN)	<p>PIDM memulakan pembangunan program pendidikan bagi sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi.</p> <p>Pelaksanaan program pendidikan ini akan menggalakkan kesedaran dan celik kewangan, terutamanya mengenai kepentingan tabiat menyimpan wang. Program ini merangkumi aktiviti dan instrumen berikut yang disediakan untuk mendidik pelajar mengenai PIDM:</p> <ul style="list-style-type: none"> Taklimat dan ceramah kepada pelajar Jerayawara Permainan dalam talian menerusi Internet Bahan sokongan, termasuk buku komik berilustrasi dan permainan papan. <p>Peringkat percubaan program pendidikan akan diadakan di sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi terpilih pada setengah tahun pertama 2010 manakala peringkat pelaksanaan program pendidikan di seluruh negara akan diadakan pada setengah tahun kedua 2010.</p>	<p>Program pendidikan ini akan merangkumi sekolah dan institusi pengajian tinggi di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.</p> <p>PIDM bekerjasama dengan beberapa agensi rakan kongsi dan pakar runding dalam pembangunan dan pelaksanaan program, termasuk pembangunan kandungan, pembangunan kreatif, penerbitan, penyelidikan, serta perhubungan awam dan pemegang kepentingan.</p>

INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

INISIATIF KESEDARAN AWAM

INISIATIF	HURAIAN	PENDEKATAN
KAJI SELIDIK PENGGUNA SELURUH NEGERA (PERTENGAHAN TAHUN DAN AKHIR TAHUN)	<p>Sebagai satu inisiatif tahunan untuk mengukur tahap kesedaran awam, PIDM mengendalikan dua kaji selidik pengguna pada tahun 2009.</p> <p>Kaji selidik pertengahan tahun dikendalikan pada Julai 2009 dan melibatkan kira-kira 600 responden manakala kaji selidik akhir tahun yang menyeluruh dikendalikan dari Oktober hingga November 2009, melibatkan kira-kira 1,000 responden.</p> <p>Keputusan dan maklumat daripada kaji selidik ini digunakan dalam pembangunan inisiatif pengiklanan dan perhubungan awam PIDM yang berterusan.</p>	<p>Responden dikaji selidik menggunakan kaedah kuantitatif yang melibatkan temu bual bersemuka. Seperti kaji selidik pengguna yang dijalankan oleh PIDM sebelum ini, sampel responden melibatkan perwakilan seimbang di kalangan rakyat Malaysia dari segi jantina, usia, bangsa dan tempat, bagi tujuan mencerminkan pandangan rakyat Malaysia dengan tepat.</p>
PERHUBUNGAN MEDIA (BERTERUSAN)	<p>PIDM terus meningkatkan profilnya sebagai penginsurans deposit nasional dengan mengadakan taklimat media, sidang akhbar, temu bual, rencana, siaran akhbar dan inisiatif-inisiatif media yang lain.</p> <p>PIDM mengendalikan acara media berikut pada tahun 2009:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Taklimat media bersempena dengan Minggu Insurans Deposit Antarabangsa pada Mei 2009 • Sidang akhbar bersempena dengan penerbitan Laporan Tahunan PIDM 2008 pada Mei 2009 • Taklimat media kepada wakil media tempatan di Sarawak bersempena dengan Program Capaian Korporat di Kuching, Sarawak pada Julai 2009 • Taklimat media kepada wakil media tempatan di Sabah bersempena dengan lawatan kami ke Kota Kinabalu, Sabah untuk mengadakan taklimat kepada pegawai-pegawai bank pada Ogos 2009. <p>PIDM mengendalikan pelbagai sesi temu bual pada tahun 2009, terutamanya dalam media cetak termasuk <i>The Star</i>, <i>Berita Harian</i>, <i>China Press</i>, <i>Harian Metro</i>, <i>The Edge</i> dan <i>The Malaysian Reserve</i>. PIDM juga mengendalikan sesi temu bual dengan akhbar-akhbar yang beribu pejabat di Sabah dan Sarawak termasuk <i>United Daily News</i> di Sarawak serta <i>New Sabah Times</i> dan <i>Morning Post</i> di Sabah.</p> <p>Bersempena dengan pengiktirafan Laporan Tahunan 2008 sebagai Laporan Tahunan Terbaik Organisasi Bukan Senaraian Awam oleh Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (<i>National Annual Corporate Report Awards - NACRA</i>), PIDM ditampilkan dalam Edisi Khas NACRA oleh <i>The Star</i> yang diterbitkan pada Disember 2009. Rencana ini mengetengahkan komitmen dan usaha berterusan PIDM ke arah tadbir urus korporat yang baik.</p> <p>Dalam suku terakhir tahun 2009, terdapat liputan media mengenai insurans deposit dan PIDM susulan daripada pembentangan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2009 kepada Parlimen berkaitan dengan Rang Undang-Undang Insurans Penstabilan.</p>	<p>PIDM meneruskan usaha meningkatkan profilnya dalam media di seluruh Malaysia, dengan tujuan untuk mendidik orang awam dan menyampaikan mesej utama menerusi media sebagai saluran dan rakan komunikasi yang penting dan berkesan.</p>

MELANGKAH KE HADAPAN

Pada setengah tahun pertama 2010, PIDM akan terus merancang dan melaksanakan inisiatif kesedaran dan capaian awam. Pada masa yang sama, kami akan merangka dan merancang aktiviti perhubungan awam dan komunikasi bagi memastikan peralihan yang efektif daripada Jaminan Deposit Kerajaan.

Strategi dan rancangan komunikasi bagi peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan akan mengutamakan pelaksanaan kempen pengiklanan dan perhubungan awam yang intensif dan menyeluruh pada setengah tahun kedua 2010, dengan tumpuan kepada:

- mendidik orang awam mengenai manfaat dan kepentingan sistem insurans deposit dalam menggalakkan disiplin pasaran dan kestabilan sistem kewangan;
- memastikan kesedaran dan pemahaman awam mengenai ciri-ciri sistem insurans deposit, khususnya berkaitan dengan had dan skop perlindungan deposit; dan
- mengekalkan dan meningkatkan keyakinan awam terhadap kestabilan sistem kewangan.

Semasa tahun 2010, PIDM akan memantapkan infrastruktur dan operasi Pusat Panggilan, sebagai sebahagian daripada usaha berterusan kami untuk memastikan kesediaan dan kesinambungan komunikasi.

Pada setengah tahun pertama 2010, PIDM akan mengendalikan peringkat percubaan program pendidikan di sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi yang terpilih. Semasa peringkat percubaan, kami akan menilai keberkesanan program bagi mengkaji semula serta mempertingkatkan inisiatif dan instrumen program, sekiranya perlu. Program pendidikan ini akan dilancarkan dan dilaksanakan di seluruh negara pada setengah tahun kedua 2010.

PIDM akan mengutamakan usaha untuk meningkatkan kesedaran pendeposit bagi tahun-tahun yang akan datang dengan melaksanakan inisiatif kesedaran awam menerusi pendekatan jangka panjang yang berfokus, mempertingkatkan prestasi berdasarkan kejayaan inisiatif-inisiatif tahun-tahun sebelum ini dan mempertingkatkan rancangan tahunan kami berdasarkan keputusan penyelidikan.

INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Mandat berkanun kami adalah untuk:

- menadbir sistem insurans deposit;
- menyediakan insurans terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit;
- menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang mantap dalam sistem kewangan; dan
- menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan di Malaysia, dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

Sebagai penginsurans deposit nasional, mandat kami melibatkan penyediaan insurans kepada pendeposit, dan peningkatan kesedaran mengenai sistem insurans deposit di kalangan orang awam merupakan tanggungjawab kami dalam menggalakkan kestabilan sistem kewangan. Dalam melaksanakan fungsi kami, kami bergiat dalam pelbagai program pendidikan dan kesedaran di seluruh Malaysia, termasuk penerbitan dan pengiklanan mengenai insurans deposit dan peranan kami.

Mandat kami, jelasnya, sejajar dengan idea menghulur bantuan dan sokongan kepada komuniti, dan mempertingkatkan keadaan persekitaran operasi kami, dan bagi tujuan ini, Polisi Tanggungjawab Sosial Korporat kami dibangunkan sebagai sebahagian daripada komitmen PIDM untuk mengendalikannya dengan cara yang bertanggungjawab, mapan dan bermanfaat. Selain itu, kami juga sentiasa menggalakkan kakitangan kami untuk mengambil berat terhadap harapan masyarakat dan alam sekitar, dan kami berasa gembira bahawa kakitangan kami giat melibatkan diri dalam usaha sedemikian ini.

Polisi Tanggungjawab Sosial Korporat kami boleh didapati di laman web kami, iaitu www.pidm.gov.my, dan menggariskan tiga tema utama yang merupakan tumpuan aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat Perbadanan. Tema-tema ini ialah: penglibatan dalam komuniti, kesejahteraan kakitangan dan perlindungan alam sekitar.

AKTIVITI TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT PADA TAHUN 2009

Pada tahun 2009, PIDM terus berusaha merangka aktiviti dan program yang sejajar dengan tiga tema teras yang dikenal pasti dalam Polisi Tanggungjawab Sosial Korporat.

Penglibatan Dalam Komuniti

PIDM komited untuk menggalakkan pembabit kakitangan kami dalam komuniti sejajar dengan Polisi Tanggungjawab Sosial Korporat, termasuk dalam bidang pendidikan. Aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat dijalankan dengan penglibatan Pasukan Petugas Khas Tanggungjawab Sosial Korporat kami - kumpulan kakitangan yang terlibat secara sukarela - dan Bahagian Sumber Manusia serta kakitangan lain dalam organisasi kami.

Rumah Nur Salam. Sebagai sebahagian daripada capaian sosial PIDM kepada masyarakat, kami meneruskan sokongan kami kepada Pusat Jagaan Kanak-kanak Nur Salam (atau lebih dikenali sebagai Rumah Nur Salam) di kawasan Chow Kit di Kuala Lumpur. Berikutan undian daripada para kakitangan, Rumah Nur Salam dipilih sebagai benefisiari hasil kutipan daripada program lelongan yang diadakan pada tahun 2008. Wang yang disumbangkan oleh kakitangan, ditambah dengan amaun yang sama disumbangkan oleh Perbadanan sejajar dengan Polisi Tanggungjawab Sosial Korporat, berjumlah RM43,390. Hasil kutipan ini digunakan bagi tujuan berikut:

- Penajaan makan tengah hari**
Rumah Nur Salam, menerusi program penyediaan makanan, menyediakan makanan kepada kanak-kanak di bawah jagaannya setiap hari. Pada tahun 2009, kami menjadi penyumbang bagi bulan Mac dan April dengan membiayai bayaran kepada penyedia makanan yang membekalkan makanan pada setiap hari Ahad. Penajaan makan tengah hari selama dua bulan bagi kanak-kanak ini berjumlah RM2,700.
- Pembelian perabot bagi Pusat Belia baharu**
Dengan bantuan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta organisasi lain yang terlibat, Rumah Nur Salam baru-baru ini merintis satu projek Pusat Belia bagi memanfaatkan kanak-kanak Rumah Nur Salam yang lebih berusia, iaitu remaja berusia 13 tahun dan ke atas. Objektif bagi inisiatif khusus ini adalah, antara lain, untuk memperkasakan remaja menerusi program pengalaman serta untuk memberi motivasi dan memupuk minat dalam pendidikan dan set kemahiran vokasional seperti menjalankan perusahaan kecil. Kami membiayai pembelian perabot bagi pusat ini, bagi membolehkan permulaan operasinya, dengan kos sebanyak RM42,000.

Jamuan Hari Raya Aidilfitri. PIDM juga menganjurkan jamuan bagi kanak-kanak daripada Rumah Nur Salam di Restoran McDonalds pada 10 Oktober 2009 bersempena dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri. Kami menyewa bas untuk membawa 105 kanak-kanak ke cawangan Restoran McDonalds di Bandar Utama bagi acara ini. Kami menyediakan makan tengah hari dan menganjurkan pelbagai aktiviti hiburan untuk kanak-kanak ini. Duit raya juga diberikan kepada semua kanak-kanak yang hadir.

Pengumpulan Derma. Kakitangan juga melibatkan diri dalam acara "Talent Time" anjuran Bahagian Sumber Manusia, yang mengumpulkan lebih banyak wang derma bagi pelbagai pertubuhan amal. Kami berhasrat untuk meneruskan program kemasyarakatan kami pada masa hadapan.

Program Celik Kewangan. Sebagai sebahagian daripada usaha Tanggungjawab Sosial Korporat kami, kami menjalankan kaji selidik pada tahun 2009 untuk mempertimbangkan keperluan bagi melaksanakan program celik kewangan bagi segmen-segmen komuniti tertentu. Keputusan kaji selidik ini menunjukkan jurang perbezaan dalam akses kepada maklumat kewangan oleh komuniti

kurang berupaya meskipun terdapat pelbagai inisiatif yang diambil oleh organisasi bukan untung (*non-profit organisations*) dan entiti swasta lain.

Program Biasiswa PIDM bagi Penuntut Mahasiswa.

Laporan kami mengenai aktiviti Modal Insan di muka surat 76 juga menyediakan huraian tentang cadangan Program Biasiswa PIDM bagi Penuntut Mahasiswa yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada tahun 2009. Program ini disediakan untuk memanfaatkan rakyat Malaysia yang memerlukan bantuan kewangan dan mereka yang memenuhi kriteria kami untuk menerima biasiswa. Program ini akan dilancarkan pada tahun 2010.

Kesejahteraan Kakitangan

Bahagian Sumber Manusia, menerusi program "Minggu Modal Insan" dan pelbagai aktiviti berkaitan kakitangan yang lain, merupakan peneraju dalam memastikan kebajikan kakitangan kami terjaga. Laporan mengenai aktiviti Modal Insan yang dijalankan pada tahun 2009 dijelaskan di muka surat 76 Laporan Tahunan ini.

PIDM, secara khususnya, menyokong budaya kesihatan yang mana Perbadanan dan kakitangannya bersama-sama menyumbang tenaga dalam program dan aktiviti yang menyokong kesejahteraan kakitangan untuk jangka masa panjang. Kami bukan sahaja mematuhi keperluan berkanun berkenaan dengan kesihatan dan keselamatan, tetapi dengan kebimbangan awam terhadap pandemik H1N1 pada tahun 2009, langkah-langkah tambahan telah diambil untuk mengutamakan program kesihatan kakitangan. Kami mengambil langkah berjaga-jaga termasuk menyediakan topeng muka kepada kakitangan, menyediakan sabun tangan pembasmi kuman di serata pejabat dan pengimbasan suhu badan bagi semua kakitangan dan pelawat. Kami juga menganjurkan inisiatif penyediaan vaksin selesema untuk kakitangan.

Perlindungan Alam Sekitar

Berdasarkan saiz dan ciri-ciri urusannya, kesan terhadap alam sekitar daripada urusan Perbadanan adalah minimum. Bagaimanapun, kami komited terhadap amalan urusannya yang mantap bagi meminimumkan kesannya ke atas alam sekitar.

Penggunaan Kertas dan Tenaga Elektrik. Pada tahun 2009, Pasukan Petugas Khas Tanggungjawab Sosial Korporat mula mengukur penggunaan kertas dan tenaga elektrik, untuk mempertimbangkan cara mengamalkan penjimatan yang lebih baik dan menambah baik langkah-langkah pengurangan penggunaan tenaga. Kami mengukur penggunaan kertas dengan mengesan dan menimbang kertas yang dicarik dan dikutip sebelum dihantar untuk tujuan kitaran semula, dan penggunaan tenaga elektrik diukur menerusi pemantauan kos elektrik pada setiap bulan. Pasukan Petugas Khas mengenal pasti langkah-langkah penjimatan

tenaga elektrik tertentu yang dipaparkan di laman intranet PIDM bagi menggalakkan semua kakitangan mengurangkan penggunaan tenaga elektrik. Kami akan meneruskan usaha menambah baik metodologi penilaian kami dan memantau penggunaan kertas dan tenaga elektrik secara berterusan.

Individu Paling Mesra Alam Sekitar di Dunia.

Pada bulan Mac, kami mengundang Matthias Gelber, yang dipilih sebagai Individu Paling Mesra Alam Sekitar di Dunia (*'Greenest Person on the Planet'*) menerusi undian dalam talian pada tahun 2008, sebagai penceramah untuk berkongsi semangat dan kesungguhannya dalam memelihara alam sekitar. Antara lainnya, beliau berucap mengenai pelaburan hijau, menjelajah Kuala Lumpur tanpa menggunakan kereta dan menyarankan idea menarik kepada kakitangan mengenai amalan mesra alam sekitar (*"going green"*).

Pada masa hadapan, Pasukan Petugas Khas Tanggungjawab Sosial Korporat juga mempertimbangkan aktiviti yang sesuai untuk membina kesedaran yang lebih mendalam tentang alam sekitar di kalangan kakitangan, seperti inisiatif menanam pokok bakau yang akan dianjurkan dengan bantuan Jabatan Perhutanan Selangor dan peserta lain.

KESIMPULAN

Kami mengambil perhatian terhadap cadangan dalam Panduan yang diterbitkan oleh *International Federation of Accountants*,¹ bahawa pewujudan dan pengoptimuman nilai pemegang kepentingan yang mapan perlu menjadi objektif tadbir urus. Dalam konteks sektor awam, kami menyedari bahawa Panduan ini menggalakkan usaha untuk memenuhi hasrat pemegang kepentingan dengan meningkatkan nilai persekitaran yang mana institusi sektor awam beroperasi, atau dengan menghulur bantuan dan sokongan kepada komuniti.² Sesungguhnya ini merupakan falsafah Tanggungjawab Sosial Korporat PIDM yang sejajar dengan mandat kami.



¹ 'Menilai dan Mempertingkatkan Tadbir Urus dalam Organisasi', satu Panduan Amalan Baik Antarabangsa (Februari 2009) oleh *International Federation of Accountants*.

² Perenggan A.3, *ibid*.

Bahagian 8: Kalendar Peristiwa 2009



KALENDAR PERISTIWA 2009

JANUARI

TARIKH	LOKASI	PERISTIWA
13 Januari	PIDM, Kuala Lumpur	Mesyuarat Jawatankuasa Audit
20 Januari	PIDM, Kuala Lumpur	Taklimat mengenai Pengurusan Deposit dan Kecairan di <i>Islamic Banking and Finance Institute of Malaysia (IBFIM)</i>
20 - 21 Januari	PIDM, Kuala Lumpur	Lawatan <i>Deposit Protection Agency of Thailand</i>
22 Januari	PIDM, Kuala Lumpur	Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus
22 - 25 Januari	Pusat Pameran Mid Valley, Kuala Lumpur	Pameran di Pesta Pembangunan Ekonomi Islam
29 Januari	PIDM, Kuala Lumpur	Lawatan <i>Bhutan Central Bank</i>

FEBRUARI

TARIKH	LOKASI	PERISTIWA
5 Februari	PIDM, Kuala Lumpur	Mesyuarat Jawatankuasa Audit
8 - 11 Februari	Kuala Lumpur	Pembentangan Panel oleh PIDM di Forum Gabenor Bank Pusat bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Bank Negara Malaysia (BNM)
10 - 12 Februari	Basel, Switzerland	Mesyuarat Majlis Eksekutif Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (<i>International Association of Deposit Insurers - IADI</i>)
18 Februari	Kuala Lumpur	Taklimat Insurans Deposit kepada penuntut Universiti Teknologi MARA (UITM) Kampus Jengka
19 Februari	PIDM, Kuala Lumpur	Mesyuarat Lembaga Pengarah
24 Februari	Kuala Lumpur	Dialog bersama Pegawai Perhubungan Institusi Anggota
25 Februari	Bangi, Selangor	Taklimat Insurans Deposit di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM)
25 - 26 Februari	Tokyo, Jepun	Menyertai Perbincangan Meja Bulat <i>Deposit Insurance Corporation of Japan (DICJ) Ke-4</i>
27 Februari	Kuantan, Pahang	Taklimat Insurans Deposit kepada Institusi Anggota dan Institusi Kewangan Lain yang Dijamin
28 Februari - 1 Mac	Kuantan, Pahang	Pameran dan Taklimat Insurans Deposit di Ekspo <i>Save and Invest 2009</i>

MAC

TARIKH	LOKASI	PERISTIWA
2 Mac	Putrajaya	Pameran di Hari Bersama Belia anjuran Kementerian Belia dan Sukan
4 Mac	Paris, Negara Perancis	Menyertai Forum Perkhidmatan Kewangan Islam Ke-3: Cabaran Eropah anjuran Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (<i>Islamic Financial Services Board - IFSB</i>) dan Institut Kestabilan Kewangan (<i>Financial Stability Institute - FSI</i>)
5 Mac	Kuala Lumpur	Taklimat Insurans Deposit kepada Institusi Anggota dan Institusi Kewangan Lain yang Dijamin
10 Mac	PIDM, Kuala Lumpur	Ceramah Alam Sekitar oleh Matthias Gelber, Penerima Anugerah <i>Greenest Person on the Planet 2008</i>
10 Mac	Alor Setar, Kedah	Taklimat Insurans Deposit kepada Institusi Anggota dan Institusi Kewangan Lain yang Dijamin
11 Mac	Georgetown, Penang	Taklimat Insurans Deposit kepada Institusi Anggota dan Institusi Kewangan Lain yang Dijamin
13 Mac	Bangkok, Thailand	Sesi Perkongsian Pengetahuan dengan <i>Deposit Protection Agency of Thailand</i>
16 - 18 Mac	Kuala Lumpur	Menganjurkan Seminar Rangka Kerja Kawalan Dalaman COSO dan Pengurusan Risiko Organisasi
17 Mac	Kota Kinabalu, Sabah	Taklimat Insurans Deposit di Jerayawara Pendidikan Kewangan Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia (<i>Financial Planning Association of Malaysia - FPAM</i>) 2009
18 Mac	Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu	Taklimat Insurans Deposit kepada penuntut UMS
18 Mac	Kuala Lumpur	Taklimat mengenai Tanggungjawab Lembaga Pengarah bagi Kawalan Dalaman dan Pengurusan Risiko Organisasi
22 Mac	Petaling Jaya, Selangor	Pameran di Pelancaran 'Satu Suara, Satu Persatuan, Satu Komuniti' anjuran Kementerian Belia dan Sukan
27 Mac	Bintulu, Sarawak	Taklimat Insurans Deposit kepada Institusi Anggota dan Institusi Kewangan Lain yang Dijamin
28 - 29 Mac	Kuching, Sarawak	Pameran dan Taklimat Insurans Deposit di Ekspo <i>Save and Invest 2009</i>
30 Mac	Kuching, Sarawak	Taklimat Insurans Deposit kepada Institusi Anggota dan Institusi Kewangan Lain yang Dijamin
31 Mac	Universiti Malaya (UM), Petaling Jaya	Taklimat Insurans Deposit di Hari Kerjaya Perbankan dan Kewangan anjuran Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM)



KALENDAR PERISTIWA 2009

APRIL


TARIKH	LOKASI	PERISTIWA
1 April	Kuala Lumpur	Taklimat kepada Institusi Anggota dan Institusi Kewangan Lain yang Dijamin mengenai Garis Panduan Jaminan Deposit Kerajaan, pindaan kepada Garis Panduan Sistem Premium Berbeza dan Kaji Selidik Profil Deposit
1 April	Kuala Lumpur	Taklimat Insurans Deposit kepada Pelatih Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia
2 April	Kuala Lumpur	Taklimat Insurans Deposit kepada Institusi Anggota dan Institusi Kewangan Lain yang Dijamin
4 - 6 April	Brunei Darussalam	Mesyuarat dengan Kementerian Kewangan Brunei
7 April	Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR), Kelana Jaya, Selangor	Taklimat Insurans Deposit di Hari Kerjaya Perbankan dan Kewangan anjuran IBBM
10 April	PIDM, Kuala Lumpur	Rancangan Kesenambungan Urusan – Bengkel Kerja Pembangunan
10 April	Universiti Monash, Sunway, Selangor	Taklimat Insurans Deposit kepada ahli-ahli Kelab Perbankan dan Kewangan, Universiti Monash
14 - 15 April	London, United Kingdom (UK)	Mesyuarat dengan <i>Financial Services Compensation Scheme (FSCS)</i>
16 April	Kangar, Perlis	Taklimat Insurans Deposit kepada Institusi Anggota dan Institusi Kewangan Lain yang Dijamin
16 - 17 April	Warwick, UK	Penyampaian oleh PIDM di Simposium Pengurusan Krisis Kewangan dan Resolusi Bank
17 - 26 April	Johor Bahru, Johor	Minggu Saham Amanah Malaysia
20 April	Universiti Putra Malaysia (UPM), Selangor	Taklimat mengenai Pengurusan Perubahan oleh PIDM kepada penuntut Pusat Pengajian Pengurusan Pascasiswazah
21 - 23 April	Pusat Latihan <i>Federal Deposit Insurance Corporation (FDIC)</i> , Arlington, USA	Seminar IADI mengenai Pengurusan Tuntutan: Pembayaran Balik Deposit kepada Pendeposit yang Diinsuranskan
24 - 25 April	Phuket, Thailand	Mesyuarat dengan Lembaga Pengarah <i>Deposit Protection Agency of Thailand</i>
27 April	Kuala Lumpur	Taklimat Insurans Deposit kepada ahli-ahli Kelab Rotary Lembah Pantai
28 April	Kuala Lumpur	Taklimat kepada Institusi Anggota mengenai Garis Panduan Program Pengesahan: Sistem Premium Berbeza, Jumlah Deposit yang Diinsuranskan dan Jumlah Deposit
29 April	Kuala Terengganu, Terengganu	Taklimat Insurans Deposit kepada Institusi Anggota dan Institusi Kewangan Lain yang Dijamin
30 April	Kuala Lumpur	Sesi Perkongsian Pengetahuan serta Forum Perhubungan dan Perkongsian Maklumat bersama ahli-ahli Praktik Sumber Manusia
30 April	PIDM, Kuala Lumpur	Mesyuarat Lembaga Pengarah

MEI

TARIKH	LOKASI	PERISTIWA
6 - 7 Mei	Kuala Lumpur	Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (<i>Malaysian International Halal Showcase – MIHAS</i>)
10 - 13 Mei	Johannesburg, Afrika Selatan	Persidangan Antarabangsa Institut Juruaudit Dalamam
12 Mei	Kuala Lumpur	Minggu Kesedaran Insurans Deposit – Taklimat Insurans Deposit kepada Pihak Media
14 Mei	Kuala Lumpur	Minggu Kesedaran Insurans Deposit – Taklimat Insurans Deposit kepada Pegawai-pegawai Bank Pelaburan
19 Mei	PIDM, Kuala Lumpur	Mesyuarat Jawatankuasa Audit
21 Mei	Kuala Lumpur	Pelancaran Laporan Tahunan PIDM 2008
		Dialog Tahunan bersama Institusi Anggota dan Institusi Kewangan Lain yang Dijamin
		Sidang Media
22 Mei	PIDM, Kuala Lumpur	Rancangan Kesenambungan Urusan – Bengkel Kerja Ujian dan Latihan
26 Mei	Johor Bahru, Johor	Taklimat Insurans Deposit kepada Institusi Anggota dan Institusi Kewangan Lain yang Dijamin
27 Mei	PIDM, Kuala Lumpur	Rancangan Kesenambungan Urusan – Latihan Senario
27 - 29 Mei	Almaty, Kazakhstan	Mesyuarat dan Persidangan Jawatankuasa Serantau Asia IADI Ke-7

JUN

TARIKH	LOKASI	PERISTIWA
3 Jun	PIDM, Kuala Lumpur	Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus
10 Jun	PIDM, Kuala Lumpur	Sesi Lembaga Pengarah – Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank
11 - 12 Jun	PIDM, Kuala Lumpur	Lawatan Sambil Belajar oleh Kementerian Kewangan Brunei dan <i>Deposit Protection Agency of Thailand</i>
15 - 19 Jun	Kuala Lumpur	Kursus Bersama Pusat Penyelidikan dan Latihan <i>Southeast Asian Central Banks (SEACEN)</i> dan PIDM mengenai Peranan Insurans Deposit sebagai Komponen Penting Jaringan Keselamatan
22 - 26 Jun	PIDM, Kuala Lumpur	Minggu Inisiatif Modal Insan bagi kakitangan PIDM
23 Jun	PIDM, Kuala Lumpur	Mesyuarat Lembaga Pengarah
25 - 26 Jun	PIDM, Kuala Lumpur	Lawatan Sambil Belajar oleh <i>Bank of Thailand</i>
30 Jun	Kuala Lumpur	Rang Undang-Undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) dibentangkan di Parlimen
30 Jun	Kuching, Sarawak	Taklimat Insurans Deposit kepada Pihak Media



KALENDAR PERISTIWA 2009

JULAI

TARIKH	LOKASI	PERISTIWA
1 Julai	London, UK	Penyampaian oleh PIDM di Persidangan Rangka Kerja Kestabilan Kewangan Berbangkit di <i>Islamic Development Bank (IDB)</i> dan <i>IFSB</i>
1 Julai	Kuching, Sarawak	Sesi Lembaga Pengarah – Perancangan Kesenambungan Urusan
1 - 2 Julai	Kuching, Sarawak	Program Capaian Korporat PIDM oleh Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif
8 - 9 Julai	Petaling Jaya, Selangor	Penyampaian oleh PIDM di Kongres Kesenambungan Sedunia
9 Julai	Kuala Lumpur	Taklimat Insurans Deposit kepada Institusi Anggota dan Institusi Kewangan Lain yang Dijamin
11 Julai	Putrajaya	Hari Keluarga PIDM
16 - 19 Julai	Ipoh, Perak	Pameran di Hari Koperasi Negara
17 Julai	Seremban, Negeri Sembilan	Taklimat Insurans Deposit kepada Institusi Anggota dan Institusi Kewangan Lain yang Dijamin
21 - 23 Julai	Basel, Switzerland	Mesyuarat Majlis Eksekutif IADI Ke-27
23 - 26 Julai	Kuantan, Pahang	Pameran di Karnival Hari Pengguna
24 Julai	PIDM, Kuala Lumpur	Mesyuarat Jawatankuasa Audit
27 - 28 Julai	Bangkok, Thailand	Penyampaian oleh PIDM di Dialog Awam - Swasta Ke-5 bagi Rantau Asia Pasifik anjuran SEACEN, <i>APEC Business Advisory Council (ABAC)</i> , <i>Asian Bankers Association (ABA)</i> dan <i>Pacific Economic Cooperation Council (PECC)</i>
28 Julai	Kota Bharu, Kelantan	Taklimat Insurans Deposit kepada Institusi Anggota dan Institusi Kewangan Lain yang Dijamin

OGOS

TARIKH	LOKASI	PERISTIWA
3 - 7 Ogos	PIDM, Kuala Lumpur	Lawatan Sambil Belajar oleh <i>Nigeria Deposit Insurance Corporation</i>
4 - 5 Ogos	Shah Alam, Selangor	Pameran di Seminar Kebangsaan Persatuan Pengguna dan Ekonomi Keluarga Malaysia (<i>Malaysian Consumer and Family Economics Association - MACFEA</i>)
6 Ogos	Tawau, Sabah	Taklimat Insurans Deposit kepada Institusi Anggota dan Institusi Kewangan Lain yang Dijamin
7 Ogos	Kota Kinabalu, Sabah	Taklimat Insurans Deposit kepada Institusi Anggota dan Institusi Kewangan Lain yang Dijamin
7 Ogos	Kota Kinabalu, Sabah	Taklimat Insurans Deposit kepada Pihak Media
10 Ogos	Kuala Lumpur	Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran
20 Ogos	PIDM, Kuala Lumpur	Taklimat Insurans Deposit kepada pelajar UiTM Kampus Jengka
20 Ogos	Kuala Lumpur	Pameran di Persidangan Korporat Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (<i>Association of Islamic Banking Institutions Malaysia - AIBIM</i>)
24 - 25 Ogos	PIDM, Kuala Lumpur	Rancangan Kesenambungan Urusan – Bengkel Kerja Pembangunan Pelan dan Strategi Pemulihan bagi Penyakit Berjangkit dan Jerebu
27 - 28 Ogos	Hanoi, Vietnam	Bengkel Kerja Bersama <i>National Financial Supervisory Commission of Vietnam</i> dan PIDM mengenai Kestabilan Kewangan Global: Peranan Peserta Jaringan Keselamatan Mesyuarat dengan Naib Perdana Menteri Pertama dan Jawatankuasa Ekonomi Vietnam

SEPTEMBER

TARIKH	LOKASI	PERISTIWA
11 September	Kuala Lumpur	Taklimat Insurans Deposit di Siri Taklimat Petang BNM
21 September	Basel, Switzerland	Mesyuarat Agung dan Persidangan Tahunan IADI Ke-8
24 - 26 September	Kuala Lumpur	Penyampaian oleh PIDM di SEACEN - <i>BNM Banking and Financial Law School 2009</i>



KALENDAR PERISTIWA 2009

OKTOBER

TARIKH	LOKASI	PERISTIWA
7 Oktober	PIDM, Kuala Lumpur	Rancangan Kesenambungan Urusan – Latihan Senario
8 Oktober	PIDM, Kuala Lumpur	Sesi Lembaga Pengarah – Perancangan Strategik
10 Oktober	Petaling Jaya, Selangor	Majlis Jamuan Hari Raya bagi kanak-kanak Rumah Nur Salam
13 Oktober	PIDM, Kuala Lumpur	Mesyuarat Lembaga Pengarah
13 - 16 Oktober	Toronto, Kanada	Program Pusat Toronto mengenai Kesediaan untuk Krisis dalam Pasaran Bersepadu
18 Oktober	UITM, Kuala Terengganu, Terengganu	Taklimat Insurans Deposit kepada pelajar dan kakitangan akademik UITM Kampus Kuala Terengganu
18 Oktober	Universiti Darul Iman Malaysia (UDM), Kuala Terengganu, Terengganu	Taklimat Insurans Deposit kepada pelajar dan kakitangan akademik UDM
19 Oktober	Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Kuala Terengganu, Terengganu	Taklimat Insurans Deposit kepada pelajar dan kakitangan akademik UMT
19 Oktober	Kolej Jururawat Terengganu, Kuala Terengganu, Terengganu	Taklimat Insurans Deposit kepada pelajar dan kakitangan akademik Kolej Jururawat Terengganu
20 Oktober	Kuala Terengganu, Terengganu	Taklimat Insurans Deposit kepada pegawai polis Ibu Pejabat Kontingen Terengganu
20 Oktober	Kem Regimen Askar Melayu DiRaja, Kuala Terengganu, Terengganu	Taklimat Insurans Deposit kepada Regimen Askar Melayu DiRaja, Kem Kuala Terengganu
21 Oktober	Kuala Lumpur	Lawatan Sambil Belajar oleh <i>Central Bank of Egypt</i>
22 - 24 Oktober	Kuala Terengganu, Terengganu	Pameran Minggu Kesedaran Kewangan (M2K)
29 Oktober	PIDM, Kuala Lumpur	Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus
30 Oktober	PIDM, Kuala Lumpur	Program Induksi bagi kakitangan baharu PIDM
30 Oktober	Kuala Lumpur	Inisiatif Modal Insan bagi kakitangan PIDM – Sesi Bakat

NOVEMBER

TARIKH	LOKASI	PERISTIWA
2 - 4 November	Kuala Lumpur	Menganjurkan Seminar IADI mengenai Pengurusan Tuntutan: Pembayaran Balik Deposit kepada Pendeposit yang Diinsuranskan
5 November	Kuala Lumpur	Lawatan Sambil Belajar oleh <i>Central Bank of Uganda</i>
5 - 6 November	Kuala Lumpur	Menganjurkan Seminar mengenai Insurans Deposit Islam: Memahami Asas-asas Perbankan Islam dan Insurans Deposit
9 - 10 November	Kuala Lumpur	Pameran di Persidangan Perancangan dan Pengurusan Kewangan Islam
9 - 11 November	PIDM, Kuala Lumpur	Lawatan Sambil Belajar oleh wakil-wakil dari <i>Bank of Zambia, Central Bank Of Afghanistan, Deposit Insurance Board of Tanzania, Federal Deposit Insurance Corporation, Lembaga Penjamin Simpanan Indonesia dan Kementerian Kewangan Brunei</i>
13 November	Kuala Lumpur	Mesyuarat Bersama Tiga Pihak antara Lembaga Pengarah Lembaga Penjamin Simpanan Indonesia, <i>Deposit Protection Agency of Thailand</i> dan PIDM
14 November	Kuala Lumpur	Majlis Makan Malam Tahunan PIDM
17 November	Kuala Lumpur	Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran
18 - 20 November	Amman, Jordan	Penyampaian oleh PIDM di Persidangan Serantau Bersama IADI - <i>Jordan Deposit Insurance Corporation (JODIC)</i> dan <i>Financial Services Volunteer Corps (FSVC)</i> : Insurans Deposit di Rantau MENA – Meningkatkan Keyakinan
23 November	Kuala Lumpur	Syarahannya oleh PIDM di Sesi Syarahan Awam IFSB mengenai Polisi dan Kestabilan Kewangan
24 November	Kuala Lumpur	Taklimat Insurans Deposit kepada Institusi Anggota dan Institusi Kewangan Lain yang Dijamin
25 November	Kuala Lumpur	Penyampaian oleh PIDM di Seminar Lanjutan Perbankan Pusat Ke-2: Insurans Deposit dan Aspek-Aspek Jaringan Keselamatan Kewangan yang Berkaitan
26 November	PIDM, Kuala Lumpur	Mesyuarat Jawatankuasa Audit

Disember

TARIKH	LOKASI	PERISTIWA
1 Disember	Kuala Lumpur	PIDM menerima Anugerah 'Laporan Tahunan Terbaik bagi Organisasi Bukan Senaraian Awam' di Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (<i>National Annual Corporate Report Awards - NACRA</i>)
3 Disember	PIDM, Kuala Lumpur	Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah
7 Disember	PIDM, Kuala Lumpur	Mesyuarat Lembaga Pengarah
9 Disember	Kuala Lumpur	Rang Undang-Undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) diluluskan di Parlimen
9 - 12 Disember	Kota Kinabalu, Sabah	Penyampaian oleh PIDM di Seminar Peringkat Tinggi BNM - <i>Bank of International Settlements (BIS)</i>



Lampiran



LAMPIRAN

PIAGAM JAWATANKUASA TADBIR URUS

A. MANDAT

Menurut Seksyen 7 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau sesuai bagi pelaksanaan fungsi-fungsinya. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa adalah perlu suatu jawatankuasa tadbir urus ditubuhkan.

B. OBJEKTIF

Jawatankuasa Tadbir Urus (Jawatankuasa) Lembaga Pengarah PIDM bertanggungjawab untuk mengarahkan pelaksanaan prinsip tadbir urus yang utuh dalam PIDM. Oleh yang demikian, objektif utama Jawatankuasa adalah untuk membantu Lembaga Pengarah mengawasi: pembangunan prinsip dan amalan tadbir urus yang berkesan; penilaian fungsi Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Pengurusan; pencalonan individu yang berkelayakan untuk menjadi Pengarah selaras dengan kriteria yang diluluskan oleh PIDM; dan perancangan pengurusan penggantian.

C. PRINSIP OPERASI

1. Fungsi dan Komposisi

- Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada tiga ahli Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.
- Setiap ahli Jawatankuasa mestilah bebas daripada pihak Pengurusan.
- Jawatankuasa hendaklah melaksanakan fungsi yang ditugaskan atau diwakilkan kepadanya oleh Lembaga Pengarah dan aktiviti sampingan yang konsisten dengan Piagam ini sebagaimana yang disifatkan oleh jawatankuasa atau Lembaga Pengarah sebagai perlu atau sesuai.

2. Pengerusi

Pengerusi merupakan Pengarah bukan *ex-officio* yang dilantik oleh Pengerusi Lembaga Pengarah.

3. Kuorum

Kehadiran dua orang ahli membentuk kuorum bagi sesuatu mesyuarat Jawatankuasa.

4. Pengundian

Sesuatu perkara yang dibentangkan untuk pengundian di sesuatu mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diputuskan mengikut bilangan undi majoriti dan sekiranya bilangan undi yang sama banyak diperolehi, Pengerusi Jawatankuasa mempunyai undi kedua.

5. Prosedur and Pengelolaan Mesyuarat

Tertakluk kepada sebarang resolusi daripada Lembaga Pengarah berkenaan sesuatu perkara, Pengerusi hendaklah menentukan prosedur dan pengelolaan mesyuarat Jawatankuasa.

6. Setiausaha dan Minit

Setiausaha Perbadanan hendaklah menjadi setiausaha Jawatankuasa. Salinan minit prosiding Jawatankuasa hendaklah dihantar oleh Setiausaha Perbadanan kepada semua ahli Lembaga Pengarah apabila ianya telah diluluskan oleh Jawatankuasa.

7. Ke kerap an dan Panggilan Mesyuarat

Jawatankuasa akan bermesyuarat mengikut budi bicara Pengerusi Jawatankuasa, tetapi kekerapannya mestilah tidak kurang daripada empat kali setahun.

8. Notis Mesyuarat

Tempoh notis wajar untuk memanggil mesyuarat Jawatankuasa adalah sekurang-kurangnya 14 hari atau notis yang lebih singkat sebagaimana yang dipersetujui oleh Jawatankuasa.

9. Agenda Mesyuarat

Agenda bertulis bagi setiap mesyuarat Jawatankuasa serta bahan berkaitan, jika ada, akan diedarkan kepada ahli Jawatankuasa sekurang-kurangnya lima hari sebelum tarikh mesyuarat.

10. Kehadiran Tambahan

Mana-mana pihak yang mempunyai maklumat yang akan memanfaatkan Jawatankuasa dalam menjalankan tugasnya boleh dijemput oleh Pengerusi untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Jawatankuasa.

11. Terma Pelantikan / Penggiliran Ahli Jawatankuasa

Ahli Jawatankuasa hendaklah diganti mengikut kesesuaian dan secara tetap. Penggantian itu hendaklah dibuat secara bergilir-gilir untuk memastikan bahawa keseluruhan ahli Jawatankuasa tidak diganti dalam satu masa.

12. Pelaporan

Jika perlu, Jawatankuasa akan membuat laporan bertulis atau lisan mengenai setiap mesyuarat Jawatankuasa pada mesyuarat tetap Lembaga Pengarah yang berikutnya atau sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga Pengarah.

13. Kajian Semula Piagam

Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula dan menilai kecukupan Piagam ini sekurang-kurangnya sekali setahun. Sekiranya Jawatankuasa berpendapat bahawa pindaan perlu dibuat, Jawatankuasa hendaklah mengesyorkan pindaan bagi kelulusan Lembaga Pengarah.

14. Penilaian Kendiri

Penilaian Jawatankuasa hendaklah dilakukan secara tetap yang mana Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula prestasinya, antara lain bagi menilai sama ada Jawatankuasa telah memenuhi tanggungjawab dan tugas yang disebutkan dalam Piagam ini.

15. Pendedahan

Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa Piagam ini dan isi kandungannya didedahkan kepada umum.

16. Penasihat Bebas atau Penasihat Lain

Jawatankuasa mempunyai kuasa memperoleh khidmat penasihat luaran, termasuk tetapi tidak terhad kepada penasihat, perunding bebas dan/atau pakar lain yang diperlukan bagi mengkaji semula hal di bawah tanggungjawabnya, mengikut ketetapan atau dasar Lembaga Pengarah yang relevan.

D. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UTAMA

1. Pengawasan Tadbir Urus Korporat

- Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula pendekatan PIDM terhadap isu tadbir urus pada setiap tahun dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah berhubung dengan kajian semula garis panduan tadbir urus PIDM. Jawatankuasa hendaklah membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai dasar berkenaan tempoh perkhidmatan, persaraan dan penggantian pengarah.

- Memastikan terdapat sistem yang membolehkan Jawatankuasa Lembaga Pengarah atau ahli Lembaga Pengarah mendapatkan khidmat penasihat bebas atau penasihat lain yang berasingan dalam keadaan yang sesuai, yang mana perbelanjaannya ditanggung oleh PIDM dan bertanggungjawab bagi pentadbiran berterusan sistem tersebut.

- Mengkaji semula mandat PIDM sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 secara berkala dan membuat sebarang cadangan yang wajar kepada Lembaga Pengarah.

- Mengikuti perkembangan mutakhir mengenai tadbir urus korporat untuk memastikan amalan urus tadbir PIDM adalah selaras dengan amalan terbaik.

- Melaksanakan inisiatif tadbir urus lain yang perlu atau dikehendaki bagi memastikan bahawa terdapat proses, struktur dan maklumat yang sesuai dan perlu bagi pengarah dan pengawasan yang berkesan supaya dapat menyumbang kepada tadbir urus dan pengurusan utuh PIDM.

2. Penilaian Operasi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

- Menilai keperluan Lembaga Pengarah dari segi kekerapan dan lokasi mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa, agenda mesyuarat, dokumen dan maklumat, dan perjalanan mesyuarat serta membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah jika perlu, melalui rundingan dengan Ketua Pegawai Eksekutif.

- Membangunkan, mengesyorkan dan mengkaji semula mandat dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Pengerusi Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif, ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah pada setiap tahun untuk kelulusan Lembaga Pengarah.

LAMPIRAN

PIAGAM JAWATANKUASA TADBIR URUS

(c) Membangunkan suatu proses untuk membantu Lembaga Pengarah menentukan sama ada Lembaga Pengarah berpuas hati dengan cara, kekerapan dan ketepatan masa terhadap isu penting yang dibawa kepada perhatiannya serta kesesuaian maklumat tersebut.

(d) Mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah suatu kaedah untuk menilai secara tetap keberkesanan Lembaga Pengarah dan setiap ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan melaksanakannya pada setiap tahun serta mengesyorkan sebarang perubahan wajar yang berbangkit.

3. Pencalonan Lembaga Pengarah

(a) Membangunkan, mengesyorkan dan membuat semakan pada setiap tahun kedua-dua profil Lembaga Pengarah dan profil ahli Lembaga Pengarah mengenai kelayakan, kemahiran dan ciri-ciri seseorang pengarah bagi memenuhi tanggungjawab dengan berkesan dengan mengambil kira kekuatan, kemahiran dan pengalaman semasa Lembaga Pengarah, terma, tarikh persaraan dan hala tuju strategik PIDM.

(b) Mengenal pasti senarai calon Lembaga Pengarah yang berpotensi yang menepati profil dan mengemaskinikan senarai tersebut secara tetap.

(c) Mempertimbangkan profil terkini yang disyorkan dan mengemaskinikannya jika perlu apabila terdapat kekosongan dalam Lembaga Pengarah serta menyediakan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah senarai calon untuk mengisi kekosongan tersebut untuk membolehkan Lembaga Pengarah membuat cadangan kepada Menteri.

(d) Membangunkan dan melaksanakan suatu strategi untuk mengemukakan profil dan calon berpotensi kepada Menteri.

(e) Mengkaji semula secara berkala program ganjaran ahli Lembaga Pengarah dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah.

(f) Mengkaji semula, memantau dan membuat cadangan mengenai orientasi, latihan dan pembangunan berterusan ahli Lembaga Pengarah.

4. Perancangan Penggantian

Mengkaji semula rancangan penggantian Pengurusan bagi Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai korporat lain yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah serta membuat cadangan mengenainya kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan, jika ada.

5. Pelaporan dan Pendedahan

Mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah untuk mengemukakan mana-mana laporan tentang tadbir urus yang perlu atau dianggap wajar didedahkan secara umum.

LAMPIRAN

PIAGAM JAWATANKUASA GANJARAN

A. MANDAT

Menurut Seksyen 7 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) boleh menubuhkan sebarang jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau sesuai bagi pelaksanaan fungsi-fungsinya. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa adalah perlu suatu jawatankuasa ganjaran ditubuhkan.

B. OBJEKTIF

Objektif Jawatankuasa Ganjaran (Jawatankuasa) Lembaga Pengarah PIDM adalah untuk memastikan bahawa PIDM mempunyai dasar sumber manusia yang adil dan saksama dalam menetapkan profil bagi pelantikan dan pengekalan kakitangan yang mempunyai kepakaran dan kelayakan yang sesuai. Oleh yang demikian, objektif utama Jawatankuasa adalah untuk membantu Lembaga Pengarah mengawasi: sumber manusia dan perihal ganjaran; perancangan pengurusan penggantian secara amnya; kajian semula dan kelulusan objektif tahunan bagi Ketua Pegawai Eksekutif dan pelaksanaan penilaian tahunan; serta dasar dan proses berhubung amalan urusan dan etika kelakuan kakitangan.

C. PRINSIP OPERASI

1. Fungsi dan Komposisi

(a) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada tiga ahli Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.

(b) Setiap ahli Jawatankuasa mestilah bebas daripada pihak Pengurusan.

(c) Jawatankuasa hendaklah melaksanakan fungsi yang ditugaskan atau diwakilkan kepadanya oleh Lembaga Pengarah dan aktiviti sampingan yang konsisten dengan Piagam ini sebagaimana yang disifatkan oleh Jawatankuasa atau Lembaga Pengarah sebagai perlu atau sesuai.

2. Pengerusi

Pengerusi merupakan Pengarah bukan *ex-officio* yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.

3. Kuorum

Kehadiran dua orang ahli membentuk kuorum bagi sesuatu mesyuarat Jawatankuasa.

4. Pengundian

Sesuatu perkara yang dibentangkan untuk pengundian pada sesuatu mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diputuskan mengikut bilangan undi majoriti dan sekiranya bilangan undi yang sama banyak diperolehi, Pengerusi Jawatankuasa mempunyai undi kedua.

5. Prosedur dan Pengelolaan Mesyuarat

Tertakluk kepada sebarang resolusi daripada Lembaga Pengarah berkenaan sesuatu perkara, Pengerusi hendaklah menentukan prosedur dan pengelolaan mesyuarat Jawatankuasa.

6. Setiausaha dan Minit

Setiausaha Perbadanan hendaklah menjadi setiausaha Jawatankuasa. Salinan minit hendaklah dihantar oleh Setiausaha Perbadanan kepada semua ahli Lembaga Pengarah apabila diluluskan oleh Jawatankuasa.

7. Kekerapan dan Panggilan Mesyuarat

Jawatankuasa akan bermesyuarat mengikut budi bicara Pengerusi Jawatankuasa tetapi kekerapannya mestilah tidak kurang daripada empat kali setahun.

8. Notis Mesyuarat

Tempoh notis wajar untuk memanggil mesyuarat Jawatankuasa ialah sekurang-kurangnya 14 hari atau notis yang lebih singkat sebagaimana yang dipersetujui oleh Jawatankuasa.

9. Agenda Mesyuarat

Agenda bertulis bagi setiap mesyuarat Jawatankuasa berserta bahan berkaitan, jika ada, akan diedarkan kepada ahli Jawatankuasa sekurang-kurangnya lima hari sebelum tarikh mesyuarat.

10. Kehadiran Tambahan

Mana-mana pihak yang mempunyai maklumat yang akan memanfaatkan Jawatankuasa dalam menjalankan tugasnya boleh dijemput oleh Pengerusi untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Jawatankuasa.

11. Terma Pelantikan / Penggiliran Ahli Jawatankuasa

Ahli Jawatankuasa hendaklah diganti mengikut kesesuaian dan secara tetap. Penggantian itu hendaklah dibuat secara bergilir-gilir untuk memastikan bahawa keseluruhan ahli Jawatankuasa tidak diganti dalam satu masa.

12. Pelaporan

Jika perlu, Jawatankuasa akan membuat laporan bertulis atau lisan mengenai setiap mesyuarat Jawatankuasa pada mesyuarat tetap Lembaga Pengarah yang berikutnya atau sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga Pengarah.

LAMPIRAN

PIAGAM JAWATANKUASA GANJARAN

13. Kajian Semula Piagam

Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula dan menilai kecukupan Piagam ini pada setiap tahun. Sekiranya Jawatankuasa berpendapat bahawa pindaan perlu dibuat, Jawatankuasa hendaklah mengesyorkan pindaan itu kepada Lembaga Pengarah bagi kelulusan.

14. Penilaian Sendiri

Penilaian Jawatankuasa hendaklah dilakukan secara tetap yang mana Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula prestasinya, antara lain bagi menilai sama ada Jawatankuasa telah memenuhi tanggungjawab dan tugas yang disebutkan dalam Piagam ini.

15. Pendedahan

Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa Piagam ini dan isi kandungannya didedahkan secara umum.

16. Penasihat Bebas atau Penasihat Lain

Jawatankuasa mempunyai kuasa untuk mendapatkan khidmat penasihat luar, termasuk tetapi tidak terhad kepada penasihat, perunding bebas dan/atau pakar lain yang diperlukan bagi mengkaji semula hal di bawah tanggungjawabnya mengikut ketetapan atau dasar Lembaga Pengarah yang relevan.

D. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UTAMA

1. Dasar dan Strategi

- Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula dasar dan strategi utama sumber manusia dan mencadangkan sebarang perubahan yang perlu.
- Jawatankuasa hendaklah mengkaji falsafah ganjaran PIDM dan dasar yang berkaitan serta membuat saranan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan jika ada.
- Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa PIDM mempunyai dasar dan prosedur yang berterusan, bersesuaian dan berkesan mengenai amalan urusan dan etika kelakuan kakitangan serta hendaklah mengkaji semula dasar dan kod serta membuat syor kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan, jika ada.

2. Pematuhan dan Laporan

Jawatankuasa hendaklah mengkaji laporan mengenai:

- pematuhan terhadap keperluan perundangan dan dasar utama korporat berhubung hal sumber manusia pada setiap tahun; dan

- pematuhan terhadap polisi berkenaan amalan urusan dan etika kelakuan kakitangan pada setiap tahun atau sebaik sahaja keadaan memerlukan. Jika perlu, Jawatankuasa hendaklah membuat permohonan kepada pihak Pengurusan untuk mengemukakan laporan kepada Jawatankuasa Audit sekiranya berlaku ketidakpatuhan atau telah timbul perkara yang memerlukan pengumuman laporan.

3. Hal yang dirujuk oleh Ketua Pegawai Eksekutif

Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula sebarang perkara berhubung sumber manusia dan perihal ganjaran yang dirujuk oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

4. Laporan kepada Lembaga Pengarah

Jika perlu, Jawatankuasa hendaklah membuat laporan kepada Lembaga Pengarah mengenai sumber manusia dan perihal ganjaran serta prestasi pihak Pengurusan dalam hal ini.

5. Pemberian Bonus

Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula dan meluluskan pemberian bonus kepada setiap kakitangan sebagaimana yang disyorkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

6. Objektif dan Penilaian Ketua Pegawai Eksekutif

Jawatankuasa hendaklah:

- Mengkaji semula pernyataan objektif tahunan untuk Ketua Pegawai Eksekutif dan mengesyorkannya kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan; dan
- Mengkaji semula prestasi Ketua Pegawai Eksekutif berdasarkan penilaian oleh Pengerusi Lembaga Pengarah, dengan mengambil kira pernyataan objektif dan sebarang faktor lain yang relevan. Sekiranya ada, Jawatankuasa hendaklah mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah mengenai ganjaran dan bonus Ketua Pegawai Eksekutif.

7. Aduan

Jawatankuasa hendaklah bertindak sebagai perantara hubungan awal pada peringkat Lembaga Pengarah bagi sebarang aduan mengenai Ketua Pegawai Eksekutif yang sampai kepada pengetahuan Lembaga Pengarah dengan pemahaman bahawa mekanisme resolusi yang lazim hendaklah diikuti dan aduan akan hanya dibawa ke hadapan apabila proses rayuan yang lain telah gagal, melainkan ia dinyatakan dengan jelas dalam mana-mana Piagam atau dasar lain Lembaga Pengarah.

LAMPIRAN

PIAGAM JAWATANKUASA AUDIT

A. MANDAT

Menurut Seksyen 7 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) boleh menubuhkan sebarang jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau sesuai bagi pelaksanaan fungsi-fungsinya. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa adalah perlu suatu jawatankuasa audit ditubuhkan.

B. OBJEKTIF

Objektif Jawatankuasa Audit (Jawatankuasa) Lembaga Pengarah PIDM adalah untuk memastikan bahawa pengauditan, prinsip dan amalan perakaunan adalah selaras dengan amalan terbaik antarabangsa dan Malaysia serta mematuhi kesemua keperluan perundangan. Oleh yang demikian, objektif utama Jawatankuasa adalah untuk membantu Lembaga Pengarah mengawasi: integriti penyata kewangan PIDM; proses pelaporan kewangan; sistem kawalan dalaman bagi perakaunan dan kewangan; pelaksanaan fungsi audit dalaman PIDM; pengenalpastian dan pengurusan risiko utama PIDM; dan pematuhan PIDM kepada polisi yang berkaitan dengan etika serta keperluan perundangan dan pengawalseliaan.

C. PRINSIP OPERASI

1. (a) Fungsi dan Komposisi

Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga ahli Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Setiap ahli Jawatankuasa mestilah bebas daripada pihak Pengurusan. Jawatankuasa akan menjalankan apa-apa fungsi yang ditugaskan atau diwakilkan kepadanya oleh Lembaga Pengarah.

(b) Kecekapan

Semua ahli Jawatankuasa yang dilantik hendaklah sama ada:

- arif dalam bidang kewangan semasa pelantikan iaitu mempunyai kefahaman asas tentang kewangan dan perakaunan serta berkebolehan membaca dan memahami asas penyata kewangan termasuklah kunci kira-kira, penyata pendapatan dan penyata aliran tunai; atau

- memperoleh pengetahuandalam bidang kewangan dalam tempoh masa yang munasabah selepas pelantikan sebagai ahli Jawatankuasa.

Tertakluk kepada kepakaran yang ada, sekurang-kurangnya seorang ahli Jawatankuasa mestilah mempunyai kepakaran dalam bidang kewangan. "Kepakaran kewangan" bermaksud seseorang yang mempunyai ciri-ciri berikut: latar belakang dalam bidang perakaunan atau pengalaman berkaitan pengurusan kewangan termasuk sebarang pengalaman atau latar belakang yang memperlihatkan pengetahuan kewangan individu itu, termasuk menjadi atau pernah menjadi seorang juruaudit, ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai kewangan atau pegawai kanan lain yang bertanggungjawab menyelia urusan kewangan.

Jika perlu, ahli Jawatankuasa akan meningkatkan pengetahuan mereka tentang amalan kewangan, perakaunan dan bidang lain yang berkaitan dengan mengikuti perkembangan arah aliran dan amalan terbaik termasuk mempertimbangkan isu semasa dan aplikasinya kepada PIDM serta dengan mengambil bahagian dalam sesi pendidikan atau peluang latihan lain.

2. Pengerusi

Pengerusi merupakan Pengarah bukan *ex-officio* yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.

3. Kuorum

Kehadiran dua orang ahli membentuk kuorum bagi sesuatu mesyuarat Jawatankuasa.

4. Pengundian

Sesuatu perkara yang dibentangkan untuk pengundian pada sesuatu mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diputuskan mengikut bilangan undi majoriti dan sekiranya bilangan undi yang sama banyak diperolehi, Pengerusi Jawatankuasa mempunyai undi kedua.

5. Prosedur dan Pengelolaan Mesyuarat

Tertakluk kepada sebarang resolusi daripada Lembaga Pengarah berkenaan sesuatu perkara, Pengerusi hendaklah menentukan prosedur dan pengelolaan mesyuarat Jawatankuasa.

LAMPIRAN

PIAGAM JAWATANKUASA AUDIT

6. Setiausaha dan Minit

Setiausaha Perbadanan hendaklah menjadi setiausaha Jawatankuasa. Salinan minit hendaklah dihantar oleh Setiausaha Perbadanan kepada semua ahli Lembaga Pengarah apabila diluluskan oleh Jawatankuasa.

7. Ke kerap an dan Panggilan Mesyuarat

Jawatankuasa akan bermesyuarat mengikut budi bicara Pengerusi Jawatankuasa tetapi kekerapannya mestilah tidak kurang daripada empat kali setiap tahun.

8. Notis Mesyuarat

Tempoh notis wajar untuk memanggil mesyuarat Jawatankuasa ialah sekurang-kurangnya 14 hari atau notis yang lebih singkat sebagaimana yang dipersetujui oleh Jawatankuasa.

9. Ketua Audit Negara

Ketua Audit Negara, menurut Akta Audit 1957 (Pindaan 1972):

(i) berhak menerima notis bagi setiap mesyuarat Jawatankuasa yang mana perbelanjaannya ditanggung oleh PIDM untuk menghadiri dan didengari pada setiap mesyuarat dan akan dijemput menghadiri setiap mesyuarat Jawatankuasa; dan

(ii) boleh memanggil mesyuarat Jawatankuasa.

10. Mesyuarat Sulit

Jawatankuasa boleh bermesyuarat secara sulit sebagai suatu jawatankuasa dan secara berkala dengan pihak Pengurusan, Ketua Audit Negara dan ketua fungsi audit dalaman dalam sesi sulit yang berasingan.

11. Agenda Mesyuarat

Agenda bertulis bagi setiap mesyuarat Jawatankuasa berserta bahan berkaitan, jika ada, akan diedarkan kepada ahli Jawatankuasa sekurang-kurangnya lima hari sebelum tarikh mesyuarat.

12. Kehadiran Tambahan

Mana-mana pihak yang mempunyai maklumat yang akan memanfaatkan Jawatankuasa dalam menjalankan tugasnya boleh dijemput oleh Pengerusi untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Jawatankuasa.

13. Terma Pelantikan / Penggiliran Anggota Jawatankuasa

Ahli Jawatankuasa hendaklah diganti mengikut kesesuaian dan secara tetap. Penggantian itu hendaklah dibuat secara bergilir-gilir untuk memastikan bahawa keseluruhan ahli Jawatankuasa tidak diganti dalam satu masa.

14. Pelaporan

Jika perlu, Jawatankuasa akan membuat laporan bertulis atau lisan mengenai setiap mesyuarat Jawatankuasa pada mesyuarat tetap Lembaga Pengarah yang berikutnya atau sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga Pengarah.

15. Kajian Semula Piagam

Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula dan menilai kesesuaian Piagam ini pada setiap tahun. Sekiranya Jawatankuasa berpendapat bahawa pindaan perlu dibuat, Jawatankuasa hendaklah mengesyorkan pindaan ini untuk kelulusan Lembaga Pengarah.

16. Penilaian Kendiri

Penilaian Jawatankuasa hendaklah dilakukan secara tetap yang mana Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula prestasinya, antara lain bagi menilai sama ada Jawatankuasa telah memenuhi tanggungjawab dan tugas yang disebutkan dalam Piagam ini.

17. Pendedahan

Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa Piagam ini dan isi kandungannya didedahkan secara umum.

18. Penasihat Bebas atau Penasihat Lain

Jawatankuasa mempunyai kuasa memperoleh khidmat penasihat luaran, termasuk tetapi tidak terhad kepada penasihat, perunding audit bebas dan/atau pakar lain yang diperlukan bagi mengkaji semula hal di bawah tanggungjawabnya, mengikut ketetapan atau dasar Lembaga Pengarah yang relevan.

D. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UTAMA

1. Nasihat dan Syor kepada Lembaga Pengarah

Jawatankuasa bergantung pada kepakaran pihak Pengurusan, fungsi audit dalaman PIDM dan Ketua Audit Negara dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Walaupun Jawatankuasa tidak menjalankan audit dalaman, ia memantau audit yang dibuat dan menyemak laporan serta membuat

syasatan yang munasabah bagi membolehkannya memberi nasihat dan cadangan yang wajar kepada Lembaga Pengarah.

2. Penyiasatan

Jawatankuasa diberi kuasa untuk menyiasat sebarang perkara yang dibawa kepada perhatiannya dengan akses penuh kepada semua buku, rekod, kemudahan, Ketua Audit Negara dan kakitangan PIDM bagi membantu Lembaga Pengarah menjalankan peranan penyeliaannya. Jawatankuasa hendaklah mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah supaya penyiasatan khas dilakukan ke atas perkara yang difikirkan sesuai berdasarkan maklumat yang diberikan kepadanya.

3. Pelaporan Kewangan

Jawatankuasa hendaklah membantu Lembaga Pengarah memainkan peranan penyeliaannya terhadap pelaporan kewangan yang benar, tepat dan jelas, termasuk menyemak semula penyata kewangan tahunan PIDM serta laporan Perbincangan dan Analisis pihak Pengurusan sebelum memperoleh kelulusan Lembaga Pengarah dan membuat kajian semula yang sewajarnya ke atas penyediaan dan penyebaran maklumat kewangan bukan umum yang penting. Kajian semula dibuat sekiranya perlu, tetapi sekurang-kurangnya sekali setahun dan harus merangkumi perbincangan dengan pihak Pengurusan, fungsi audit dalaman dan Ketua Audit Negara berkenaan isu penting tentang prinsip perakaunan, dasar perakaunan PIDM serta anggaran dan pertimbangan penting yang dibuat oleh pihak Pengurusan, termasuk isu kualiti dan kebolehterimaan prinsip perakaunan yang diterima umum.

Selain pendedahan umum penyata kewangan tahunan PIDM, Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa terdapat prosedur yang mencukupi bagi kajian semula pendedahan umum maklumat kewangan PIDM yang diperolehi daripada penyata kewangan PIDM dan hendaklah menilai kesesuaian prosedur tersebut secara berkala.

4. Proses Pelaporan Kewangan, Dasar Perakaunan dan Struktur Kawalan Dalaman

Pihak Pengurusan bertanggungjawab dalam penyediaan, penyampaian dan integriti penyata kewangan PIDM dan penyenggaraan prinsip, dasar, kawalan dalaman dan prosedur pelaporan perakaunan dan kewangan yang dirangka bagi memastikan pematuhan kepada piawai

perakaunan dan undang-undang dan peraturan yang telah diguna pakai.

Jawatankuasa hendaklah mendapat pandangan pihak Pengurusan dan Ketua Audit Negara tentang langkah-langkah yang boleh diambil untuk memperbaiki kualiti prinsip perakaunan PIDM yang diguna pakai dalam laporan kewangannya, menyiasat pelaksanaan alternatif yang telah dipertimbangkan tetapi ditolak kemudiannya, mengkaji keagresifan atau konservatisme prinsip dan anggaran perakaunan PIDM, dan menyiasat situasi yang mana nasihat Ketua Audit Negara berkenaan perihal perakaunan atau pendedahan tidak diambil kira.

Secara khususnya, Jawatankuasa hendaklah membantu Lembaga Pengarah dalam penyediaan proses pelaporan kewangan PIDM termasuklah:

- menyemak dan menasihati Lembaga Pengarah mengenai penyata kewangan tahunan PIDM;
- menyemak dan menasihati Lembaga Pengarah berkenaan laporan audit tahunan Ketua Audit Negara;
- mengkaji perubahan utama yang berlaku kepada prinsip dan amalan pengauditan dan perakaunan PIDM sebagaimana yang dicadangkan oleh Ketua Audit Negara, fungsi audit dalaman atau pihak Pengurusan;
- memastikan bahawa pihak Pengurusan mempunyai dasar dan prosedur berkaitan kawalan dalaman yang mematuhi undang-undang, peraturan dan panduan yang diguna pakai bagi memberikan jaminan yang wajar tentang kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman PIDM; dan mengkaji semula laporan berkaitan daripada pihak Pengurusan dan fungsi audit dalaman tentang kawalan dalaman tersebut;
- mengkaji integriti proses dan struktur kawalan dalaman pelaporan kewangan PIDM;
- mengkaji proses berhubung perakuan Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan tentang integriti penyata kewangan PIDM;
- mengkaji semula rancangan bagi audit tahunan dengan menilai kewajaran skop dan rancangan audit serta menentukan sama ada PIDM menerima liputan audit dan usaha keseluruhan

LAMPIRAN

PIAGAM JAWATANKUASA AUDIT

yang sewajarnya, berpuas hati bahawa Ketua Audit Negara telah mempertimbangkan hasil kerja fungsi audit dalaman dalam membangunkan strategi audit keseluruhannya dan menilai tahap jaminan bahawa Lembaga Pengarah boleh mengambil alihnya daripada kerja Ketua Audit Negara. Oleh itu, Jawatankuasa hendaklah berpuas hati bahawa skop audit tidak terhad dalam apa-apa cara sekalipun dan bahawa bidang yang penting kepada Lembaga Pengarah diliputi dengan secukupnya;

- (h) mengkaji semula dan memantau pelaksanaan syor yang dibuat melalui audit tahunan oleh Ketua Audit Negara dan sebarang surat pengurusan yang disediakan oleh Ketua Audit Negara dan maklum balas pihak Pengurusan terhadap laporan dan surat tersebut;
- (i) memantapkan sistem pelaporan kepada Jawatankuasa oleh pihak Pengurusan, Ketua Audit Negara dan fungsi audit dalaman berkenaan pertimbangan penting yang dibuat dalam penyediaan penyata kewangan oleh pihak Pengurusan dan sebarang kerumitan yang dihadapi semasa kajian atau audit, termasuklah apa-apa sekatan ke atas skop kerja atau akses kepada maklumat yang dikehendaki; dan
- (j) melalui penyeliaan ke atas fungsi audit dalaman, berpuas hati bahawa PIDM menyenggarakan buku akaun, rekod berkaitan kawalan kewangan dan pengurusan serta sistem maklumat dan amalan pengurusan mengikut cara yang boleh memberikan jaminan yang wajar bahawa:
 - (i) aset PIDM dilindungi dan terkawal;
 - (ii) transaksi PIDM adalah mengikut kehendak Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980, peruntukan perundangan, arahan, pekeliling atau garis panduan lain yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan atau Jabatan Perdana Menteri; dan
 - (iii) sumber kewangan, manusia dan fizikal PIDM diuruskan dengan cermat dan efisien dan operasi PIDM dijalankan dengan berkesan.

5. Pengawasan Pengurusan Kewangan dan Strategik

- (a) Rancangan Korporat dan Bajet Modal Operasi – semakan semula dan cadangan kepada Lembaga Pengarah berhubung dengan rancangan korporat Perbadanan dan memantau serta memaklumkan kepada Lembaga Pengarah berkaitan prestasi pihak Pengurusan berbanding rancangan tersebut.
- (b) Pembiayaan – mengkaji dan menasihati Lembaga Pengarah berhubung dengan dasar dan prosedur PIDM yang berkaitan dengan terma dan syarat pembiayaan luaran yang hendak dibuat atau diambil oleh PIDM melalui sekuriti hutang PIDM atau selainnya.
- (c) Pelaburan – mengkaji dan menasihati Lembaga Pengarah berkenaan dasar dan prosedur PIDM yang berkaitan dengan terma dan syarat pelaburan aset tunai PIDM dalam sekuriti jangka pendek dan jangka panjang.
- (d) Perbelanjaan Pengerusi dan Pegawai – menerima laporan daripada pihak Pengurusan dan menyemak laporan daripada fungsi audit dalaman dan/atau Ketua Audit Negara tentang semakan mereka ke atas akaun perbelanjaan Pengerusi dan Pegawai PIDM.

6. Fungsi Audit Dalaman

Fungsi audit dalaman adalah untuk menyasiat serta memberi maklumat dan jaminan kepada Jawatankuasa dan pihak Pengurusan tentang buku akaun dan rekod PIDM; keberkesanan dan prestasi kawalan kewangan dan pengurusan; sistem maklumat dan amalan pengurusan; serta jaminan bahawa operasi PIDM dijalankan secara efektif mengikut perundangan yang berkaitan.

Bagi memenuhi tanggungjawabnya, fungsi audit dalaman memerlukan status bebas bagi melaporkan secara langsung kepada Jawatankuasa, dan dari segi pentadbiran kepada Ketua Pegawai Eksekutif. Hubungan ini memerlukan Jawatankuasa dan fungsi audit dalaman mempunyai akses secara langsung tanpa sekatan antara satu sama lain.

Jawatankuasa Audit menyelia audit dalaman Perbadanan. Tanggungjawab khusus Jawatankuasa termasuklah:

- (a) mengkaji semula mandat fungsi audit dalaman setiap tahun;

- (b) menilai keupayaan fungsi audit dalaman;
- (c) mengkaji semula kebebasan fungsi audit dalaman dan struktur pelaporannya;
- (d) mengkaji rancangan fungsi audit dalaman, bajet, kualiti dan kuantiti kakitangan dan sumber lain yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya dengan berkesan;
- (e) mengkaji prestasi fungsi audit dalaman termasuk prestasi terhadap rancangan audit dan bajetnya;
- (f) mengkaji laporan fungsi audit dalaman;
- (g) memantau pelaksanaan laporan dan syor fungsi audit dalaman;
- (h) memastikan koordinasi fungsi audit dalaman dengan audit Ketua Audit Negara dan pemeriksaan khas tahunan; dan
- (i) mengkaji operasi keseluruhan fungsi audit dalaman dengan mengambil kira mandatnya dan piawaian audit dalaman semasa.

7. Pengurusan Risiko

Fungsi pengurusan risiko organisasi menyediakan nasihat bebas, memantau dan menyenggara rangka kerja pengurusan risiko organisasi Perbadanan, menggalakkan pengurusan efektif bagi semua kategori risiko dan memupuk serta mengekalkan budaya risiko efektif dalam operasi Perbadanan.

Ketua Pegawai Risiko, sebagai ketua fungsi pengurusan risiko organisasi, bertanggungjawab melaksana, membangun dan menyenggara rangka kerja pengurusan risiko organisasi bagi Perbadanan. Fungsi pengurusan risiko organisasi membantu dan menyediakan maklumat kepada Jawatankuasa berhubung semua aktiviti pengurusan risiko organisasi dan hasil proses pengurusan risiko organisasi, iaitu, pengenalan, penaksiran, penilaian, pengendalian, pemantauan dan komunikasi risiko utama yang memberi kesan kepada Perbadanan. Fungsi pengurusan risiko organisasi juga menyediakan penilaian bebas berhubung keupayaan pengurusan risiko Perbadanan, dan mengesyorkan cadangan untuk menambah baik keupayaan ini, mengikut kesesuaian. Ketua Pegawai Risiko bertanggungjawab membuat pelaporan secara tetap kepada Jawatankuasa serta kepada Lembaga Pengarah.

Bagi menunaikan tanggungjawabnya dengan efektif, Ketua Pegawai Risiko memerlukan status bebas, dan justeru itu, melapor secara fungsian terus kepada Jawatankuasa dan melapor dari segi pentadbiran kepada Ketua Pegawai Eksekutif. Hubungan ini memerlukan bahawa Jawatankuasa dan Ketua Pegawai Risiko mempunyai akses tanpa had kepada antara satu sama lain secara langsung.

Jawatankuasa juga bertanggungjawab bagi pengawasan tugas fungsi pengurusan risiko organisasi dan bagi prestasi dan pengawasan Ketua Pegawai Risiko, dan perlu memastikan fungsi pengurusan risiko organisasi mempunyai sumber yang berkualiti dan mencukupi, bagi memenuhi peranannya. Pengerusi Jawatankuasa perlu dirunding sebelum pelantikan atau penamatan perkhidmatan Ketua Pegawai Risiko dan hendaklah mengadakan temu duga pelantikan dan penamatan perkhidmatan dengannya.

Jawatankuasa hendaklah:

- (a) memastikan bahawa dasar, garis panduan dan amalan yang utuh dilaksanakan bagi pengurusan risiko korporat yang penting;
- (b) menerima maklumat yang mencukupi bagi memahami keadaan dan magnitud risiko penting yang dihadapi oleh PIDM;
- (c) mengkaji semula bersama pihak Pengurusan dan menasihati Lembaga Pengarah tentang dasar dan garis panduan yang dibangunkan dan dilaksanakan bagi mengurus pendedahan risiko PIDM, serta mengkaji semula dasar dan garis panduan itu sekurang-kurangnya sekali setahun bagi memastikan bahawa ia masih sesuai dan berhemat;
- (d) mendapatkan jaminan yang wajar secara tetap bahawa dasar dan garis panduan pengurusan risiko penting PIDM dipatuhi;
- (e) melaporkan kepada Lembaga Pengarah tentang: profil risiko penting; pelan dan kawalan mitigasi bagi menguruskan risiko penting; dan keberkesanan keseluruhan proses pengurusan risiko itu;
- (f) mempertimbangkan peranan Ketua Audit Negara dan fungsi audit dalaman secara berkala berkenaan pengurusan risiko dalam PIDM dan menilai prestasi Ketua Audit Negara

LAMPIRAN

PIAGAM JAWATANKUASA AUDIT

dan fungsi audit dalaman pada setiap tahun berhubung peranan itu; dan

- (g) meminta laporan daripada fungsi audit dalaman yang mengesahkan penilaian risiko pihak Pengurusan.

8. Pematuhan Etika dan Undang-Undang

Jawatankuasa hendaklah:

- (a) mengkaji semula bersama penasihat PIDM sebarang perkara perundangan yang boleh memberikan kesan ketara kepada penyata kewangan PIDM;
- (b) memastikan pengawasan etika dan integriti serta pengekal reputasi PIDM dengan menerima laporan tentang pematuhan dasar atau kod amalan urusan dan etika kelakuan PIDM daripada pihak Pengurusan dan apa-apa perkara lain yang boleh mendatangkan liabiliti kepada PIDM; dan dengan mengkaji mana-mana laporan yang diterima daripada fungsi audit dalaman, Ketua Audit Negara dan/atau Pengerusi Jawatankuasa lain tentang kajian pematuhan;
- (c) memastikan terdapat sistem bagi memantau pematuhan PIDM terhadap undang-undang dan peraturan serta mendapatkan laporan pada setiap tahun bahawa PIDM mematuhi kehendak perundangan yang diguna pakai;

- (d) menyemak hasil penyiasatan pihak Pengurusan dan tindakan yang diambil berkaitan mana-mana kawalan dalaman atau perkara perakaunan yang boleh dipersoalkan;

- (e) memantapkan dan mengkaji semula dari semasa ke semasa, proses bagi (i) penerimaan, penyimpanan dan layanan aduan atau perkara berkenaan perakaunan, kawalan dalaman atau pengauditan; (ii) pengemukaan rahsia dan tanpa nama, mengikut dasar korporat yang mantap oleh kakitangan PIDM berkaitan perkara perakaunan atau pengauditan yang boleh dipersoalkan; dan (iii) penerimaan, penyimpanan dan layanan aduan berkaitan Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan PIDM. Jawatankuasa juga memantapkan dan mengkaji semula dari semasa ke semasa, proses bagi penilaian, penyiasatan dan resolusi berkenaan perakaunan, kawalan dalaman atau pengauditan yang boleh dipersoalkan; dan

- (f) menyiasat apa-apa dakwaan bahawa mana-mana pegawai atau pengarah PIDM atau pihak lain yang bertindak di bawah arahan mereka telah mengambil tindakan untuk mempengaruhi, memaksa, memanipulasi atau mengelirukan pihak yang dilantik untuk melaksanakan audit penyata kewangan PIDM bagi tujuan menyebabkan penyata kewangan itu mengelirukan dan mengambil atau mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah tindakan disiplin yang sewajarnya jika dakwaan itu dibuktikan benar.

LAMPIRAN

KAD SKOR KORPORAT 2010 - 2012

OBJEKTIF KORPORAT	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (PPU)	SASARAN				
		2010	2011	2012		
Pemegang Kepentingan	A Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat	1	Indeks kesedaran awam (kesedaran umum mengenai insurans deposit)	35%	40%	45%
		2	Berinteraksi dengan pemegang kepentingan yang lain			
			Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:			
			a. Mengkaji semula dan melaksanakan Rancangan Komunikasi Bersepadu (termasuk memenuhi objektif Jaminan Deposit Kerajaan):			
			i. Melaksanakan program pengiklanan tahunan	Disempurnakan	Disempurnakan	Disempurnakan
			ii. Melaksanakan program perhubungan awam tahunan	Disempurnakan	Disempurnakan	Disempurnakan
			iii. Melaksanakan program interaksi dengan pemegang kepentingan tahunan	Disempurnakan	Disempurnakan	Disempurnakan
			b. Melaksanakan program pendidikan	Dilaksanakan	Kajian semula & dilaksanakan	Kajian semula & dilaksanakan
			c. Melaksanakan dan mentadbir program biasiswa tahunan	Dilaksanakan	Dilaksanakan	Dilaksanakan
			d. Membangunkan dan melaksanakan inisiatif peralihan daripada Jaminan Deposit Kerajaan termasuk kajian semula had dan skop perlindungan insurans deposit	Dibangunkan & dilaksanakan	Dilaksanakan	-
	e. Membangunkan dan melaksanakan polisi dan prosedur bagi Peraturan-Peraturan Peruntukan Maklumat	Dibangunkan	Dilaksanakan & dikuatkuasakan	Dilaksanakan & dikuatkuasakan		
B	Berkongsian efektif		Hubungan PIDM dengan:			
			a. Bank Negara Malaysia	Kukuh	Kukuh	Kukuh
			b. Institusi anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin	Memuaskan	Memuaskan	Memuaskan
			c. Penyedia perkhidmatan	Kukuh	Kukuh	Kukuh
			d. Penginsurans deposit yang lain	Kukuh	Kukuh	Kukuh
			5 Menyertai forum antarabangsa	Penyertaan aktif	Penyertaan aktif	Penyertaan aktif
	6	Bilangan rakan kongsi strategik				
	a. Mengembangkan dan mengekalkan pangkalan rakan kongsi strategik utama	Pangkalan dipertingkatkan	Pangkalan dipertingkatkan	Pangkalan dikekalkan		
Tadbir Urus dan Proses Dalaman	C Tadbir urus yang mantap		Penilaian Lembaga Pengarah terhadap:			
			a. Amalan terbaik tadbir urus yang diguna pakai dan dipatuhi	Tahap kepuasan tinggi	Tahap kepuasan tinggi	Tahap kepuasan tinggi
			b. Polisi dan amalan utama yang diguna pakai dan dipatuhi	Tahap kepuasan tinggi	Tahap kepuasan tinggi	Tahap kepuasan tinggi
			c. Maklumat terkini dan relevan serta kualiti cadangan yang disyorkan oleh Pengurusan kepada Lembaga Pengarah untuk membuat keputusan yang bermaklumat dan memenuhi tanggungjawab	Tahap kepuasan tinggi	Tahap kepuasan tinggi	Tahap kepuasan tinggi
			Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:			
			a. Polisi dan amalan Pengurusan Risiko Organisasi peringkat Lembaga Pengarah	Dibangunkan & dilaksanakan	Kajian semula & dipertingkatkan	Kajian semula & dipertingkatkan
			b. Mencadangkan pindaan kepada Akta PIDM dan undang-undang berkaitan	Mencadangkan pindaan-pindaan perundangan	-	-
			c. Penglibatan dalam Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan	Penyertaan aktif	Penyertaan aktif	Penyertaan aktif
			Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:			
			a. Mengkaji semula rangka kerja Sistem Premium Berbeza dan Jumlah Deposit yang Diinsuranskan termasuk proses pengesahan	Kajian semula & dipertingkatkan	Dilaksanakan	Dilaksanakan
	b. Mengkaji semula dan mempertingkatkan Rangka Kerja Penilaian Risiko dan Pemantauan yang komprehensif	Kajian semula & dipertingkatkan	Dilaksanakan	Dikekalkan		
	c. Membangunkan dan melaksanakan Sistem Isyarat Awal	Fasa 1 dibangunkan	Fasa 1 dibangunkan & dilaksanakan	Fasa 2 dibangunkan		
	d. Membangunkan dan melaksanakan komponen Rangka Kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank termasuk proses, polisi dan prosedur	Dibangunkan	Dibangunkan & dilaksanakan	Kajian semula & dipertingkatkan		
	e. Membangunkan dan melaksanakan polisi dan peraturan-peraturan bagi institusi anggota:					
	i. Garis panduan/peraturan-peraturan faedah dan pulangan boleh dibayar	Dibangunkan & dilaksanakan	Dilaksanakan	Kajian semula & dipertingkatkan		
	ii. Surcuj premium	Dibangunkan & dilaksanakan	Kajian semula & dipertingkatkan	Kajian semula & dipertingkatkan		
	iii. Mengkaji selidik keperluan prinsip teras untuk amalan urusan dan kewangan mantap bagi institusi anggota	Penyelidikan	Dibangunkan	Dilaksanakan		

LAMPIRAN

KAD SKOR KORPORAT 2010 - 2012

OBJEKTIF KORPORAT	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (PPU)	SASARAN		
		2010	2011	2012
D Penilaian risiko, pemantauan dan keupayaan resolusi yang kukuh	f. Membangunkan dan melaksanakan sistem, polisi dan prosedur Pembayaran Balik Deposit:			
	i. Fasa 1 – Membangunkan Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit dan Sistem Pengurusan Sokongan Pendeposit	Simulasi & dipertingkatkan	Dilaksanakan	Dikekalkan
	ii. Fasa 2 – Membangunkan Sistem Pengurusan Pembayaran Balik Deposit dan Sistem Repositori Produk	Dibangunkan & dilaksanakan	Simulasi & dipertingkatkan	Dilaksanakan
	iii. Fasa 3 – Membangunkan Pangkalan Data Deposit Dinamik	-	Dibangunkan & dilaksanakan	Dikekalkan
	g. Program pematuhan bagi institusi anggota untuk mematuhi Akta PIDM dan peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh PIDM	Dibangunkan	Dibangunkan & dilaksanakan	Kajian semula & dipertingkatkan
	h. Menubuhkan Syarikat Pengurusan Aset	Dibangunkan	Dilaksanakan	-
	10 Perbezaan perbelanjaan sebenar berbanding bajet yang diluluskan	±10% perbezaan	±10% perbezaan	±10% perbezaan
	Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:			
	a. Membangunkan dan melaksanakan rangka kerja pembiayaan: Fasa 1: Pembiayaan daripada Kerajaan Fasa 2: Pembiayaan daripada pasaran modal	Fasa 1 disempurnakan & Fasa 2 dibangunkan	Fasa 2 disempurnakan	Kajian semula & dipertingkatkan
	b. Membangunkan dan melaksanakan rangka kerja bagi:			
i. Dana Sasaran dan Peruntukan	Dibangunkan & dilaksanakan	Kajian semula & dipertingkatkan	Dikekalkan	
12 Pematuhan kawalan dalaman	Kukuh	Kukuh	Kukuh	
13 Kaji selidik dalaman bagi menilai kepuasan dengan tahap perkhidmatan antara Bahagian	75%	75%	75%	
E Amalan urusan dan kewangan yang mantap	Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:			
	a. Melaksanakan inisiatif Pelan Strategik Teknologi Maklumat tahunan	Disempurnakan	Disempurnakan	Disempurnakan
	b. Membangunkan dan melaksanakan Rancangan Kesenambungan Urusan dan Pemulihan Bencana:			
	i. Rancangan Kesenambungan Urusan	Diuji & dipertingkatkan	Diuji & dipertingkatkan	Diuji & dipertingkatkan
	ii. Rancangan Pemulihan Bencana dan infrastruktur	Dibangunkan & dilaksanakan	Diuji & dipertingkatkan	Diuji & dipertingkatkan
	c. Membangunkan Manual Komunikasi Krisis	Disempurnakan	Simulasi & dipertingkatkan	Simulasi & dipertingkatkan
	d. Membangunkan dan melaksanakan Sistem Maklumat Sumber Manusia	Fasa 2 dilaksanakan & Fasa 3 dibangunkan	Fasa 3 dilaksanakan & dipertingkatkan	Kajian semula & dipertingkatkan
	e. Membangunkan dan melaksanakan Rangka Kerja dan Sistem Pengurusan Pengetahuan:			
	i. Fasa 1 – Membangunkan dan melaksanakan Rangka Kerja Pengurusan Pengetahuan	dibangunkan & dilaksanakan	-	-
	ii. Fasa 2 – Membangunkan dan melaksanakan polisi, proses dan infrastruktur Pengurusan Pengetahuan	-	Dibangunkan & dilaksanakan	Kajian semula & dipertingkatkan
	f. Melaksanakan Portal Enterpris Korporat	Fasa 2 dibangunkan & dilaksanakan	Kajian semula & dipertingkatkan	-
	g. Membangunkan sistem pengurusan maklumat eksekutif	Dibangunkan	Dibangunkan & dilaksanakan	Kajian semula & dipertingkatkan
	h. Memperoleh infrastruktur tambahan (ruang pejabat, sistem Teknologi Maklumat, proses dan keperluan organisasi yang lain)	Diperoleh	-	-
F Tenaga kerja yang berpengetahuan dan cekap	15 Pelaksanaan rancangan pembangunan dan pembelajaran tahunan	80% rancangan dilaksanakan	80% rancangan dilaksanakan	80% rancangan dilaksanakan
	Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:			
16 a. Membangunkan dan melaksanakan perancangan pengurusan penggantian berdasarkan rangka kerja yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah yang disepadukan dengan model kecekapan	Dilaksanakan	Dilaksanakan	Dilaksanakan	
G Persekitaran korporat yang kondusif	17 Indeks kepuasan kerja kakitangan	75%	75%	75%
	Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:			
18 a. Melaksanakan program berkaitan kakitangan bagi menggalakkan persekitaran korporat yang kondusif	Disempurnakan	Disempurnakan	Disempurnakan	

LAMPIRAN

RINGKASAN POLISI UTAMA YANG DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2009

POLISI DAN PROSEDUR BAGI PENDEDAHAN AWAM MAKLUMAT

Polisi Komunikasi kami menggariskan objektifnya, antara lain, untuk:

- Mewujudkan kesedaran dan pemahaman terhadap mandat Perbadanan melalui penyebaran maklumat yang betul, tepat pada masanya dan relevan ke arah memenuhi keperluan pemegang kepentingan dan orang awam bagi membantu mereka membuat keputusan berasaskan maklumat mengenai simpanan dan pelaburan mereka; dan
- Menggalakkan kebertanggungjawaban menerusi ketelusan dalam pelaksanaan mandat dan peranan PIDM dan memudahkan akses kepada PIDM oleh orang awam dan pemegang kepentingan bagi mendapatkan keyakinan dan sokongan mereka.

Polisi ini sejajar dengan mandat Perbadanan untuk menyumbang atau menggalakkan kestabilan sistem kewangan. Perbadanan memberikan penekanan utama dalam mewujudkan tahap kesedaran awam yang tinggi dan pemahaman mengenai mandat Perbadanan, dan terhadap pelaksanaan fungsinya, bagi memupuk keyakinan awam terhadap Perbadanan dan kestabilan sistem kewangan.

Pada masa yang sama, kami tertakluk kepada peruntukan seksyen 24 Akta PIDM, yang melarang pendedahan maklumat mengenai urusan dan hal ehwal Perbadanan, urusan dan hal ehwal Bank Negara Malaysia atau maklumat berkenaan dengan institusi anggota atau pelanggannya yang diperoleh dalam pelaksanaan tugas, melainkan pendedahan itu diperlukan semasa beliau menjalankan tugas atau melaksanakan fungsinya, atau sekiranya dikehendaki oleh mana-mana undang-undang atau mahkamah undang-undang.

Justeru, Polisi dan Prosedur bagi Pendedahan Awam Maklumat (Polisi Pendedahan) menggariskan kategori perkara (termasuk jenis maklumat kewangan) yang sesuai untuk disiarkan secara umum.

Polisi ini menyatakan pendekatan am bagi pendedahan dalam perkara-perkara utama ini:

- Maklumat dalam Laporan Tahunan;
- Maklumat selain yang terkandung dalam Laporan Tahunan — Maklumat am mengenai PIDM;
- Maklumat mengenai Institusi Anggota;
- Maklumat mengenai Pendeposit;
- Maklumat kewangan selain yang terkandung dalam Laporan Tahunan; dan
- Maklumat berkaitan dengan Aktiviti Intervensi dan Resolusi Kegagalan Bank.

Polisi Pendedahan ini menyatakan larangan bagi pendedahan di bawah keadaan khusus; dan tambahan lagi, menggariskan prosedur kawalan dalaman bagi memastikan maklumat tidak - dengan cara yang tidak sengaja - didedahkan atau didedahkan dengan cara yang boleh memberi kesan buruk terhadap institusi anggota atau kestabilan sistem kewangan.

Polisi dan Prosedur bagi Pendedahan Awam Maklumat boleh didapati di laman web PIDM di www.pidm.gov.my.

LAMPIRAN

FAKTA MENGENAI JAMINAN DEPOSIT KERAJAAN SEMENTARA

<p>Deposit yang dijamin</p> <p>Semua deposit termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Deposit tetap, akaun semasa, akaun simpanan, akaun bersama dan akaun amanah • Semua deposit Islam (berstruktur atau tidak berstruktur) • Deposit berstruktur konvensional yang prinsipalnya dijamin • Deposit mata wang asing • Instrumen deposit boleh niaga yang dipegang oleh institusi atau entiti bukan bank 	<p>Deposit yang tidak dijamin</p> <ul style="list-style-type: none"> • Produk berstruktur konvensional yang prinsipalnya tidak dijamin • Deposit yang dibayar di luar Malaysia • Peletakan dana di pasaran wang antara bank • Instrumen deposit boleh niaga yang dipegang oleh bank • Perjanjian beli balik
<p>Institusi kewangan yang diberi jaminan deposit</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kesemua 22 bank perdagangan dan 17 bank Islam termasuk bank domestik dan bank asing yang diperbadankan di Malaysia • Kesemua 15 bank pelaburan • 3 bank Islam antarabangsa, iaitu Unicorn International Islamic Bank Malaysia Berhad, PT. Bank Syariah Muamalat Indonesia, Tbk dan Al Rajhi Banking & Investment Corporation • 5 institusi kewangan pembangunan yang menerima deposit, iaitu Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank), Bank Simpanan Nasional, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) dan Bank Pertanian Malaysia Berhad (AgroBank). 	<p>Adakah cawangan dan subsidiari bank domestik di luar Malaysia dijamin?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tidak, tetapi mereka mungkin dijamin oleh jaminan sementara atau skim insurans atau perlindungan deposit di negara mereka beroperasi. <p>Had jaminan deposit</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jumlah penuh deposit dan instrumen terjamin yang dipegang di institusi kewangan yang dijamin. <p>Adakah jaminan ini sementara atau kekal?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jaminan ini adalah langkah sementara yang berkuatkuasa sehingga 31 Disember 2010.

LAMPIRAN

SOALAN LAZIM MENGENAI JAMINAN DEPOSIT KERAJAAN SEMENTARA

1. Apakah yang dilindungi di bawah jaminan ini?

- Jaminan ini melindungi jumlah penuh deposit dan instrumen terjamin yang dipegang oleh institusi kewangan khusus¹.

2. Apakah jenis-jenis deposit yang dijamin?

Semua deposit termasuk:

- deposit tetap, akaun semasa, akaun simpanan, akaun bersama dan akaun amanah;
- semua deposit Islam (berstruktur atau tidak);
- deposit berstruktur konvensional yang prinsipalnya dijamin;
- deposit mata wang asing; dan
- instrumen deposit boleh niaga yang dipegang oleh institusi atau entiti bukan bank.

3. Apakah jenis-jenis deposit yang tidak dijamin?

Deposit yang tidak dijamin termasuk:

- produk berstruktur konvensional yang prinsipalnya tidak dijamin;
- deposit yang dibayar di luar Malaysia;
- peletakan dana di pasaran wang antara bank;
- instrumen deposit boleh niaga yang dipegang oleh bank; dan
- perjanjian beli balik.

4. Institusi kewangan manakah yang dijamin?

Institusi kewangan yang dijamin ialah:

- kesemua 22 bank perdagangan dan 17 bank Islam termasuk bank domestik dan bank asing yang diperbadankan di Malaysia;
- kesemua 15 bank pelaburan;
- tiga bank Islam antarabangsa, iaitu Unicorn International Islamic Bank Malaysia Berhad, PT. Bank Syariah Muamalat Indonesia, Tbk dan Al Rajhi Banking & Investment Corporation; dan

- lima institusi kewangan pembangunan yang menerima deposit, iaitu Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank), Bank Simpanan Nasional, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) dan Bank Pertanian Malaysia Berhad (AgroBank).

5. Adakah cawangan dan subsidiari bank domestik di luar Malaysia dijamin?

- Tidak, tetapi mereka mungkin dijamin oleh jaminan atau skim insurans atau perlindungan deposit di negara mereka beroperasi.

6. Saya bukanlah penduduk Malaysia. Adakah deposit saya dengan bank di Malaysia dijamin?

- Ya. Tempat anda menetap atau kewarganegaraan anda tidak diambil kira untuk jaminan ini.

7. Adakah jaminan ini suatu langkah sementara atau berkekalan?

- Jaminan ini merupakan suatu langkah sementara sehingga 31 Disember 2010.

8. Apakah peranan PIDM?

- Peranan kami adalah untuk mentadbir sistem insurans deposit dan Jaminan Kerajaan sementara. Kami bekerjasama dengan BNM untuk memastikan bahawa bank anggota kami dan institusi kewangan lain yang dijamin tidak terlibat di dalam pengambilan risiko yang berlebihan dan mempunyai modal yang mencukupi.

¹ Senarai institusi kewangan yang dijamin boleh didapati di muka surat 201.

LAMPIRAN

SOALAN LAZIM MENGENAI JAMINAN DEPOSIT KERAJAAN SEMENTARA

9. Adakah kadar premium untuk bank anggota akan ditukar atau fi akan dikenakan ke atas institusi kewangan lain yang dilindungi di bawah jaminan ini?

- Sistem premium berbeza akan terus dilaksanakan oleh PIDM. Sebagai tambahan, suatu fi akan dikenakan bagi jaminan Kerajaan yang disediakan kepada bank anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin.

10. Adakah institusi kewangan yang baru dijamin dikehendaki menjadi institusi anggota PIDM serta mematuhi peraturan dan undang-undang PIDM?

- Institusi kewangan selain bank perdagangan dan bank Islam, bukan institusi anggota PIDM. Walau bagaimanapun, semua institusi yang dijamin harus mematuhi peraturan-peraturan PIDM.

11. Apakah yang akan berlaku pada Januari 2011? Adakah PIDM akan kembali kepada had RM60,000? Adakah institusi yang diberi jaminan akan diterus dijamin?

- Jaminan sementara Kerajaan ini akan berakhir pada 31 Disember 2010. Kami bercadang untuk kembali kepada had dan perlindungan eksplisit di bawah sistem insurans deposit. PIDM akan memantau perkembangan dalam sistem perbankan serta menilai keperluan untuk meningkatkan had dan skop perlindungan sebelum berakhir jaminan ini.

LAMPIRAN

SENARAI INSTITUSI KEWANGAN YANG DIJAMIN DI BAWAH JAMINAN DEPOSIT KERAJAAN SEMENTARA

Bank-bank Perdagangan (22)

1. Affin Bank Berhad
2. Alliance Bank Malaysia Berhad
3. AmBank (M) Berhad
4. Bangkok Bank Berhad
5. Bank of America Malaysia Berhad
6. Bank of China (Malaysia) Berhad
7. Bank of Tokyo-Mitsubishi UFJ (Malaysia) Berhad
8. CIMB Bank Berhad
9. Citibank Berhad*
10. Deutsche Bank (Malaysia) Berhad*
11. EON Bank Berhad
12. Hong Leong Bank Berhad
13. HSBC Bank Malaysia Berhad
14. J.P. Morgan Chase Bank Berhad
15. Malayan Banking Berhad
16. OCBC Bank (Malaysia) Berhad
17. Public Bank Berhad
18. RHB Bank Berhad
19. Standard Chartered Bank Malaysia Berhad
20. The Bank of Nova Scotia Berhad
21. The Royal Bank of Scotland Berhad
22. United Overseas Bank (Malaysia) Berhad

* Institusi ini menyediakan perkhidmatan perbankan Islam

Bank-bank Pelaburan (15)

1. Affin Investment Bank Berhad
2. Alliance Investment Bank Berhad
3. AmInvestment Bank Berhad
4. CIMB Investment Bank Berhad
5. ECM Libra Investment Bank Berhad
6. Hong Leong Investment Bank Berhad
7. Hwang-DBS Investment Bank Berhad
8. KAF Investment Bank Berhad
9. Kenanga Investment Bank Berhad
10. Maybank Investment Bank Berhad
11. MIDF Amanah Investment Bank Berhad
12. MIMB Investment Bank Berhad
13. OSK Investment Bank Berhad
14. Public Investment Bank Berhad
15. RHB Investment Bank Berhad

Bank Islam Antarabangsa (3)

1. Unicorn International Islamic Bank Malaysia Berhad
2. PT. Bank Syariah Muamalat Indonesia, Tbk
3. Al Rajhi Banking & Investment Corporation

Bank- bank Islam (17)

1. Affin Islamic Bank Berhad
2. Alliance Islamic Bank Berhad
3. Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad
4. AmIslamic Bank Berhad
5. Asian Finance Bank Berhad
6. Bank Islam Malaysia Berhad
7. Bank Muamalat Malaysia Berhad
8. CIMB Islamic Bank Berhad
9. EONCAP Islamic Bank Berhad
10. Hong Leong Islamic Bank Berhad
11. HSBC Amanah Malaysia Berhad
12. Kuwait Finance House (M) Berhad
13. Maybank Islamic Berhad
14. OCBC Al-Amin Bank Berhad
15. Public Islamic Bank Berhad
16. RHB Islamic Bank Berhad
17. Standard Chartered Saadiq Berhad

Institusi Kewangan Pembangunan (5)

1. Bank Pembangunan Malaysia Berhad
2. Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank)
3. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat)
4. Bank Simpanan Nasional (BSN)
5. Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank)

LAMPIRAN

GLOSARI ISTILAH

Aset risiko berwajaran

Aset risiko berwajaran merujuk kepada konsep yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Basel untuk Penyeliaan Bank bagi menentukan nisbah kecukupan modal. Aset diwajibkan mengikut faktor yang mewakili tahap risiko dan potensi kemungkiran.

Bahaya moral

Insentif bagi pengambilan risiko tambahan yang boleh timbul daripada penyediaan insurans deposit atau jaminan deposit dan institusi-institusi kewangan tidak akan mengalami kerugian akibat pengambilan risiko ini.

Bantuan kewangan

Bentuk bantuan kewangan yang ditetapkan di bawah Seksyen 25(2)(a)(ii) hingga (iv) dan Seksyen 25(2)(e) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM) yang diperuntukkan bagi tujuan lanjutan matlamat Perbadanan dalam menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Basel II

Rangka Kerja Basel II menghuraikan ukuran dan piawaian minimum kecukupan modal yang lebih komprehensif yang kini diusahakan oleh badan-badan penguatkuasa penyeliaan kebangsaan untuk dilaksanakan melalui prosedur penggubalan peraturan dan pelaksanaan domestik. Basel II bertujuan menambah baik peraturan sedia ada dengan menyelaraskan keperluan modal pengawalseliaan dengan dasar-dasar risiko yang dihadapi oleh bank. Di samping itu, Rangka Kerja Basel II bertujuan menggalakkan pendekatan yang lebih berpandangan hadapan mengenai penyeliaan modal, yang membolehkan bank mengenal pasti risiko yang mungkin dihadapi, pada masa kini dan masa hadapan, dan membangunkan atau meningkatkan keupayaan mereka untuk menguruskan risiko tersebut. Dengan itu, Basel II bertujuan untuk lebih fleksibel dan dapat berkembang dengan kemajuan dalam pasaran dan amalan pengurusan risiko dengan lebih baik.

Dana Insurans Deposit Islam

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada bank-bank Islam anggota atau bank-bank perdagangan anggota yang menyediakan perkhidmatan perbankan Islam dan pulangan yang dibuat tolak kos langsung operasi sistem insurans deposit Islam.

Dana Insurans Deposit Konvensional

Semua premium yang diterima oleh PIDM dan faedah diperolehi ditolak kos langsung operasi sistem insurans deposit konvensional.

Dana Sasaran

Dana sasaran bagi sesebuah penginsurans deposit, pada umumnya, merupakan tahap dana terkumpul yang diperlukan bagi menanggung kerugian yang dijangkakan daripada penyediaan perlindungan insurans deposit.

Disiplin pasaran

Proses-proses seperti aktivisme pemegang kepentingan, pasaran bagi kawalan korporat (penyatuan dan pengambilalihan) dan kuasa persaingan lain yang menyediakan insentif bagi tadbir urus dan disiplin yang mantap.

Institusi anggota / Bank anggota

Institusi anggota ialah semua bank perdagangan (termasuk bank asing yang diperbadankan di Malaysia) yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 dan semua bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983. Keanggotaan diwajibkan di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005. Senarai penuh bank ini boleh didapati di muka surat 201.

Institusi kewangan lain yang dijamin

Institusi ini ialah institusi kewangan bukan anggota yang diberi perlindungan di bawah Jaminan Deposit Kerajaan, iaitu bank pelaburan, bank Islam antarabangsa dan institusi kewangan pembangunan yang menerima deposit dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Senarai penuh bank dan institusi kewangan ini boleh didapati di muka surat 201.

Institusi perantara (*Bridge institution*)

Sebuah institusi (berasingan daripada penginsurans deposit) yang akan mengambilalih dan menjalankan operasi sebahagian atau kesemua perniagaan, aset dan liabiliti institusi anggota yang mengalami kegagalan, dan terus menyediakan perkhidmatan kepada pendeposit, sehingga pembeli bagi perniagaan, aset dan liabiliti boleh dikenal pasti bagi membeli institusi perantara itu. Dalam bidang kuasa lain, institusi perantara sering digunakan sebagai pilihan resolusi bagi memelihara nilai francais institusi yang bermasalah, serta membolehkan peruntukan masa yang lebih lama untuk menangani masalah institusi dan mengenal pasti pembeli.

Intervensi dan resolusi kegagalan bank

Intervensi merujuk kepada tindakan yang diambil oleh PIDM ke atas sesebuah institusi anggota bagi menangani keprihatinan tertentu terhadap institusi anggota. Tindakan ini biasanya diambil sebelum sebarang resolusi kegagalan diambil ke atas institusi anggota tersebut. Resolusi kegagalan merujuk kepada tindakan dalam menangani sesebuah institusi anggota yang gagal yang telah diisytiharkan sebagai tidak berdaya maju.

Jaminan Deposit Kerajaan

Jaminan Deposit Kerajaan yang diumumkan oleh Kerajaan Malaysia pada 16 Oktober 2008 merupakan suatu jaminan deposit sementara yang memberi perlindungan sepenuhnya kepada deposit dan instrumen yang dijamin dalam institusi anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin. Jaminan Deposit Kerajaan ini merupakan suatu langkah awal dan berjaga-jaga sejajar dengan langkah yang diambil oleh negara jiran bagi mengekalkan keyakinan dalam sistem kewangan dan berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2010.

Jaringan keselamatan kewangan

Lazimnya merangkumi fungsi insurans deposit, pengawalseliaan berhemat dan pemberi pinjaman usaha akhir.

Jumlah Deposit yang Diinsuranskan

Jumlah deposit yang dilindungi oleh PIDM dalam institusi anggota.

Nisbah Kecukupan Modal

Nisbah kecukupan modal ialah nisbah modal pengawalseliaan sebuah bank terhadap pendedahan aset risiko berwajaran. Piawaian antarabangsa mengesyorkan nisbah minimum lapan peratus bertujuan untuk membolehkan bank menyerap kerugian tanpa menjadi insolven, bagi melindungi pendeposit.

Pembelian dan pengambilalihan

Satu kaedah resolusi yang melibatkan institusi kewangan yang kukuh atau sekumpulan pelabur yang membeli sebahagian atau kesemua aset serta mengambil alih sebahagian atau kesemua liabiliti, termasuk semua deposit yang diinsuranskan di sesebuah institusi anggota.

Pengambilalihan kawalan

Sebaik sahaja institusi anggota telah ditentukan oleh Bank Negara Malaysia sebagai tidak berdaya maju atau dijangka menjadi tidak berdaya maju, PIDM boleh mengambil alih kawalan sebahagian atau kesemua perniagaan, aset dan liabiliti institusi anggota yang tidak berdaya maju menurut Seksyen 71(1)(c) Akta PIDM, bagi melaksanakan intervensi atau resolusi kegagalan bank sejajar dengan mandatnya.

Penginsurans deposit yang meminimumkan risiko

Penginsurans deposit dengan kuasa untuk mengurangkan risiko-risiko yang dihadapi. Kuasa-kuasa ini boleh merangkumi keupayaan mengawal penyertaan dan penamatan keanggotaan dalam sistem insurans deposit, menilai dan mengurus risikonya dan menjalankan pemeriksaan ke atas bank, atau mengemukakan permintaan bagi pemeriksaan sedemikian dijalankan.

Pengurusan Pembayaran

Satu proses bagi mengendalikan pembayaran balik deposit kepada pendeposit yang diinsuranskan, termasuk menyediakan penyata pembayaran, menyimpan fail dokumen pembayaran dan memantau status pembayaran.

Pengurusan Risiko Organisasi

Rangka kerja ini diguna pakai secara menyeluruh dalam organisasi untuk memastikan dan menunjukkan bahawa risiko ketara sesebuah entiti dikenal pasti, dinilai, diurus, dipantau dan dilaporkan secara konsisten dan berterusan.

Penstrukturan semula

Kaedah resolusi yang melibatkan penstrukturan semula kedudukan kewangan sesebuah institusi anggota atau berkenaan dengan aspek bukan kewangan yang lain.

Perjanjian perwakilan (*Agency arrangements*)

Satu kaedah resolusi yang melibatkan perjanjian antara Perbadanan, institusi anggota dan bank wakil (perantara) dan di bawah perjanjian ini, bank wakil bertindak bagi pihak institusi anggota bagi mengendalikan pembubaran institusi anggota secara teratur dan memenuhi tuntutan pendeposit yang harus dibayar.

Portal enterpris

Portal enterpris ialah sistem untuk menyepadukan maklumat, insan dan proses. Portal ini membenarkan pengguna mengakses maklumat yang disimpan di dalam portal ini melalui satu saluran sahaja.

Prinsip Syariah

Undang-undang Islam, berasaskan al-Quran, *Sunnah* (hadis dan pelakuan Nabi Muhammad S.A.W), *Ijma'* (peretujuan cendekiawan Islam) dan *Qiyas* (perumpamaan).

Rangka Kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan

Rangka kerja yang akan memberi panduan kepada PIDM dalam pembangunan polisi dan prosedur operasi intervensi dan resolusi kegagalan bank. Rangka Kerja ini menggariskan pendekatan menyeluruh PIDM berhubung intervensi dan resolusi kegagalan serta polisi dan prosedur berkaitan dengan pelbagai tindakan dan pilihan yang sedia ada bagi membolehkan PIDM menangani institusi anggota yang bermasalah atau gagal.

Rancangan Komunikasi Bersepadu

Rancangan lima tahun ini mengenal pasti strategi dan inisiatif untuk meningkatkan pemahaman dan kesedaran sistem insurans deposit. Rancangan ini berasaskan dua teras utama: mewujudkan kesedaran mengenai sistem insurans deposit dan meningkatkan kredibiliti dan kewibawaan PIDM sebagai pentadbir sistem insurans deposit.

Sistem insurans deposit dengan perlindungan terhadap

Sistem insurans deposit yang melindungi deposit layak yang disimpan di institusi anggota sehingga had yang diperuntukkan oleh undang-undang atau had yang ditentukan.

Pembayaran Balik Deposit

Proses yang dilaksanakan oleh PIDM untuk membayar balik deposit yang diinsuranskan kepada pendeposit dalam institusi anggota yang tidak berdaya maju menurut Seksyen 55 dan 56 Akta PIDM.

Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit

Sistem dalam PIDM yang digunakan untuk memproses butiran terperinci dan akaun deposit yang dipegang oleh pendeposit, dengan tujuan mengira amaun jumlah deposit yang diinsuranskan mengikut entiti. Sistem ini mengendalikan proses yang termasuk pengagregatan akaun deposit bagi entiti yang sama, membuat pelarasan pembayaran, penahanan pembayaran dan penghasilan fail dokumen pembayaran bagi pemprosesan seterusnya oleh Pengurusan Pembayaran.

Sistem Pengurusan Sokongan Pendeposit

Sistem ini merupakan komponen komunikasi dalam Sistem Pembayaran Balik Deposit PIDM. Sekiranya berlaku pembayaran balik deposit, Pusat Panggilan PIDM, yang menguruskan komunikasi, pertanyaan dan permintaan daripada pendeposit, akan menggunakan sistem ini sebagai pengantara (*interface*) dengan Sistem Pembayaran Balik Deposit.

Sistem Premium Berbeza

Sistem yang mengenakan premium kepada institusi anggota pada kadar yang berbeza berdasarkan profil risiko masing-masing.

LAMPIRAN

BUTIR-BUTIR HUBUNGAN

Untuk maklumat lanjut mengenai PIDM

- Hubungi Pusat Panggilan Perkhidmatan Pelanggan kami
Talian bebas tol **1-800-88-1266**
8.30 pagi hingga 5.30 petang, Isnin hingga Jumaat
- Layari laman web kami di www.pidm.gov.my
- Emel kepada info@pidm.gov.my
- Tulis kepada:
Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Aras 19, 1 Sentral
Jalan Travers
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Telefon: 603-2173 7436
Faks: 603-2260 7431 / 7432

